

MELAKA Pusat Penyebaran ISLAM Di Nusantara

Dengan tulus ikhlas dan ihsan:
Institut Kajian Sejarah Dan
Patriotisme Malaysia (IKSEP)

Mohd. Jamil bin Mukmin



INSTITUT KAJIAN SEJARAH
DAN PATRIOTISME MALAYSIA (IKSEP)

Melaka

2004

Cetakan Pertama 1994
Cetakan Kedua 2004
Hakcipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada INSTITUT KAJIAN SEJARAH DAN PATRIOTISME MALAYSIA (IKSEP), Melaka.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Mohd. Jamil Mukmin, Datuk, 1945-

Melaka pusat penyebaran Islam di Nusantara / Mohd. Jamil bin Mukmin.

Bibliografi: ms.133

ISBN 983-260-08-X

1. Islam – Melaka – History. I. Judul.

959.5118

959.5118
mjm

Rekabentuk dan Cetakan oleh :

Unique Communications. Sdn. Bhd.

No. 73E, Puteri Park Plaza,

Taman Putra, 68000 Ampang Selangor

Tel/Fax : 603-4297 0849

Penerbit :

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)

Graha IKSEP, No. 6-1, Jalan Mutiara Melaka 3,

Taman Mutiara Melaka, Batu Berendam,

75350 Melaka

Tel : 06 – 3174475, 5450, 5324

Fax : 06 – 3172671

E-Mail : iksep@tm.net.my


<http://www.iksep.gov.my>

27 SEP 2004


NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01144529

MELAKA SEBAGAI PUSAT PENY



EBARAN ISLAM DI NUSANTARA



Gambaran Keagungan Empayar
Melaka Dalam Abad
Ke-15 Dan Awal Ke – 16

".... maka negeri Melaka pun besarlah. Maka segala dagang ... sekaliannya datang ke Melaka... Maka marzhurlah pada segala negeri dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar... Maka segala raja-raja sekalian pun datanglah ke Melaka menghadap Sultan ... Maka oleh baginda segala raja-raja yang datang itu dihormati baginda, dan dipersalini baginda dengan pakaian yang mulia-mulia... serta dianugerahi intan permata, emas dan perak."

Sejarah Melayu

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
DAFTAR PETA	viii
KATA-KATA ALUAN KETUA MENTERI MELAKA	x
SEKAPUR SIRIH	xiii
PENGENALAN	xv
NUSANTARA SEBELUM KEDATANGAN ISLAM	1
KEDATANGAN ISLAM KE NUSANTARA	27
KESULTANAN MELAYU MELAKA	42
✓ MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN ISLAM DI TANAH MELAYU	78
MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN ISLAM DI WILAYAH-WILAYAH LAIN DI NUSANTARA	109
✓ MELAKA SEBAGAI PUSAT ILMU PENGETAHUAN ISLAM	123
PENGARUH ISLAM DALAM SISTEM PERUNDANGAN MELAKA	132
PEMBAHARUAN YANG DIBAWA OLEH ISLAM DI MELAKA DAN WILAYAH-WILAYAH LAIN DI NUSANTARA	151
KEDUDUKAN ISLAM DI MALAYSIA DALAM ABAD KE-20 DAN AWAL ABAD KE-21	168
KEMAJUAN ISLAM DI MELAKA HARI INI	236
BIBLIOGRAFI PILIHAN	267

DAFTAR PETA

PERKARA	HALAMAN
Melaka sebagai Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara pada abad ke-15 dan awal abad ke-16	iv-v
Asia Tenggara, India dan Cina (menunjukkan perhubungan awal)	xviii
Empayar Funan	4
Empayar Srivijaya	9
Empayar Majapahit	18
Perjalanan Parameswara ke Melaka	25
Jalan Perdagangan Orang Arab ke Alam Melayu dan Negeri China	31
Peta perjalanan Batutah (1325-1354 Masihi)	36
Peta Lakar Asia Tenggara Menurut Butir-butir daripada Carta Pelayaran Sulaiman Al-Mahri. (Sumber : di sesuaikan dari G.R. (1979) <i>A Study Of The Taxis Containing Material On South East Asia</i> , E. J Brill, Lriden & London)	38
Empayar Melaka	50
Peta pelayaran Laksamana Cheng Ho atau Zheng He. Beliau pernah mengadakan Pelayaran sebanyak tujuh kali sepanjang hidup beliau ke Asia Tenggara, Asia Barat dan Afrika. Setiap pelayarannya beliau pasti singgah di Melaka	56
Perkembangan Islam di Asia Tenggara	61

Perjalanan Sultan Mahmud Syah berundur dari Melaka	75
Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur	80
Empayar Johor-Riau	170
Empayar Aceh	171
Empayar Brunei dalam Zaman Pemerintahan Sultan Bolkiah (T.M. 1485-1524)	172
Kawasan Pengaruh Islam di Filipina	174
Wilayah Islam Patani	177
Gambar menunjukkan peta Melaka yang bertarikh tahun 1676. (Sumber: Muzium Negara Malaysia)	181
Penjajahan Barat di Asia Selatan dan Asia Tenggara	187
Peta Melaka dalam konteks Malaysia sekarang	197
Peta Negeri Melaka	238

KATA-KATA ALUAN

Ketua Menteri Melaka



Saya mengucapkan terima kasih kepada penulis yang sudi menjemput saya untuk memberi kata-kata aluan bukunya *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara Mohd. Jamil bin Mukmin yang telah berjaya menerbitkan semula buku ini untuk Cetakan Kedua.

Kita sama-sama menyedari bahawa dalam zaman keagungan Empayar Melayu (Islam) Melaka pada abad ke-15 dan awal ke-16

Melaka bukan sahaja menjadi pusat perdagangan di rantau ini tetapi juga sebagai pusat penyebaran Islam yang utama. Menurut catatan orang Eropah umpamanya Duarte Barbosa (Portugis), Melaka disifatkan sebagai :

"...this city of Malacca is the richest seaport with the greatest number of wholesale merchants and abundance of shipping and trade that can be found in the whole world..."

(...Melaka adalah pelabuhan yang terkaya dengan jumlah peniaga borong yang terbesar dan jumlah perkapalan serta perdagangan yang terbanyak di dunia...)

Seorang lagi penulis Portugis Tome Pires pula menulis :

"Whoever is lord of Malacca has hand on the throat of Venice."

(Barang siapa menguasai Melaka, ia boleh mencekek Venice)

Beliau juga menulis,

"...in the port of Malacca very often eighty-four languages have been found spoken, everyone distinct...."

(...di pelabuhan Melaka lazimnya terdapat lapan puluh empat bahasa dipertuturkan, tiap-tiap satu berlainan...)

Penulis buku, *A History of South-East Asia*, D.G.E. Hall pula berkata :

"She (Malacca) was also the most important commercial center in South-East Asia as well as the main diffusion-centre of Islam."

(Melaka merupakan pusat perdagangan yang terpenting di Asia Tenggara dan juga sebagai pusat penyebaran Islam yang utama di rantau ini)

Penulis memfokuskan kepada tajuk *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara* ini untuk menyingskap secara menyeluruh dan mendalam tentang peranan yang dimainkan oleh Melaka dalam mengembangkan agama Islam di dunia sebelah sini yang dilihat adalah amat memberansangkan. Kita memang tidak dapat menafikan bahawa sebelum Empayar Melaka muncul kerajaan Samudera-Pasai (1280-1400M) adalah pusat penyebaran Islam. Selepas Melaka pula Aceh (1511-1620M), diikuti pula Pattani (1564-1782M), Johor-Riau (1650-1800M), Brunei, Demak dan Mindanao telah memainkan peranan penting di dalam penyebaran Islam ini. Walaubagaimanapun peranan yang dimainkan oleh Melaka adalah berbeza dalam banyak perkara dan begitu menonjol jika dibandingkan dengan kerajaan-kerajaan tersebut. Dalam zaman keagungannya, Melaka telah menjadi pusat perdagangan bukan sahaja di Nusantara tetapi juga di rantau yang lebih luas lagi. Hubungan perdagangan Melaka meliputi negara-negara Arab, Parsi, India dan Afrika di sebelah barat; manakala Famosa, China serta Jepun di sebelah timur. Dalam masa yang sama pula, Melaka telah memainkan peranannya menyebarkan agama Islam bukan sahaja di Nusantara tetapi juga dengan negara-negara yang ada kaitan dan mempunyai hubungan dagangan dengannya seperti di atas. Peranan yang dimainkan oleh kerajaan-kerajaan di atas di dalam menyebarkan

agama Islam kebanyakannya terbatas ke negeri-negeri yang di bawah jajahan takluknya sahaja kecuali Aceh, telah menyebarkan Islam ke beberapa wilayah lain di Nusantara.

Saya harap buku ini akan dapat memberi ilham dan pengetahuan kepada kita semua. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sejarah bangsa zaman lampau hendaklah dijadikan rujukan di dalam kita membina sejarah bangsa akan datang. Justeru itu sejarah keagungan Empayar Melayu Melaka ini, khususnya mengenai peranannya sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini hendaklah dijadikan rujukan dalam mengembalikan kegemilangan Islam di tanahair. Melaka sekarang telahpun diakui kejayaannya yang cemerlang dalam bidang perindustrian, perdagangan dan pelancongan. Oleh itu pada masa ini kita sedang mengembeleng tenaga untuk membangunkan semula kegemilangan Islam selaras dengan kehendak ajaran Islam itu sendiri dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Terima kasih.

Wassalamualaikum w.b.t.



DATUK SERI HAJI MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM
MAC 2004

SEKAPUR SIRIH



Bersyukur saya ke hadrat Allah dan terima kasih kepada penulis buku ini yang telah memberikan saya peluang menulis sepatah-dua kata sebagai pengiring kepada penerbitan bagi Cetakan Kedua.

Pelbagai aspek mengenai Islam di negara kita khasnya dan di rantau ini amnya telah banyak dan kerap ditulis. Aspek-aspek penulisan yang kita ketemui, baik ilmiah atau 'populer', didapati berbagai. Di antaranya termasuklah permasalahan yang berkait dengan mauduk akidah, sejarah, perundangan, etika, tatacara bermasyarakat dan bernegara, dan sebagainya. Sepertimana Islam itu sendiri menyediakan wadah bagi pelbagai bidang ilmu, maka sebanyak itu juga ilmunan mengenai Islam itu dikupas, dibahas, dianalisis dan diperkatakan, bukan saja oleh para ilmunan Islam sendiri, malah oleh ilmunan bukan Islam, juga Orientalis. Ia menjadi suatu premis untuk mencetus dan mengembangkan intelektual serta membentuk rangkaian minda yang berteraskan Islam, sebagai suatu *ad-din* di dalam kehidupan manusia sejagat.

Dalam pengwacanaan ilmunan yang kini sedang berada di tahap yang momentous coraknya di seluruh dunia Islam dan bukan Islam, agama ini diperkatakan dengan menjangkau perbatasan akidah dan muamalat semata-mata, malah menerobos ke bidang filosof dan sebagai suatu agama kehidupan umat sejagat. Sama ada hanya sebagai satu alternatif atau sememangnya telah disediakan oleh Allah s.w.t. sebagai suatu agama fitrah, ia adalah realiti. Hanya Islam yang boleh mengatasi kekemelutan dan kekalutan yang sedang dihadapi dan melanda manusia kini.

Manduk-manduk ini tidaklah menjadi fokus penulis, tetapi suatu perbincangan umum yang diberikan oleh penulisnya boleh memberikan pembaca suatu lakaran perihal asal-usul kedatangan dan perkembangan Islam di rantau ini, khasnya di Melaka dan Malaysia.

Penulis mengambil pendekatan sejarah. Ia dimulakan dengan kedudukan keagamaan alam Melayu pra-Islam. Seterusnya disambung kepada keadaan masyarakat setempat pasca-kedatangan dan pengembangan agama tersebut.

Bagaimanapun, suatu hal amat meruntun fikiran kita, iaitu peri perhatiannya penulis mengimbau semula beberapa aspek sejarah Islam di alam Melayu ini, dari mula kedatangannya, sampai kepada aspek-aspek tertentu amalan Islam pada hari ini. Penulisan seperti ini, boleh memberikan pembaca suatu perspektif bagaimana agama tersebut telah dengan berkesannya menjadi wadah membina sebuah peradapan besar di kalangan masyarakat di rantau ini. Kepada pemikir agama dan peradaban yang barangkali baru berjinak-jinak dengan Islam, buku ni bermanfaat dan memberangsangkan untuk dibaca.

Sekian, Wassalam.



(PROF. DATO' DR. MUHAMMAD YUSOFF HASHIM)

Presiden

Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM)

Kuala Sungai Baru,

Melaka

MAC 2004

PENGENALAN

"Setelah mahdum itu (Syed Abdul Aziz seorang ulama dari Jeddah) sembahyang (di pantai Melaka) maka raja (Parameswara) pun menderumkan gajahnya. Mahdum dibawa baginda naik gajah lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri (istana Melaka). Maka segala Orang Besar-besar semuanya masuk Islam (setelah melihat baginda masuk Islam); sekalian isi negeri lelaki perempuan, tua muda, kecil besar sekaliannya masuk Islam."

- Sejarah Melayu -

Buku *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara* ini membentangkan secara menyeluruh tentang peranan Melaka di dalam mengembangkan agama Islam ke wilayah-wilayah di dalam jajahan takluknya dan juga ke lain-lain wilayah di rantau ini khususnya Tanah Jawa, Kalimantan (Borneo), Sulawesi, Maluku dan Filipina. Buku ini mengandungi sepuluh bab. Bab pertama menggariskan tentang kerajaan-kerajaan yang telah wujud sebelum kedatangan Islam di Nusantara dan apakah agama atau fahaman yang mereka anuti? Bab ini adalah penting bagi kita melihat secara mendalam tentang bagaimanakah kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha yang begitu kuat pada masa itu seperti kerajaan Srivijaya dan Majapahit dapat diruntuhkan dan diganti dengan Kerajaan Islam.

Bab kedua buku ini adalah menggariskan beberapa teori tentang kedatangan Islam ke rantau ini termasuklah tentang bagaimana Melaka menerima Islam. Bab ketiga, keempat dan kelima ialah mengenai peranan yang dimainkan oleh raja-raja dan pembesar-pembesar Melaka di dalam menyebarkan Islam di Alam Melayu. Bab-bab ini juga menjelaskan tentang bagaimanakah Melaka memainkan peranan mengembangkan Islam ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Tanah Jawa, Kalimantan (Borneo), Sulawesi, Maluku dan Filipina. Bab keenam ialah mengenai bagaimanakah Melaka sebagai pusat ilmu pengetahuan di dalam zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Sementara bab ketujuh ialah mengenai pengaruh Islam di dalam sistem perundangan Melaka. Bab keenam dan ketujuh ini adalah penting, kerana kedua-duanya mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain. Kedua-dua bab ini menerangkan Islam

memberi keutamaan yang tertinggi di dalam ilmu pengetahuan. Di mana Islam tegak di situlah ilmu pengetahuan dikembang dan seterusnya sistem perundangan Islam diamalkan.

Bab kedelapan pula ialah mengenai pembaharuan yang dibawa oleh Islam di Melaka dan wilayah-wilayah lain di rantau ini. Pembaharuan besar yang dibawa Islam ialah tentang penukaran agama dari Hindu-Buddha kepada Islam, sekaligus mengubah dari kerajaan-kerajaan yang bersifat Hindu-Buddha kepada kerajaan Islam. Bertolak dari sinilah Islam telah membawa perubahan kepada hampir semua sistem kehidupan masyarakat di rantau ini, termasuklah di dalam sistem politik dan pentadbiran, sosial, ilmu pengetahuan, ekonomi, kesenian, bahasa dan kesusasteraan. Bab kesembilan ialah mengenai kedudukan Islam di Malaysia dalam abad ke-20 dan ke-21. Bab ini adalah menggariskan tentang keruntuhan kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara apabila penjajah-penjajah Barat menguasai rantau ini, dan kebangkitan semula kuasa Islam di Malaysia dan Indonesia. Bab akhir iaitu bab 10 juga memberi fokus tentang usaha-usaha kerajaan negeri Melaka untuk mengembalikan semula kegemilangan Islam di Melaka.

Buku *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara* Cetakan Kedua ini tidak akan dapat diterbitkan tanpa bantuan dan sokongan daripada banyak pihak. Saya sangat-sangat terhutang budi kepada YAB Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka yang telah banyak memberi rangsangan untuk menerbitkan semula buku ini. Beliau juga telah memberi dorongan, bantuan-bantuan lain dan seterusnya memberi kata-kata aluan untuk buku ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Dato' Dr. Muhammad Yusoff Hashim, Presiden Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM), Profesor Dr. Ismail Hamid dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Wira Hj Rasyid Redza Hj Md Salleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Encik Mad Yasir Mastakim, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Ustaz Halim Tawil, Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang turut memberi nasihat kepada saya di dalam menulis buku ini. Saya juga tidak ketinggalan mengucapkan terima kasih kepada Hartina Ayu Harun seorang siswazah dalam bidang sejarah Asia Tenggara yang telah membantu saya membuat penyelidikan dan penyemakan untuk buku ini. Di samping itu, terima kasih juga kepada Suriati Othman seorang Pegawai Perpustakaan Awam Negeri Melaka yang telah membantu saya di dalam


mengumpulkan bahan-bahan untuk penulisan buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Haji Aziz Ujang Pengurus Besar IKSEP yang telah memberi nasihat dan sokongan kepada saya.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Hazzlan Sama dan Hanita Hassan kedua-dua pegawai IKSEP yang telah membantu di dalam menyemak buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Haslinda Jaapar staf IKSEP yang telah membantu saya di dalam proses penerbitan buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. Badriyah Hj. Salleh, Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) yang telah membantu didalam penerbitan buku ini.

Saya mengakui masih banyak lagi kekurangan yang terdapat di dalam buku ini yang perlu dibaiki. Justeru itu saya mengalu-alukan teguran dan kritikan membina daripada para pembaca supaya buku ini dapat diperbaiki lagi di dalam keluaran akan datang.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Insya-Allah. Wassalam.

MOHD. JAMIL BIN MUKMIN
MELAKA.
JANUARI 2004



Asia Tenggara, India dan China (menunjukkan perhubungan awal)

NUSANTARA SEBELUM KEDATANGAN ISLAM

PENDAHULUAN

Istilah *Nusantara* dalam konteks penulisan buku ini adalah lebih dikhususkan kepada rantau Gugusan Kepulauan Melayu atau dikenali juga dengan nama Alam Melayu yang mengandungi Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Maluku dan Filipina. Sementara istilah Asia Tenggara digunakan secara yang lebih meluas semenjak Perang Dunia Kedua meliputi rantau Semenanjung Indochina dan Gugusan Kepulauan Melayu.¹ Penulisan buku ini secara khususnya adalah tertumpu di Nusantara. Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain di Asia Tenggara akan juga disentuh, kerana dari segi sejarah dan geografi Nusantara adalah berkait rapat dengan negeri-negeri yang berkenaan.

Nusantara sebelum kedatangan Islam adalah di bawah pengaruh kuat agama *Hindu-Buddha*. Penduduk-penduduk di rantau ini beragama Hindu dan Buddha, selain dari menganuti kepercayaan *animisme*.² Kesan dari penerimaan agama Hindu-Buddha, telah wujud di rantau Asia Tenggara semenjak abad pertama Masehi lagi. Kerajaan-kerajaan tersebut termasuklah di Indochina, Tanah Melayu, Borneo, Sumatera dan Jawa.

¹ Hall, D.G.E., *A History of South East Asia* (2nd Edition), St. Martin's Press, New York, 1966, hal. 3.

² Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hal. 15.

INDOCHINA

Kemboja

Empayar Funan adalah merupakan kerajaan yang terbesar di Indochina semenjak abad yang pertama Masehi lagi. Ibukota kerajaan ini pada mulanya ialah Vyadhapura dan bandar pelabuhannya ialah Go-Oc-Eo terletak di Lembah Sungai Mekong dalam wilayah Kemboja. Kerajaan ini telah didirikan oleh seorang Brahmin yang bernama Kaundinya. Kemudian kerajaan ini telah menjadi empayar perniagaan laut (*thallasocracy*) yang terbesar dan terawal di Asia Tenggara sebelum kerajaan Srivijaya. Kerajaan ini berakhir dalam abad yang keenam, setelah ditewaskan oleh Bhavavarman dari Chenla.³

Kemudian wujud pula kerajaan *Chenla*. Kerajaan ini telah melanjutkan tradisi budaya kerajaan Funan, tetapi agama Buddha tidak lagi mendapat tempat istimewa seperti pada zaman kerajaan terdahulu. Selepas tahun 760M, kerajaan ini telah berpecah dan ini telah memudahkan Maharaja Indra (787-812M). Raja Srivijaya dari keturunan Sailendra di Jawa menjatuhkan kerajaan ini. Mulai dari tarikh ini, Kemboja telah diperintah oleh kerajaan Srivijaya selama 28 tahun iaitu sehingga tahun 802M. Tidak berapa lama kemudian, kerajaan *Angkor* telah ditubuhkan dengan Jayavarman II sebagai rajanya yang pertama. Ia ditubuhkan dengan bantuan Kerajaan Srivijaya Suryavarman I (1002-1050M) ialah antara kerajaan terbesar yang telah membawa Kerajaan Angkor maju dalam bidang pertanian. Sementara Raja Suryavarman II (1113-1150M) telah terkenal kerana kejayaan membina *Angkor Watt* yang merupakan monumen agama yang paling indah di dunia. Kerajaan Angkor telah jatuh akibat serangan Kerajaan Ayuthya pada tahun 1432M.⁴

Siam

Orang-orang Siam atau Thai adalah berasal dari Wilayah Yunan di negeri China. Di antara kerajaan yang terkenal di negeri Siam ialah

³ Hall, D.G.E., op.cit., hal.24.

⁴ *Ibid.*, hal.90

kerajaan *Sukhotai*. Di antara pemerintah terbesar kerajaan ini ialah Rama Khamheng (1275-1317M) yang telah berjaya memperluaskan jajahan takluknya hinggalah ke Utara Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Ligor dan Pattani.⁵

Selepas kematian Rama Khamheng, kerajaan *Sukhotai* telah menjadi lemah, dan kemudian muncul pula kerajaan *Ayuthya* pada tahun 1350M dengan Ramadhipati sebagai pengasasnya. Di antara raja *Ayuthya* yang terkenal ialah Trailok (1448-1488M). Beliau telah berjaya menyusun pentadbiran dan undang-undang yang baik. Dari segi diplomatik, beliau telah mengadakan perhubungan yang baik dengan negeri China, walaupun beliau kurang bersetuju dasar negeri China melindungi Melaka. Kerajaan *Ayuthya* ini adalah meliputi ke utara hingga ke Khmer dan ke Selatan hingga ke Pattani.


Burma

Sejarah kegemilangan kerajaan Burma telah bermula semenjak pemerintahan kerajaan *Pagan* yang diasas oleh Anirudha (Anawrahta) (1044-1077M). Kejayaan besar kerajaan ini ialah menewaskan kaum Mon, iaitu puak yang tinggal di wilayah Dvaravati dan juga di Lembah Irrawady. Kekalahan kaum Mon ini telah menimbulkan kesan permusuhan yang panjang di antara kedua-dua golongan ini sehinggalah pada zaman Kyanzittha, pengganti Anirudha.⁶

Kerajaan *Pagan* ini telah mengadakan hubungan dengan Ceylon (Sri Lanka). Melalui hubungan yang erat inilah agama Buddha telah berkembang secara meluas di negeri Burma dan negara-negara jirannya seperti Thai, Kemboja dan Laos. Kerajaan *Pagan* ini telah berakhir kerana serangan orang-orang Mongol ke atas Burma pada tahun 1277M.

⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Asta Tenggara Tradisional*, Teks Publishing, Kuala Lumpur, 1985, Hal. 20.

⁶ *Ibid.*, hal 21.



Empayar Funan

Champa

Sejarah kerajaan Champa telah bermula semenjak abad ketujuh Masihi lagi. Champa pernah diserang oleh Jawa pada tahun 774M dan Annam (Vietnam) pada tahun 980M. Champa juga pernah diserang oleh Kemboja pada tahun 1145M yang mana ibukotanya, Vijaya pernah ditawannya. Pada tahun 1190M pula Kemboja telah berjaya menewaskan pemerintahan Champa.

Walau bagaimanapun ancaman-ancaman yang dihadapi oleh Champa tidak selama-lamanya berlaku. Umpama, ancaman dari Khmer telah berjaya disekat kerana tekanan dari negeri Thai. Sementara ancaman dari Annam (Vietnam) telah terhenti apabila negeri China ditewaskan oleh Mongol yang menggugat Annam. Kemudian Mongol telah menyerang Champa tetapi dapat dipatahkan. Apabila negeri China dapat menduduki Annam, Champa telah berjaya mengambil semula wilayah-wilayah yang dahulu diduduki oleh Annam. Pada tahun 1428M, pendudukan China di Annam telah tamat. Keadaan ini telah menyebabkan Annam berjaya menduduki Champa pada tahun 1471M.⁷

Vietnam

Sejarah Vietnam (Annam) di bawah pengaruh China sejak awal lagi. Negeri China pernah menakluki Vietnam pada tahun 208SM. Walau bagaimanapun penjajahan China terhadap Vietnam berlaku pada tahun 111SM iaitu sewaktu pemerintahan Dinasti Han. Pada masa itu Vietnam dikenali dengan "Giao Chi" telah ditukar kepada *Annam*. Annam telah berhasil mencapai kemerdekaan pada tahun 93M apabila berlaku kekacauan di negeri China. Ngo Quyen yang memperjuangkan kemerdekaan ini kemudian telah mengasaskan Dinasti Ngo (939-968M). Pada tahun 968M seluruh Vietnam telah disatukan di bawah nama "*Dai-co-viet*" (Viet Besar) tetapi mengakui di bawah perlindungan China.⁸

⁷ *Ibid.*, hal.2.

⁸ *Ibid.*, hal.24.

Sepanjang penjajahan China ke atas Vietnam itu, China telah cuba menjalankan dasar pencinaannya (*sinicization*) dengan memperkenalkan klasik-klasik China, fahaman Confucius dan agama Buddha-Mahayana, tetapi kebanyakan orang-orang Vietnam tetap berpegang kepada tradisinya, malah ramai yang mengamalkan kepercayaan animisme pemujaan nenek moyang (*ancestor cult*). Orang-orang Vietnam sentiasa berusaha untuk melepaskan diri daripada cengkaman China selama kira-kira 1000 tahun. Orang-orang Vietnam pernah mencapai kejayaan melepaskan diri dari negeri China pada tahun 544M di bawah pimpinan Ly-Bon.

BORNEO

Kutai

Kerajaan Kutai ini terletak di Kalimantan Timur dan telah diasaskan sekitar abad keempat dan lima Masehi oleh Aswawarman putera Kundungan anak tempatan. Kerajaan ini telah mencapai keagungannya pada Zaman Mulawarman putera Aswawarman. Mulawarman menganut agama Hindu (Siva) dan mempunyai hubungan yang rapat dengan kaum Brahmin.* Bukti-bukti mengenai perkara ini terdapat melalui sebuah prasasti berbahasa Sanskrit yang menyebut upacara sedekah yang dilakukan oleh Mulawarman di sebidang tanah yang dianggap suci yang bernama Waprakesvara. Dalam upacara ini dihadiahkannya sebanyak 20,000 ekor sapi untuk para Brahmin yang telah mendirikan Yupa berupa tugu peringatan untuknya.

Dari kenyataan sejarah di atas adalah jelas bahawa budaya India telah mula menyerap pada masa Aswawarman dan bertapak pada masa Mulawarman. Nama Kandunganda masih bersifat keperibumian. Ada para sarjana sejarah yang menganggap Kutai adalah merupakan kerajaan Melayu-Hindu yang terawal di Borneo.

* *Ibid.*, hal 29.

Po-ni

Kerajaan Po-ni ini terletak di bahagian timur Kalimantan. Kerajaan ini dipercayai negara Brunei dan muncul pada abad ke-10M. Kerajaan ini dipercayai menganut agama Buddha-Mahayana, berdasarkan bukti sebuah inskripsi Sauskrit yang ditemui di wilayah yang tersebut.

SUMATERA

Kantoli (Kuntala)

Kerajaan Kantoli (Kuntala) dipercayai telah muncul di lembah Sungai Kuntal (Tungkal) di Pantai Timur Sumatera Selatan pada persekitaran abad kelima dan enam Masehi. Kerajaan ini penting kerana dipercayai merupakan kerajaan yang terawal di Sumatera dan mempunyai peranan penting di dalam mengawal lalu-lintas perdagangan di Selat Melaka hingga ke negeri China. Sepanjang abad kelima dan enam tersebut, kerajaan Kantoli telah berakhir pada permulaan abad ketujuh Masehi setelah kerajaan Malayu muncul.¹⁰

Malayu

Kerajaan Malayu ini telah muncul di pantai timur Sumatera Selatan iaitu Wilayah Jambi sekarang. Malayu ialah nama ibukota, pelabuhan dan kerajaan wilayah tersebut. Malayu juga adalah menjaga kepentingan perdagangan di Selat Melaka hinggalah ke negeri China. Walaupun demikian, dalam tempoh kerajaannya, Malayu hanya dapat menghantar utusan sekali sahaja ke negeri China iaitu pada tahun 644/5M.¹¹

Peranan terpenting kerajaan Malayu ini selain di bidang perdagangan ialah memperkembangkan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi kerajaan seterusnya sebagai bahasa perantaraan di Nusantara.

¹⁰ *Ibid.*, hal.30.

¹¹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hal.43.

Srivijaya


Kerajaan Srivijaya telah muncul kerana faktor-faktor ekonomi, iaitu untuk mengawal lalu-lintas perdagangan di Selat Melaka dan Selat Sunda yang selama ini dipegang oleh kerajaan Kantoli dan Malayu. Kerajaan ini telah muncul dalam abad ketujuh Masehi dan telah mewarisi budaya Malayu dengan menggunakan bahasa Malayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perdagangan kerajaan Srivijaya. Kerajaan ini telah juga menawarkan barang-barang keperluan untuk pakar-pakar perubatan dari Selatan China dan seterusnya jaminan keselamatan daripada lanun-lanun kepada pedagang-pedagang yang datang ke rantau tersebut. Pusat kerajaan Srivijaya ini ialah di Palembang. Bagi mengukuhkan lagi penguasaannya, kerajaan Srivijaya telah menawan kerajaan Malayu di Jambi sekitar tahun 671-685M.

Kerajaan Srivijaya kemudiannya telah meluaskan lagi jajahan takluk hingga ke wilayah-wilayah di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Di antara tahun 682 dan 685M, Srivijaya telah menundukkan Kedah. Di Semenanjung Tanah Melayu, Srivijaya telah menguasai pantai barat dan timur seterusnya ke utara hinggalah ke Ligor dan Tambralingga. Di Sumatera pula Srivijaya telah menguasai seluruh pantai barat pulau itu. Ini termasuklah Bangka, Tulang Bawang, Minanga, Lamuri, Pane, Kampar dan Palembang. Srivijaya juga telah menguasai Tarumanagara di Jawa Barat. Kerajaan Srivijaya menguasai wilayah-wilayah yang tersebut dan telah mewujudkan Srivijaya sebagai sebuah empayar di rantau ini. Srivijaya bukan sahaja menjadi kuasa besar dari segi politik tetapi juga telah menjadi kuasa perdagangan (*thallasocracy*) yang terpenting di Asia Tenggara selepas berakhirnya zaman kerajaan Funan.¹²

Bagi memperkukuhkan lagi kuasa politik dan ekonominya, kerajaan Srivijaya telah mengadakan hubungan baik dengan negeri China dan India. Srivijaya telah mengambilalih hak mengirim utusan yang dahulunya dilakukan oleh kerajaan Kantoli dan Malayu.

Satu perkara lain yang juga menjadikan Srivijaya terkenal di dalam sejarah ialah kedudukan sebagai pusat pengajian agama Buddha yang bertaraf tinggi di rantau sebelah sini. Seorang pendita Buddha dari India bernama Dharmakirti (*Sakyakirti*) turut mengajar di pusat

¹² *Ibid.*, hal.45.



EMPAYAR SRIVIJAYA

pengajian agama Buddha di sini. Di antara ribuan siswanya terdapat seorang **Bhiksu** bernama **Atisa** yang telah belajar di Srivijaya selama 12 tahun (1011-1023M) dan kemudiannya menjadi tokoh Buddha di Tibet. Seorang pengembara China bernama **I-Tsing** pernah tinggal beberapa tahun di Srivijaya untuk mempelajari bahasa Melayu dan seterusnya menterjemahkan teks-teks agama Buddha yang berbahasa Sanskrit ke bahasa China.

Keagungan kerajaan Srivijaya telah mula pudar pada abad yang kelapan. Dalam abad ini, banyak kuasa luar telah menggugat Srivijaya. Pengaruh kerajaan Maratam di Jawa Tengah telah masuk ke Srivijaya. Sejak tahun 775M kerajaan Srivijaya telah diperintah oleh keturunan Sailendra dari Jawa Tengah. Kebangkitan kerajaan Singasari dan Majapahit di Jawa Timur telah melemahkan lagi kerajaan Srivijaya. Di samping itu, kerajaan Sukhotai di Thailand telah menakluki jajahan takluk Srivijaya di utara dan timur Semenanjung Tanah Melayu. Kebangkitan kuasa Islam di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu dalam abad ke-13 telah menghapuskan terus Empayar Srivijaya.

Minangkabau

Dalam masa kerajaan Srivijaya menghadapi kelemahannya, kerajaan Malayu di Jambi telah bangkit semula. Pada tahun 1275M kerajaan Malayu ini telah diserang oleh kerajaan Singasari dari Jawa, tetapi serangan ini tidak membawa kepada keruntuhannya kerana pada tahun 1347M masih terdapat nama Adityavarman sebagai raja Malayu di sana. Pada tahun 1349 Adityavarman telah memindahkan pusat pemerintahannya ke Minangkabau, dan seterusnya menjadi raja Minangkabau yang pertama. Dari sini, lahirlah kerajaan Minangkabau di Sumatera.

JAWA

Jawa Barat

Aruteun (Ho-lo-tan)

Kerajaan Aruteun atau Ho-lo-tan mengikut sebutan China adalah merupakan kerajaan yang tertua di Jawa Barat dan juga seluruh Pulau Jawa. Pelabuhanya terletak di muara Sungai Cisadane. Kerajaan Aruteun ini mempunyai hubungan yang rapat dengan negeri China. Kerajaan ini telah menghantar utusan pertama ke negeri China pada tahun 430M dengan membawa kapal dagang. Kemudian diikuti pula pada tahun-tahun 443, 434, 437, dan 452M. Kerajaan Aruteun telah jatuh pada akhir abad kelima akibat serangan Raja Purnavarman dari kerajaan Tarumanagara.

Tarumanagara

Kerajaan Tarumanagara telah wujud di antara tahun 400-500M di Jawa Barat. Pada abad keenam Masehi, ibukotanya dipercayai terletak di Sungai Bekasi. Kerajaan ini telah menghantar utusan ke negeri China pada tahun 528, 535, 666, dan 669M. Di antara rajanya yang terkenal ialah Purnavarman. Beliau adalah seorang raja yang gagah berani, jujur terhadap tugas-tugasnya, bijaksana dan menjadi panji sekalian raja. Seperti Raja Mulawarman di Kutai, beliau juga pernah menghadiahkan 20.000 ekor sapi kepada para Brahmin.

Kerajaan Tarumanagara adalah penganut agama Hindu. Raja Purnawarman sendiri pernah disamakan dengan Indra, selain dikenali sebagai Dewa Perang. Beliau juga dikatakan memiliki sifat-sifat sebagai Dewa Matahari, sementara kedua tapak kakinya pula disamakan dengan kaki Vishnu. Di samping itu ramai juga penduduk negeri itu yang beragama Buddha ataupun menganut kepercayaan asli. Kerajaan ini telah runtuh akibat serangan kerajaan Srivijaya pada tahun 686M.¹³

¹³ *Ibid.*, hal.48.

Sunda

Kerajaan Sunda telah muncul pada abad yang kelapan Masehi setelah kejatuhan kerajaan Tarumanagara. Pusat kerajaan Sunda telah berpindah-randah dari Galuh, ke Pakwan Panjajaran dan kemudian ke Kawali. Kerajaan ini mengamalkan agama Hindu, kemudian Hindu-Buddha di samping kepercayaan asli atau nenek-moyang.

Pada tahun 1357 berlakulah apa yang disebut sebagai "Pasunda", yakni serangan Gajah Mada terhadap raja Sunda Sri Baduga. Maharaja di Bubat yang membawa kematiannya disebabkan oleh beliau enggan menyerahkan puterinya kepada raja Majapahit Hyam Wuruk seperti yang dituntut oleh Gajah Mada. Kerajaan Sunda telah dihapuskan oleh kuasa Islam pada tahun 1579.¹⁴

Jawa Tengah

Kalingga

Kerajaan Kalingga ini telah wujud di Jawa Tengah pada abad ketujuh Maschi. Ada setengah pendapat sejarah yang mengatakan bahawa kerajaan ini terletak di Jawa Tengah. Tetapi, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kerajaan ini berpusat di lembah Sungai Brantas di bahagian Jawa Timur, tetapi pendapat ini tidaklah kuat.

Kerajaan Kalingga ini pernah menghantar utusan ke negeri China pada tahun 674M. Di antara pemerintah Kalingga ini yang terkenal ialah Ratu Sima yang walaupun sikapnya keras tetapi bersikap jujur dan adil. Menurut ceritanya Ratu Sima pernah sengaja meletakkan pundi emas di tengah jalan. Selama dua tahun pundi emas itu terletak di tempat tersebut tetapi tidak ada sesiapa yang berani menyentuhnya. Pada suatu hari, putera mahkotanya telah menyepak pundi emas itu menyebabkan terburai emas di dalamnya, lantas Ratu Sima menjatuhkan hukuman potong kaki terhadap puteranya sendiri.

Tidak ada keterangan yang jelas mengenai agama kerajaan yang tersebut, tetapi adalah dipercayai kerajaan tersebut menganut agama Hindu-Buddha.

¹⁴ *Ibid.*, hal. 49.

Mataram Satu

Kerajaan Mataram Satu ini telah diasaskan pada tahun 732M oleh Sanjaya putera Sannaha. Mengikut sejarah, Sannaha ialah saudara perempuan Sanna iaitu Raja Galuh bagi kerajaan Sunda. Sanna kemudiannya telah ditewaskan oleh kerajaan saudaranya, Purbasora, sebelum diganti oleh Sanjaya.

Perkara yang menarik dalam sejarah Mataram selepas Sanjaya ialah penguasaan Dinasti Sailendra (750-850M) yang beragama Buddha sedangkan Sanjaya adalah beragama Siva. Ada teori-teori yang mengatakan bahawa Dinasti ini berasal dari Funan. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa Dinasti Sailendra yang menguasai Srivijaya kemudiannya adalah berasal dari Mataram Satu.

Sistem pentadbiran kerajaan Mataram Satu adalah sistem pusat dan daerah. Penguasa-penguasa daerah yang tersebut *rakai/rakryan* mempunyai kuasa otonomi yang luas, hingga ada kalanya mengancam kedudukan kerajaan pusat atau maharaja. Pernah dikatakan bahawa serangan Haji Wurawari terhadap kraton Dharmawangsa adalah merupakan serangan seorang *rakai* terhadap istana maharajanya.¹³

Zaman kerajaan Mataram Satu telah banyak menghasilkan tinggalan sejarah terutamanya pembinaan candi-candi seperti Candi Borobudur, Candi Kalasan, Candi Mundut, Candi Loro Jonggrang, Candi Plaosan dan sebagainya. Dari segi fungsinya candi-candi itu menunjukkan kemuliaan agama Hindu-Buddha selain berperanan untuk mengkeramatkan para nenek moyang keluarga raja mereka. Kerajaan Mataram Satu berakhir pada abad yang ke-10 pada zaman Wawa iaitu rajanya yang ke-12. Kemudian diganti pula oleh Mpu Sindok yang mana telah memindahkan pusat kekuasaannya ke Jawa Timur.

Jawa Timur

Kanjuruhan

Kerajaan Kanjuruhan diasaskan pada tahun 760M di Jawa Timur. Nama pusat kerajaannya ialah Kanjuruhan. Rajanya yang pertama

¹³ *Ibid.*, hal. 50.

bernama Dewa-simba. Beliau mempunyai putera bernama Liswa yang kemudian digelar Gajayana setelah naik takhta kerajaan. Pada zaman pemerintahannya Gajayana telah mendirikan sebuah arca untuk Dewa Agastya (Siva), yang pada mulanya diperbuat dari kayu cendana, tetapi kemudiannya diganti dengan arca batu hitam. Sebagaimana tradisi agama Hindu, selepas arca itu dirasmikan oleh Gajayana, beliau telah memberi hadiah berupa tanah, tempat kediaman dan sapi kepada para Brahmin dan tetamu.¹⁶

Kebangkitan Zaman Kerajaan Jawa Timur

Mengikuti beberapa teori sejarah, pemerintah yang terawal memindahkan pusat kekuasaan Mataram ke bahagian timur Jawa dan seterusnya mengasaskan kerajaan Jawa Timur ialah Mpu Sindok (929-947M). Perpindahan pusat pemerintahan Mataram ke Timur itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor ekonomi. Jawa Timur sangat subur untuk pertanian, di sinilah letaknya Sungai Brantas yang menjadi pengkalan dan laluan perniagaan laut.

Ketika pemerintahan Mpu Sindok, satu usaha budaya yang terpenting kerana telah berjaya dilakukan iaitu kejayaan penyusunan kitab suci Buddha Tantrayana yang dikenali dengan nama *Sang Hyang Kamahayanikan*. Selepas pemeritahan Mpu Sindok, raja yang terkenal ialah Dharmawangsa (991-1016M) dan pada zaman ini kitab *Mahabharata* diterjemah ke bahasa Jawa Kuno. Walaupun pada mulanya raja berjaya menundukkan kerajaan Srivijaya tetapi pada tahun 1016M beliau telah ditewaskan oleh kerajaan Srivijaya. Pengganti Dharawangsa ialah Airlangga (1019-1042M). Pada zamannya, Jawa Timur telah berjaya merebut kembali daerah-daerah kekuasaannya dan kemudian berusaha memajukannya. Pada masa ini secara kasarnya bahagian timur tanah Jawa dikuasai oleh Airlangga sementara bahagian baratnya di bawah Srivijaya. Dalam zaman pemerintahan Airlangga sebuah kitab bernama *Arjunawiwaha* telah dikarang oleh Mpu Kanwa pada tahun 1030M. Dari segi agama, rakyat kerajaan di bawah Airlangga adalah menganut agama Siva dan Buddha

¹⁶ *Ibid.*, hal 51.

Mahayana di samping kepercayaan tradisi nenek moyang mereka. Kekuatan kerajaan ini tidak lama kerana terdapat perebutan kuasa di antara kedua orang putera yang akhirnya membawa kepada pembahagian kerajaan tersebut kepada dua bahagian iaitu Janggala di bahagian timur dan Panjalu atau Kediri di bahagian Barat.¹⁷

Kediri (1042-1222M)

Kerajaan Kediri telah muncul apabila kerajaan Airlangga terbahagi dua iaitu kerajaan Janggala dan Kediri. Pemerintah kerajaan Kediri yang ulung dan berjaya ialah Raja Jayabaya. Beliau telah berjaya mempertahankan dan memperkukuhkan kerajaannya daripada ancaman luar. Kerajaan ini mengamalkan agama Hindu-Buddha. Kerajaan ini telah berakhir pada zaman Raja Kertajaya (1190-1222M) kerana pemberontakan Ken Arok, orang besar dari Tumapel atau Singasari, iaitu sebuah kerajaan di bawah Kediri.¹⁸

Singasari (1222-1292M)

Ken Arok telah menjadi raja Singasari yang pertama setelah mengalahkan Raja Kertajaya. Banyak peristiwa pembunuhan dan rampasan kuasa telah berlaku di dalam zaman awal kerajaan Singasari. Ini berpunca daripada Ken Arok sendiri yang membunuh Tunggal Ametung, iaitu raja Tumapel untuk mengahwini isterinya Ken Dedes yang ketika itu sedang hamil. Ken Dedes kemudian melahirkan seorang putera yang diberi nama Anusapati. Selepas beberapa lama, Ken Arok telah mendapat seorang putera dengan isterinya Ken Dedes yang diberi nama Mahisa Wonga Teleng. Sementara itu, Ken Arok dengan isterinya yang lain iaitu Ken Uman telah juga mendapat seorang putera bernama Tohjaya.

Pada tahun 1227 Anusapati telah membunuh Ken Arok dan memerintah Kediri sebagai membalas dendam terhadap kematian ayahnya, Tunggal Ametung. Kemudian pada tahun 1247, Tohjaya pula membalas dendam terhadap pembunuh ayahnya Ken Arok dengan

¹⁷ *Ibid.*, hal.52.

¹⁸ *Ibid.*, hal.53.

membunuh Anusapati dan seterusnya memerintah Kediri. Beberapa bulan kemudian Tohjaya telah dibunuh oleh Rangga Wuni anak Anusapati. Rangga Wuni atau dikenali juga dengan nama Wisnuwardhana telah memerintah Kediri selama 20 tahun dan diganti oleh anaknya Kertanagara.

Zaman Kertanagara (1268-1292M) merupakan zaman kegemilangan dan berakhirnya Zaman Singasari. Kebesaran Kertanagara ialah pertama, gagasan Nusantaranya dan kedua cabarannya terhadap Kublai Khan. Mengenai perkara pertama, Kertanagara bercita-cita untuk meluaskan kekuasaan politiknya meliputi seluruh Nusantara melalui persahabatan dan ketenteraan. Dalam usaha mencapai cita-cita ini beliau telah mengirinkan ekspedisi tentera ke Malayu di Sumatera pada tahun 1275M yang dikenali dengan nama "Pamalayu" dengan mencapai kejayaan cemerlang. Pada tahun 1284M, beliau kemudiannya telah menghantar tentera ke Bali sehingga berjaya menawannya.

Dalam menghadapi tentera Kublai Khan, Maharaja Mongol di China, beliau telah menunjukkan keberaniannya. Kublai Khan yang begitu terkenal dalam zaman itu telah beberapa kali mengirim utusan ke Singasari supaya Kertanagara tunduk kepadanya, tetapi sewaktu dikirinkan perutusannya yang terakhir yang dipimpin oleh Meng Ki, beliau telah menolak tuntutan Maharaja itu dengan satu penghinaan. Ini menyebabkan Kublai Khan menghantar armadanya untuk menghukum Kertanagara. Malangnya armada itu tiba di tanah Jawa pada 1293M sedangkan Kertanagara telahpun meninggal dunia pada tahun 1292M.

Dengan mengirinkan ekspedisi ke Malayu dan menghadapi Kublai Khan telah menyebabkan keadaan dalam negeri tidak stabil. Pemberontakan telah meluas dengan diketuai oleh Jayakatwang raja Kediri di bawah Singasari dengan bantuan Wirarajabupati Madura. Kertanagara telah menghantar dua orang menantunya iaitu Raden Wijaya dan Ardharaja (anak Jayakatwang) untuk menghadapi pemberontakan ini tetapi Kertanagara tewas juga akhirnya. Jayakatwang tidak lama menjadi pemerintah Singasari kerana Raden Wijaya telah berjaya merampas kuasa dan memulihkan kekuasaan mertuanya, Kertanagara.


Majapahit (1293-1529M)

Pengasas kerajaan Majapahit ialah Raden Wijaya. Beliau telah mengasaskan kerajaan ini pada tahun 1292M setelah berjaya memulihkan semula kekuasaan mertuanya, Kertanagara di Singasari. Perkataan "Majapahit" ini adalah berasal dari buah maja yang pahit rasanya yang dijumpai di kawasan Tarik. Kawasan ini dihadiahkan oleh Jayakatwang kepadanya setelah Raden Wijaya bersedia menghambakan diri kepadanya. Ketika tentera Mongol tiba di Jawa, Raden Wijaya telah menyebelahi tentera Mongol dan akhirnya menewaskan Jayakatwang pada tahun 1293. Raden Wijaya telah berjaya menyerang tentera Mongol dan mengalahkannya. Tentera Mongol dibawah pimpinan Shih Pi telah pulang ke negeri China setelah empat bulan berada di Jawa.

Sejarah Majapahit amat terkenal dalam zaman Patih Gajah Mada (1334-1364M) yang telah bertanggungjawab menaikkan kerajaan Majapahit ke mercu keagungan. Setelah diangkat sebagai Patih Majapahit pada zaman Bhre Kahuripan (1328-1350M), Patih Gajah Mada kemudiannya telah melakukan dua usaha besar pada zaman Hyam Wuruk (1328-1389). Pertama, menyatukan semula daerah-daerah yang enggan mengakui ketuanan Majapahit, dan kedua, meneruskan gagasan Nusantara yang dirintis oleh Kertanagara dahulu.¹⁸

Dalam usaha yang pertama ini, Patih Gajah Mada telah banyak mencapai kejayaan. Kebanyakan daerah-daerah di Tanah Jawa telah dapat disatukan di bawah Majapahit. Mengenai usaha yang kedua ini, dalam sejarah lebih terkenal dengan nama "Sumpah Palapa", iaitu dikatakan bahawa Patih Gajah Mada pernah bersumpah tidak akan makan palapa atau garam dan rempah-rempah sebelum seluruh Nusantara berada di bawah Majapahit. Jika sebelumnya, sekiranya Kertanagara berusaha melaksanakan gagasan Nusantara menerusi tali persahabatan dan juga ketenteraan, tetapi Patih Gajah Mada berusaha menerusi penaklukan. Banyak negeri di Nusantara telah ditakluki oleh Majapahit dalam zamannya dan ini termasuklah sebahagian dari Sumatera Barat, Tanah Melayu dan Kalimantan Selatan.

¹⁸ *Ibid.*, hal.56.



Mengenai Sunda pula terdapat perbezaan di antara Hyam Wuruk dengan Patih Gajah Mada. Bagi Hyam Wuruk beliau berhajat mengahwini puteri Sunda Dyah Pitaloka, iaitu anak raja Pakwan Pajajaran Sri Baduga Maharaja. Tetapi Patih Gajah Mada telah menuntut agar puteri Dyah Pitaloka itu diserahkan sebagai ufti rasmi dari seorang raja di bawah naungannya kepada Maharajanya. Oleh kerana Raja Sunda enggan menerima tuntutan itu berlakulah tragedi pertumpahan darah di Bubat pada tahun 1357M di mana raja dan semua pengikut Sunda dibunuh. Khabarnya puteri Sunda telah membunuh diri lantaran tragedi ini. Tragedi ini dikenali sebagai "Pasunda-Bubat" atau "Pabubat", yang kesannya masih dirasakan oleh orang-orang Sunda hinggalah sekarang.

Tragedi "Pasunda-Bubat" ini telah menamatkan zaman penaklukan kerajaan Majapahit dan telah mengakibatkan kerenggangan hubungan di antara Hyam Wuruk dan Patih Gajah Mada. Hyam Wuruk kemudiannya telah menggantung jawatan Gajah Mada sebagai patih selama dua tahun. Walau bagaimanapun beliau kemudiannya telah dilantik semula sebagai patih sehinggalah meninggal dunia pada tahun 1364M. Setelah kematian kedua-dua orang tokoh Majapahit itu berakhirlah zaman keagungan kerajaan itu. Pada peringkat akhirnya sejarah kerajaan Majapahit telah dipenuhi dengan perang saudara dan perebutan kuasa dalam kraton Majapahit, dan ini merupakan faktor dalaman terpenting yang membawa kepada keruntuhannya. Sementara faktor terpenting yang membawa kepada keruntuhan Majapahit ialah kerana kedatangan agama Islam, dan seterusnya kemunculan kerajaan Islam Demak yang merupakan kerajaan Islam yang ulung di tanah Jawa. Raden Patah yang merupakan raja Islam Demak yang pertama adalah juga putera Prabu Brawijaya Kertabhumi iaitu raja Majapahit yang terakhir. Raden Patah telah dua kali menyerang Majapahit iaitu pada tahun 1478 dan 1517. Dengan kebangkitan Islam di tanah Jawa di bawah pimpinan Raden Patah dan kumpulan Wali Sembilan (Wali Songo) berakhirlah kerajaan Hindu Majapahit. Saki-baki kerajaan Hindu Majapahit ini kemudiannya telah berpindah ke Bali dengan membawa warisan budaya Hindu yang terus kekal hinggalah sekarang.

Bali

Kerajaan di Pulau Bali dikatakan telah muncul di Singhamandawa sekitar abad kelapan Maschi. Bagaimanapun tidak ada sumber sejarah yang kuat menjelaskan siapakah raja pertama memerintah Singhamandawa. Hanya kemudian baru diketahui raja-raja Bali yang berasal dari Dinasti Warmadewa yang dimulai oleh Ugrasena yang memerintah pada tahun 896M. Di antara raja yang terkenal ialah Dharma Udayana Warmadewa yang memerintah bersama-sama dengan permaisurinya Gunapriya Dharmapati. Salah seorang daripada putera mereka Airlangga yang telah berkahwin dengan puteri Dharmawangsa kemudiannya telah menjadi raja di Jawa Timur (1019-1042M). Kemudiannya terdapat pula seorang raja bernama Jayakasuna. Raja yang dianggap sebagai penyelamat kerajaan Bali di dalam cerita lagenda. Kononnya pada zamannya, kerajaan Bali telah menghadapi malapetaka kerana rakyat lalai beribadat. Raja inilah yang menerima ilham daripada dewa-dewa yang mengajak rakyat kembali melakukan upacara agama yang hingga sekarang dikenali sebagai *Hari Raya Galungan*.

Pada masa Kertanagara memerintah kerajaan Singasari (1268-1292M) beliau telah berjaya menakluk Bali. Dalam zaman keagungan kerajaan Majapahit, Patih Gaja Mada telah berjaya menakluki Bali pada tahun 1363M. Pada mulanya pusat pemerintahan Bali dalam zaman Majapahit ialah di Samprangan dan kemudiannya pindah ke Klungkung. Pada abad-abad kemudian pemerintah-pemerintah di Klungkung menganggap diri mereka sebagai "Wong Majapahit" iaitu orang keturunan Majapahit. Setelah kerajaan Majapahit lenyap ahli-ahli agama Hindu dari Tanah Jawa telah berpindah ke Bali dan bergabung dengan ahli-ahli agama Hindu di Bali meneruskan agama Hindu hinggalah sekarang.²⁰

²⁰ *Ibid.*, hal.8.

SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Langkasuka

Kerajaan Langkasuka dikatakan muncul pada awal abad kedua Masehi. Terletak di kawasan yang kini bernama Pattani iaitu di bahagian selatan negeri Thai. Ia merupakan sebuah negeri bebas. Tarikh ini merupakan tarikh terawal kerajaan Melayu di Nusantara. Bagaimanapun, pada abad berikutnya Langkasuka telah ditakluki oleh Funan. Sejak itu Langkasuka terus-menerus dijajah oleh kuasa besar. Ia telah menjadi rebutan kuasa-kuasa luar kerana kedudukannya yang strategik iaitu di antara India dengan China dan juga kerana kekayaan hasil buminya. Walau bagaimanapun, pada abad kelima Masehi, Langkasuka telah berjaya memulihkan kemerdekaannya apabila Funan mengalami zaman keruntuhannya. Selepas itu, Langkasuka telah mengalami zaman keagungannya. Dalam zaman ini, wilayah takluk Langkasuka meliputi seluruh utara Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Songkla, Kelantan dan Terengganu. Apabila empayar Srivijaya bangkit, Langkasuka telah ditaklukinya. Langkasuka kemudiannya telah ditakluki pula oleh Majapahit dan selepas itu Melaka.²¹

Thambralinga

Kerajaan Thambralinga terletak di utara Langkasuka. Pada zaman awalnya merupakan jajahan takluk Funan. Selepas kerajaan Funan runtuh, Thambralinga telah ditakluki oleh Srivijaya. Sepanjang abad ke-11 hingga ke-13M, Thambralinga merupakan pusat agama Buddha-Theravada. Ibukotanya tidak jelas, ada ahli sejarah yang mengatakan di Ch'aiya atau sekitar Teluk Bandong, sebuah bandar yang wujud sejak awal lagi di situ dikenali dengan nama Wieng Sra.

Raja Thambralinga yang terkenal ialah Dharmaraja Chandrabanu (1230-1294M). Kemasyhurannya bukan sahaja kerana kejayaan beliau membebaskan diri daripada cengkaman Srivijaya tetapi juga kerana semangatnya yang besar menyerang Ceylon (Sri Lanka) sebanyak dua

²¹ Winstedt, R.O., *A History of Malaya*, Luzac and Company, London, 1934, hal. 21.

kali. Pertama dibuat pada tahun 1247M bagi mendapatkan sebuah patung Buddha bernama "Pra Sihing". Dalam serangan ini beliau telah berjaya menawan bahagian utara Ceylon, tetapi gagal menewaskan rajanya Parakramabahu II yang beribukota di Anuradapura. Bagaimanapun beliau telah meninggalkan anaknya sebagai gabenor bagi kaum Melayu dan Ceylon di situ. Kemudian apabila seorang raja dari India Selatan, Sundra Pandya telah menakluki utara Ceylon serta menawan anak Chandrabahu sekitar tahun 1270/71M, Chandrabahu telah menyerang Ceylon buat kali keduanya tetapi kali ini tewas. Beliau terpaksa menyelamatkan dirinya kembali ke Thambralinga. Kekalahan ini telah melemahkan kerajaan Thambralinga. Pada tahun 1294M kerajaan Siam telah berjaya menakluki Thambralinga. Sejak ia menjadi sebahagian dari Siam, Thambralinga dikenali sebagai Ligor.²²

Folo-an

Kerajaan Folo-an dipercayai muncul pada tahun 1178M di kawasan sekarang ini dipanggil Kuala Berang, Terengganu. Di sini terdapat sebuah pelabuhan yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang daripada Champa, Thambralinga dan lain-lain. Kerajaan Folo-an ini juga dipercayai pernah dijajah oleh kerajaan Melayu di Jambi.²³

Tan-Tan

Kerajaan Tan-Tan yang dipercayai kerajaan Kelantan sekarang muncul pada abad keenam Masehi dan ketujuh Masehi. Kerajaan ini dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan negeri China. Pada tahun 530M, sewaktu pemerintahan Chung Ta Tung dari Dinasti Liang, Raja Tan-Tan telah mengirim utusan dan hadiah berupa dua arca gading, dua pagoda, kipas dan minyak wangi. Selepas itu, berturut-turutlah utusan Tan-Tan dihantar ke negeri China iaitu pada tahun-tahun 531, 535, 571, 581, 586, 616 dan 666/7M. Pada tahun 1225M, Tan-Tan

²² *Ibid.*, hal 26

²³ *Ibid.*, hal 27.

disebut di bawah takluk Srivijaya dan pada 1365M pula di bawah takluk Majapahit.

Kedah Tua

Negeri Kedah Tua mempunyai sejarah yang hampir sama dengan Langkasuka dan Thambralinga. Negeri ini pernah dijajah oleh kerajaan Funan dan Srivijaya. Kerajaan Kedah Tua ini telah berkembang hingga kurun ke-14M. Pada peringkat pertamanya dari kurun kelima Masehi hingga ke-10M berpusat di Kampung Sungai Emas. Pada peringkat keduanya pula iaitu pada kurun ke-10M hinggalah ke-15M, pusat pentadbiran kerajaan ini terletak di Pengkalan Bujang. Penduduknya menganuti agama Buddha-Mahayana dan Hindu. Semasa di bawah naungan Funan pada abad kelima Masehi.

Kawasan Lembah Bujang telah muncul bukan sahaja sebagai pusat agama Hindu tetapi juga pusat perdagangan serantau dalam abad ke-11M hingga ke-14M sebelum berpindah ke Kuala Sungai Muda. Dalam zaman keagungannya, Kedah Tua merupakan pelabuhan transit dan pusat perdagangan yang menjadi tumpuan para pedagang Arab, India, China dan lain-lain. Kedah Tua telah terbukti sebagai pusat perdagangan dengan penemuan dua keping wang Perak yang berasal dari zaman al-Mutawakkil (847-861M), Khalifah kerajaan Abbassiah yang berpusat di Baghdad, serpihan-serpihan seramik dari Wangsa Tan (600-900M), Wangsa Sung (960-1279M) dan Wangsa Yuan (1280-1368), dari China. Di samping itu ditemui juga manik-manik dari India dan kaca dari Timur Tengah. Bagaimanapun, sejak kerajaan Chola menyerang Srivijaya dan Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1023M zaman keagungan Kedah Tua telah mula lenyap. Kemudian pada akhir ke-13M Kedah Tua telah jatuh dibawah naungan Siam.²⁴ Dalam abad ke 15 Kedah di bawah naungan Melaka.

Gangga Negara

Kerajaan Gangga Negara ini telah wujud di kawasan Beruas. Pada mulanya Beruas adalah sebuah kawasan nelayan Melayu. Tempat ini

²⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hal.40.

terletak di muara Sungai Beruas, Dinding, Perak. Muara sungai ini sangat dalam, lebar dan selamat untuk kapal berlabuh. Beruas kemudiannya telah menjadi pusat kunjungan pedagang-pedagang asing dari China dan India. Barang-barang tempatan yang utama ialah emas dan bijih. Bagaimanapun tidak banyak keterangan lanjut tentang sejarah Gangga Negara ini. Satu peristiwa sejarah yang pernah disebut ialah sewaktu Raja Rajendra Chola menyerang Srivijaya dan Tanah Melayu pada tahun 1023M, di antara negeri-negeri yang turut dimusnahkan ialah Gangga Negara.²⁵

Parameswara Menubuhkan Kerajaan Melaka


Parameswara ialah pengasas Kerajaan Melayu Melaka. Mengikut D.G.E. Hall dalam bukunya, *"A History of South-East Asia"* Parameswara bermakna "Suami Permaisuri". Ini kerana Parameswara ialah suami kepada puteri raja Majapahit.²⁶ Mengikut sejarah lisan Sumatera, Parameswara ialah putera Raja Palembang dari dinasti Silendra yang telah berkahwin dengan seorang puteri Majapahit. Oleh kerana tragedi perselisihan politik raja Majapahit dan raja yang dibantunya telah kalah, Parameswara telah melarikan diri ke Temasik (Singapura), untuk mengelakkan diri dari serangan Majapahit. Beliau telah disambut baik oleh Temagi wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik pada masa itu. Tidak berapa lama kemudian, dengan sokongan orang-orang Melayu, beliau telah berjaya membunuh Temagi dan menjadi pemerintah baru Temasik. Raja Pahang dan Pattani juga saudara Temagi atas perintah kerajaan Siam telah menyerang Temasik. Parameswara terpaksa melarikan diri ke Muar. Di Muar beliau merasa tidak selamat dan melarikan diri ke Melaka.²⁷

Pada masa itu Melaka merupakan sebuah penempatan kecil atau kampung. Kampung ini terletak di Kuala Sungai Melaka dan didiami oleh kira-kira 200 keluarga yang kebanyakannya terdiri daripada Orang Laut yang sebahagiannya berasal dari keturunan bekas askar laut Palembang. Orang Laut ini menjadi nelayan dan pelaut yang berani dan cekap. Selain dari itu mereka juga bercucuk tanam.

²⁵ *Ibid.*, hal.41.

²⁶ Hall, D.G.E., *op.cit.*, hal.1193

²⁷ *Ibid.*, hal.194.



Perjalanan Parameswara ke Melaka


Pedagang-pedagang asing yang belayar di Selat Melaka takut Orang Laut ini. Orang Laut yang termasuk juga orang-orang Melayu dari Palembang itu telah menyambut kedatangan Parameswara dan seterusnya menjadikannya sebagai ketua. Mengikuti Tom Pires di dalam bukunya *Suma Oriental*, kerajaan Melaka telah diasaskan oleh Parameswara pada tahun 1400M. Ketokohan Parameswara sebagai seorang pemimpin, anak raja Palembang dan menantu raja Majapahit telah membantu beliau memajukan Melaka. Pada mulanya Parameswara dan orang-orangnya telah mengadakan sekatan ke atas kapal-kapal pedagang asing yang melalui Selat Melaka supaya singgah di Melaka dan mendapatkan surat-surat kebenaran serta membayar cukai. Dari sini, Melaka telah berkembang menjadi pelabuhan dan pusat perdagangan mengambil-alih pelabuhan-pelabuhan di Sumatera Timur. Kepadatan kemajuan Melaka sebagai pusat perdagangan ini bukan sahaja kerana kebijaksanaan Parameswara tetapi juga kerana kedudukan Melaka yang strategik. Kuala Sungai Melaka pada masa itu dalam dan terlindung dari ombak dan angin kencang yang merbahaya.

Kapal-kapal perdagangan dari China ke India dan Arab-Parsi serta sebaliknya singgah berlabuh di Melaka.

Kerajaan Siam dan Majapahit kedua-duanya telah mendakwa Semenanjung Tanah Melayu jajahan takluknya. Walau bagaimanapun kerajaan Majapahit pada masa itu menghadapi zaman keruntuhan. Oleh itu apabila pada tahun 1403M Melaka dikunjungi oleh seorang utusan dari China bernama Yin-Ching, Parameswara telah mengambil peluang untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Maharaja Ming dan meminta bantuan untuk menentang Siam. Pada tahun 1405M beliau telah menghantar utusan ke negeri China untuk mendapatkan pengiktirafan dengan segera. Pada tahun 1405M juga sebuah angkatan perang tentera laut China di bawah pimpinan Laksamana Cheng Ho (Zheng He) melawat ke negeri Melaka sebagai mengesahkan pengiktirafan Melaka oleh China. Kemudian pada tahun 1411M Parameswara sendiri telah ke negeri China sebagai membalas lawatan ini dan telah disambut baik oleh Maharaja China pada masa itu yang bernama Yung Lo. Perhubungan baik di antara negeri Melaka dan China ini telah menguatkan lagi kedudukan Melaka sebagai kuasa politik dan pusat perdagangan di rantau ini.²⁸

²⁸ *Ibid.*, hal.195.

KEDATANGAN ISLAM KE NUSANTARA



Teori Kedatangan Islam ke Nusantara

Sehingga kini terdapat berbagai-bagai teori yang masih dibincangkan oleh ahli-ahli sejarah tentang kedatangan Islam ke Nusantara. Menurut D.G.E. Hall, rantau Nusantara adalah mencakupi Kepulauan Melayu iaitu Pulau Sumatera, Jawa, Sulawesi, Borneo, Semenanjung Tanah Melayu dan juga Filipina.¹ Antaranya ada teori yang menyatakan kedatangan Islam ke Nusantara dari India, Arab, China dan Champa. Namun hingga kini, penyelesaiannya masih belum ditemui lagi. Ini berlaku kerana kurangnya bukti-bukti yang menunjukkan tarikh dan tempat yang pertama di Nusantara yang menerima kedatangan Islam.

Kedatangan Islam ke Nusantara berkait rapat dengan aktiviti perdagangan. Jika ditinjau, semua kerajaan di Nusantara pada zaman silam adalah terletak sama ada di pertengahan ataupun di persimpangan jalan laut. Negeri-negeri berkenaan juga terkenal dalam bidang politik. Pedagang-pedagang dari Asia Barat datang ke Nusantara khusus untuk mendapatkan emas, bijih timah, bekalan rempah ratus dan kapur barus untuk dipasarkan di Asia Barat. Aktiviti

¹ Haji Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hal.85.

seumpama ini berlaku sejak sebelum lahirnya Islam dan sehinggalah membawa kepada kedatangan Islam di rantau ini.

Ada sebilangan ahli sejarah yang mengatakan Sumatera telah menerima Islam sejak dari abad ketujuh atau lapan Masehi lagi. Sejarahwan barat pula mengatakan Islam di Tanah Melayu muncul apabila Parameswara memeluk Islam pada tahun 1414M.² Keadaan ini berlaku kerana mereka berpandukan kepada berbagai sumber antaranya ialah *Lapuran Marco Polo* yang menyatakan Perlak adalah daerah pertama di Sumatera yang menerima kedatangan Islam. Menurut rekod Sejarah China pula, orang-orang Arab telah sampai ke Pulau Jawa pada tahun 674M dan disamping itu telah wujud sebuah perkampungan Islam di pantai Sumatera Barat pada tahun 684M. Jika catatan ini benar, bermakna Islam telah sampai ke Nusantara pada abad ketujuh Masehi lagi atau abad pertama Hijrah.³

Menurut "*Hikayat Raja-Raja Pasai*" daerah yang mula-mula menerima Islam di Sumatera ialah Pasai. "*Sejarah Melayu*" pula menyatakan Pangsir, Lamri, Aru dan Perlak diislamkan oleh Nakhoda Ismail dan Sultan Muhammad atau Fakir Muhammad.⁴ Kesimpulannya, hingga kini belum ada lagi teori yang boleh diterima oleh semua pihak tetapi timbul pula tandanya sama ada Islam di Nusantara datangnya dari India, Arab atau China dan Champa.⁵

Teori Kedatangan Islam Dari India

Masyarakat India amat bergantung kepada aktiviti perdagangan sebagai sumber ekonomi selain dari pertanian. India telah menjalankan hubungan perdagangan dengan Parsi dan Asia Barat sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Mereka menjalankan hubungan sama ada melalui jalan laut atau jalan darat. Sementara itu pada kurun ketujuh Masehi telah muncul agama Islam dan pedagang Islam telah menjadi orang tengah di antara pedagang-pedagang Timur seperti India dengan

² Mohd Jamil Mukmin, *Sejarah Perkembangan Islam*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hal. 307.

³ Jayaudin Janaudin, Ruziatul Adibah Adnan, *Sejarah Islam : India-Nusantara-China*, Penerbitan Elman, Kuala Lumpur, 1991, hal. 126.

⁴ Haji Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal 97.

⁵ Haji Ishak, *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1990, hal. 53-55

orang-orang Eropah. Negeri India telah menerima Islam sejak dari zaman Khalifah Othman ibni Affan yang telah memerintahkan Abdullah ibni Amir, gabenor Iraq supaya membuat peninjauan ke India bagi mengetahui suasana politik, pentadbiran dan kebudayaan negeri itu.⁶

Teori yang mengatakan Islam datang dari India telah disokong oleh ahli sejarah seperti J.P. Moquette, S.Q. Fatimi, Snouck Hurgronje dan Marrison. Menurut Snouck Hurgronje, seorang yang terkenal dengan *Teori Otoktoni* mengatakan masyarakat Nusantara sentiasa memandangkan ke India terutamanya dalam aspek sosio-budaya.⁷ Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya ciri-ciri sosio-budaya India di Nusantara. Ini diperkuatkan lagi dengan bukti India telah menerima Islam secara menyeluruh terlebih dahulu dari Nusantara. Kesan dari hubungan perdagangan yang dijalinkan antara India dan Nusantara secara tidak langsung telah menyebarkan Islam ke rantau ini. Menurutnya, India Selatan adalah tempat asal agama Islam yang tersebar ke Nusantara dan tahun 1200M adalah tarikh kemungkinan agama Islam mula-mula bertapak di Nusantara. Kenyataan ini disokong oleh Brian Harrison dan menurutnya India pada masa lampau telah menjadi tumpuan bagi masyarakat Nusantara untuk mendapatkan inspirasi budaya. Oleh itu, apabila Islam diperkenalkan ke India, maka negeri India pula memperkenalkannya ke Nusantara.⁸

Seorang lagi sejarawan iaitu S.Q. Fatimi di dalam bukunya, "*Islam Comes To Malaysia*", berpendapat Islam di Nusantara dibawa dari Gujerat.⁹ Ini berdasarkan kepada aspek hubungan perdagangan. Pada masa itu Gujerat merupakan pusat penyebaran agama Islam yang penting di India setelah ditakluki oleh Sultan Alauddin Khilji. Memang tidak dinafikan saudagar-saudagar Islam pada masa itu sering berulang-alik ke Nusantara atas urusan perdagangan. Pendapat ini disokong oleh catatan Marco Polo, (1298M) dan J.P. Moquette. Menurut J.P. Moquette bukti batu nisan di perkuburan Malek Ibrahim di Gerisek, Jawa (1419M) dan Malikus Saleh di Pasai (1428M) yang

⁶ G.E. Marrison, *The Coming Of Islam To East Indies*, JMBRAS, 1951, hal.31-36.

⁷ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal.57.

⁸ Jayaudin Jamaudin, Ruziatul Adibah Adnan *op. cit.*, hal.133.

⁹ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal.58.

mempunyai barangan ciri-ciri buatan Gujerat telah cukup menjadi bukti.¹⁰

Ada yang meragui hipotesis di atas kerana Kerajaan Islam Pasai didirikan pada tahun 1042M sedangkan pada masa itu Gujerat masih lagi belum menerima Islam. Gujerat hanya menerima Islam pada 1301M. Wujudnya batu nisan yang berciri sama di tempat-tempat tersebut kemungkinan disebabkan terdapatnya pelbagai kemudahan dari segi urusan jual beli dan pengangkutan dari Gujerat.


Namun G.E. Marrison menentang pendapat J.P. Moquette. Beliau berpendapat kedatangan Islam ke Samudera-Pasai lebih awal dari kemunculan Gujerat sebagai pelabuhan Islam iaitu pada tahun 1402M. Menurutnya, Islam datang dari Benggala iaitu sezaman dengan pemerintahan Sultan Muhammad Ghori sedangkan Gujerat pada masa itu masih berada di bawah pemerintahan Hindu lagi. Fakta ini dikuatkan lagi dengan melihat kepada mazhab di Nusantara adalah sama dengan mazhab di Benggala iaitu mazhab Syafie. Masyarakat Gujerat adalah pengikut mazhab Hanafi.¹¹ Kenyataan ini disokong oleh T.W. Arnold dalam bukunya, *"The Preaching Of Islam."*¹²

Berpandu kepada beberapa pendapat di atas, menampakkan tiada kata sepakat di kalangan ahli sejarah berkenaan dari daerah manakah Islam datang dari India ke Nusantara. Ada yang mengatakan dari Gujerat di barat India atau Benggala di sebelah timur India atau Malabar di selatan India. Tetapi, dari fakta sejarah yang ada, kedatangan agama Islam ke Nusantara berlaku lebih awal dari abad ke-13M. Islam telah bertapak di Nusantara sejak dari abad pertama Hijrah atau sejak abad ketujuh Masehi lagi. Namun, pendakwah Islam dari India turut memainkan peranan dalam konteks penyebaran agama Islam di Nusantara bersama-sama dengan pendakwah dari Arab terutamanya di sekitar abad ke-13M.

¹⁰ E.O. Winstedt, *The Advent Of Muhammadinism To The Malay Peninsula And Archipelago*, JMBRAS, 1971, Hal. 175.

¹¹ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 175.

¹² T.W. Arnold, *The Preaching Of Islam*, Lahore, SM, Ashraf, 1975, hal. 363-364.



Jalan Perdagangan Orang Arab ke Alam Melayu dan Negeri China

Kedatangan Islam Dari Arab

Masyarakat Arab memang terkenal dengan aktiviti perdagangan sebelum lahirnya Islam lagi. Aktiviti ini berterusan sehinggalah lahirnya Islam pada abad ketujuh Masehi. Pedagang-pedagang Asia Barat dalam kegiatan perdagangan dengan China dalam perjalanan pergi balik dikatakan telah singgah di India dan Nusantara. Jalan laut ini dikenali dengan nama "Jalan Sutera Laut", sementara jalan darat melalui Asia Tengah dikenali dengan nama "Jalan Sutera Darat". Antara pelabuhan di Nusantara yang pernah disinggahi mereka, antaranya ialah Lamri, Barus, Nicabar, Andaman, Kedah, Pahang dan Melaka. Masyarakat Arab telah menjalankan perdagangan di Nusantara sejak dari masa itu lagi. Ada juga di kalangan pedagang Arab pada masa itu beragama Islam. Para pedagang Arab-Islam datang ke Nusantara bertujuan bagi mendapatkan keperluan barang-barang dagangan seperti emas, rempah-ratus dan kapur barus. Apabila Khalifah Umar al-Khattab (634-644M) menduduki Rumawi dan Parsi telah menyebabkan ramai orang-orang Parsi memeluk Islam. Langkah seumpama ini telah dituruti oleh bangsa Parsi datang ke Perlak dan Pasai pada masa itu.

Menurut John Crowford menerusi bukunya, "*History of The Indian Archipelago*," beliau menyokong Islam di Nusantara adalah dari Arab.¹³ Ini terbukti ketika Dinasti Umayyah dan Abbasiyah menunjukkan orang-orang Arab-Islam ketika itu sudahpun bertapak di Nusantara. Ini kerana mereka mempunyai angkatan laut yang kuat sehingga dapat belayar dengan mudah ke negeri-negeri di sebelah timur.

Mengikut catatan China pada abad pertama Islam (abad ketujuh Masehi), di Sumatera ada orang-orang Arab pada 684M dan membuat perkampungan di bahagian barat pulau berkenaan.¹⁴ Ini diperkuatkan lagi dengan adanya bukti bahawa Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan (661-680M) pernah mengirim utusan kepada Lokitarvarman, Raja Srivijaya. Utusan itu lebih berbentuk seruan supaya Raja Srivijaya memeluk Islam di samping menjalankan hubungan perdagangan.

¹³ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal.53.

¹⁴ D.S. Richard, *Islam and The Trade of Asia*, Penyslvania, 1970, hal. 109.

Walau bagaimanapun, kegiatan dakwah di Nusantara oleh pendakwah Arab lebih berjaya pada masa Khalifah Umar b. Abdul Aziz (717-720M). Hasil dari kegiatan dakwahnya telah berjaya mengislamkan Raja Srivijaya pada masa itu iaitu Srinindravarman pada tahun 718M.¹⁵

Sejak dari abad kelapan dan sembilan Masehi lagi sudah ramai saudagar-saudagar Arab, Parsi dan India tertumpu di Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Mereka bukan sahaja menjalankan aktiviti perdagangan malah ada diantaranya terus menetap di rantau ini. Hasil dari proses asimilasi, agama Islam berjaya disebarkan di rantau Nusantara baik melalui kegiatan dakwah ataupun perkahwinan dengan penduduk tempatan.

Di dalam, Hikayat-hikayat Melayu Lama misalnya *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Sejarah Melayu* dan sebagainya ada menyebut tentang kedatangan pendakwah-pendakwah Arab ke rantau ini seperti Syeikh Abdullah, Syeikh Ismail, Syarif Mekah dan lain-lain.¹⁶ Ini telah membantu memperkuat hipotesis yang agama Islam di Nusantara adalah dari Arab. Tokoh-tokoh sejarah seperti Wang Gungwu, C.A. Majul dan Thomas Arnold mengatakan pedagang-pedagang Arab telah menguasai perdagangan di Mesir, India, Nusantara dan Negeri China sejak Zaman Pra Islam lagi hingga ke abad kesembilan Masehi.¹⁷ Ini telah diakui oleh catatan Sejarah China yang mengatakan orang-orang Arab Selatan adalah pelaut yang mula-mula sekali mengharungi Laut Hindi. Mereka telah menjadi orang tengah di antara saudagar Eropah dengan Kepulauan Melayu.

Menurut Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, hampir ke semua penulisan bercorak keagamaan di Kepulauan Melayu berasal daripada tulisan atau rujukan penulis-penulis Arab dan bukannya penulis India atau China. Ini terbukti apabila banyak kitab tempatan yang dirujuk sebagai sumber utama adalah dari bahasa penulis Arab dengan tidak menampakkan unsur-unsur Indianisme.¹⁸

¹⁵ *Ibid.*, hal. 108-111

¹⁶ T.W. Arnold, *op.cit.*, 363-364.

¹⁷ *Ibid.*, hal. 365.

¹⁸ S.M.Naquib al attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamisation Of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hal. 10.

Sejak abad ke-17 dan sebelumnya, semua bukti penulisan agama yang dikaji tidak menunjukkan sebarang penulis daripada keturunan India atau tulisan yang berasal dari India. Penulis yang dikatakan oleh sarjana-sarjana barat sebagai keturunan dari India sebenarnya adalah keturunan Arab dan Parsi dan apa yang dikatakan sebagai Parsi sebenarnya adalah keturunan dari Arab sama ada ditinjau dari segi etnik dan budaya. Pendakwah-pendakwah awal jika ditinjau dari segi nama gelaran mereka dapat dipastikan sebagai seorang Arab atau Parsi, malah terdapat juga tulisan yang berasal dari Turki atau Maghribi, tetapi apa yang lebih penting bahawa pengajaran agama itu bercorak Timur Tengah, bukan India.

Kesimpulannya, berpandu kepada catatan, lapuran dan batu nisan jelas menunjukkan bahawa agama Islam di Nusantara dibawa dari Tanah Arab. Jika kita lihat dari aspek perdagangan, hubungan antara Asia Barat dengan Nusantara sudah wujud sebelum lahirnya Islam lagi. Jadi, disamping berdagang di Nusantara mereka turut menjalankan kegiatan dakwah Islam.

Teori Kedatangan Islam Dari China dan Champa

Aktiviti perdagangan telah menjalinkan hubungan diantara orang-orang Arab dengan China sejak sebelum lahirnya Islam lagi. Negeri-negeri di Nusantara telah dijadikan medan pertemuan bagi pedagang-pedagang tersebut. Teori kedatangan Islam dari China telah dipelopori oleh seorang saintis berbangsa Sepanyol bernama Emanuel Godinho. Pada 1613M, agama Islam telah dibawa ke Pattani dan Pam di persisiran pantai timur dan selepas itu disebarkan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka.¹⁹

Prof. Muhammad Syed Naquib al-Attas mengatakan terdapat seramai 120,000 orang Islam di Canton ketika pemerintahan Dinasti Tang. Malah, menurut tulisan itu lagi orang-orang Arab-Islam telah datang ke China pada zaman pemerintahan Maharaja Tai Tsuing dari Dinasti Pang (627-650M).²⁰ Pendakwah pertama yang sampai ke negara itu ialah Wahab ibni Abi Kabsyah yang diutus oleh Rasulluah

¹⁹ Jayadin jamaudin, Ruziatul Adibah Adnan, *op. cit.*, hal 134-135

²⁰ *Ibid.*, hal. 135

s.a.w. yang telah pergi ke Canton. Usaha ini diteruskan oleh Saad ibni Abi Waqqas pada zaman Khalifah Othman ibni Affan yang mana beliau telah meletakkan batu asas sebuah masjid di Canton.

Pada tahun 879M, telah berlaku satu pemberontakan oleh kaum tani terhadap Dinasti Tang. Untuk menyelesaikan pemberontakan ini, pemerintahan Dinasti Tang mengarahkan semua pertempatan asing di pelabuhan dimusnahkan. Akibatnya, ramai orang-orang Islam yang tinggal di kawasan tersebut telah melarikan diri ke selatan terutama ke Champa, Kedah dan Palembang. Dalam buku, "*The History Of Yuan Dynasty*", ada catatan tentang kedatangan Shamsuddin dan Sulaiman dari kerajaan Pasai untuk menghadap Maharaja China pada tahun 1281M. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan pembinaan masjid di Nusantara seperti Kelantan, Melaka dan Pulau Jawa yang ada unsur-unsur seni bina China.²¹


Bagi menguatkan hipotesis ini, beberapa buah batu nisan yang telah ditemui di Nusantara telah dijadikan bukti. Antaranya batu nisan bertarikh 419H atau 1028M yang terdapat di Pekan, Pahang dan Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu bertarikh 702H atau 1303M.

Di dalam buku, "*Islam Comes To Malaysia*", karya S.Q. Fatimi, telah memetik catatan sejarah Dinasti Sung yang menyebut bahawa perkembangan Islam telah berlaku di sepanjang pantai laut China pada tahun 1000 hingga 1471M yang didirikan oleh pelarian-pelarian golongan Syiah Alawiyah dari Damsyik. Kemudian mereka melarikan diri ke Acheh.²² Beliau juga menyamakan Batu Bersurat Terengganu dengan batu nisan yang dijumpai ke Leran dekat Gerisek di Jawa yang bertarikh 1082 dan batu nisan di Phan Rang, Champa Selatan bertarikh 1035 dan 1039M. Kesemua ini membuktikan bahawa Islam datang ke Nusantara melalui arah timur iaitu China dan Champa.

Ada juga sarjana yang membuat hipotesis bahawa Islam datang ke Nusantara dari Champa atau Kampuchea kerana Islam telah berkembang di Champa sejak abad kelapan Masehi. Menurut sumber sejarah China, Phan-Rang di Champa telah menerima Islam pada tahun 960M. Manakala di Champa telah ditemui batu nisan bertulis kuffi bertarikh 1039M dan sebuah batu tugu bertarikh 1025M dan 1033M. Ini menunjukkan hubungan antara Champa dengan

²¹ *Ibid.*, hal. 136.

²² *Ibid.*, hal. 135.



Peta perjalanan Batutah (1325-1354 Masihi).

Nusantara telah lama wujud iaitu sejak abad ketujuh melalui hubungan perdagangan, perniagaan dan perkahwinan.

Di dalam Sejarah Melayu ada menyebut bahawa Indra Vermu anak kepada Raja Champa telah lari bersama-sama pengikutnya ke Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1450-1374M) dan beliau diberi sambutan hangat dan dijadikan Menteri.²³ Ada juga catatan sejarah yang menyebut bahawa salah seorang Raja Champa bernama Shah Po Ling telah datang ke Aceh untuk menubuhkan kerajaannya di sana. Sewaktu beliau memerintah, banyak kesan Champa ditinggalkan di sana terutamanya dari segi bahasa. Hubungan Champa dengan Nusantara terus berjalan hingga abad ke-19 dan ke-20M. Wujudnya perhubungan di antara Nusantara dengan Champa sejak abad ketujuh lagi. Maka, hipotesis Islam di Nusantara datang dari Champa tidak dapat ditolak.


Kedatangan Islam ke Sumatera

Di dalam Sejarah Melayu, kemasukan Islam ke Sumatera telah dibawa oleh seorang Arab bernama Abdullah Arif.²⁴ Beliau telah tiba di Aceh pada pertengahan abad ke-12M dan berjaya mengislamkan Johan Shah pada 1205M. Pada masa itu, Sumatera adalah pusat persinggahan bagi pedagang-pedagang dari Tanah Arab, Parsi dan India. Ada di antara mereka yang mengambil keputusan menetap di kota-kota di persisiran pantai Sumatera. Mereka telah menjalankan Islamisasi ke atas penduduk tempatan dan juga pemimpin masyarakat. Ada di antaranya yang berkahwin dengan wanita tempatan dan ini turut membantu penyebaran Islam di Sumatera.

Pada abad ke-13M kedudukan agama Islam di Sumatera telah bertambah kukuh. Berdasarkan catatan Ibnu Batutah dan Marco Polo, pada abad ke-14M, Islam telah mula tersebar di Perlak dan Pasai atau digelar "Samudera-Pasai". Perlak dikatakan menerima Islam lebih awal dari Pasai. Pengislaman Pasai berlaku sejurus sebelum pengislaman melalui perkahwinan antara Merah Silu iaitu Sultan Malikus Saleh, pemerintah pertama Pasai dengan Puteri Ganggang dari Perlak yang

²³ Abdullah Haji Ishak, *op.cit.*, hal. 109-110.

²⁴ Jayaudin Jamaudin, Ruziatul Adibah Adnan, *op.cit.*, hal. 128.



Peta lakar Asia Tenggara menurut Butir-Butir daripada Carta Pelayaran Sulaiman al-Mahri.

Sumber : Disesuaikan dari G.R. (1979) *A Study of the Texts Containing material on South East Asia*, E J Brill, Lrden & London

telah terlebih dahulu memeluk Islam. Baginda telah diislamkan oleh seorang ulama dari Makkah bernama Syeikh Ismail. Tindakan memeluk Islam oleh Malikus Saleh itu telah menjadikan Pasai kerajaan Islam yang kuat dan pusat penyebaran Islam di rantau ini.

Pasai juga merupakan sebuah pusat penterjemahan dan keilmuan. Banyak kitab dan hikayat-hikayat dari Tanah Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Sultan Mansur Syah, pemerintah Melaka pernah mengiriskan kitab Darul Mazlum pemberian Maulana Abu Bakar dari Jeddha, untuk diterjemahkan di Pasai. Manakala Sultan Mahmud Syah pula pernah merujuk masalah agama kepada Samudera-Pasai untuk dicari penyelesaian. Usaha Sultan Malik al-Saleh menyebarkan Islam di Sumatera telah diteruskan oleh putera sulungnya, Malik al-Zahir.

Pada 1345M Raja Sumatera iaitu Malik al-Zahir II (1326-1348M) yang telah didatangi oleh seorang pengembara Arab dan Islam yang terkenal iaitu **Ibnu Batutah**.

Di dalam usaha untuk menyebarkan agama Islam beberapa cara telah dilakukan. Antaranya, melalui kegiatan perdagangan. Pasai pula menyebarkan agama Islam melalui perluasan jajahan takluk. Malik al-Zahir pernah melancarkan peperangan ke atas negeri-negeri jiran yang belum menerima Islam. Hingga penghujung abad yang ke-15, agama Islam telah muncul sebagai satu-satunya agama yang unggul di sepanjang pesisiran pantai dan daerah pedalaman di Sumatera. Aceh telah muncul sebagai sebuah kerajaan Islam yang terkenal di Alam Melayu. Kerajaan Minangkabau telah beransur-ansur menjadi kerajaan Islam. Akhirnya, semua kawasan di Sumatera telah menerima Islam kecuali daerah tanah Batak hingga kini.

Melaka Menerima Islam

Peranan Melaka di dalam menyebarkan agama Islam di Nusantara memang tidak dapat disangkal. Melaka yang wujud sebagai kerajaan terunggul di Asia Tenggara telah memainkan peranan di dalam perkembangan Islam melalui pelbagai cara. Peranan Melaka mula menonjol apabila Parameswara memeluk Islam pada abad ke-15. Peranan Parameswara di dalam membangunkan Melaka sebagai pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara memang tidak dapat

dinafikan. Malangnya, baginda sentiasa menerima ancaman daripada kerajaan Siam. Jadi, apabila utusan Maharaja Ming daripada China Laksamana Cheng Ho, Parameswara telah mengambil kesempatan meminta Maharaja China mengiktiraf beliau sebagai Raja Melaka dan mendapatkan perlindungan dari China. Kesemua tindakan ini di atas alasan keselamatan dan ini menyebabkan baginda terselamat dari ancaman Siam.

Di dalam *Sejarah Melayu*, pengislaman Parameswara bermula apabila baginda bermimpi bertemu dengan Rasulullah S.A.W. dan diajar membaca *kalimah syahadat*. Kemudian, satu rombongan pedagang dari Jeddah yang diketuai oleh seorang ulama iaitu Saiyid Abdul Aziz telah singgah di pelabuhan Melaka. Rombongan tersebut telah mengislamkan raja dan orang-orang besar negeri Melaka.²⁵ Hasil dari kedua-dua peristiwa tersebut, Parameswara telah mengubah namanya kepada Megat Iskandar Syah pada 1414. Prof. S.Q. Fatimi mengakui bahawa mimpi adalah salah satu ciri penting dalam proses penerimaan agama Islam di Nusantara. Agama Islam berkembang di Melaka secara aman damai tanpa sebarang rintangan. Selepas itu Parameswara telah berkahwin dengan Puteri Raja Pasai (Perlak) bernama Puteri Ratna Keumala. Parameswara telah berjaya membangunkan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran agama Islam di Nusantara. Usaha ini telah diteruskan oleh pemerintah-pemerintah selepasnya. Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488M) telah mengambil tindakan menguatkan undang-undang Islam di Melaka. Melaka terkenal kerana kebijaksanaan pemerintah-pemerintahnya dan peranan sebagai pusat perdagangan serta penyebaran Islam telah menempatkannya sebagai kuasa yang ulung di persekitaran Selat Melaka ketika itu.


Penyebaran Islam di Melaka turut dibantu oleh pembesar-pembesar negeri. Misalnya Bendahara Paduka Raja Tun Perak, telah melakukan penyebaran agama Islam melalui perluasan jajahan takluk dan kuasa Melaka. Negara-negara yang ditakluki cenderung untuk memeluk agama Islam atas sebab-sebab kemurnian agama Islam itu sendiri, keselamatan, inginkan keistimewaan dan sebagainya. Selain dari itu, berlaku juga penyebaran Islam ke negeri-negeri lain melalui perkahwinan politik di antara pemerintah atau kerabat pemerintah

²⁵ W.G. Shellebear, *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977, hal. 54-56.

Melaka dan juga minat mereka untuk-meninggikan pengetahuan yang berkaitan dengan agama Islam menyebabkan kehadiran ramai ulama ke Melaka. Di antaranya termasuklah Makhdum Saiyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Kadi Yusuf. Kesan pengajaran agama Islam telah mengujudkan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Hasilnya Melaka telah dijadikan pusat perkembangan berbagai ilmu iaitu kebudayaan, kesusasteraan, perundangan dan tasawuf.

Dalam masa kemuncak kemajuan negeri Melaka, empayar negeri itu telah meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa daerah di Sumatera Timur iaitu Jambi, Siak, Rokan, Inderagiri, Kampar, Bangkalis, Pulau Karimun, Bentan dan Riau. Malah Melaka telah berjaya menyebarkan Islam hingga ke Pulau Jawa dan lain-lain daerah di Nusantara ini. Malangnya semua usaha ini terhenti pada tahun 1511M apabila Portugis menawan Melaka dan Aceh pula telah mengambil peranan Melaka.

KESULTANAN MELAYU MELAKA



Melaka Sebagai Sebuah Empayar

S*ejarah Melayu* menggambarkan Melaka sebagai sebuah empayar Melayu yang teguh dan stabil di bawah satu susunan politik tradisional yang teratur. Sejurus selepas kerajaan Melaka ditubuhkan oleh Parameswara, Melaka telah dimajukan sebagai sebuah pusat perdagangan di Nusantara. Perkembangan Melaka turut dibantu dengan pemeluk Islam oleh Parameswara pada tahun 1414M. Kemudian baginda telah berkahwin dengan Puteri Pasai yang juga telah memeluk agama Islam. Selain sebagai pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara pada masa itu, Melaka juga berperanan sebagai pusat perkembangan agama Islam di Nusantara. Dalam zaman pemerintahan Parameswara, Melaka telah menjalin hubungan dengan China atas tujuan untuk mendapatkan perlindungan dari ancaman Siam.

Kedudukan agama Islam di Melaka semakin kukuh di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Melaka seterusnya telah mencapai zaman kegemilangan pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah dengan dibantu oleh Bendahara Tun Perak dan Laksamana Tun Tuah. Pada zaman itulah Melaka telah menjadi empayar yang disegani dan digeruni di Nusantara.

Bagi mengekalkan keagungan empayar Melaka, pemerintah Melaka menjalankan dasar luar yang positif. Melaka telah membuat



Parameswara dan Pelanduk Putih

hubungan yang baik secara diplomasi atau sebaliknya secara perang dengan satu-satu negeri. Cara diplomasi yang dimaksudkan jelas dapat dilihat melalui perkahwinan dengan puteri-puteri dari negara-negara berkenaan. Misalnya Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan puteri Majapahit, Raden Galoh Cendera Kirana dan dengan Puteri Hang Li Po dari China.¹

Perkahwinan politik di atas telah memberi dua keuntungan Melaka. Pertama, Melaka mendapat perlindungan dari kuasa besar ini dan kedua kedatangan orang-orang China dan Majapahit akan memakmurkan lagi empayar Melaka. Ini sekaligus akan dapat menggalakkan pula hubungan perdagangan dengan kedua-dua buah kerajaan besar itu.

Di dalam usaha meluaskan kuasa, Melaka menjalankan dasar penaklukan ke atas negara-negara jiran di Semenanjung Tanah Melayu

¹ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal. 95-96.

atau pun di timur Sumatera. Negeri yang di bawah empayar Melaka pada zaman keagungannya ialah Aru, Kampar, Siak, Siantan, Manjung, Inderagiri, Jambi, Lingga dan Riau di Sumatera dan seluruh negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Usaha penaklukan ini amat bergantung kepada kekuatan dan kecekapan sultan-sultan yang memerintah Melaka.

Unsur-unsur Islam dengan jelas dapat dilihat melalui nama Sultan Melaka yang memerintah diubah kepada nama Arab atau Parsi setiap kali mereka menaiki takhta kerajaan. Parameswara telah ditukar kepada Megat Iskandar Syah, Raja Kassim ke Sultan Muzaffar Syah, Raja Abdullah ke Sultan Mansur Syah, Raja Hussain ke Sultan Alauddin Riayat Syah dan Raja Mahmud ke Sultan Mahmud Syah.

Parameswara (1400-1424M)

Parameswara dikatakan orang yang bertanggungjawab menubuhkan kerajaan Melaka. Pada zaman awal Parameswara, wilayah Melaka hanya merupakan sebuah pertempatan yang kecil. Parameswara telah memeluk Islam sekitar abad yang ke-15 dan ini adalah titik tolak perkembangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Parameswara adalah seorang anak raja dari Palembang iaitu jajahan takluk Majapahit yang telah terlibat dalam peperangan merebut takhta kerajaan di Majapahit pada akhir abad yang ke-14. Beliau telah lari mencari perlindungan ke Temasik yang pada masa itu di bawah kuasa Siam. Parameswara telah membunuh Temagi wakil pemerintah Siam dan akibatnya beliau telah diusir keluar. Seterusnya Parameswara telah lari ke Muar dan kemudiannya ke Melaka.²

Di dalam *Sejarah Melayu*, Parameswara telah memeluk Islam melalui seorang ulama dari Jeddah pada tahun 1414 dan nama baginda telah diubah kepada Megat Iskandar Syah. Peristiwa ini bermula pada suatu malam apabila baginda bermimpi telah bertemu dengan Nabi Muhammad S.A.W. dan baginda telah diajar mengucap kalimah syahadat. Seterusnya pada keesokan harinya, serombongan pedagang dari Jeddah telah singah di Melaka dan mereka inilah yang dipercayai telah mengislamkan Raja dan para pembesar Melaka.³

² *Ibid.*, hal. 91-93

³ W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977, hal 55.

Semasa pemerintahan Parameswara, baginda telah berjaya meletakkan asas kemajuan negeri Melaka sebagai pusat perdagangan dan pengembangan agama Islam di rantau ini. Agama Islam telah dikembangkan melalui perdagangan dan perkahwinan. Melaka adalah pusat persinggahan atau transit bagi pedagang-pedagang dari timur dan barat. Ini kerana ada dua jenis angin monsun yang menentukan panduan dan arah pergerakan kapal. Melalui persinggahan ini, pedagang-pedagang Arab secara tidak langsung menyebarkan agama Islam. Ada juga di antara pedagang-pedagang berkenaan yang berkahwin dengan penduduk tempatan.

Perkahwinan Parameswara dengan Puteri Pasai ternyata telah banyak membawa kebaikan kepada kedua-dua kerajaan. Melaka dan Pasai sering bertukar-tukar perwakilan untuk mempelajari aspek-aspek theologi Islam. Buktinya, beberapa buah buku terdapat dalam istana Melaka seperti *Hikayat Saiyidina Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah* dan lain-lain lagi.

Perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam di Nusantara pada masa itu telah menunjukkan



Kedadaan Melaka semasa kedatangan Parameswara
pada awal abad ke 15

tanda-tanda kepesatan. Ini adalah hasil dari sistem pentadbiran yang kemas. Perlulah kita lihat latar belakang Parameswara sendiri telah membantu perkembangan Melaka. Parameswara berasal dari Srivijaya iaitu salah sebuah kerajaan yang terkenal di Nusantara sebelum lahirnya Melaka. Oleh yang demikian beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang pemerintahan dan sosio ekonomi Srivijaya. Semasa lari dari Srivijaya, Parameswara telah membawa bersama sekumpulan orang laut bersamanya. Orang Laut ini telah banyak membantu Parameswara terutama dalam membasmi lanun di Perairan Selat Melaka. Keadaan iklim dan tanah di Melaka yang kurang sesuai untuk pertanian telah menyebabkan Parameswara memajukan Melaka sebagai sebuah pelabuhan yang memberikan sumber ekonomi kepada negeri itu. Kesannya, pelabuhan Melaka telah maju dan berjaya menampung hampir dua ribu buah kapal yang berbagai saiz untuk satu masa. Sistem cukai, tatacara dan urusan jual beli yang teratur telah diwujudkan.

Akibat dari kepesatan kemajuan Melaka, pelabuhan ini telah dibanjiri oleh pedagang-pedagang Arab yang memang terkenal sebagai pedagang yang berjaya pada ketika itu. Di samping berdagang, mereka juga telah berkesempatan mengajar agama. Surau (madrasah) dan masjid telah dijadikan tempat mengajar agama. Malah Sultan sendiri telah bersama pembesar-pembesar negeri menunaikan sembahyang terawih di masjid pada bulan Ramadhan.*

Perkembangan Melaka yang pesat dalam bidang perdagangan dan penyebaran agama Islam adalah hasil dari sistem pentadbiran yang kemas serta keadaan negeri Melaka yang harmoni. Ini menghasilkan jajahan Melaka makin luas. Di barat, jajahan Melaka adalah hingga ke Bernas Ujung Karang, timur hingga ke Terengganu. Parameswara telah membangunkan Melaka sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang maju dan makmur kerana keselamatan Selat Melaka yang bebas dari lanun. Ini ditambah lagi dengan kedudukannya yang strategik. Pendek kata, Parameswara telah berjaya meletakkan asas kerajaan yang kukuh di Alam Melayu pada masa itu.

* *Ibid.*, hal. 60



Syeikh Abd Aziz bersembahyang di Pantai Melaka pada tahun 1414M

Sejarah Melayu melukiskan kebesaran dan kekayaan Melaka seperti berikut,

"...Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala pedagang pun berkampung; maka dari Ayer Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampung Keling datang ke Kuala Penajih ini pun tiada berputusan; jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang; dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga."

Selanjutnya *Sejarah Melayu* menyatakan,

"Maka Hang Nadim pergilah naik kapal Hang Isap, kerana pada masa itu orang Melaka ratalah berkapal belaka."



Kota Melaka dalam abad ke 15 (setelah kedatangan Islam)

Sultan Muzaffar Syah (1446-1456M)

Sultan Muzaffar Syah amat bertuah kerana mewarisi Melaka setelah keadaannya stabil. Ini akibat dari perlindungan yang diberikan oleh China ke atas Melaka. Jadi apabila Raja Kasim yang bergelar Sultan Muzaffar Syah menaiki takhta, baginda telah memperluaskan empayar Melaka.⁵

Pada zaman Sultan Muzaffar Syah, keluasan politik Melaka mula berkembang. Empayar Melaka mula meluas sehingga ke Dinding, Selangor, Muar, Singapura, Bentan dan Pahang. Baginda adalah pemerintah Melaka pertama yang menguasai kedua-dua pantai Selat Melaka, apabila beliau menguasai Inderagiri, Kampar (di Sumatera) yang mengawal pengeluaran lada hitam dan emas dari pedalaman Minangkabau.

⁵ *Ibid.*, hal. 63-65.

Jadi, perluasan agama Islam telah dijalankan ke jajahan takluk Melaka itu. Apabila menakluk sesebuah kerajaan itu, Sultan Muzaffar Syah terus menjalankan dasar pengislaman. Seperti juga Parameswara, Sultan Muzaffar Syah juga menggalakkan mubaligh-mubaligh dari Melaka berhijrah ke negeri-negeri jajahan Melaka dengan tujuan menyebarkan agama Islam. Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya, agama Islam turut disebarkan melalui perkahwinan.


Selama 10 tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah keunggulan Melaka sebagai pusat perkembangan agama Islam semakin terserlah. Memang sudah menjadi adat Melaka pada masa itu, tindak - tanduk raja akan menjadi ikutan. Untuk itu, tindakan Parameswara dan Sultan Muzaffar Syah dalam mengerjakan suruhan Islam telah menjadi ikutan rakyat. Sultan Muzaffar Syah jugalah yang memasukkan hukum-hukum Islam ke dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*. Di dalam *Sejarah Melayu* dinyatakan,

*"Syahdan, adalah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan terlalu baik fiel baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa segala rakyat, dan ialah menyuruh membuat undang-undang supaya jangan bersalahan adat segala hukum menterinya."*⁶


Sultan Mansur Syah (1456-1477M)

Apabila menaiki takhta, Raja Abdullah telah mengubah namanya kepada Sultan Mansur Syah yang bererti Raja yang dilindungi Allah daripada segala seterusnya. Seterusnya semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, empayar Melaka telah berkembang dan mencapai kemuncak kegemilangannya. Tun Perak Bendahara Melaka yang unggul telah membantu Melaka menawan Pahang. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah, Melaka telah didatangi oleh seorang Maulana bernama Abu Bakar dari Jeddah membawa kitab *Darul Mazlum*. Apabila sampai di Melaka beliau telah disambut dengan kebesaran negeri dan *Darul Mazlum* diarak hingga ke balairong. Kitab ini adalah mengenai ilmu tasawuf dan dikatakan ditulis dalam dua bahasa iaitu bahasa 'dzat' dan bahasa 'sifat'. Kemudian kitab



⁶ *Ibid.*, hal. 65-66.



EMPAYAR MELAKA



- 1 PENANGGAHAN
- 2 ISTANA BESAR
- 3 MASJID
- 4 PEMANDIAN
- 5 BALAIRONG
- 6 NOBAT
- 7 BALAI APIT PINTU YANG DARI KIRI
- 8 BALAI APIT PINTU YANG DARI KANAN
- 9 BALAI MENDAPA



Istana Sultan Mansur Syah L.K. 1460M.



Istana Kesultanan Melaka



Sultan Melaka menerima menghadap pedagang-pedagang dari Arab, India, China dan lain-lain negara di Nusantara



Laksamana Cheng Ho

Darul Mazlum itu diterjemahkan ke dalam bahasa *af' al'* pula oleh Maulana Abu Bakar yang ditugaskan untuk menyampaikan pengajaran ilmu ke Melaka. Kitab itu kemudiannya dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan kandungannya ke dalam bahasa Melayu.

Sultan Mansur Syah dan para pembesar negeri berguru dengan Maulana Abu Bakar. Sultan Mansur Syah dianggap sebagai "patron" terhadap perkembangan agama Islam di Melaka kerana baginda amat mengambil berat tentang masalah-masalah agama. Baginda telah mewujudkan jawatan *kadi* dan *fakih*. Mereka ini tidak kurang pentingnya dengan pembesar-pembesar lain. Peranan ulama ini adalah bersangkutan dengan hal ehwal agama dan hukum-hukum Islam. Sultan Mansur Syah telah mengislamkan ramai orang Kemboja (Campa). Ketua mereka Syah Indera Berma dan isterinya. Kini Mertam diserapkan ke dalam kelas bangsawan. Bila bertembung dengan persoalan seperti kekekalan syurga dan neraka, baginda merujuk ke Pasai yang lebih matang dalam pengajian dan pengajaran ilmu tasawuf dan usuluddin.

Sultan Mansur Syah amat mementingkan ajaran Islam hinggan sebelum mangkat baginda telah menasihatkan puteranya supaya beriman dan mempunyai pekerti yang baik. Baginda juga menasihatkan puteranya supaya memerintah dengan adil. Ini kerana




Perigi Hang Li Po dan Bukit China di sebelah belakangnya.

semua perbuatannya akan dibalas oleh Allah di kemudian hari. Sejarah Melayu menggambarkan :

*"Ketahui olehmu, hai anakku, bahawa yang dunia ini tiada akan kekal adanya...Dan janganlah lagi khali engkau keluar dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong, jikalau teraniaya ia hendaklah engkau periksa baik-baik, supaya di akhirat tiada diberatkan Allah ke atas lehermu, kerana sabda Nabi S.A.W : Kullukum rain wa kullukum masulun an raiyyatihi, yakni segala yang membela lagi ditanyai daripada kebelaan kamu...."*⁷⁶

Kesimpulannya, peranan Sultan Mansur Syah di dalam perkembangan agama Islam di Melaka amat besar. Peranan baginda telah diteruskan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah yang memerintah Melaka dari tahun 1477 hingga 1488M.

⁷⁶ Ibid., hal. 126.



Peta Pelayaran Laksamana Cheng Ho atau Zheng He. Beliau pernah mengadakan pelayaran sebanyak tujuh kali sepanjang hidup beliau ke Asia Tenggara, Asia Barat dan Afrika. Setiap pelayarannya beliau pasti singgah di Melaka

Diantara Senjata-Senjata
Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka



Rentaka



Keris Sultan Muzaffar Syah
(1446-1456M)



Lembing



Pending



Batu nesan Sultan Mansur Syah (Sultan Melaka 1456 - 1477).
Ditemui di Bukit St. Paul pada tahun 1918. Kedudukannya dipercayai
telah dialih oleh Portugis semasa pemerintahannya di Melaka.



Batu Nesan Makam Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488)
dijumpai di Ulu Pagoh, Muar.

Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488M)

Sultan Mansur Syah digantikan oleh anakanda baginda Raja Husin yang memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. Nampaknya, Sultan Alauddin Riayat Syah telah meneruskan usaha Sultan Mansur Syah di dalam mengembangkan ajaran Islam dan seterusnya memerintah berlandaskan undang-undang Islam. Ini kerana baginda telah diwasiatkan oleh ayahandanya. Dengan sebab itu baginda lebih ke arah "action-oriented."

Di peringkat permulaan lagi baginda menumpukan perhatian terhadap kemakmuran dalam negeri. Baginda seorang yang amat tegas dan berani. Ini terbukti pada suatu malam baginda sendiri bersama dua orang pengiring baginda, Hang Isap dan Hang Siak telah keluar untuk menangkap pencuri. Dua dari tiga orang pencuri itu telah dibunuh. Tindakannya itu mempunyai persamaan dengan cara pentadbiran yang dilakukan oleh Saidina Umar Al-Khattab, Khalifah Islam yang kedua selepas wafat Rasullullah.

Di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, empayar Melaka menjadi makmur. Semasa pemerintahan baginda, undang-undang Islam telah diketatkan di Melaka. Hinggakan baginda mengeluarkan perintah barang siapa yang didapati mencuri, tangannya akan dipotong. Pada zaman sebelumnya, hukuman ke atas penjenayah adalah mengikut hukuman adat. Sultan Alauddin Riayat Syah telah mengimplementasikan Undang-undang Islam bagi membendung masalah jenayah yang berleluasa di Melaka pada ketika itu. Undang-undang potong tangan ini ada dinyatakan di dalam *Hukum Kanun Melaka*. Dengan pelaksanaan undang-undang Islam ini, Melaka telah menjadi aman dan makmur. Semasa baginda sedang gering, baginda telah mewasiatkan kepada anakanda baginda Raja Muhammad supaya mengerjakan suruhan Allah, sabar serta memerintah secara adil.⁹ Setiap tindakan yang hendak diambil mestilah dikaji terlebih dahulu dengan semasak-masaknya. Segala perihal ini digambarkan di dalam *Sejarah Melayu* di hal. 138.

⁹ Mohammad Yusof Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 113

¹⁰ Dr. Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 98.

"Ketahuilah olehmu tuan-tuan sekalian, bahawa umur kita telah pautlah, ajal kita pun telah hampir masanya. Jikalau kita mati, bahawa anak kita Si Muhammad inilah rajakan oleh Bendahara ganti kita...Hai anakku, hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiatku ini, dan supaya berkat engkau diberi Allah Subhanahu wataala." ¹¹

Sultan Alauddin dikatakan mangkat semasa baginda sedang membuat persiapan untuk menunaikan fardhu haji di Makkah.


Sultan Mahmud Syah(1488-1511M)

Sultan Mahmud Syah adalah anakanda Sultan Alauddin Riayat Syah beribukan Tun Senaja. Nama asal baginda sebelum menaiki takhta ialah Raja Mamud. Baginda adalah sultan yang terakhir memerintah Melaka sebelum Melaka jatuh ke tangan Portugis. Pada masa pemerintahan baginda, pembesar-pembesar negeri adalah lemah. Kegiatan rasuah dan penyelewengan berleluasa. Baginda tidak dapat menghapuskannya. Di dalam *Sejarah Melayu* ada diterangkan bahawa sewaktu ditabalkan menjadi Sultan, baginda masih kecil. Dengan sebab itu, pemerintahan Melaka telah dilakukan oleh Bendahara dan juga Laksamana beserta pembesar negeri. Ada di antaranya yang tidak suka dengan pertabalan Sultan Mahmud. Antaranya ialah Seri Bija Diraja yang mengeluarkan kenyataan bahawa dia tidak mendengar wasiat Sultan Alauddin Riayat Syah. Perasaan dendam terhadap pembesar yang tidak menyukainya telah menyebabkan Sultan Mahmud bertindak tanpa pertimbangan di dalam pemerintahannya. Pemerintahan Sultan Mahmud sudah mula menunjukkan tanda-tanda ketidakstabilan tanpa Laksamana, Bendahara dan pembesar-pembesar yang berkalibar.¹²

Walaupun demikian, sebagaimana raja-raja Melaka yang lain, Sultan Mahmud juga sebagai penakluk. Umpamanya dikerahkan Paduka Tuan menyerang dan menakluki Manjong, Kelantan sambil mempertahankan Pahang daripada serangan Raja Legor. Kebesaran

¹¹ W.G. Shellabear, *op.cit.*, hal 138

¹² *Ibid.*, hal. 139.



PERKEMBANGAN ISLAM DI ASIA TENGGARA

taraf Melaka dapat dikekalkan. Beberapa Raja negeri asing seperti Raja Abdul Jamil dari Pahang, Raja Abdullah dari Kampar dan seorang raja dari Kedah telah dinobatkan oleh baginda. Cau Seri Bangsa, raja Siam telah memeluk agama Islam apabila baginda dapat menakluki kota Mahligai. Kemudiannya beliau telah menaungi Pattani dan telah memerintahkan raja Pattani Ukon Pola ke Melaka dan hasilnya beliau telah dinobatkan dengan gelaran Sultan Ahmad Syah oleh Sultan Mahmud Syah.

Walaupun Sultan Mahmud sering digambarkan mempunyai sikap-sikap yang negatif, baginda sanggup berjalan kaki untuk belajar agama. Baginda juga mempelajari agama daripada Maulana Sadar Johan dan menitikberatkan ajaran Islam ke atas putera-puteranya. Di satu ketika, baginda pernah menghantar utusan ke Pasai bagi menyelesaikan masalah perkataan antara *Ulamak Mawar'n-nahar* dengan *Ulamak Khurassan* dan *Ulamak Benua Iraq*.

Kelemahan di kalangan pegawai-pegawai pemerintah ketika itu telah menyebabkan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M dan kekalahan ini telah menyebabkan Sultan Mahmud melarikan diri ke Johor dan akhirnya ke Kampar. Sultan Mahmud begitu menekankan agama Islam hinggalah sebelum menghembuskan nafas yang terakhir. Ketika hampir mangkat, Sultan Mahmud sempat meninggalkan pesanan kepada penggantinya agar berperikemanusiaan, adil dan bertaqwa kepada Allah. Ini dapat dilihat melalui petikan di dalam *Sejarah Melayu* :

*"Hei anakku dan cahaya mataku, engkau kerajaan, hendaklah sangat sabarmu, barang sesuatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian Hulubalang, sangat-sangat adil saksama dan hukum atas bala tenteramu, jangan engkau dengar-dengaran barang sembah orang yang tiada sebenarnya, sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, kerana ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu, dan jangan taksir daripada manafahus dan memeriksai atas rakyatmu supaya sentosa kerajaan engkau."*¹¹

¹¹ W.G. Shellabear, *op.cit.*, hal 219.

Hubungan Melaka dengan Siam

Parameswara adalah pemerintah Melaka yang berpandangan jauh. Ketika membuka Melaka, beliau sedar tentu terdapat saingan dari negeri sekitarnya kerana Melaka adalah sebuah kerajaan yang kecil. Tambahan pula Parameswara pernah melakukan kesalahan yang besar terhadap kerajaan Siam. Ini berikutan daripada tindakannya yang telah membunuh wakil Siam iaitu Temagi yang memerintah Temasik.

Setelah membuka Melaka, beliau menyedari bahawa ancaman Siam memang tidak dapat dielakkan. Parameswara tunduk kepada Siam dengan membayar ufti tahunan sebanyak 40 tahil emas. Ia berlarutan hinggalah Parameswara menjalinkan hubungan dengan China bagi tujuan mendapatkan perlindungan. Ini kerana China merupakan kuasa besar yang amat ditakuti di rantau ini. Semenjak dari itu, Melaka tidak lagi menghantar ufti kepada Siam. Walaupun Siam berura-ura ingin menyerang Melaka, namun disebabkan amaran China, Siam membatalkan niatnya.

Apabila hubungan China dan Melaka mulai renggang, Siam telah menyerang Melaka pada 1445 melalui jalan darat dan pada 1456M melalui jalan laut. Serangan ini dapat dipatahkan oleh angkatan tentera Melaka di bawah pimpinan Tun Perak. Selepas ini Melaka tidak lagi takutkan ancaman Siam kerana pada masa itu Melaka adalah sebuah kerajaan yang kuat di Nusantara. Malah kekuatan Melaka telah berjaya mengatasi kekuatan Siam. Atas nasihat Tun Perak, Sultan Mansur Syah telah menghantar utusan damai ke Siam iaitu Tun Telanai dan Menteri Jana Putera. Utusan itu telah disambut baik dan dianugerahkan seorang puteri Raja Siam iaitu Onang Minang Hang kepada Sultan Mansur Syah. Dasar luar berbaik-baik dengan negara serantau begini adalah semata-mata untuk mengekalkan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang penting dan pusat penyebaran agama Islam tanpa digugat oleh Siam lagi.

Hubungan Melaka dengan Negeri China

Hubungan antara kedua-dua buah negara ini telah bermula pada tahun 1403M apabila Laksamana Yin Ching datang ke Melaka dan mengajak bernaung di bawah kerajaan China. Pada tahun 1405 Laksamana

Cheng Ho (Zheng He), utusan Maharaja China yang beragama Islam telah melawat Melaka. Kesan dari lawatan ini, Maharaja China telah mengiktiraf Parameswara sebagai pemerintah yang sah. Pengiktirafan ini adalah semata-mata untuk memberi perlindungan dan menolak kemungkinan serangan Siam dan Majapahit. Ini tidaklah bermakna Melaka di bawah jajahan takluk China. Hubungan ini telah dieratkan lagi hasil lawatan Parameswara sendiri ke China pada tahun 1411M. Pada tahun 1414M, Parameswara telah sekali lagi pergi ke China dengan tujuan memberitahu Maharaja China bahawa beliau telah memeluk agama Islam dan memakai gelaran Megat Iskandar Syah.

Semasa pemerintahan Parameswara juga misi perdagangan dari China telah datang ke Melaka. Ini sekaligus memberi makna pengiktirafan dari kuasa besar ke atas Melaka. Pengiktirafan ini telah memberi dorongan kepada Melaka untuk menjadi kuasa penakluk di rantau ini. Manakala, bagi kerajaan China, hubungannya dengan Melaka banyak memberi manfaat dari segi ekonomi iaitu bagi memasarkan barangan dari negara tersebut di Nusantara.

Hubungan Melaka dengan China mulai renggang apabila kerajaan China mengamalkan dasar tutup pintu pada tahun 1430-an. Walau bagaimanapun semasa pemerintahan Tun Perak, hubungan Melaka-China telah berjaya dipulihkan. Pada zaman kegemilangan Melaka, corak perhubungan dengan China bertukar menjadi hubungan diplomasi dan Maharaja China menghadiahkan Puteri Hang Li Po kepada Sultan Mansur Syah.

Perhubungan rasmi kerajaan Melaka-China yang terakhir ialah pada 1511M apabila Sultan Mahmud Syah memohon bantuan ketenteraan untuk membantunya menghadapi serangan Portugis. China tidak dapat memenuhinya kerana pada masa itu ia dalam keadaan lemah. Kesimpulannya, hubungan Melaka-China telah membawa kemakmuran kepada Melaka dari segi politik dan ekonomi. Kedatangan pedagang-pedagang China ke Melaka juga semakin bertambah. Kedatangan Puteri Hang Li Po dengan pengiring berjumlah 500 orang yang kebanyakan beragama Islam dan telah mendiami Bukit Cina mengukuhkan lagi Islam di Melaka.



Bendahara Tun Perak Seri Maharaja

Bendahara Tun Perak

Tun Perak adalah anak kepada Seri Wak Raja. Beliau telah dilantik oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Penghulu Kelang. Kerana kebijaksanaanya beliau telah dilantik sebagai Bendahara Paduka Raja oleh Sultan Muzaffar Syah. Dalam *Sejarah Melayu* Bendahara Paduka Raja digambarkan seperti berikut :

*"Syahdan Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya : pertama, Majapahit, kedua, Pasai, ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana; di Majapahit Patch Aria Gajah Mada : dan di Pasai Orang Kaya Kanayah; dan di Melaka Bendahara Paduka Raja."*¹⁴

Tun Perak telah berkhidmat selama 42 tahun di bawah empat orang sultan. Selama berkhidmat sebagai Bendahara, beliau telah berjaya membina Empayar Melaka di samping memperkemaskan lagi dasar luar Melaka terutamanya dengan China dan Siam. Hasil daripada

¹⁴ *Ibid.*, hal. 93.

kebijaksanaan Tun Perak, angkatan perang Melaka telah berjaya mematahkan serangan Siam pada tahun 1445M dan 1456M di Batu Pahat. Hasil daripada nasihat beliau, Melaka telah menjalin persahabatan dengan Siam. Negara pertama yang dijajah oleh Melaka melalui Tun Perak ialah Pahang yang pada masa itu berada di bawah jajahan Siam pada tahun 1459M. Beliau kemudiannya berjaya menakluki Bengkalis, Kampar, Siak, Inderagiri, Kedah, Terengganu dan Pattani. Melalui penaklukan inilah Melaka dapat menyebarkan agama Islam secara tidak langsung. Malah, Tun Perak telah menasihati sultan supaya mengahwinkan puteri-puteri Melaka dengan pembesar-pembesar wilayah jajahan. Dengan ini, agama Islam dapat dikembangkan melalui perkahwinan politik. Tun Perak juga telah menyebarkan agama Islam ke Sungai Ujong kerana kawasan ini merupakan daerah kepunyaan Bendahara Tun Perak. Beliau turut bertanggungjawab menyebarkan agama Islam ke Selangor kerana beliau adalah bekas penghulu di daerah Kelang.

Bendahara Tun Perak telah berjaya menaikkan imej Melaka hingga disegani dan digeruni di rantau Nusantara pada waktu itu. Kemakmuran Melaka telah menyebabkan negeri-negeri di bawah naungannya berada di dalam keadaan yang selamat di bawah empayar Melaka. Kepesatan Melaka telah turut membantu fungsi Melaka sebagai pusat perkembangan agama Islam di rantau ini pada masa itu.

Pada masa ini nama beliau telah diabadikan pada nama-nama bangunan, sekolah, jalan dan lain-lain di seluruh negara.

Laksamana Hang Tuah

Dalam *Sejarah Melayu* peranan Hang Tuah sebagai Laksamana dan utusan raja amat penting. Beliau dibantu oleh empat sahabatnya yang juga pahlawan iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Likiu. Hang Tuah bersama-sama dengan Tun Perak, telah membantu Melaka meluaskan empayarnya. Ia bersesuaian dengan peranan sebagai seorang Laksamana Melaka pada masa itu yang berkhidmat di bawah tiga orang sultan iaitu Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah. Peranan Hang Tuah di dalam membantu menyebarkan agama Islam memang tidak boleh dinafikan. Beliau telah ditugaskan ke Majapahit, Pahang, Siak dan Kampar oleh



Hang Tuah

Sultan Mansur Syah bagi menegakkan kedaulatan kerajaan Melaka. Melalui tugas inilah secara tidak langsung agama Islam telah berkembang. Mengikut *Hikayat Hang Tuah*, beliau pernah membawa utusan Sultan ke negeri China, Jepun, India, Arab dan Rom, selain dari negeri-negeri di Nusantara. Jasa-jasa Hang Tuah ini telah menyebabkan beliau dianugerahkan oleh Sultan Mansur Syah gelaran "Orang Kaya Laksamana Tun Tuah". Pada masa ini nama beliau telah diabadikan pada nama-nama bangunan, sekolah, jalan dan lain-lain bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Indonesia, Brunei dan Selatan Thailand.

Mengikut *Hikayat Hang Tuah*, semasa beliau berperang dengan musuhnya Hang Tuah sering melaungkan kata-kata keramat perjuangannya iaitu, "TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA!" dan "PANTANG MELAYU SURUT PULANG!". Semboyan perjuangan ini beliau laungkan untuk membangkitkan semangat perwira-perwira Melayu di dalam menghadapi musuhnya. Di bawah ini diperturunkan petikan dari *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan Hang Tuah melaungkan kata-kata keramat ini semasa beliau menentang Portugis di Melaka :

"Bagaimanapun soldadu-soldadu Peringgi itu tiada pula berdiam diri kerana di sisi mereka ada juga sejenis senjata yang tiada kurang dahsyatnya dari kelengkapan-kelengkapan Hang Tuah iaitu meriam-meriam besar. Setelah mengetahui bahawa kelengkapan-kelengkapan Melaka yang di atas kapal-kapal itu tiada boleh dirapati maka mereka pun menggunakan meriam-meriam besar membedil kapal-kapal Melaka bagai hujan dan menyebabkan banyak perwira-perwira Melaka terbunuh. Hang Tuah juga luka di kakinya terkena bedilan Peringgi itu, dan ini menyebabkan angkatan Melaka berundur.

Maka dalam perjuangan itulah Hang Tuah bertempok-tempek dan laungan suaranya bergema di angkasaraya menyeru kata-kata hikmatnya: "TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA!" dan "PANTANG MELAYU SURUT PULANG!" Dengan semangat laungan keramat ini kapal-kapal angkatan Hang Tuah telah menyerang semula dengan dahsyatnya menyebabkan banyak kapal-kapal Peringgi rosak dan soldadu-soldadu Peringgi terbunuh. Maka kapal-kapal Peringgi yang terselamat pun berundur dan balik ke Portugal. Angkatan Hang Tuah pun kembali ke pengkalan dengan kemenangan yang besar."



Makam Hang Tuah

مکر هغ جیت مئیسب سکاکیست مکر هغ توه فون مهننت نیکل مکر برتیکم له ایم
 دشن هغ جیت سکا سرفه تنغی هغ توه برتیکم ایت تباد تنب کاکین کران
 لماد دلم نسونن ترانمکت ۲ کاکین سب لای سکیست این دان لایه لمفد
 مکر نرفندغ لکر کند کنه یو رجا دبله سب جیت در ی مولوه لاکو کرجا دان
 دیه تلنجغ مکر اوله هغ توه سبیل برتیکم ایت دکویسث دشن گلین کاین
 فرغوت ایت سزوه بر سمسوق روفان سفده کسبه هغ سکتیک برتیکم ایت
 کر س هغ توه فون لاکت کفد دیند یغ استان ایت مکر سکر دتیکم هغ
 جیت کن هغ توه مکر سکر دیه کلینکن اولیه هغ توه تباد کنا مکر کات
 هغ توه مغفکه افکر مئیکم اولو لای لکت کر س کواپ کات انکو لای ۲
 مکر کات هغ جیت بیک له فغکل اولیه مکر هغ توه سکر امپنتد کن
 کر سث ترچا بوه مکر برتیکم له فولاکد وان سکتیک برتیکم لاکت فولاء
 کر س هغ توه کفد شیغ مکر سکر دیه نیکم هغ جیت مکر سکر دیه کینشو
 کن شیغ توه سبیل مهننت مکر کر سث هغ توه ترچا بوه سما ستریک سما فده
 کد وه بر فوسیع سفره جنترا مکر ترتیکم له کر س هغ جیت کفد دیند یغ
 مکر سکر دتیکم هغ توه در ی بلا کغ تر کسا کوه لو هاتیت مکر کات هغ جیت

Petikan naskah Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)
 yang mengkisahkan pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Tun Fatimah

Dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat beberapa orang tokoh wanita yang secara tidak langsung telah memberi sumbangan kepada kestabilan empayar tersebut. Diantaranya ialah Puteri Ratna Keumala, Puteri Pasai, isteri Megat Iskandar Syah (Parameswara), Tun Kudu, isteri Sultan Muzaffar Syah, Raden Galoh Chendera Kirana (Puteri Majapahit), Tun Teja dan Hang Li Poh, isteri Sultan Mansur Syah dan Tun Fatimah, isteri Sultan Mahmud Syah.


Di antara tokoh wanita tersebut yang paling termasyhur ialah Tun Fatimah, iaitu anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, Bendahara Melaka yang kelapan. Dalam *Sejarah Melayu*, Tun Fatimah digambarkan sebagai seorang gadis yang sangat cantik. Catatannya adalah sebagai berikut:

"Maka tersebutlah perkataan peri baik paras anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah, terlalu sekali elokny, tiada tercela lagi, sedap manis pantas bagus, seperti laut madu, bercahaya-cahaya, berkilat, seperti bulan purnama ketika cuaca. Tambahan anak Bendahara pula barang lakunya dan barang pakaian larangan semua dipakainya, makin bertambah-tambah baik parasnya."

Tun Fatimah telah berkahwin dengan Tun Ali anak Seri Nara Diraja, Tun Tahir. Semasa Sultan Mahmud menghadiri majlis perkahwinan mereka, baginda jatuh hati dengan Tun Fatimah. Baginda sangat murka dan mendendami Bendahara Tun Mutahir kerana beliau tidak memaklumkan kepada baginda yang beliau mempunyai anak perempuan yang begitu cantik. Nina Sura Dewana, Raja Mendaliar dan Si Kitul yang sangat bencikan Bendahara Tun Mutahir telah mengambil kesempatan di atas peristiwa ini. Mereka telah memberi emas dan perak kepada Laksamana Khoja Hassan supaya menyembahkan kepada Sultan Mahmud yang Bendahara Tun Mutahir merancang untuk merampas kuasa dan ingin menjadi sultan. Mendengar berita ini Sultan Mahmud sangat murka dan tanpa usul periksa telah memerintahkan agar Bendahara Tun Mutahir dan seluruh ahli keluarganya dihukum bunuh. Tun Mutahir dan seluruh ahli keluarganya termasuklah Tun Ali, suami Tun Fatimah telah dibunuh kecuali Tun Fatimah dan anak



Tun Fatimah, Sri Kandi Melaka



Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Tan Sri Abdul Aziz Tapa sedang berdoa di Makam Sultan Mahmud Syah dan Tun Fatimah di Pekan Tua, Kampar, Riau, Sumatera semasa lawatan rombongan Melaka ke sana pada 14 Julai 2003

kecil Tun Hamzah, anak Seri Nara Diraja. Kemudian Tun Fatimah telah diperisterikan oleh Sultan Mahmud.

Mengikuti buku *Tun Fatimah* karangan Harun Aminurrashid, Tun Fatimah bukan sahaja terkenal kerana kecantikan tetapi juga sifat-sifat kepahlawanannya. Beliau bersama rakan-rakan wanita yang lain telah mempelajari ilmu kepahlawanan seperti pencak-silat dan sebagainya dan merupakan wirawati-wirawati Melaka. Mengikuti buku tersebut, Tun Fatimah bersama-sama wirawati-wirawati Melaka pernah keluar istana menentang soldadu-soldadu Portugis, pengiring Diego Lopez de Sequeira yang membuat kacau di pasar. Kekuatan serangan Tun Fatimah dan rakan-rakannya menyebabkan soldadu-soldadu Portugis itu lari bertempiran menyelamatkan diri ke kapal mereka.

Setelah beberapa lama Tun Fatimah menjadi pemaisuri Melaka, akhirnya Sultan Mahmud mendapat tahu hukuman yang telah dijatuhkan ke atas Tun Mutahir itu adalah fitnah semata-mata daripada Raja Mendaliar dan Si Kitul. Baginda tersangat murka dan telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada Raja Mendaliar, Si Kitul dan seluruh keluarga mereka. Pergaduhan di antara pembesar-pembesar Melaka ini telah menjadi salah satu punca besar mengapa Melaka jatuh ke tangan Portugis.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M, Sultan Mahmud dan isterinya, Tun Fatimah bersama-sama angkatannya telah berundur ke Johor, Pahang, Bentan (Riau) dan akhir sekali ke Kampar (Riau). Mengikuti Tenas Effendi seorang sejarawan dan budayawan Riau di dalam kertaskerjanya yang bertajuk "*Sultan Mahmud al-Marhum Kampar – dalam Mitos Rakyat Pahlawan*", apabila tiba di Kampar, Sultan Mahmud telah menjadi Sultan Pekantua Kampar dan Tun Fatimah digelar Cik Puan Sri Kampar. Hasil perkahwinan Sultan Mahmud dengan Tun Fatimah telah dianugerahkan dua orang puteri dan seorang putera, iaitu Raja Puteh, Raja Khatijah dan Raja Ali. Raja Ali kemudiannya telah dilantik menjadi sultan bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah II dan baginda telah mendirikan pusat pentadbiran kerajaan Johor Lama. Tenas Effendi telah menceritakan, mengikut cerita-cerita rakyat di Kampar, Sultan Mahmud dan Cik Puan Sri Kampar selain dari menjadi raja dan permaisuri, adalah merupakan pahlawan-pahlawan yang handal. Sultan Mahmud dan Cik Puan Sri Kampar bersama-sama rakyat Kampar, Inderagiri, Siak, Bentan dan lain-lain telah beberapa kali

menyerang Portugis di Riau dan Melaka tetapi telah gagal. Sultan Mahmud telah mangkat di Kampar pada tahun 1528M dan dikenali sebagai "Al-Marhum Kampar". Setelah Tun Fatimah mangkat beliau dikebumikan disisi makam Sultan Mahmud di Kampartua.

Perjuangan Tun Fatimah sepanjang hayat untuk mengembalikan kedaulatan Melaka khususnya menentang Portugis menyebabkan beliau digelar "Tun Fatimah Serikandi Melaka". Pada masa ini nama beliau diabadikan melalui nama Pingat Tun Fatimah, Sekolah Tun Fatimah di Johor, dan Jalan Tun Fatimah serta Stadium Tun Fatimah di Melaka.

Kejatuhan Melaka

Parameswara telah mengasaskan Kerajaan Melaka pada abad ke-15 dan seterusnya telah berjaya meletakkan asas Melaka sebagai pusat perkembangan agama Islam di rantau ini. Walau bagaimanapun, kegemilangan Melaka tidak dapat bertahan lama. Kegemilangan Empayar Melaka telah berakhir pada 1511M oleh beberapa faktor. Sultan Mahmud Syah adalah pemerintah empayar Melaka yang terakhir. Pada zaman baginda, Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah telah meninggal dunia. Pembesar-pembesar selepas itu adalah lemah. Melaka sudah hilang kekuatannya sebagai sebuah empayar yang digeruni di rantau Nusantara.

Kebanyakan negeri-negeri di bawah naungan Melaka cuba melepaskan diri dari Melaka dan bertindakbalas terhadap Melaka seperti Kedah, Pattani, Kelantan, Terengganu, Pahang, Siak dan Aru. Pembesar-pembesar Melaka mulai berbalah sesama sendiri. Mereka mengamalkan rasuah, penyelewengan dan berpecah-belah. Contohnya perbalahan pembesar keturunan Melayu - Islam dan Tamil - Islam. Sultan sendiri tidak dapat mengawal keadaan ini. Ia bertambah tenat apabila di saat - saat akhir Portugis menyerang Melaka, Sultan Mahmud telah membunuh Bendaharanya Tun Mutahir, di atas fitnah Raja Mendaliar yang menuduh Tun Mutahir hendak menjadi raja. Dikatakan bahawa Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Syah adalah pemerintah yang lemah dan tidak menghiraukan kepentingan agama dan rakyat. Baginda tidak mampu menguasai pembesar-pembesarnya sendiri. Menurut R.O. Winstedt,

baginda hanya berperanan sebagai ketua negara tanpa sebarang kuasa.¹⁶


Kuasa dan kekayaanlah yang menjadi punca utama perbalahan di antara Tun Mutahir Bendahara Sri Maharaja daripada keturunan Melayu-Islam dan Raja Mendalir Dato' Syahbandar keturunan Tamil-Islam. Kekayaan kedua-dua pembesar ini digambarkan di dalam Sejarah Melayu sebagai berikut :

Maka tersebutlah perkataan ada seorang Keling diam di Melaka, jadi Syahbandar, Raja Mendaliar namanya, terlalu kaya; pada zaman itu tiadalah ada taranya dalam Melaka itu, sekali persetua, Raja Mendaliar duduk menghadap Bendahara Seri Maharaja, maka kata Bendahara, "Hai Raja Mendaliar, hendaklah tuan hamba berkata benar, berapa ada emas tuan hamba?" Maka kata Raja Mendaliar, "Tunku, emas sahaya tidak banyak, ada lima bahara." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Lebih hanya sebahara emas kita daripada emas Raja Mendaliar."

Adapun akan Bendahara Seri Maharaja, sediakala ia menyuruh mencari, tiada pernah rosak; maka Bendahara Seri Maharaja asyik-asyik dikampungnya segala anak cucunya, maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Hei budak-budak, maukah engkau memandang emasku?" Maka sahut anak buah Bendahara, "Mau, Datuk." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Pergilah ambil peti arah kamu itu." Maka segala anak buah Bendahara pun pergilah mengambil peti itu diusungnya, beramai-ramai, dibawanya ke hadapan Bendahara Seri Maharaja. Maka oleh Bendahara disuruhnya buka, tuangkan pada tikar, disuruhnya sukut dengan gantang. Maka kata Bendahara Seri Maharaja pada segala anak buahnya, "Ambil olehmu segenggam seorang, buat permainan."

Keadaan ekonomi Melaka mulai tidak stabil. Sesungguhnya kepesatan pelabuhan dan perdagangan Melaka adalah bergantung kepada kestabilan politik Melaka. Oleh kerana keadaan Melaka tidak stabil, kebanyakan pedagang telah mengalih perhatian ke Aceh, Pattani dan Brunei. Mereka tidak berpuas hati di atas layanan pilih

¹⁶ R.O. Winstedt, *op.cit.*, hal. 58.



Perjalanan Sultan Mahmud Syah berundur dari Melaka

kasih yang diamalkan oleh Syahbandar. Sistem cukai tinggi dan tidak adil sebanyak enam peratus untuk pedagang luar manakala pedagang tempatan cuma tiga peratus. Selain dari itu dikenakan cukai tambahan diraja enam peratus untuk pedagang asing dan tiga peratus untuk peribumi. Ini menyebabkan ekonomi Melaka lumpuh kerana Melaka amat bergantung kepada perdagangan sebagai sumber ekonomi. Apabila Portugis menyerang Melaka, pedagang-pedagang asing turut membantu Portugis. Ini kerana mereka merasa tidak puas hati atas layanan yang diberikan oleh pembesar-pembesar negeri ke atas mereka. Mereka sering dibezakan terutama dalam hal cukai. Serangan yang begitu sistematik yang dilancarkan oleh Portugis telah berjaya menjatuhkan empayar Melaka pada 25 Julai 1511. Rakyat Melaka tidak melakukan persediaan yang cukup untuk menentang serangan ini terpaksa menerima kekalahan tersebut dan Sultan Mahmud Syah sendiri telah berundur ke Johor bersama-sama dengan pengikutnya dan seterusnya membina sebuah kerajaan baru di sana. Kemudian baginda bersama isterinya Tun Fatimah ke Kampar dan mangkat di sana.

- SULTAN-SULTAN DAN BENDAHARA-BENDAHARA
PADA KURUN KE-15 DAN KE-16


SULTAN		BENDAHARA
PARAMESWARA	1400	Tun Perpatih Besar Bendahara Seriwa Raja
Memeluk Agama Islam pada tahun 1414 dengan gelaran MEGAT ISKANDAR SYAH (Mangkat umur 80)	1414 - 1424	
RAJA KECHIL MUDA PADUKA SRI MAHARAJA SULTAN MUHAMMAD SYAH	1424 - 1444	Bendahara Seri Amar di-Raja
RAJA IBRAHIM PARAMESWARA DEWA SYAH SULTAN ABU SHAHID	1444 - 1446	Tun Perpatih Sandang Sedang Bendahara Seri Wak Raja (Anak Tun Perpatih Besar)
RAJA KASSIM SULTAN MUZAFFAR SYAH	1446 - 1456	1. Tun Perpatih Sandang bunuh diri makan racun 2. Tun Ali Sri Nara di-Raja 3. Tun Perak (Anak Tun Perpatih Sandang) Bendahara Paduka Raja
RAJA ABDULLAH SULTAN MANSUR SYAH	1456 - 1477	Tun Perak
RAJA HUSAIN SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SHAH I	1477 - 1488	Tun Perak
RAJA MAHMUD SULTAN MAHMUD SYAH (Mangkat di Kampar, Sumatra 1529)	1488 - 1511	1. Tun Perak 2. Tun Perpatih Puteh Adik Tun Perak 3. Tun Mutahir Anak Tun Ali Bendahara Seri Maharaja (Dibunuh 1510) 4. Bendahara Tepok (Anak Tun Perak) (Mati 1512 di Segamat)

SUSUNAN SISTEM PEMERINTAHAN
KESULTANAN MELAYU MELAKA



Sistem Perundangan Melaka


- Kerajaan Melaka mempunyai undang-undang bertulis.
- Undang-undang yang diamalkan ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Hukum Kanun Melaka digunakan untuk mentadbir negeri, dan Undang-undang Laut Melaka berkaitan dengan peraturan-peraturan di laut.
- Menurut sumber Sejarah Melayu, kedua-dua undang-undang ini disusun semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah pada pertengahan kurun ke-15.
- Kedua-dua undang-undang ini menjamin keamanan dan Undang-undang Laut Melaka melicinkan pentadbiran kerajaan Melaka.



Struktur pentadbiran dalam sebuah kapal menurut Undang-Undang Laut Melaka

Hukum Kanun Melaka		Hukum Kanun Melaka
Kandungan : a) Undang-undang keluarga b) Larangan-larangan diraja seperti larangan menggunakan bahasa istana di kalangan rakyat c) Hukum jenayah dan hal awam d) Tanggungjawab raja dan pembesar e) Undang-undang Islam dan hukum adat	P E R U N D A N G A N M E L A K A	Kandungan : a) Kuasa pegawai-pegawai b) Hukum pembahagian hak perniagaan c) Hukum dan larangan-larangan dalam pelayaran d) Hal di laut iaitu kedudukan pegawai di atas kapal dalam pelayaran e) Dipengaruhi oleh undang-undang Islam dan hukum adat

MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN ISLAM DI TANAH MELAYU



Melaka termaktub di dalam lipatan sejarah dunia kerana telah memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu khususnya dan di Alam Melayu amnya. Peranan sebagai pusat penyebaran agama Islam ini dipikul oleh Melaka serentak dengan penubuhan dan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka dalam abad ke-15 sehinggalah Melaka tewas di tangan kuasa penjajah Portugis pada tahun 1511M.

Peranan dan perkembangan agama Islam di Melaka merupakan suatu peristiwa penting dan bersejarah kerana ekoran dari peristiwa itulah sebahagian besar penduduk Malaysia hari ini menganut agama Islam dan ia juga termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia sebagai agama rasmi. Kewujudan dan perkembangan dakwah Islam di Melaka sebenarnya telah berjaya menyekat dan melemahkan cita-cita pengluasan pengaruh politik dan pengaruh langsung budaya-agama dari Buddhist-Thai mahupun Hindu-Majapahit. Keagungan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam juga menjadi salah satu faktor mendorong orang-orang Portugis-Kristian menaklukinya dalam usaha melemahkan pengaruh Islam.

Sekiranya diteliti dari penemuan-penemuan sejarah, Melaka bukanlah tempat pertama bertapaknya agama Islam di Tanah Melayu. Kedatangan Islam ke Melaka adalah diandaikan pada peringkat


penyebaran pengaruh di mana peringkat pertama dan kedua telah berlaku di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Mengikut *sejarahwan*, *kedatangan Islam dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat persinggahan, pertapakan dan penyebaran pengaruh*. Peringkat persinggahan dipercayai telah berlaku sejak zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi. Pada peringkat ini iaitu sebelum kurun ke-15M lagi, pedagang-pedagang Arab-Parsi yang beragama Islam sudah pun berlegar-legar di kawasan Asia Tenggara. Keadaan ini berlaku kerana keperluan pedagang-pedagang terhadap barang-barang yang terdapat di Asia Tenggara seperti kapur barus, rempah, lada dan sebagainya. Kedatangan pedagang-pedagang ini di samping untuk berdagang, mereka juga turut mengembangkan Islam di pelabuhan-pelabuhan yang mereka singgahi. Walau bagaimanapun bukti-bukti yang jelas mengenai kedatangan Islam ke Tanah Melayu peringkat persinggahan ini terhad dan masih kabur lagi.

Bukti-bukti yang ditemui pada peringkat kedua kedatangan Islam ke Tanah Melayu iaitu peringkat pertapakan lebih meyakinkan. Di antara yang ditemui adalah batu nisan Langgar, Kedah bertarikh 291H/903M. Walaupun agama Islam telah bertapak terlebih dahulu di negeri-negeri tersebut tetapi tidak berjaya muncul sebagai pusat penyebaran agama Islam di Alam Melayu.

Sehubungan dengan itu kebolehan Melaka muncul sebagai pusat pengembangan Islam melewati negeri-negeri lain yang terlebih dahulu menerima kedatangan Islam tentunya disokong oleh ciri-ciri atau faktor-faktor tersendiri yang dimilikinya. Di antaranya ialah kedudukan Melaka yang strategik sehingga menjadi pusat perdagangan dan keilmuan, pemerintah-pemerintah yang berwibawa dalam meluaskan Empayar Melaka dan faktor sosio-ekonomi lain.

Melaka Sebagai Pusat Perdagangan

Melaka menjadi pusat perdagangan yang terpenting di Nusantara pada kurun ke-15 kerana kedudukannya di antara Lautan Hindi dengan China. Pelabuhan Melaka mencapai taraf perdagangan antarabangsa dan menjadi tumpuan pedagang-pedagang Islam dan bukan Islam dari Arab, Parsi, India, China, Champa dan Pulau Ryukyu di Jepun. Melalui kepesatan kegiatan perdagangan telah membantu perkembangan Islam secara langsung atau tidak langsung di mana di samping menjalankan



Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur

aktiviti perdagangan, pedagang-pedagang Islam juga telah memperkenalkan agama suci yang mereka anuti kepada penduduk-penduduk tempatan. Sifat-sifat mulia, keperibadian yang tinggi dan amalan-amalan agama yang dilakukan oleh pedagang-pedagang Islam telah mempengaruhi pemerintah, pembesar dan rakyat jelata untuk menerima agama yang dibawa oleh mereka.

Setelah agama Islam berkembang di Melaka, pentadbiran Melaka mula memberi layanan istimewa kepada pedagang-pedagang Islam. Ini menyebabkan ramai pedagang bukan Islam cenderung untuk memeluk agama Islam. Oleh sebab itu atas kepentingan perdagangan dan jalan dagang itu sendiri, pedagang-pedagang yang singgah ke Melaka turut juga berdakwah atas dorongan daripada pemerintah Melaka dengan menggunakan pelabuhan-pelabuhan pantai dari utara Jawa, Maluku, Palembang, Tanjung Pura, Grisek di Jawa, Pontianak di Kalimantan, Sulawesi dan lain-lain tempat lagi.

Melaka Sebagai Pusat Keilmuan

Kedudukan Melaka sebagai pusat keilmuan berkait rapat dengan usaha dan minat pemerintah Melaka dengan kegiatan tersebut yang menggalakkan kehadiran ramai ulama dari luar negeri. Di antaranya ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadhi Yusuf, Kadhi Menua, Kadhi Munawar Syah, Maulana Sadar Johan dan lain-lain lagi. Di Melaka mereka ini berbincang dan bermuzakarah mengenai soal-soal agama. Ada juga ulama yang datang ke Melaka untuk mendalami ilmu mereka seperti Wali Songo (Wali Sembilan) dari Jawa iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri.

Pemerintah-pemerintah Melaka amat menghormati dan memberikan kedudukan tinggi kepada golongan ulama. Mereka juga berguru dengan ulama-ulama itu seperti Sultan Mansur Syah yang berguru dengan Kadhi Yusuf. Selain itu, pemerintah Melaka juga menggalakkan pembesar dan rakyat Melaka berguru dengan ulama-ulama yang datang ke Melaka. Sultan Alauddin Riayat Syah sebagai contohnya telah menjemput pemerintah Inderagiri, Pahang dan Kampar beserta seluruh keluarga mereka datang berguru di Melaka.

Dasar pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang merestui kegiatan ulama telah menyumbang kepada pengembangan Islam ke

seluruh Nusantara. Malah pemerintah Melaka sendiri telah menghantar ulama ini ke wilayah jajahan takluk. Dirwayatkan bahawa Sultan Mansur Syah telah menghantar ulama ke kawasan pengaliran Sungai Kampar (Minangkabau Timur) untuk mengembangkan ajaran Islam secara aman damai. Pada masa itu Kesultanan Melayu Melaka bermazhab Shafie dan dengan itu tersebarlah mazhab tersebut ke Minangkabau Timur. Kemudian lahir pula ulama tempatan yang menyebarkan Islam keluar dari alam Minangkabau sambil berdagang ke daerah-daerah pendudukan orang Batak Toba, di muara Asahan, orang-orang Sulu di Kepulauan Filipina dan Bugis di Makasar.

Penglibatan Pemerintah Melaka

Peranan yang dimainkan oleh pemerintah Melaka di dalam proses Islamisasi di negeri Melaka khususnya dan Alam Melayu amnya adalah amat besar. Ini adalah kerana pemerintah dan kaum kerabatnya merupakan golongan yang paling dihormati dan menjadi ikutan pembesar-pembesar serta rakyat jelata. Contoh teladan yang dilakukan oleh pemerintah selalunya diikuti oleh rakyat. Maka pengislaman pemerintah Melayu bermakna pengislaman keluarga dan rakyatnya juga.

Penglibatan rasmi pemerintah Melaka dalam penyebaran Islam bermula dengan pengislaman Parameswara. Baginda kemudiannya telah memulakan proses melahirkan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Bukti yang menunjukkan agama Islam belum tersebar pada kurun ke-14 adalah berdasarkan buku sejarah China "*Tau-I Chi-Leo*" karangan pengembara China bernama Wang Ta Yuan dalam tahun 1349. Buku tersebut mengatakan bahawa penduduk-penduduk P'eng K'eng (Pahang) memeram air kelapa untuk membuat minuman keras (tuak).

Dalam buku *Sejarah Raja-raja China* keturunan Ming yang berjudul "Ming Shih" ada menceritakan mengenai masyarakat dan fahaman agama penduduk-penduduk P'eng K'eng bernama Maharaja Tajau. Orang-orang besar serta penduduknya sangat mempercayai kepercayaan karut berkenaan hantu dan roh sehinggakan patung hantu dibuat dari kayu wangi. Mereka juga mengorbankan manusia kepada



Melaka sebagai pelabuhan yang terkenal dalam abad ke 15 bukan sahaja di Nusantara tetapi juga di Timur dan Barat

hantu semata-mata hendak menolak bala atau meminta sesuatu keuntungan.

Dalam buku Sejarah China berjudul "Hsing Ch'a Shang-lan" karangan seorang Cina beragama Islam dan pandai berbahasa Arab iaitu Fei Hsin pada tahun 1436M menyebutkan kisah negeri P'eng K'eng dengan Sultan Mahmud Syah yang sanggup bersama-sama rakyat jelata mempelajari ilmu pengetahuan Islam.

Pemerintah Melaka juga berminat untuk mendahului ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan Islam. Ini merupakan faktor pendorong ramai ulama datang ke Melaka. Ulama-ulama ini bukan sahaja menjadi guru kepada pemerintah tetapi juga kepada pembesar dan rakyat Melaka. Mereka sentiasa menerima layanan istimewa daripada pemerintah.

Melaka Sebagai Kuasa Penakluk

Melaka muncul sebagai sebuah negara penakluk di Nusantara pada zaman Bendahara Paduka Raja Tun Perak (1456 - 1498M). Beliau telah



Orang-orang China berniaga di Melaka pada abad ke 15

berkhidmat di bawah empat orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah. Bendahara Paduka Raja Tun Perak adalah merupakan tokoh sebenar yang merangka gerakan perluasan Melaka. Keberkesanan Melaka di dalam meluaskan empayarnya telah membantu penyebaran agama Islam di Nusantara.

Di dalam zaman kegemilangannya, empayar Melaka meliputi Pahang, Terengganu, Kedah, Pattani, Johor, Kelantan, Kampar, Siak, Rokan, Inderagiri, Siantan, Kepulauan Riau-Lingga, Jambi dan lain-lain. Melalui penaklukan ini, Islam telah disebarkan dan diterima baik oleh pemerintah-pemerintah negeri yang ditakluki atas sebab keselamatan nyawa, ingin mendapatkan pangkat, mengambil hati dan yang penting ialah kemurnian agama Islam itu sendiri. Melaka juga turut menghantar ulama-ulama ke wilayah-wilayah yang dijajahi sebagai usaha mengembangkan agama Islam.

Pada zaman Sultan Muzaffar Syah, kekuasaan politik Melaka mula berkembang. Ia mula meluas hingga ke Dinding, Selangor, Muar, Batu Pahat, Singapura, Bentan dan Pahang. Baginda adalah pemerintah Melaka yang pertama menguasai kedua-dua pantai Selat Melaka



'Muzaffar Shah I-Sultan'



'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'



'Mansur Shah ibnu Muzaffar
Shah al-Sultan'



'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'



'Ahmad ibnu Mahmud Shah'



'Al-Sultan al-Adil'

Kepingan duit emas, perak dan tembaga pada zaman kesultanan Melayu Melaka

apabila menguasai Inderagiri, Rokan dan Kampar di Sumatera.

Pada zaman Sultan Mansur Syah pula, jajahan takluk Melaka bertambah ke Kedah, Johor, Bernam, Kelang, Beruas, Perak dan Terengganu manakala di Sumatera pula Melaka menguasai Siak, Rupert, Jambi dan Bengkalis. Kepulauan Karimun turut ditakluki oleh Melaka. Pada zaman Sultan Alauddin Riayat Syah, jajahan takluk Melaka diperluaskan lagi ke kawasan selatan seperti Pulau Riau-Lingga. Di samping itu Kelantan juga turut ditakluki. Pada zaman Sultan Mahmud Syah, Terengganu tertakluk di bawah pemerintahan Melaka. Selain dari itu, Brunei pernah berkiriman sembah manakala Pattani dan Kedah memohon nobat dari kerajaan Melaka.

Faktor Sosio-Ekonomi

Faktor sosio-ekonomi antara pendorong ke arah kepesatan perkembangan agama Islam di negeri Melaka. Semenanjung Tanah Melayu dan seterusnya ke Alam Melayu terutamanya pada peringkat awal kedatangan Islam.

Penerimaan agama Islam oleh penduduk Melaka banyak bergantung kepada faktor sosio-ekonomi di mana kemewahan yang dimiliki oleh saudagar-saudagar Islam telah menarik ramai penduduk tempatan termasuk pihak pemerintah sendiri. Mereka ini suka dan tertarik kepada saudagar Islam kerana kemakmuran mereka bergantung kepada perdagangan yang dibawa oleh saudagar-saudagar tersebut. Pemerintah dan penduduk negeri Melaka ini kemudiannya mengahwinkan puteri-puteri dan anak-anak perempuan mereka dengan saudagar-saudagar Islam sebagai usaha menggalakkan saudagar-saudagar tersebut tinggal kekal di Melaka demi mendapatkan faedah ekonomi. Dengan cara perkahwinan ini keluarga yang terlibat itu dengan sendirinya mula berjinak-jinak dengan Islam melalui perkahwinan. Ini bukan sahaja berlaku di Melaka tetapi juga berlaku di tempat lain yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari Melaka ini.

Selain dari itu, perkahwinan siasah juga perkahwinan antara kerabat-kerabat Diraja menjadi faktor yang menyumbang ke arah perkembangan Islam antara dua buah kerajaan. Contoh terawal yang menjadi pendorong pengembangan Islam melalui perkahwinan adalah

perkahwinan Melaka iaitu Sultan Megat Iskandar Syah (Parameswara) dengan Puteri Pasai pada tahun 1414M. Perkahwinan ini bukan sahaja menyebabkan pemerintah Melaka memeluk Islam bahkan para pembesar dan rakyat Jelata negeri Melaka juga turut terdorong memeluk Islam.

Berpunca dari perkahwinan itu maka Kesultanan Melayu Melaka turut menggunakan faktor perkahwinan dalam usaha mengembangkan agama Islam ke Pahang, Kelantan, Kedah, Siak, Kampar, Inderagiri, Jambi dan lain-lain lagi. Selain dari perkahwinan yang melibatkan pemerintah contohnya perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Maharaja Dewa Sura, Puteri Pahang, ramai juga puteri-puteri Melaka yang dikahwinkan dengan pemerintah atau pembesar-pembesar wilayah yang ditakluki untuk tujuan penyebaran Islam.

Faktor Kestabilan Politik dan Hubungan Antarabangsa

Melaka mencapai zaman kegemilangan dan kestabilan politiknya dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah dan Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Kestabilan politik ini menyebabkan Melaka menjadi pelabuhan yang digemari di kalangan pedagang-pedagang Islam dan bukan Islam. Faktor ini turut mendorong kemasukan lebih ramai ulama Islam ke Melaka dan seterusnya turut memberi sumbangan dalam membantu Melaka mengembangkan Islam ke seluruh Nusantara.

Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan Islam dan bukan Islam seperti China, dan Siam. Hubungan yang baik ini membantu Melaka meluaskan lagi pengaruh Islam kerana ia dapat menarik kemasukan lebih ramai pedagang. Kerajaan-kerajaan Islam yang lain juga turut menghantar ulama-ulama mereka ke Melaka bagi membantu usaha pengembangan Islam yang dilakukan oleh Melaka.

Di antara hubungan diplomatik yang terawal dan membawa kepada perkembangan agama Islam ialah hubungan antara Parameswara dengan Maharaja China Yong Lo di mana Parameswara telah berangkat ke China dan apabila balik, baginda telah dihadiahkan dengan ahli-ahli pertukangan dan arkitek China yang di antaranya beragama Islam. Peristiwa ini menyebabkan masjid-masjid lama di

Melaka berbentuk seni-bina China. Sultan Mansur Syah juga menjalankan persahabatan dengan China dan seterusnya telah berkahwin dengan Puteri Hang Li Po.

Penyebaran Islam ke Selangor

Sejarah negeri Selangor dikatakan bermula pada zaman pra - sejarah. Namun sejarah negeri Selangor dari masa tersebut hingga ke kurun Masehi yang ke-14 hanya merupakan sejarah yang samar-samar sahaja dan banyak bergantung kepada andaian ahli-ahli kaji purba. Sejarah negeri ini hanya diketahui pada kurun ke-15 Masehi dan awal kurun ke-16 Masehi iaitu di zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka melalui bahan yang terdapat di dalam Sejarah Melayu. Keadaan yang sama juga berlaku di dalam perkembangan agama Islam di Selangor. Tiada fakta yang konkrit dan jelas menceritakan perkembangan Islam di Selangor sehinggalah kurun Masehi ke-15 yang melaporkan penyebaran Islam berlaku secara meluas bila sahaja Selangor menjadi jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka.¹

Dalam kurun yang ke-15 Masehi, beberapa buah tempat yang ditakluki dan tunduk kepada pengaruh Kesultanan Melayu Melaka ialah Kelang, Jeram, Langat, Jugra, Selangor (Kuala Selangor) dan Permatang. Penyebaran Islam berlaku dengan meluas dan diterima oleh rakyat Selangor kerana dibawa oleh ketua atau pemerintah yang dilantik oleh Kerajaan Melaka. Di antara contoh yang nyata ialah pemerintahan di Kelang dan Jeram. Di masa Sultan Muzaffar memerintah Melaka (1445 - 1456M) Tun Perak iaitu anak Bendahara Seri Wak Raja dilantik menjadi Penghulu di Kelang atas permohonan orang-orang Kelang. *Tun Perak ke Kelang untuk menetap kerana tiada kenal kerja raja setelah kematian bapanya.*² Tun Perak kemudiannya telah kembali ke Melaka dengan membawa penduduk Kelang membantu Sultan Muzaffar Syah melawan dan mengalahkan angkatan tentera Siam. Tun Perak telah dilantik oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Bendahara Melaka dengan gelaran Bendahara Paduka Raja.

Jeram pula merupakan di antara tempat yang tertua di Selangor.

¹ Haji Raja Adil, *Sejarah Selangor*, hal. 4-4.

² A.Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal. 87-88

Dikatakan bahawa pada masa Sultan Mansur Syah memerintah Melaka (1456-1477M), salah seorang Putera Baginda dengan Puteri Hang Li Po yang bernama Paduka Seri China telah dirajakan di Jeram berhampiran dengan Langat.¹

Setelah Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tewas kepada Portugis, Sultan Mahmud Syah beserta orang-orangnya telah berundur ke negeri Johor kemudian ke Pahang, lalu ke Bentan dan menubuhkan kerajaan baru. Semasa Sultan Mahmud Syah bersemayam di Pulau Bentan (1512 - 1526M), Selangor (Kuala Selangor) masih lagi diperintah oleh anak seorang daripada Orang Besar Baginda iaitu Paduka Tuan (Tun Isap Berakah). Paduka Tuan telah dititahkan supaya melantik Tun Mahmud (Seri Agar Raja) menjadi pemerintah di Selangor.² Tun Mahmud sebelum itu berada di Beruas (Perak) dan menjadi Bendahara yang pertama di negeri Perak iaitu pada zaman Sultan Muzaffar, Sultan Perak yang pertama.

Pada zaman Sultan Alauddin Riayat Syah yang kedua, Putera Sultan Mahmud Syah, Melaka berkerajaan di Johor (1529-1564M), Ketua yang memerintah di Kelang dengan gelaran Mandulika telah tunduk kepada Kerajaan Melayu Johor. Sehingga kurun Maschi yang ke-16 Selangor masih lagi di bawah kuasa Raja-raja Johor yang berketurunan dari Melaka.³

Penaklukan dan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ke atas Selangor merupakan proses penting dalam perkembangan Islam di Selangor. Ini adalah kerana menerusi penaklukan, Kerajaan Melaka telah dapat menyalurkan fahaman agama yang mereka anuti kepada jajahan takluknya lebih-lebih lagi apabila ajaran Islam itu sendiri telah diterapkan dalam sistem pemerintahan sebagai sebahagian dari perundangan kehidupan seharian.

Penyebaran Islam ke Johor

Negeri Johor atau daerah-daerah di negeri Johor telah mula tercatat di dalam sejarah sebelum awal kurun yang ke-16 iaitu sebelum tahun

¹ *Ibid*, hal. 171.

² Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hal.12.

³ Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hal.5.

Masehi 1500 lagi. Daerah yang disebut Wurawari di dalam sebuah buku undang-undang Siam-Thai berjudul "*Kot Mot'ien Ban*" bertarikh tahun 1358M (disusun semula dalam kurun Masehi ke-15) dan Hujung Medini iaitu Hujung Tanah yang disebut di dalam syair Jawa berjudul "*Nagarakertagama*" karangan Parapacha pada tahun 1365M, dipercayai sebagai negeri Johor. Buku "*Kot Mont'ien*" menyebutkan Wurawari dan Melaka ditakluk di bawah kuasa orang-orang Siam-Thai. Syair "*Nagarakertagama*" pula menceritakan kebesaran Kerajaan Majapahit pada masa pemerintahan rajanya Hayam Wuruk dan Mangkubuminya Pateh Aria Gajah Mada di mana jajahan takluknya termasuklah Hujung Medini, Langkasuka, Sai (Buri), Kalanten, Tringgano, Nador, Paka, Muara Dungun, Tumasek, Sang Hyang Hujung, Kelang, Keda dan Jire. Selain dari itu, *Hikayat Raja-raja Pasai* juga menyebutkan beberapa buah pulau di pantai timur di negeri Johor sekarang ini tertakluk juga kepada Majapahit iaitu Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil, Pulau Laut serta Pulau Tioman.⁶

Pada masa Rana Seri Wira Kerma memerintah Singapura (1362-1375M) ada tersebut tempat yang bernama Sayong (Sayong Pinang sekarang) yang terletak di hulu Sungai Johor dan Seluang (di hulu Kota Tinggi sekarang). Pada akhir kurun Masehi ke-14 Parameswara yang melarikan diri dari Singapura telah membuat penempatan di Muar iaitu di tempat yang disebut Biawak Busuk dan Kota Buruk sebelum ke Melaka.⁷

Daripada keterangan yang disebut di atas, nyatalah tempat-tempat yang bernama Wurwari, Hujung Medini (Hujung Tanah), Sayong, Seluang, Muar, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil, Pulau Laut juga Pulau Tioman telah mempunyai penempatan yang didiami oleh orang-orang Melayu sebelum kurun Masehi yang ke-16. Walau bagaimanapun tidak terdapat keterangan jelas mengenai penganutan agama penduduk di tempat-tempat tersebut. Dalam kurun Masehi yang ke-15, tempat-tempat dalam negeri Johor ini menjadi jajahan takluk dan seiring dengan itu penyebaran Islam dari Melaka mula berlaku secara meluas dengan pengaruh daripada Sultan-Sultan Melayu Melaka. Johor sentiasa berhubung rapat dengan Kesultanan Melaka malah negeri Johor dianggap sebagai sebahagian dari negeri Melaka asli. Oleh itu

⁶ Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hal.2.

⁷ *Ibid*, hal. 3.

bolelah dikatakan bahawa ketua-ketua daerah di Johor dan juga penduduknya yang begitu jauh terasing di pendalaman telah memeluk Islam hasil secara langsung dari penerimaan agama Islam di Melaka.⁸

Kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ditangan Portugis pada tahun 1511M telah membuka lembaran baru di negeri Johor apabila Sultan Ahmad Syah dan Sultan Mahmud Syah berundur ke hulu Muar lalu membuka kerajaan Johor. Sultan Ahmad Syah bersemayam di Batu Hampar.⁹ Pembentukan pemerintahan Sultan Mahmud Syah ini merupakan detik permulaan tertubuhnya kerajaan Melayu Johor warisan raja-raja keturunan daripada raja-raja Melayu Melaka. Sultan Mahmud Syah disifatkan sebagai Sultan Johor yang pertama.

Raja Ahmad adalah putera sulung Sultan Mahmud beristerikan anak Sultan Muhammad Syah, Raja Pahang.¹⁰ Raja Ahmad telah dirajakan oleh Sultan Mahmud Syah dan memakai gelaran Sultan Ahmad Syah setelah Sultan Mahmud Syah mengasingkan diri di Hulu Melaka akibat menyesali diri kerana telah membunuh Bendahara Seri Maharaja.¹¹ Sultan Ahmad Syah adalah seorang yang kuat agama dan sentiasa mengaji Tasauf dengan Makhdum Saadar Jahan.¹²

Pada masa Sultan Mahmud Syah berkerajaan di Johor, baginda telah melancarkan banyak serangan ke atas orang-orang Portugis di Melaka dalam usaha mendapatkan kembali tampok pemerintahan tetapi tidak berjaya. Akibat dari itu Portugis telah menyerang Pagoh menyebabkan Sultan Mahmud Syah dan Sultan Ahmad Syah berundur ke Penarekan (di hulu Sungai Serting) dan kemudian Pahang. Dalam pertengahan tahun 1512M, Sultan Mahmud Syah berangkat dari Pahang ke Muar dan Pagoh untuk memerintah. Dalam tahun 1512M itu juga berlaku dua peperangan dengan Portugis dan kekalahan Sultan Mahmud Syah menyebabkan baginda melarikan diri ke Bentan dalam bulan Januari 1513M dan bersemayam di tempat yang bernama Kopak sehingga 1519M.

Semasa berkerajaan di Bentan, Sultan Ahmad Syah mangkat dan Sultan Mahmud Syah melantik Sultan Muzaffar iaitu Putera Baginda

⁸ Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, hal. 520

⁹ A.Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal. 270.

¹⁰ *Ibid.*, hal. 192.

¹¹ *Ibid.*, hal. 264.

¹² *Ibid.*, hal. 266.

dengan Puteri Kelantan sebagai ganti tetapi perlantikan tersebut dibatalkan apabila Tun Fatimah, isteri Sultan Mahmud Syah berputera seorang anak lelaki pada tahun 1513M bernama Raja Ali atau Raja Alauddin yang kemudiannya ditabalkan sebagai pengganti Sultan Mahmud Syah dan pemerintah kerajaan Melayu Johor yang kedua.

Sehubungan dengan itu bolehlah disimpulkan bahawa perkembangan agama Islam berlaku di Johor melalui proses penaklukan di mana Johor menjadi jajahan takluk Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456-1477M) dan kemudiannya kedudukan agama Islam ini dikukuhkan lagi apabila Sultan Mahmud Syah membentuk Kerajaan Melayu Johor.

Penyebaran Islam ke Kedah

Sebelum kedatangan agama Islam, Kedah dikenali sebagai Kedah Tua dan wujudnya semenjak kurun kelima Masehi lagi. Pada masa itu ia menjadi mangsa ketuanan Kerajaan Funan dan Srivijaya. Ketika di bawah pengaruh Funan pada kurun Masehi kelima, agama yang menjadi anutan ialah agama Buddha seperti yang terbukti pada tiga transkripsi Buddha yang ditemui oleh Quaritch-Wales dan James Low. Kemudiannya pada kurun ketujuh hingga kesembilan Masehi, ketika di bawah pengaruh Srivijaya, penduduk Kedah Tua mengamalkan agama Buddha-Mahayana.¹³

Kemajuan yang dicapai adalah ekoran kemunculan Lembah Bujang yang berkembang menjadi pusat perdagangan (*entrepot*) dan menjadi tumpuan oleh para pedagang dari Arab, Parsi, India, China dan sebagainya. Bukti yang menunjukkan Kedah sebagai pusat perdagangan ialah penemuan dua keping wang perak yang dipercayai berasal dari zaman al-Mutawakkil (847-861M) dari Kerajaan Abbasiyah, serta juga serpihan-serpihan seramik dari Wangsa Tang (600-900M), Wangsa Sung (960-1279M) dan juga Wangsa Yuan (1280-1368M). Di samping itu ditemui juga manik-manik dari India dan kaca dari Timur Tengah.

Pertapakan agama Islam di Kedah diandaikan berlaku sama ada pada kurun ketujuh ataupun pada awal kurun ke-10 Masehi

¹³ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Asia Tenggara Tradisional*, hal.27.

berdasarkan bukti dari batu nesan yang ditemui pada tahun 1962. Sekiranya tarikh yang tertera pada batu nesan tersebut dijadikan bukti maka adalah jelas bahawa peringkat pertapakan Islam di Kedah berlaku lebih awal dari Terengganu, Pahang dan Melaka. Batu nesan yang ditemui di Tanjung Aris, Mukim Langgar, Alor Setar adalah kepunyaan Sheikh Abdul Kadir Ibn Husin Shah Alam (Aliran), seorang ulama dan ahli perniagaan berketurunan Parsi bertarikh 29 atau 290 Hijrah. Sekiranya tarikh tersebut ialah 29 Hijrah, diandaikan bersamaan tahun 651M dan sekiranya tarikh tersebut 290 Hijrah maka ia bersamaan 920M. Tulisan yang tertera pada nesan itu adalah tulisan dan angka Arab. Penemuan batu nisan ini menggambarkan wujudnya hubungan dagangan antara Asia Barat dengan negeri Kedah. Diandaikan bahawa selain menjalankan perniagaan, Sheikh Abd. Kadir dan pedagang-pedagang Asia Barat juga mengembangkan agama Islam kepada penduduk setempat.

Selain dari faktor perdagangan, terdapat juga catatan sejarah yang menyatakan salah satu sebab pertapakan Islam di Kedah ialah melalui proses migrasi pedagang-pedagang Arab-Islam dari negara China. Migrasi kali pertama berlaku apabila pedagang-pedagang Arab melarikan diri ke Kedah akibat satu pemberontakan yang berlaku di Canton pada tahun 878M semasa pemerintahan Kerajaan Hsi Tsung (878-879M). Migrasi kali kedua berlaku di akhir Dinasti Tang (618-905M) apabila pemberontakan terjadi di Wilayah Yong Chow.

Pengislaman Raja Kedah pada tahun 531 Hijrah (1111 hingga 1115M) menguatkan lagi fakta sejarah mengenai pertapakan Islam di Kedah. Maharaja Derbar Raja II yang bersemayam di istana Bukit Meriam, Kota Kuala Muda telah diislamkan oleh Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad al-Quamiri, seorang berketurunan Arab dari Yaman. Setelah memeluk Islam baginda menggunakan nama Sultan Muzaffar Syah dan memberi gelaran Darul Aman kepada negeri Kedah. Bagi memperingati sejarah bertapaknya Islam di Kedah itu, sebuah menara didirikan di kemuncak Gunung Jerai yang berhampiran dengan Kota Bukit Meriam.

Sungguhpun pertapakan Islam berlaku lebih awal di Kedah namun ia tidak muncul sebagai pusat penyebaran agama Islam yang unggul dan boleh dikatakan bahawa negeri ini tidak memainkan peranan yang besar dalam perkembangan agama Islam di Tanah Melayu. Sepatutnya Kedah dapat memainkan peranan yang penting dalam

mengembangkan agama Islam ke seluruh Tanah Melayu memandangkan penerimaan Islamnya berlaku secara rasmi bermula dari istana, diikuti oleh pembesar-pembesar dan kemudian rakyat jelata.

Penyebaran Islam secara lebih menyeluruh di negeri Kedah berlaku hanya apabila Kedah ditakluki oleh Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka di bawah pimpinan Bendahara Tun Perak semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah. Kegiatan penyebaran agama Islam kemudiannya telah dilakukan ke seluruh negeri Kedah dengan lebih teratur dan direstui oleh Kerajaan Melaka. Di antara bukti yang menunjukkan Kedah berada di bawah jajahan takluk Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka adalah apabila Raja Kedah datang mengadap ke Melaka memohon untuk dinobatkan oleh Sultan Mahmud Syah.¹⁴

Oleh itu bolehlah dirumuskan bahawa walaupun pertapakan Islam di Kedah telah berlaku lebih lama dari Melaka namun Kedah secara rasmi dan menyeluruh menerima agama Islam hanya pada akhir kurun ke-15 iaitu setelah ia berada di bawah jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka.¹⁵

Penyebaran Islam ke Terengganu

Catatan mengenai sejarah dan juga penganutan agama penduduk-penduduk negeri Terengganu mula ditemui dalam abad ke-12 iaitu melalui catatan yang terdapat di dalam sebuah buku sejarah China berjudul "*Ling-wai Tai-ta*" karangan Chao Chu-fei pada tahun 1178. Buku tersebut menyebut sebuah tempat bernama "Foloan" yang dipercayai adalah Kuala Berang di tepi Sungai Terengganu sekarang ini. Pada masa dahulu tempat tersebut masih tepi laut. Buku "*Ling-wai Tai-ta*" mengatakan raja dan penduduk "Foloan" beragama Budhha dan berada di bawah jajahan takluk Srivijaya.¹⁶

¹⁴ A. Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal.243.

¹⁵ M.A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam dan hubungannya Yang Khusus Dengan Semenanjung Malaysia*, hal. 104.

¹⁶ Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Hal. 7.

Dalam abad ke-13 pula catatan di dalam buku China berjudul "Chu-fan-chih" karangan Chao Ju-kua dalam tahun 1226M ada menyebut mengenai sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu "Teng-ya-nung". Yang dimaksudkan itu ialah Terengganu iaitu dipercayai Kuala Terengganu.¹⁷ Pada masa itu agama yang dianuti oleh raja dan penduduk-penduduk "Teng-ya-nung" adalah Buddha akibat dari pengaruh penaklukan Kerajaan Srivijaya.

Kedatangan Islam ke Terengganu diramalkan berlaku pada abad ke-14 dan Terengganu menjadi salah satu tempat tumpuan Islam yang terawal di Tanah Melayu. Kenyataan ini dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat di Daerah Kampung Buloh, Kuala Berang, Ulu Terengganu oleh seorang peniaga keturunan Arab bernama Saiyed Husin bin Ghulam Al Bukhari pada tahun 1902.¹⁸ Tulisan yang tertera di Batu Bersurat tersebut merupakan satu undang-undang Islam dan kesalahan hukum zina yang dijalankan dalam pemerintahan pada masa itu. Selain dari itu batu tersebut turut mengandungi hukum-hukum lain seperti hutang-piutang.¹⁹ Tulisan yang tertera di batu bersurat itu adalah dalam bahasa Melayu berhuruf Jawi.²⁰ Prof. Dr. Syed Naguib Al Attas telah menentukan tarikh yang tercatat di batu bersurat tersebut iaitu 4 Rejab tahun 702 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1303M.²¹ Tarikh ini adalah lebih awal 100 tahun dari tarikh negeri Melaka menerima Islam. Batu bersurat ini juga merupakan yang tertua sekali dari segala Batu Bersurat yang ditemui di Alam Melayu dan ia membuktikan bahawa Terengganu merupakan di antara kerajaan Melayu yang terawal menerima Islam.

Kedatangan Islam ke Terengganu berkaitan dengan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pedagang-pedagang Asia Barat yang menjadikan Kuala Berang sebagai tempat persinggahan antara negara India dengan China. Walaupun Terengganu merupakan negeri yang mula-mula menerima Islam namun ia tidak muncul sebagai pusat penyebaran Islam. Islam di Terengganu hanya bertapak ditempat yang terhad di

¹⁷ *Ibid*, hal.8

¹⁸ Haji Mohammad Salleh bin Haji Awang (Misbaha). *Terengganu dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918M. (1337 Hijrah)*, hal.44.

¹⁹ *Ibid*, hal.52-66

²⁰ Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, hal.518.

²¹ Haji Mohammad Salleh b. Haji Awang, *op.cit*,hal.87.

daerah Kuala Berang, Ulu Terengganu. Ini adalah kerana kedudukan Islam di Terengganu pada masa itu tidak kukuh bagi membolehkannya berkembang ke negeri-negeri lain di Alam Melayu. Bukti yang menunjukkan bahawa agama Islam tidak tersebar adalah berdasarkan catatan buku sejarah dan pengembaraan China berjudul "*Tai-I-Chih Leo*" karangan Wang Ta-Yuan dalam tahun 1349M. Dikatakan bahawa orang-orang di negeri "Ting-chia-lu" mengukir kayu-kayu untuk dijadikan tuhan-tuhan mereka dan kepada tuhan-tuhan (patung-patung) itulah mereka mengorbankan darah orang yang dibunuh (dengan tujuan itu) dan darah itu dicampur dengan arak.²²

Terdapat beberapa sebab mengapa agama Islam tidak merebak ke seluruh Terengganu dan juga dari Terengganu ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-14 ini. Di antaranya kerana pelopor pertamanya cuma ahli-ahli perniagaan yang beragama Islam dan tidak daripada raja dan pembesar-pembesar negeri sebagaimana yang berlaku di Melaka. Tidak terdapat bukti yang menunjukkan pemerintah negeri Terengganu ketika itu mengambil inisiatif yang tegas dalam penyebaran agama Islam ataupun sekurang-kurangnya memeluk agama Islam.²³ Selain dari itu fahaman agama masyarakat setempat juga menjadi faktor penentu mengapa agama Islam tidak merebak ke seluruh Terengganu. Agama Buddha yang sudah bertapak lama di kalangan pemeluk-pemeluknya menjadikan mereka fanatik dengan kepercayaan pegangan iktikad mereka sehingga sukar untuk agama lain diterima. Sebab lain yang tidak kurang pentingnya ialah kesukaran perhubungan serta kurang kemampuan dan tenaga penyebar agama Islam. Adalah lebih meyakinkan lagi jika dianggap bahawa penemuan Batu Bersurat Terengganu membuktikan kedatangan Islam di Terengganu adalah pada peringkat pertapakan iaitu peringkat kedua kedatangan Islam ke Nusantara di mana pertempatan-pertempatan Islam didirikan oleh pedagang-pedagang asing yang tidak ada kena-mengena dengan pemerintah dan penduduk-penduduk tempatan yang terpengaruh dengan ajaran Islam ini.

Penyebaran Islam berlaku secara meluas di Terengganu pada abad ke-15 dan 16 bila sahaja Terengganu menjadi jajahan takluk Melaka. Bukti yang menunjukkan bahawa Terengganu di bawah jajahan Melaka

²² Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Hal. 8-9.

²³ Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, hal.515.

adalah berdasarkan catatan yang terdapat di dalam buku Sejarah Melayu di mana ada diterangkan yang Sultan Muhammad Syah iaitu Raja Melaka yang ketiga (1424-1444M) pernah mengagung-agungkan kebesaran kerajaannya dari Beruas, sempadan di sebelah barat hingga Terengganu, sempadan di sebelah timur. Semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah pula, baginda telah menghantar putera sulungnya bernama Raja Muhammad ke Pahang dan menganugerahkan putera baginda tanah jajahan dari Sedili Besar hingga ke Terengganu.²⁴

Walau bagaimanapun Raja Terengganu (Telanai) memandang Melaka dan bukannya Pahang sebagai penaungnya. Kenyataan ini berdasarkan lawatan yang dilakukan oleh Raja Terengganu ke Melaka pada awal tahun 1478M untuk mempersembahkan taat setianya kepada Sultan Alauddin Riayat Syah dan kemudiannya menjadi sahabat akrab Sultan Melaka.²⁵ Apabila perkara ini diketahui oleh Sultan Pahang maka baginda telah menitahkan hulubalang besar Pahang yang bergelar Seri Akar DiRaja pergi ke Terengganu untuk membunuh rajanya. Setelah Raja Terengganu dibunuh, Sultan Pahang menyerahkan Terengganu di bawah jagaan Seri Akar DiRaja. Apabila peristiwa pembunuhan Raja Terengganu diketahui oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, baginda murka dan menitahkan Laksamana Hang Tuah pergi ke Pahang memberitahu Sultan dan pembesar Pahang bahawa baginda tidak bersetuju dengan pembunuhan tersebut.²⁶

Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa dalam abad ke-15 dan ke-16, Terengganu diperintah oleh orang yang bergelar Telanai Terengganu (tiada didapati keterangan siapa namanya yang sebenar) dan tertakluk di bawah Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Penyebaran Islam ke Negeri Sembilan

Sejarah mengenai Negeri Sembilan mula dicatat pada abad Masehi yang ke-11 di mana dikatakan Daerah Sungai Ujong adalah terletak di bawah kuasa kerajaan Srivijaya di Palembang. Selepas kejatuhan

²⁴ Haji Muhammad Salleh b. Awang (Misbaha), *Terengganu dari Bentuk Sejarah hingga Tahun 1918M.* (1337H.) hal.28.

²⁵ *Ibid.* hal. 28-30.

²⁶ Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, hal.10.

Srivijaya ke tangan Kerajaan Majapahit menjelang akhir abad ke-13, Sungai Ujong turut menjadi jajahan takluk Majapahit. Kitab syair Jawa berjudul "Nagarakertagama" yang dikarang di Majapahit pada tahun 1365M ada menyebut "Sang Hyang Hujung" adalah sebuah dari daerah takluk Kerajaan Majapahit di Tanah Melayu setelah kejatuhan Kerajaan Palembang (Srivijaya). "Sang Hyang Hujung" yang disebut itu adalah dikatakan Sungai Ujong, Negeri Sembilan.²⁷ Oleh itu adalah diandaikan bahawa fahaman agama yang tersebar semasa penaklukan kerajaan Srivijaya dan Majapahit adalah agama Hindu-Buddha.

Penyebaran Islam berlaku di Negeri Sembilan secara meluas pada abad ke-15 dan awal ke-16 apabila ia menjadi jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka. Menurut sejarah, di antara daerah-daerah yang ditakluki ialah Sungai Ujong, Jelebu dan Rembau. Sungai Ujong merupakan daerah kepunyaan Bendahara Paduka Raja Tun Perak semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1423-1446M).²⁸ Bukti kedatangan Islam pada abad ke-13 adalah penemuan Batu Bersurat Islam iaitu batu nesan yang ganjil di Pengkalan Kempas, Sungai Linggi. Batu nesan dan kubur itu kepunyaan seorang bernama Ahmad, telah meninggal dunia dalam tahun 1467.²⁹

Setelah Kesultanan Melayu Melaka tewas di tangan Portugis dan pemerintah Melaka berpindah ke Johor, pembesar-pembesar Negeri Sembilan masih menumpukan taat setia mereka kepada Sultan Melaka. Di antara bukti yang menunjukkan bahawa Negeri Sembilan masih di bawah takluk Kerajaan Melaka di Johor adalah apabila Datuk Laut Dalam mengadap ke Johor untuk memohon hendak memerintah bersama-sama dengan Datuk Lela Balang di Rembau. Permohonan Datuk Laut Dalam diperkenankan oleh Sultan Johor. Datuk Lela Balang adalah abang Datuk Laut Dalam dan merupakan ketua rombongan orang-orang Minangkabau yang datang ke Rembau pada abad yang ke-16 Masehi.³⁰

Penyebaran Islam ke Negeri Sembilan oleh Kesultanan Melayu Melaka diteruskan oleh Kerajaan Melayu Johor di mana terdapat sejarah yang mengatakan bahawa seorang Sultan Johor telah

²⁷ Haji Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, hal.10.

²⁸ Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah Adnan, *Sejarah Islam India-Nusantara China*, hal. 181.

²⁹ Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, hal.520.

³⁰ Haji Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, hal.28-31.

menitahkan Raja Khatib atau Datuk Gambuh pergi ke daerah-daerah di Negeri Sembilan untuk mengislamkan penduduk-penduduk di situ. Raja Khatib bertolak dari Johor mengikut jalan Laut China Selatan, memudiki Sungai Pahang dan menyusur ke Triang lalu sampai ke Jelebu di tempat yang sekarang ini bernama Juntai. Raja Khatib menyampaikan seruannya kepada orang-orang yang masih jahil di tempat tersebut supaya memeluk Islam. Tempat seruan Raja Khatib lalu dinamakan Kampung Pasir Panggil dan kekal hingga kini. Orang-orang yang memeluk Islam itu mengikut Raja Khatib pergi ke hulu hingga sampai ke Kuala Lumut dan kemudiannya Ulu Kelawang untuk menyebarkan Islam.¹¹

Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa usaha penyebaran agama Islam ke Negeri Sembilan telah dimulakan oleh Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan kemudiannya usaha tersebut disambung oleh Kerajaan Melayu Johor yang berasal dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka.

Penyebaran Islam ke Perak

Sejarah Negeri Perak sebelum kurun Masehi ke-14 tidak banyak yang tercatat dan boleh dijadikan rujukan. Hanya setelah memasuki akhir kurun Masehi yang ke-14, barulah sejarah Negeri Perak dicatatkan dengan jelas iaitu semenjak Negeri Perak menjadi jajahan takluk Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Begitu juga halnya dengan perkembangan agama Islam di Negeri Perak sebelum kurun Masehi ke-14, tidak terdapat bukti yang jelas mengenai perkembangan ataupun penganutan agama oleh penduduk Perak. Sehubungan itu adalah diandaikan bahawa kemasukan Islam ke Negeri Perak adalah melalui proses perkembangan politik dan jajahan takluk yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah negeri Melaka.

Sebelum kedatangan Islam iaitu pada kurun yang kelima, keenam dan ketujuh Masehi, negeri Perak dipercayai didiami oleh penduduk-penduduk beragama Buddha dan Hindu. Ini berdasarkan kepada penemuan patung dan berjenis-jenis barangan buatan orang beragama Buddha dan Hindu di Perak awal kurun Masehi ke-20. Di antaranya

¹¹ *Ibid*, hal. 12-14.

ialah penemuan patung-patung Buddha yang diperbuat dari gangsa di Tanjung Rambutan dan Pengakalan Pagoh di mana patung-patung tersebut dikenal pasti telah diukir kira-kira dalam kurun kelima dan keenam Masehi.

Selain dari itu ditemui juga manik, periuk belanga, barang perhiasan, cincin emas dengan gambar mengenderai burung, cap mohor bertulis dengan huruf Palava (tulisan Hindu) dan barang-barang lain di Kuala Selinsing yang telah dikenal pasti dibuat oleh orang-orang Hindu dalam kurun Masehi yang ketujuh.³²

Mengikut pendapat ahli sejarah, kerajaan yang terdapat di Perak pada kurun Masehi yang kelima dan keenam adalah Kerajaan Gangga Nagara dan kedudukan di Dinding. Kerajaan Gangga Negara kemudiannya telah diserang dan dikalahkan oleh Rajendra Chola I dari Koromandel India dalam kurun Masehi ke-11.

Selepas dari Kerajaan Gangga Negara terdapat pula Kerajaan Beruas dan Kerajaan Manjong yang dipercayai dimulai oleh orang yang datang dari Gangga Negara kerana kedua-dua tempat itu (Gangga Negara dan Beruas) terletak berhampiran. Kerajaan Beruas dan Manjong dikatakan bersifat Islam dan muncul pada abad yang ke-13. Tarikh sebenar bilakah masanya kerajaan ini mula didirikan tiada diketahui. Kemunculan kedua-kedua kerajaan ini dikaitkan berlaku semasa kedatangan Islam ke Tanah Melayu.³³

Pengaruh Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan seterusnya penyebaran agama Islam ke negeri Perak berlaku pada zaman Sultan Mahmud Syah, Sultan Melaka yang terakhir. Sultan Mahmud Syah telah menitahkan Orang Besar baginda bergelar Paduka Tuan iaitu anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak membantu Kerajaan Beruas dengan membawa angkatan Melaka menyerang Kerajaan Manjong. Pada masa tersebut Manjong adalah sebuah negeri besar dan bermusuhan dengan Beruas. Setelah Manjong tewas, Paduka Tuan singgah di Beruas dan disambut dengan penuh kemuliaan oleh Raja Beruas. Semasa di Beruas ini, cucu Paduka Tuan bernama Tun Isap Berakah telah dikahwinkan dengan saudara Raja Beruas bernama Puteri Sita.³⁴

³² Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak*, hal.1.

³³ N.A.Halim, *Tempat-tempat Bersejarah di Perak*, hal. 1-6.

³⁴ A.Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal.202.

Apabila Paduka Tuan balik ke Melaka, Raja Beruas telah ikut serta ke Melaka untuk mengadap Sultan Mahmud Syah. Raja Beruas kemudiannya telah dinobatkan di Melaka oleh Sultan Mahmud Syah serta diberi gelaran Tun Aria Bija Di Raja. Manjong telah dimasukkan di bawah pemerintahan Tun Aria Bija Di Raja, Raja Beruas dan kedua-dua kerajaan iaitu Beruas dan Manjong tertakluk di bawah kepada Sultan Mahmud Syah. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1500.³⁵ Adalah dipercayai bahawa penyebaran agama Islam ke Perak berlaku akibat proses penaklukan dan juga perkahwinan pembesar dan kerabat Raja Beruas.

Raja Beruas tetap setia di bawah takluk Sultan Mahmud Syah walaupun setelah Kerajaan Melaka ditewaskan oleh Portugis dan Sultan Mahmud Syah bersemayam di Pulau Bentan (Riau). Bukti kesetiaan Raja Beruas ini adalah apabila baginda datang mengadap Sultan Mahmud Syah di Pulau Bentan di antara tahun 1513 hingga 1526M iaitu sebelum Sultan Mahmud Syah di Pulau Bentan dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1526.³⁶

Selain dari Kerajaan Beruas dan Manjong, terdapat juga satu daerah pemerintahan tempatan di negeri Perak yang mana pemerintahnya berasal dari Kerajaan Melaka. Daerah tersebut adalah Hulu Perak (Janing) dan orang yang berkuasa di daerah tersebut adalah Tun Saban yang dikatakan anak Bendahara Tun Perak. Pembukaan Hulu Perak berlaku selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Tun Saban telah mengundurkan diri ke beberapa tempat ke Bentan, Kampar, Pattani dan akhir sekali ke Hulu Perak.

Kesultanan Perak kemudiannya bermula pada kurun ke-16 apabila Orang-Orang Besar Perak menyuruh Tun Saban menjemput Raja Muzaffar anak Sultan Mahmud Syah di Bentan untuk dirajakan di Perak. Raja Muzaffar Syah telah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama dalam tahun 1528M memakai gelaran Paduka Seri Sultan Muzaffar Syah. Baginda merajai sebuah negeri yang terdiri dari percantuman daerah-daerah penguasaan pembesar-pembesar tempatan yang dikenali sebagai negeri Perak iaitu mengambil nama sempena dari nama Tun Perak iaitu Bendahara Melaka yang terkenal. Tempat

³⁵ Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak*, hal.34.

³⁶ *Ibid*, hal. 4.

pertabalan baginda adalah di Tanah Abang (Teluk Bakong sekarang) yang terletak di Ulu Sungai Perak.³⁷

Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, agama Islam turut berkembang dan diberi perhatian berat oleh baginda. Di antara buktinya adalah kedatangan Saiyed Hussain Al-Fairdz, seorang pengembang agama Islam dari Hadramaut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan" yang pertama di Perak. Daripada keturunan Saiyed Hussain, ada yang dilantik menjadi Orang-Orang Besar Perak di zaman pemerintahan beberapa orang Sultan seterusnya.³⁸

Penyebaran Islam ke Kelantan dan Pattani (Patani)

Negeri Kelantan adalah merupakan antara negeri yang sudah lama terkenal dan di antara yang tertua di Tanah Melayu bahkan lebih tua dari Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Negeri Kelantan telah dikatakan wujud selewat-lewatnya di awal abad ke-13 Masehi sebagaimana yang dibuktikan oleh seorang penulis China bernama Chau Ju-Kua. Beliau mengatakan bahawa pada tahun 1225M, negeri Kelantan terletak di bawah takluk Kerajaan Srivijaya.³⁹ Pada tahun 1365M pula negeri Kelantan (Tantan) di bawah takluk Majapahit.⁴⁰ Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa sebelum kedatangan Islam, pengaruh agama Hindu-Buddha telah sampai ke negeri Kelantan melalui penaklukan ini, sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negeri lain di Tanah Melayu.

Negeri Kelantan juga berkemungkinan telah wujud lebih awal dari abad ke-13 Masehi jika apa yang disebut negeri "Tan-tan" dan negeri "Chih-tu" oleh Sejarah China di zaman lampau sebenarnya negeri Kelantan ataupun terletak di dalam Wilayah Kelantan. Negeri "Tan-tan" wujud dalam abad keenam dan ketujuh Masehi.⁴¹ Negeri "Chih-tu" pula wujud dalam abad ketujuh Masehi.

³⁷ N.A. Halim, *Tempat-tempat bersejarah di Perak*, hal.7.

³⁸ *Ibid*, hal.82.

³⁹ *Ibid*

⁴⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Asia Tenggara Tradisional*, hal.27

⁴¹ Paul Wheatley, *The Golden Khersones*, hal. 51-55

Pertapakan agama Islam di negeri Kelantan dikatakan berlaku lebih awal dari kebanyakan negeri-negeri lain di Tanah Melayu iaitu sebelum tahun 1181M iaitu semasa negeri Kelantan menjadi sebuah pelabuhan penting di pantai timur Tanah Melayu.⁴² Pertapakan Islam berlaku di Kelantan kerana dibawa oleh pedagang-pedagang Islam yang singgah untuk berdagang ketika itu. Terdapatnya pelabuhan perdagangan dan persinggahan pedagang-pedagang Islam dibuktikan melalui penemuan wang dinar di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914 di mana didapati di sebelah muka hadapan wang dinar tersebut terdapat perkataan 'al-Mutawakkil' dan bertarikh 577 Hijrah bersamaan dengan 1181M dengan tulisan angka Arab.⁴³

Selain dari itu terdapat juga kemungkinan bahawa kedatangan Islam ke negeri Kelantan telah berlaku pada pertengahan abad ke-10 lagi di mana berkaitan dengan penerimaan Islam di Champa. Champa ialah negara Melayu yang pertama wujud di dunia ini. Ia didirikan pada tahun 192M dan berakhir riwayatnya di awal abad ke-18. Champa pernah terletak di Vietnam Selatan sekarang iaitu dari sekitar Tanjung Mui di utara hingga ke Yung Tan di selatan.

Para sejarahwan berpendapat bahawa hubungan antara Kerajaan Champa dan Kelantan telah wujud lama dahulu sehingga kebudayaan negeri Kelantan itu telahpun diresapi oleh kebudayaan Champa. Oleh itu berkemungkinan apabila Champa menerima Islam pada pertengahan abad ke-10, juga boleh mempengaruhi negeri Kelantan.

Walaupun pertapakan Islam di Kelantan dipercayai telah berlaku lebih awal dari negeri-negeri lain namun perkembangan Islam yang menonjol berlaku pada tahun 1506M bila mana Raja Melaka iaitu Sultan Mahmud Syah menakluki negeri tersebut. Penaklukan ke atas Kelantan dilakukan oleh Sultan Mahmud Syah kerana Sultan Menawar Syah iaitu Raja Kelantan tidak mahu tunduk dan menyembah taat setia kepada Melaka. Ini adalah kerana negeri Kelantan ketika itu merupakan sebuah negeri yang besar iaitu lebih besar dari Pattani. Setelah Kelantan ditakluki maka Sultan Mahmud Syah berkahwin dengan Puteri Raja Kelantan yang bernama Puteri Onang Kinang.⁴⁴

⁴² *Ibid*, hal.118-119.

⁴³ Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, hal. 521.

⁴⁴ A.Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal. 203.

Selain dari Kelantan, Pattani juga merupakan jajahan takluk Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Pattani adalah sebahagian dari wilayah Kelantan pada zaman tersebut. Pattani termasuk di bawah takluk jajahan Melaka apabila rajanya iaitu Cau Seri Bangsa menyuruh menterianya Okun Pola mengadap Sultan Mahmud Syah bagi memohon nobat. Sultan Mahmud Syah kemudian menobatkan Cau Seri Bangsa dan diberikan gelaran Sultan Ahmad Syah.⁴⁹

Penyebaran Islam ke Pahang

Sebelum berada di bawah taklukan Kesultanan Melayu Melaka, penduduk-penduduk negeri Pahang kebanyakan terdiri daripada orang-orang Melayu dan sedikit orang-orang Siam yang bukan beragama Islam. Sungguhpun agama Islam telah bertapak di Terengganu pada kurun ke-14M namun orang-orang Melayu Pahang belum dapat dipastikan sama ada sudah beragama Islam atau tidak kerana tiada bukti sejarah yang dapat dipegangi. Sebelum ditakluk oleh Kerajaan Melayu Melaka, Pahang berada dibawah kuasa Kerajaan Srivijaya, kemudiannya masuk ke bawah perintah Raja Ligor (Melayu) yang dikuasai oleh Siam-Thai dan pada kurun Masehi yang ke-14 berada di bawah Kerajaan Raja Majapahit.

Bukti yang menunjukkan bahawa Pahang berada di bawah jajahan takluk Kerajaan Srivijaya adalah berdasarkan kepada catatan di dalam buku *Muruj Al-Dhabab*⁵⁰ karangan seorang pengembara Arab bernama Mas'udi⁵¹ di dalam tahun 943M.⁵² Buku tersebut menceritakan sebuah daerah bernama "Fanjab" yang berada dibawah takluk jajahan Seribu (Srivijaya). "Fanjab" yang tercatat itu dipercayai adalah negeri Pahang dan negeri itu telah diduduki oleh orang laut. Semasa berada di bawah Kerajaan Srivijaya, pengaruh agama yang tersebut adalah pengaruh agama Hindu.

Pada kurun ke-14, Pahang dipercayai berada di bawah taklukan kuasa Kerajaan Majapahit berdasarkan syair Jawa yang berjudul

⁴⁹ *Ibid*, hal. 243.

⁵⁰ G. R. Tibbetts, *The Malay Peninsula As Known To The Arab Geographers*, hal. 25-28.

⁵¹ *Ibid*, hal. 25.

⁵² Paul Wheatly, *The Golden Khersonese*, hal. 247.

"Nagarakertagama" karangan seorang ketua agama Buddha bernama Prapancha pada tahun 1365M. Syair tersebut menyebutkan beberapa tempat di Tanah Melayu termasuk Pahang yang berada di bawah takluk Kerajaan Majapahit.³⁰ Pengaruh agama yang tersebut semasa pemerintahan Kerajaan Majapahit ialah pengaruh agama Buddha. Bukti yang menunjukkan agama Islam belum tersebar di kurun ke-14 adalah berdasarkan buku sejarah China "Tao-I Chi-leo" karangan pengembara China bernama Wang-Ta-Yuan dalam tahun 1349. Buku tersebut mengatakan bahawa penduduk-penduduk P'eng-K'eng (Pahang) memeram air kelapa untuk membuat minuman keras (tuak).³¹

Dalam buku *Sejarah Raja-raja China* keturunan Ming yang berjudul "Ming Shih" ada menceritakan mengenai masyarakat dan fahaman agama penduduk-penduduk P'eng-K'eng bernama Maharaja Tajau dan orang-orang besar serta penduduknya sangat mempercayai kepercayaan karut berkenaan hantu dan roh sehinggakan patung hantu diperbuat dari kayu wangi dan sanggup mengorbankan manusia kepada hantu dengan maksud hendak menolak bala atau meminta sesuatu keuntungan.³²

Dalam buku *Sejarah China* berjudul "Hsing-Ch'a Shang-lan" karangan oleh seorang China beragama Islam dan pandai berbahasa Arab iaitu Fei Hsin pada tahun 1436. Buku itu menyebutkan kisah negeri P'eng K'eng iaitu Pahang pada masa sebelum ditakluk oleh Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Fei Shin mengatakan penduduk negeri berkenaan dikuasai sepenuhnya oleh ilmu sihir. Penduduk negeri tersebut juga mericis kayu manis dan digunakan untuk membunuh orang, mengorbankan darah manusia, meminta kebaikan nasib dan menjauhkan dari kemalangan.³³

Berdasarkan fakta-fakta di atas dapatlah disimpulkan bahawa sebelum Pahang ditakluki oleh Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, agama yang dianuti oleh penduduk Pahang berkemungkinan mempunyai pengaruh Hindu-Buddha dan bukannya Islam. Agama

³⁰ Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hal. 17.

³¹ Paul Wheatly, *The Golden Khersonese*, hal. 247.

³² W.P. Groeneveldt, *Historical Notes On Indonesia and Malaya From Chinese Sources*, hal. 137.

³³ Paul Wheatly, *The Golden Khersonese*, hal. 90.

Islam hanya tersebar ke Pahang sebaik sahaja ia menjadi jajahan takluk Melaka.

Penyebaran Islam ke Pahang berlaku melalui proses pengluasan Empayar Melaka di zaman Sultan Mansur Syah.⁵³ Baginda telah menghantar satu angkatan yang terdiri dari 200 buah kapal ke Pahang yang diketuai oleh Bendahara Tun Perak pada 1459 dan pertempuran berlaku di Pura.⁵⁴ *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa Pahang merupakan sebuah negeri yang besar dan takluk hingga ke Benua Siam.⁵⁵

Angkatan Melaka telah berjaya mengalahkan Pahang, dan rajanya ialah Maharaja Dewa Sura, seorang penganut agama Hindu. Maharaja Dewa Sura dan puterinya Wanang (Onang) Seri ditawan dan dibawa ke Melaka. Sultan Mansur Syah mengahwini puteri tersebut setelah diislamkan dan bertukar nama ke Puteri Lela Wangsa.⁵⁶

Tun Hamzah Seri Bija Diraja (Datuk Bongkok), anak Bendahara Tun Perak yang merupakan seorang Ketua Pahlawan Melayu dititahkan oleh Sultan tinggal di Pahang dan dilantik menggantikan Maharaja Dewa Sura memerintah Pahang. Penaklukan Pahang merupakan permulaan pengluasan kawasan oleh Sultan Mansur Syah.

Sultan Mansur Syah kemudiannya menghantar putera sulungnya Tun Muhammad iaitu puteranya dengan Puteri Maharaja Dewa Sura ke Pahang untuk dirajakan selepas Tun Muhammad membunuh anak Bendahara Tun Perak iaitu Tun Besar.⁵⁷ Tun Muhammad memakai gelaran Sultan Muhammad Syah. Tun Hamzah Seri Bija Diraja dilantik sebagai Bendahara. Sultan Muhammad Syah merupakan Sultan Pahang yang pertama beragama Islam dan memerintah pada tahun 1470M. Baginda bersemayam di Tanjung Langgar.⁵⁸ Setelah memerintah, baginda beristerikan cucu Raja Kelantan, Sultan Iskandar iaitu Puteri Mengindra.⁵⁹

⁵³ A.Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hal.120.

⁵⁴ Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hal.25.

⁵⁵ R.O.Winstedt, *The Genealogy of Malacca's King From A Copy Of The Bustanus's Salatin*, hal.44.

⁵⁶ Dr. Haji Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, hal.108.

⁵⁷ Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hal.35-40.

⁵⁸ W.Linchan, *A History of Pahang*, JMBRAS Jilid XIV Bah. II,hal.14.

⁵⁹ R.O.Winstedt, *The Genealogy of Malacca's King From A Copy Of The Bustanus's Salatin*, hal.44.

Selaras dengan penaklukan oleh Kerajaan Melaka, agama Islam telah dapat diterima di Pahang oleh pembesar dan juga rakyat jelatanya. Penerimaan agama Islam ini juga disebabkan oleh pelopornya daripada keturunan Raja Melaka dan baginda sendiri memainkan peranan penting dalam penyebarannya. Menurut pendapat W. Linehan, selepas tahun 1450-an agama Islam telah dijadikan agama rasmi di Pahang.⁶⁰ Sultan Muhammad Syah meninggal dunia pada tahun 1475M iaitu pada zaman Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Syah. Batu nesannya ditulis dengan tulisan Arab Kuno menyerupai dengan batu nesan Sultan Samudera yang pertama. Batu nesan ini terdapat di Makam Langgar dan merupakan Batu Bersurat Pertama yang dijumpai di Pahang.


Walau bagaimanapun, penemuan sebuah batu nesan lama di Teluk Che Munah di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan Pahang pada bulan Jun, 1953 membuktikan kemungkinan pertapakan agama Islam telah berlaku lama dahulu di Pahang iaitu hampir 300 tahun sebelum kewujudan Kerajaan Islam Melaka.⁶¹ Batu nesan yang dijumpai itu dihiasi dengan ayat Al-Quran dan syair Arab dengan menggunakan seni khat halus. Tulisan yang mengandungi tarikh menunjukkan bahawa si mati meninggal dunia pada subuh hari Rabu 14 Rabiul awal tahun 149 Hijrah.⁶² Ini bermakna batu nisan ini adalah jauh lebih awal dari kesan sejarah pada Batu Bersurat Terengganu (702 Hijrah) dan juga kesan wang emas (dinar) yang dijumpai di Kelantan (557 Hijrah).

⁶⁰ Haji Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, hal.41.

⁶¹ D.G.E.Hall, *Sejarah Asia Tenggara*,hal.253.

⁶² Jayaudin Jamaudin, Ruziatul Adibah Adnan, *Sejarah Islam India-Nusantara-China*, hal.251.

MELAKA SEBAGAI PUSAT PENYEBARAN ISLAM DI WILAYAH-WILAYAH LAIN DI NUSANTARA



Pada abad ke-15 dan awal 16, Melaka merupakan Empayar Kesultanan Melayu yang digeruni di Nusantara. Kekuatan empayar tersebut di bawah sistem kesultanan Melayu Melaka bukan sahaja disebabkan oleh kekuatan tentera Melaka dan perdagangan malah peranannya sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini. Penyebaran Islam dilakukan melalui dakwah, perdagangan, penaklukan dan juga perhubungan diplomasi antarabangsa. Kekukuhan ekonomi Melaka telah menjadi tarikan pedagang-pedagang ke Melaka. Malah banyak negeri-negeri di rantau ini telah bernaung di bawah kerajaan Melaka.

Dasar pemerintahan Sultan Melaka juga telah menyebabkan Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam di Nusantara. Sultan Melaka telah menggalakkan kehadiran mubaligh-mubaligh Islam ke Melaka dan mereka diberikan layanan yang istimewa. Kekuatan Melaka dari segi ketenteraan pula telah berjaya mempengaruhi kerajaan-kerajaan yang beragama Hindu dan Buddha di Nusantara pada ketika itu. Kerajaan-kerajaan ini kebanyakannya terletak di Pulau Jawa dan pulau-pulau di sekitarnya. Wilayah-wilayah lain ialah

Sumatera, Kalimantan, Sulawesi, Maluku, Filipina dan lain-lain lagi. Pada masa itu Melaka merupakan pusat perniagaan yang terpenting di Timur dan juga pusat penyebaran Islam yang utama.¹

Penyebaran Islam Ke Sumatera

Kemasukan Islam ke Sumatera masih menjadi persoalan di kalangan ahli sejarah hingga kini. Menurut Sejarah Melayu, Islam mula masuk ke Sumatera pada pertengahan abad yang ke-12M oleh seorang Arab yang bernama Abdullah Ariff. Raja yang awal memeluk Islam ialah Seri Paduka Sultan Johan Shah yang menaiki takhta pada tahun 1205M di Aceh. Jika perkara ini benar, bermakna Sumatera terlebih dahulu menerima Islam dari Melaka.²

Pada peringkat awalnya, Sumatera merupakan tempat persinggahan saudagar-saudagar dari Tanah Arab, Parsi dan India. Mereka ini telah berjaya mengislamkan penduduk tempatan melalui perkahwinan dengan wanita-wanita tempatan. Menurut catatan Marco Polo yang singgah di Perlak, Sumatera Utara dalam tahun 1292M mendapati ramai penduduk Islam di situ. Dalam catatan tersebut diterangkan bagaimana pedagang-pedagang Islam di kalangan penduduk setempat, di samping menjalankan kegiatan mereka dalam perdagangan.³ Menurut Hikayat Raja-Raja Pasai pula, agama Islam telah dibawa ke Pasai oleh seorang ulama dari Mekah yang bernama Syekh Islam. Beliau mengunjungi Samudera-Pasai dan telah mengislamkan rajanya ketika itu iaitu Merah Silu. Baginda telah memakai gelaran Malik al-Saleh. Kenyataan ini telah disahkan lagi dengan penemuan batu nisan Sultan Malik al-Saleh bertarikh 692 Hijrah (1297M).

Pada tahun 1345M, Pasai telah dikunjungi oleh pengembara Arab iaitu Ibnu Batutah. Menurut catatannya, Sultan Pasai yang telahpun

¹ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara* (terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hal. 251.

² S.M. Naquib Al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamisation Of Malay-Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hal. 11.

³ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal. 62.

memeluk agama Islam pada ketika itu amat berminat terhadap perkembangan agama Islam. Antara raja-raja yang memerintah ialah Malik al-Saleh, Malik al-Zahir dan Malik al-Mansur yang kesemuanya memakai gelaran Raja-Raja Islam di negeri Mesir.⁴ Sultan Malik al-Saleh telah dihuraikan dengan panjang lebar di dalam buku Sejarah Melayu. Baginda telah membangunkan Sumatera sebagai sebuah negara Islam pada akhir abad ke-13. Baginda juga telah berkahwin dengan Puteri dari Perlak dan kesannya telah menguatkan lagi hubungan antara kedua-dua kerajaan Islam itu. Kemudian baginda telah memajukan Perlak sebagai sebuah kerajaan Islam yang mana akhirnya Pasai telah menjadi pusat kebudayaan dan perkembangan Islam di Alam Melayu.

Sehingga penghujung abad yang ke-15, pencapaian kemajuan agama Islam begitu mengagumkan di Sumatera. Di Sumatera, Rokan memeluk agama Islam pada separuh pertama abad itu, manakala Kampar, Inderagiri dan Siak kemudian dari itu. Bagi Kesultanan Melaka, Islam merupakan satu alat politik yang besar. Melaka telah menjadikan Islam untuk meluaskan lagi kekuasaannya. Oleh itu bila Melaka dapat menguasai negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan di pantai timur Sumatera, agama Islam juga merebak ke kawasan-kawasan tersebut. Pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah, baginda berdua telah megalakkan ulama-ulama Melaka pergi ke wilayah-wilayah Sumatera. Malah, hubungan baik Melaka dengan wilayah-wilayah Sumatera adalah berteraskan agama Islam.⁵

Peranan Melaka di dalam penyebaran serta pengukuhan agama Islam di Sumatera memang tidak dapat dinafikan. Peranan ini semakin ketara kelihatan apabila Melaka dijajah oleh Portugis pada tahun 1511. Pedagang-pedagang Islam telah dihalau keluar dari Melaka lari ke Aceh, Sumatera. Menjelang pertengahan abad ke-16, Aceh telah menjadi pelabuhan entrepot yang paling penting bagi pedagang-pedagang Islam dan luar negeri dan Pasai sebelumnya Aceh sudah menjadi pusat pengajian Islam di daerah ini.⁶

⁴ *Ibid.*, hal.63.

⁵ D.G.E. Hall, *op.cit.*, hal. 256.

⁶ *Ibid.*, hal.257.


Akhirnya, menjelang abad yang ke-16, perkembangan agama Islam telah mencapai kemajuan yang mengagumkan di sepanjang persisiran dan daerah pedalaman Sumatera. Aceh telah muncul sebagai sebuah kerajaan Islam yang terkenal di Alam Melayu dan telah mengambil alih peranan Melaka sebelum ini. Tatkala meninjau peranan Melaka dalam penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu, sebahagian besar mencakupi tempoh masa lebih kurang dari 1400-1511M kerana selepas kejatuhan Melaka seperti yang dimaklumi, Aceh telah mengambil alih peranan Melaka.⁷ Kemudian Kerajaan Minangkabau pula telah beransur-ansur menjadi kerajaan Islam kesan daripada pengaruh Melaka. Kemudiannya wujudlah Kerajaan Islam di Palembang dan hanya kaum Batak sahaja yang tidak menerima Islam hingga kini. Bersabit dengan kedudukan Melaka sebagai pusat pengajian dan kebudayaan Islam, ia turut menghantar mubaligh-mubaligh ke daerah-daerah lain di Nusantara ini. Ada riwayat yang menyatakan dalam masa pemeritahan Sultan Mansur Syah, Melaka telah mengirinkan mubaligh-mubaligh ke daerah di sepanjang Sungai Kampar (Minangkabau Timur) untuk mengembangkan ajaran Islam. Dikatakan juga bahawa Kesultanan Melaka pada masa itu bermazhab Syafie dan dengan itu tersebarlah mazhab tersebut ke Minangkabau Timur. Atas inisiatif Melaka ini, akhirnya agama Islam berkembang bukan sahaja kepada penduduk setempat tetapi hingga ke daerah-daerah yang diduduki oleh orang Batak Toba, di Muara Asahan, orang Sulu di Kepulauan Filipina dan juga orang Bugis, Makassar.*

Penyebaran Islam Ke Pulau Jawa

Mengikut rekod China, sudah terdapat orang Islam di Jawa sejak dari tahun 1416M lagi. Catatan Portugis juga menyatakan bahawa pada tahun 1498M terdapat beberapa daerah di pesisir pantai utara Jawa yang penduduknya sudah menganut agama Islam. Kedua-dua kenyataan ini telah dikukuhkan lagi dengan penemuan batu nisan di Gerisek yang mencatatkan bahawa di tempat tersebut terdapat makam

⁷ Yahaya b. Abu Bakar, *Jurnal Sejarah Melaka*, bil. 7, 1982, hal.8.

* *Ibid.*, hal. 20.



Sunan Bonang (Kiri), Sunan Giri (Kanan) ialah dua tokoh Wali Songo (Wali Sembilan) dari Jawa yang pernah menuntut ilmu di Pulo Upih (dipercayai Pulau Upih) Melaka pada akhir abad ke-15

seorang mubaligh Islam di Jawa. Mubaligh tersebut ialah Maulana Malik Ibrahim yang wafat pada tahun 822 Hijrah (1419M).⁹

Dipercayai kerajaan Islam yang paling awal wujud di Jawa ialah Kerajaan Islam di daerah Giri yang didirikan oleh Sunan Giri. Mubaligh-mubaligh Islam telah digalakkan berhijrah keluar dari Giri untuk tujuan penyebaran agama Islam. Kerajaan Giri begitu terkenal di dalam pengembangan Islam di Jawa sebelum terdirinya Kerajaan Islam Demak. Apabila wujudnya Kerajaan Demak yang didirikan oleh Raden Patah, fungsi Giri telah dialihkan ke Demak. Malah Demak dipercayai telah dapat menandingi kekuatan Kerajaan Majapahit yang beragama Hindu.

Walaupun kenyataan di atas menunjukkan Jawa telah terlebih dahulu diislamkan, namun peranan Melaka di dalam menyebarkan agama Islam di wilayah ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Aktiviti perdagangan telah menjalin hubungan antara Melaka dan Pulau Jawa. Hubungan yang rapat ini menyebabkan ramai orang Jawa pergi ke Melaka. Mereka ini bukan sahaja terlibat di dalam aktiviti perdagangan malah Sultan Melaka telah mengupah mereka menjadi perajurit.

⁹ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal.131.

Mereka yang menetap ini telah berkesempatan menyaksikan sendiri betapa meluasnya perkembangan agama Islam di bawah Kesultanan Melayu Melaka, disamping kemurnian dan kesucian agama Islam itu sendiri dapat menjadi penarik yang utama kepada penganut-penganutnya. Dengan itu mereka meninggalkan kepercayaan lama dan menganut agama Islam di sana. Berdasarkan fakta di atas, R.A. Kern mendakwa bahawa Jawa telah *diislamkan* oleh Melaka. Islam mula mempengaruhi Jawa melalui perhubungan rapat yang terjalin antara Melaka dengan pelabuhan-pelabuhan di utara Jawa terutama sekali Tuban dan Gerisek.¹⁰ D.G.E. Hall juga berpendapat setiap saudagar bangsawan Jawa mempunyai 6,000 orang suruhan dan mereka ini mewakili saudagar tersebut di Melaka. Setelah menerima agama Islam, mereka ini dapat memainkan peranan menyebarkan agama Islam ke Tanah Jawa.¹¹ Menurut *Sejarah Melayu* pula, Sultan Mansur Syah pernah berkahwin dengan puteri raja Majapahit di Jawa. Ini telah menguatkan lagi hubungan di antara Kesultanan Melayu Melaka dengan Majapahit.

Kekukuhan agama Islam di Pulau Jawa terutamanya di bahagian utara telah menyebabkan kejatuhan kerajaan Majapahit yang beragama Hindu itu. Sejak dari kejatuhan Majapahit telah menyebabkan munculnya kerajaan-kerajaan Islam di Pulau Jawa. Antaranya ialah kerajaan Demak iaitu kerajaan yang akhirnya berjaya menjatuhkan Majapahit. Kaitan rapat pengislaman Jawa oleh Melaka telah dianggap oleh sebilangan ahli sejarah sebagai kejayaan Melaka yang begitu cemerlang.¹² Pengislaman Jawa juga selanjutnya diteruskan usaha oleh Wali Songo (Wali Sembilan) di sekitar suku pertama dan kedua abad ke-15.

Kekalahan Majapahit di tangan kerajaan Islam Demak telah menyebabkan daerah-daerah di bawah Majapahit memeluk Islam, sebagai contohnya Banjarmasin.¹³ Selanjutnya agama Islam yang tersebar ke Maluku, Tidore, Gilolo dan Bacan. Mengikut sejarah mubaligh-mubaligh dari Sumatera dan Melaka telah pergi ke Maluku juga mengislamkan penduduk di daerah-daerah Makasar dan Bugis pada tahun 1505.

¹⁰ D.G.E Hall, *op.cit.*, hal. 254.

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

¹³ Dr. Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 66.

Langkah orang-orang Islam di Jawa yang menguasai pelabuhan-pelabuhan yang sangat penting di pantai utara dan dengan menghalang orang Portugis membuat perhubungan dengan negeri-negeri Hindu-Buddha yang terletak di kawasan pedalaman yang mungkin menjadi sekutunya telah membantu menguatkan kedudukan Islam di pulau itu. Selain dari itu, terdapat juga catatan iaitu ada orang-orang luar yang datang belajar ke Melaka, kemudian apabila balik ke tempat asalnya menjadi pendakwah yang berjaya. R.O. Winstedt ada menyatakan, "*Some Javanese accounts record that two of that islands most famous saints, Sunan Bonang and Sunan Giri came to Malacca to study in the last quarter of the fifteenth century.*"¹⁴ Kenyataan ini ada benarnya kerana pada masa itu Melaka terkenal sebagai pusat hal ehwal agama dan kesusasteraan Islam di rantau ini. Sultan Melaka sentiasa mengalu-alukan kehadiran pendakwah-pendakwah ini dan menjadi penaung mereka. Di Melaka, mereka memperdalam teknik-teknik pendakwaan untuk membantu menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah di tempat mereka.

Dari keterangan di atas, dapatlah kita lihat peranan Melaka di dalam penyebaran agama Islam di Jawa. Rentetan dari peranan Melaka itu, agama Islam telah tersebar secara meluas di Jawa. Ampel dan Surabaya telah diislamkan oleh seorang tokoh bernama Raden Rahmat. Sementara itu pengislaman bahagian pedalaman Tanah Jawa telah berlaku apabila Mataram yang sebelumnya berada di bawah Majapahit, memeluk Islam. Pada 1518M, Raden Patah telah mengetuai wilayah-wilayah Islam di Tanah Jawa, merobohkan kerajaan Hindu-Majapahit. Beberapa wilayah di Pulau Jawa terutama di kawasan pedalaman menerima Islam agak lewat sedikit. Kemudiannya, penyebaran Islam secara meluas telah dilakukan oleh Wali Songo yang telah memasuki ke daerah-daerah pedalaman Jawa iaitu di Balambangan dalam abad yang ke-18.¹⁵

¹⁴ R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hal.84-85.

¹⁵ Mohd. Jamil Mukmin, *Sejarah Perkembangan Islam*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hal. 310-311.

Penyebaran Islam ke Kalimantan (Borneo)

Sejarah awal kemasukan agama Islam ke Kalimantan masih lagi dipertikaikan hingga kini. Adalah dipercayai, Brunei merupakan negeri di Kalimantan yang pertama menerima Islam hasil dari hubungan perdagangan dengan Melaka.¹⁶ Berikutan dengan kegiatan pendakwaan yang berpusat di Melaka, Islam dikatakan tersebar hingga ke Kepulauan Sulu, di mana seorang pendakwah bernama Abu Bakar selepas menamatkan tugasnya di Melaka telah berdakwah di Palembang, Brunei dan tiba ke Sulu pada tahun 1450M. Beliau membina masjid-masjid yang menambah memusatkan lagi kegiatan dakwahnya.¹⁷

Kalau kita kaji sememangnya daerah-daerah yang mula-mula memeluk Islam di Kalimantan adalah daerah-daerah yang terletak di persisiran pantai. Ini boleh kita kaitkan dengan aktiviti perdagangan. Melalui perdagangan, agama Islam telah disebarikan secara meluas. Daerah-daerah di Kalimantan sememangnya telah menjalin hubungan perdagangan dengan Melaka ketika Melaka berada di puncak kegemilangannya. Kemasukan Islam di Kalimantan telah dimulakan dengan pengislaman daerah-daerah di persisiran terutamanya Banjarmasin dan Pontianak. Banjarmasin pada suatu ketika dulu pernah berada di bawah naungan Majapahit. Tetapi apabila Majapahit jatuh ke tangan Demak pada 1478, Banjarmasin telah diislamkan oleh Demak. Pemerintahan Banjarmasin terpaksa menerima Islam kerana kerajaan Demak telah mensyaratkannya sebagai balasan untuk mematahkan pemberontakan di Kalimantan Selatan.

Menurut *Silsilah Raja-raja Brunei*, Raja Brunei yang Pertama memeluk Islam ialah Awang Alak Betatar, dari suku Bisaya Limbang. Baginda dikatakan telah memeluk Islam di Johor. Pada masa itu kerajaan Johor belum wujud lagi. Ada sejarawan yang berpendapat, Johor yang dimaksudkan ialah Melaka.¹⁸ Menurut catatan Portugis

¹⁶ D.G.E. Hall, *op.cit.* hal. 253.

¹⁷ Yahaya b. Abu Bakar, *op. cit.* hal. 20.

¹⁸ J. Ongkili, *Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah, Sabah*, Museum Journal, vol.xx, no. 41-42, Kuching, 1972, hal.7.

pula, sehingga tahun 1514, Brunei masih mempunyai raja yang bukan Islam. Tetapi sepuluh tahun kemudian, iaitu pada 1521, Pigafetta seorang jurutulis dalam rombongan Magellan yang mengelilingi dunia, melaporkan kerajaan Brunei telah memeluk Islam. Oleh itu mereka telah merumuskan bahawa Brunei telah diislamkan di antara tahun 1514 dengan 1521.

Kekuatan agama Islam di Pulau Borneo itu hanya jelas kelihatan dalam abad ke-17 terutama sekali semasa pemerintahan Sultan Bulkiah, Raja Brunei yang kelima. Berikutan dengan itu, kerajaan-kerajaan lain di pantai barat Pulau Borneo juga telah memeluk agama Islam. Antaranya, Kutai (1600), Sukadana (1600), Kota Waringin (1620), Mata (1743), Mampwa (1750) dan Potianak (1771). Di Sarawak pula, agama Islam telah dikembangkan oleh Kerajaan Brunei. Sarawak yang pada masa itu berada di bawah naungan Brunei telah menerima syarif-syarif dari Brunei untuk mentadbir Sarawak. Syarif-syarif ini adalah dari keturunan Arab dan telah berjaya mengislamkan ke semua orang Melayu dan sebilangan penting puak-puak Dayak sebelum abad ke-19.

Jelaslah dapat dilihat bahawa Islam telah tersebar di Kalimantan hasil hubungan awalnya dengan Melaka. Pedagang-pedagang Brunei yang pergi ke Melaka telah mengambil kesempatan mempelajari Islam. Seperti juga pedagang Jawa, sekembalinya mereka ke Brunei mereka telah menyebarkan agama Islam. Lalu, di sini sekali lagi kita dapat melihat bagaimana pentingnya peranan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam di Nusantara.

Penyebaran Islam ke Sulawesi

Hubungan Melaka-Sulawesi melalui perdagangan dalam abad ke-15 telah memulakan babak awal pengislaman Sulawesi. Ramai pedagang-pedagang dari Melaka telah berniaga di Makasar, begitulah juga sebaliknya. Keturunan Bugis yang tinggal di daerah Makasar dikatakan kumpulan teramai yang awal sekali menerima Islam pada tahun 1604M. Orang yang bertanggungjawab mengislamkan mereka ialah seorang ulama dari Padir bernama Syeikh Ali al-Kaisar dengan dibantu oleh Raja Abdul Jalil putera Sultan Kahar dari Aceh. Kemudiannya, dari Makasar, agama Islam telah berkembang ke daerah-daerah lain di

Sulawesi. Pengislaman Makasar secara meluas kalau dilihat adalah selepas kuasa Portugis menjadi lemah. Makasar kurang menerima Islam sebelum itu walaupun daerah ini mempunyai hubungan perdagangan yang rapat dengan pelabuhan-pelabuhan negeri-negeri Islam di Indonesia. Perkara ini berlaku kerana taat setia rakyat yang kuat terhadap adat resam mereka.¹⁹

Raja Makasar memeluk Islam dengan tujuan untuk memperluaskan kuasa politik dan jajahannya ke negara-negara jiran. Oleh yang demikian dengan memeluk Islam, Makasar mempunyai peluang yang lebih untuk merealisasikan hasrat tersebut. Raja Makasar telah melancarkan serangan ke negeri-negeri utara dan memaksa mereka menerima Islam.

Kepesatan penyebaran agama Islam di Sulawesi jelas kelihatan apabila Aceh telah muncul sebagai pusat penyebaran agama Islam di Nusantara mengambil alih tempat Melaka. Ini kerana Aceh dan Sulawesi pada ketika itu telah menjalin hubungan yang rapat. Pedagang-pedagang Sulawesi pada ketika itu kerap kali pergi ke Aceh untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Secara tidak langsung apabila mereka singgah di Aceh, pedagang ini telah sedikit sebanyak belajar tentang Islam. Kesimpulannya, walaupun peranan Aceh jelas kelihatan di dalam proses penyebaran Islam di Sulawesi tetapi peranan Melaka pada peringkat awal tidak boleh dipertikaikan. Hubungan awal Melaka-Sulawesi telah melahirkan bibit awal pertapakan agama Islam di Sulawesi. Kemudiannya telah disemarakkan oleh kehadiran Aceh.

Penyebaran Islam Ke Maluku

Peranan saudagar-saudagar Islam dari Melaka, Aceh dan Tanah Jawa di dalam membawa agama Islam masuk ke Maluku tidak dapat dipertikaikan lagi. Malah mereka ini juga bertanggungjawab menyebarkan serta mengembangkan ajaran Islam di Maluku. Kemasukan agama Islam di Maluku dipercayai berlaku pada tahun 1475M. Di saat-saat kemasukan agama Islam ke wilayah ini, orang-orang Maluku sedang menghadapi krisis dengan orang-orang Hindu. Kemasukan Islam telah memberi semangat kepada mereka untuk berjuang yang mana

¹⁹ D.G.E. Hall, *op.cit.*, hal. 257-258.

akhirnya telah membawa kemenangan kepada mereka. Peristiwa ini telah menyebabkan Raja mereka iaitu Raja Ternate dan Tidore memeluk agama Islam dalam abad ke-15.

Kekuatan agama Islam di Melaka telah juga dibantu dengan kehadiran para mubaligh dari Sumatera. Mereka telah mengembara hingga ke Maluku dan telah berjaya mengislamkan penduduk-penduduk di daerah Makasar dan Bugis pada tahun 1505M. Pendek kata Islam terus berkembang di Maluku dengan pesatnya terutama selepas pengislaman rajanya.

Penyebaran Islam ke Filipina

Menurut sejarahwan, kemasukan dan penyebaran agama Islam di Filipina mempunyai kaitan yang rapat dengan peranan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam pada zaman kegemilangannya. Dikatakan Melaka juga telah menyebarkan agama Islam ke Filipina. Sesuai dengan peranan Melaka sebagai pusat pengajian agama Islam, ia turut menghantar mubaligh-mubaligh ke daerah-daerah lain di Sumatera. Filipina tidak dapat lari dari sasaran ini. Pengembang-pengembang agama dari Melaka yang dalam masa yang sama juga merupakan pedagang telah menyebarkan agama Islam hingga Kepulauan Sulu di Filipina.²⁰ Berikutan dengan kegiatan yang berpusat di Melaka, Islam dikatakan tersebar hingga ke Kepulauan Sulu. Seorang pendakwah bernama Abu Bakar selepas menamatkan tugasnya di Melaka telah berdakwah di Pelambang, Brunei dan tiba di Sulu dalam tahun 1450 di mana beliau membina masjid-masjid yang menambah memesatkan lagi kegiatan dakwahnya.²¹ Tersebarnya Islam ke Kepulauan Mindanao yang dikaitkan dengan kegiatan pendakwaan di Kepulauan Melayu, manakala proses Islamisasi seterusnya adalah merupakan kegiatan kesultanan tempatan.

Kegiatan perdagangan antara orang Islam Asia Barat dan China telah juga menyebabkan bertapaknya agama Islam di Filipina. Pedagang-pedagang Islam telah menjadikan Kepulauan Sulu dan

²⁰ Yahaya b. Abu Bakar, *op.cit.*, hal. 20.

²¹ T.W. Arnold, *The Preaching, etc.*, hal. 405-406, Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Preliminary Statement, etc.* hal. 12-13.

Borneo sebagai tempat persinggahan mereka. Penerimaan Islam di Kepulauan Sulu telah bermula ketika kunjungan Tuan Sharif Awliya. Beliau dikatakan telah memulakan penyebaran Islam di Pulau itu. Dari situ, Islam terus berkembang hingga ke Pulau Jolo. Seperti daerah-daerah lain, penerimaan Islam telah didahului dengan pengislaman raja dan pembesar-pembesar negeri. Seterusnya, amalan ini telah diikuti oleh rakyat. Penerimaan Islam telah menyebabkan tertubuhnya Kesultanan Sulu.

Selepas tertubuhnya Kerajaan Kesultanan Sulu, maka perdagang-perdagang dan pengembang-pengembang Islam turut mengunjungi Pulau Mindanao. Penyebaran Islam di Mindanao semakin pesat apabila Muhammad Kabungsuwan mendirikan sebuah kerajaan Islam di situ. Beliau adalah anak bongsu seorang bangsawan yang berkahwin dengan seorang puteri raja Johor. Apabila sampai di Maguindanao dari Johor, beliau telah berdakwah di sana. Pengislaman di Mindanao juga turut dibantu dengan perkahwinan campur dengan penduduk setempat. Proses pengislaman ini telah menyebabkan tertubuhnya Kerajaan Maguindanao, *Buyan da Butig* yang beragama Islam.

Di Manila juga sempat ditubuhkan kerajaan Islam. Malangnya, perkembangan Islam di kawasan ini telah mendapat tentangan dari Sepanyol yang pada masa itu giat menyebarkan ajaran Kristian. Akibatnya, Kesultanan Manila di bawah Sultan Sulaiman jatuh ke tangan Sepanyol dalam tahun 1571M dan ini menyebabkan orang-orang Sepanyol menyebarkan ajaran Kristian secara paksaan. Hingga sampai ke hari ini dapat dilihat hanya di bahagian Selatan Filipina sahaja yang masih ramai penduduknya beragama Islam berbanding dengan bahagian lain Filipina. Kesimpulannya, dapat kita lihat peranan Melaka di dalam perkembangan agama Islam di Filipina bukanlah kecil. Menurut Prof. Majul dalam bukunya *Muslims in the Philippines*, menyatakan:

*"The conversion of the first or second ruler of Malacca ... was an event of tremendous importance in the history of the spread of Islam in so far as the rest of Malaysia, including the Philippine, is concerned ..."*²²

²² Majul, C.A., *Muslims in the Philippines*. Quezon, 1973, hlm. 93.

Faktor-Faktor Penerimaan Islam

Terdapatnya pelbagai faktor yang telah mendorong perkembangan agama Islam di Alam Melayu. Faktor yang terpenting ialah kesucian agama Islam itu sendiri. Konsep Tuhan yang tunggal, persaudaraan, persamaan taraf dan kesederhanaan dalam Islam telah menarik penduduk-penduduk tempatan menerima Islam dengan mudahnya. Tambahan pula, semasa menyebarkan agama Islam para ulama tiada mengenakan sebarang paksaan. Kebanyakan penduduk di Alam Melayu memeluk Islam dengan kerelaan mereka sendiri. Tambahan lagi pada masa itu penduduk-penduduk di Alam Melayu beragama Buddha dan Hindu. Jadi mereka dengan senang hati menerima Islam kerana cara hidup Islam yang murni itu dan yang mengutamakan persaudaraan dan persamaan. Intelek-intelek Islam juga memainkan peranan yang penting di dalam hal agama dan menanamkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat Islam di Alam Melayu dalam menentang kedatangan orang Portugis dan Belanda.

D.G.E. Hall ada menyatakan bahawa perdagangan dengan pelabuhan-pelabuhan Laut Merah melalui Kamby dan Aden dikuasai oleh pedagang-pedagang Islam dan mereka inilah yang telah menyebarkan agama Islam di Istana pada peringkat permulaannya. Dari sinilah agama Islam telah berkembang. Mereka telah berjaya menunjukkan teladan yang baik dan menyarakan kepada pembesar-pembesar negeri menerima Islam sebagai satu cara bagi meluaskan jajahan mereka kelak. Mereka juga bertanggungjawab memperkenalkan intelek-intelek dan ulama-ulama Islam untuk memperkuat lagi pegangan raja-raja itu dan untuk menubuhkan pusat-pusat penyebaran agama Islam. Istana telah menjadi pusat pengajian dan penyebaran agama Islam dan dinaungi oleh Sultan sendiri.²³ Apabila Sultan dan pembesar negeri memeluk Islam, perkara ini telah menjadi ikutan rakyat. Perkara seumpama ini berlaku di Aceh, Pasai, Melaka, Jawa, Brunei dan lain-lain. Melalui perkahwinan juga agama Islam dapat dikembangkan. Perkahwinan raja-raja dengan puteri-puteri yang belum beragama Islam juga telah menyebabkan mereka itu memeluk Islam. Selain pedagang-pedagang Islam dari luar ramai yang berkahwin dengan penduduk tempatan.

²³ D.G.E. Hall, *op.cit.*, hal. 259.

Penerimaan agama Islam dan penyebaran agama ini secara serius oleh Melaka boleh juga dikaitkan dengan faktor politik. Ancaman hebat dari Siam telah menyebabkan Melaka hilang pedoman. Siam enggan membekalkan beras ke Melaka dan bekalan makanan lainnya. Ini menyebabkan Melaka memerlukan bekalan makanan dari negeri-negeri di seberang Selat Melaka iaitu saudagar-saudagar Islam Jawa. Jalan penyelesaiannya ialah, lebih ramai saudagar Islam perlu digalakkan ke Melaka dan ini turut mempengaruhi lebih ramai rakyat Melaka memeluk Islam pada 1436M. Islam merupakan satu senjata politik untuk menentang Siam yang beragama Buddha, seterusnya merupakan satu kuasa perpaduan bagi Empayar Melaka yang membolehkan empayar itu tetap bersatu walaupun selepas Melaka sendiri jatuh ke tangan Portugis.²⁴

Faktor yang tidak kurang pentingnya ialah penerimaan agama Islam di lain-lain wilayah di Alam Melayu melalui penaklukan. Melalui penaklukan, Melaka telah dapat menyebarkan agama Islam. Selain dari itu, layanan istimewa yang diberikan kepada pedagang-pedagang yang beragama Islam di pelabuhan Melaka juga telah menyebabkan ramai yang tertarik untuk memeluk Islam. Di sini Melaka telah dijadikan contoh atas kejayaan pemerintahannya setelah menerima dan mengembangkan Islam. Melaka telah muncul sebagai pusat perdagangan yang terpenting di Nusantara melalui keamanan, perluasan jajahan, pertambahan penduduk serta mutu kepimpinan pemerintah-pemerintah Melaka.

Kesimpulannya, kesan dari perluasan Empayar Melaka, secara tidak langsung agama Islam telah dapat dikembangkan. Apabila Melaka muncul sebagai pusat pengajian agama Islam, ulama-ulama dari Melaka yang kebetulannya juga pedagang telah digalakkan berhijrah keluar dari Melaka dengan tujuan menyebarkan agama Islam. Perlindungan yang diberikan oleh Kerajaan Melaka terhadap wilayah-wilayah yang berada di bawah naungannya dari segi pertahanan telah menyebabkan penerimaan Islam begitu senang berlaku di Alam Melayu. Pendek kata, peranan Melaka memang begitu ketara dan tidak dinafikan di dalam menyebarkan agama Islam pada abad ke-15 dan ke-16 di Alam Melayu.

²⁴ Ibid., hal. 254.

MELAKA SEBAGAI PUSAT ILMU PENGETAHUAN ISLAM



Islam Dan Ilmu Pengetahuan

Ilmu pengetahuan adalah perkara yang wajib diberi keutamaan di dalam Islam. Agama Islam sebagai Ad-Din iaitu cara hidup yang menyeluruh telah mengajar penganut-penganutnya supaya menuntut ilmu. Ayat Al-Quran yang Pertama diturunkan ialah Iqra' (Bacalah).¹ Islam dengan tegas telah menganjurkan penganut-penganutnya supaya mencari ilmu pengetahuan, Rasulullah bersabda "*menuntut ilmu itu adalah fardhu (kifayah) bagi kaum muslimin dan muslimat*". Dari sinilah bertitik tolaknya sejarah perkembangan ilmu pengetahuan di dalam Islam, kerana sebagaimana yang sedia maklum bahawa sejarah tamadun manusia terbina dengan ilmu pengetahuan.

Sejarah pemikiran umat Islam telah berkembang sepanjang zaman. Dalam zaman Nabi Muhammad dan Khulafa Al-Rasyidin lagi perkara menuntut ilmu telah diberi keutamaan yang tinggi. Sebagai contoh, selepas peristiwa Peperangan Badar berlaku pada tahun 623M dan pihak Islam mencapai kemenangan. Salah satu dari syarat membebaskan diri yang dikenakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. ke atas orang-orang tawanan musyrikin dari Mekah ialah, orang-orang tawanan yang tidak dapat menebus dirinya tetapi pandai menulis dan

¹ Al-Quran, Surat Al-'Alaq, ayat 1-5.

membaca diminta mengajar 10 orang anak muslimin tiap-tiap seorang sehingga pandai menulis dan membaca kemudian dibebaskan.²

Semua kerajaan Islam sama ada besar ataupun kecil telah memberikan keutamaan kepada ilmu pengetahuan, tetapi yang jelas menonjol ialah di zaman kerajaan Bani Abbasiyah dan kerajaan Islam di Sepanyol. Kejayaan ilmu pengetahuan pada zaman-zaman ini meliputi bidang penciptaan ilmu-ilmu pengetahuan, pembukuan ilmu pengetahuan, penterjemahan ilmu pengetahuan asing dan pembelajaran ilmu pengetahuan. Dalam zaman permulaan Islam iaitu zaman Nabi Muhammad dan Khulafa Al-Rasyidin, rumah-rumah Nabi, Khalifah, para sahabat dan masjid-masjid telah dijadikan tempat menuntut ilmu. Sementara ilmu yang dipelajari ialah ilmu Al-Quran, selok-belok agama Islam, pengetahuan membaca dan menulis, ilmu alam, bahasa dan kesusasteraan, ilmu mengenai pertanian dan perniagaan, astronomi, sejarah dan sebagainya. Dalam zaman keagungan kerajaan-kerajaan Islam, ilmu pengetahuan ini telah diajar dari institusi-institusi pengajian tinggi yang bertaraf universiti, selain dari di istana-istana dan masjid-masjid. Sementara ilmu pengetahuan yang menjadi tumpuan ialah ilmu tafsir, fiqah, nahu, tsauf, hadis, sejarah dan lain-lain. Selain dari itu ialah falsafah, sains, perubatan, astronomi, ilmu hisab, ilmu alam, ekonomi dan lain-lain. Dalam zaman kerajaan-kerajaan Islam berkembang dan mencapai ke mercu kejayaan kebudayaan Islam telah berjaya mempengaruhi dunia Eropah. Institusi-institusi pengajian Islam telah menjadi tumpuan mahasiswa dan mahaguru dari timur dan barat. Kejayaan umat Islam di dalam ilmu pengetahuan ini telah menjadikan tamadun umat Islam begitu tinggi dan cemerlang.³

Kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara telah juga memberi keutamaan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan. Ini termasuklah kerajaan-kerajaan Islam Samudera-Pasai (1270-1400M), Melaka (1400-1511M), Aceh (1511-1650M), Pattani (1564-1782M), Johor-Riau (1650-1800M), kerajaan-kerajaan Islam Brunei, Filipina, Jawa dan lain-lain.

² Mohd. Jamil Mukmin, *Sejarah Perkembangan Islam*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hal. 50.

³ *Ibid.*, hal. 176.

Melaka Sebagai Pusat Keilmuan

Dalam zaman kegemilangan Empayar Melayu (Islam) Melaka, ia merupakan pusat ilmu pengetahuan Islam di Nusantara. Sultan-sultan dan pembesar-pembesar Melaka pada zaman itu sangat berminat mempelajari ilmu pengetahuan, khususnya ilmu pengetahuan Islam. Ini adalah selaras dengan kehendak Islam itu sendiri yang meminta penganut-penganutnya supaya menuntut ilmu pengetahuan. Mereka sangat menghormati dan memberi layanan yang baik kepada golongan ulama serta menggalakkan pembesar dan rakyat berguru kepada ulama-ulama itu. Malah terdapat ramai Sultan-sultan Melaka sendiri berguru dengan ulama-ulama itu seperti mengikut buku *Sejarah Melayu*, Sultan Mansur Syah berguru dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud Syah pula berguru dengan Kadhi Yusof.⁴ Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas menjelaskan :

"Jikalau dahulu mereka (raja-raja dan pembesar-pembesar) asyik menggemari renungan, foya, dongengan khayal, kini mereka giat menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu-ilmu sejarah dan tasauf serta falsafah Islam".

Tom Pires dan de Eredia telah mencatatkan kunjungan ramai ulama dari Pasai dan lain-lain tempat ke Melaka pada zaman itu. Buku *Sejarah Melayu* telah menyebut ulama-ulama yang pernah datang ke Melaka ialah seperti Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadhi Yusof, Kadhi Menua, Kadhi Munawar Syah, Maulana Sadar Johan dan lain-lain. Mereka terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Benggali, Arab, Pasai, Gujerat dan Parsi.⁵ Istana, rumah-rumah pembesar, masjid dan madrasah (surau) telah menjadi pusat pengajian Islam.

Pada peringkat permulaan ramai mubaligh-mubaligh Islam asing telah datang ke negeri Melaka untuk berdakwah dan mengajar ilmu pengetahuan Islam kepada raja-raja, pembesar-pembesar dan rakyat negeri Melaka. Tetapi kemudian telah lahir mubaligh-mubaligh yang

⁴ W.C. Shellabear (ed) *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, hal. 150-151.

⁵ *Ibid.*, hal. 114-115.

terdiri daripada anak-anak tempatan Melaka. Mengikut Prof. Muhammad Yunus di dalam bukunya, *Sejarah Ilmu Di Minangkabau*, pada zaman Sultan Mansur Syah, Melaka telah menghantar ulama-ulama ke Sungai Kampar (Minangkabau Timur), Batak Toba, Kepulauan Filipina dan Makasar.⁶ Selain dari itu, ramai juga ulama-ulama Melaka yang dihantar oleh raja-raja Melaka ke negeri-negeri jajahan takluknya yang lain untuk mengajar agama Islam, ini termasuklah ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera Barat dan lain-lain. Di antara ulama peribumi yang terdapat di Melaka pada masa itu ialah Tun Muhammad, seorang ahli fiqah yang fasih berbahasa Arab.

Di samping itu terdapat juga mubaligh-mubaligh asing yang datang ke Melaka untuk mendalami ilmu pengetahuan Islam. Mengikut R.O. Winstedt, rekod Jawa ada mencatatkan dua orang tokoh Wali Songo (Wali Sembilan) dari Jawa iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri datang ke Melaka untuk menuntut ilmu di akhir abad ke-15. Seorang lagi tokoh Wali Songo iaitu Sunan Kalijaga dan sahabatnya, Syaikh Sutabris. Mereka telah mendalami ilmu pengetahuan Islam di Melaka iaitu di Pulo Upih (dipercayai Pulau Upih).⁷ Mereka kemudiannya telah memainkan peranan penting di dalam pengislaman Pulau Jawa. Menurut *Sejarah Melayu*, pelarian dari Champa iaitu Syah Indera Berma dan pengiring-pengiringnya telah memeluk Islam dan belajar agama Islam di Melaka.⁸

Istana Sebagai Pusat Pengajian

Pada zaman Hindu-Buddha, istana atau kraton menjadi pusat pengajian ilmu pengetahuan. Apabila Islam bertapak di Alam Melayu, tradisi istana sebagai pusat ilmu pengetahuan telah diteruskan. Sebenarnya peranan istana sultan atau rumah pembesar sebagai institusi pengajian ilmu pengetahuan Islam telah wujud di sepanjang

⁶ Muhammad Yunus, *Sejarah Islam di Minangkabau*, Djakarta, 1971, hal.36.

⁷ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara* (khususnya di Tanah Melayu), Al-Rahmaniah, Petaling Jaya, 1990, hal. 142. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hal.84-85.

⁸ Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah Adnan, *Sejarah Islam India-Nusantara-China*, Penerbitan Elman, Kuala Lumpur, 1991, hal.177-178.

zaman keagungan kerajaan-kerajaan Islam terutamanya pada zaman permulaan Islam di Mekah dan Madinah. Pada zaman Islam, ilmu pengetahuan tidak dimonopoli oleh golongan raja dan bangsawan seperti zaman Hindu-Buddha, kerana menuntut ilmu pengetahuan adalah fardhu (kifayah) ke atas semua umat Islam.⁹ Proses pembelajaran pada zaman Islam berkembang dengan meluas di kalangan golongan atasan dan rakyat biasa. Sultan-sultan dan pembesar-pembesar sendiri telah memberi galakan supaya orang-orang Islam menuntut ilmu pengetahuan. Oleh itu istana telah menjadi tumpuan cerdik pandai dari dalam dan luar negeri. Keadaan ini berlaku pada hampir semua kerajaan-kerajaan Islam di Alam Melayu ini. Menurut D.G.E. Hall, peranan istana Melaka selain dari berfungsi sebagai institusi pengajian Islam ia juga menjadi pusat dakwah ulama-ulama dan mubaligh-mubaligh bagi menyebarkan Islam di rantau ini. Mengenai ini beliau menegaskan:

"Merka juga memperkenalkan intelek-intelek dan ulama-ulama Islam untuk memperkuatkan lagi pegangan raja-raja itu dan untuk menubuhkan pusat-pusat penyebaran agama Islam. Istana-istana menjadi pusat pengajian Islam dan mengeluarkan banyak juga hasil-hasil sastera yang sebahagian besarnya masih lagi terdapat pada hari ini."¹⁰

Peranan istana sebagai institusi pengajian Islam pada zaman permulaan dan keagungan Empayar Melayu Melaka begitu besar dan merupakan sebagai pusat pendidikan dan di samping sebagai pusat dakwah yang berkesan. Peranan yang dimainkan oleh istana tersebut bolehlah dianggap sebagai induktrisasi pengajian dan pembelajaran pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabatnya. Perkara-perkara yang diajar di istana itu tidak jauh beza dari zaman silam, iaitu membaca, menulis, pengajian Al-Quran, ilmu Feqah, tauhid, undang-undang Islam, tasauf, falsafah, sejarah Islam dan lain-lain.¹¹ Peranan istana sebagai pusat pendidikan anak-anak raja dan

⁹ Ismail Hamid, *Peradapan Melayu dan Islam*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hal. 44.

¹⁰ Hall, D.G.E., *A History of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1961, hal. 260.

¹¹ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 103.

golongan bangsawan biasanya dibiayai oleh pihak istana sendiri. Pengajian perkara-perkara yang lebih tinggi seperti hukum-hukum, tasauf, falsafah dan sebagainya disertai sendiri oleh raja-raja dan pembesar-pembesar negeri. Kegiatan keilmuan yang berlaku di istana-istana raja Melayu bukan sahaja menyentuh pengajian kitab-kitab agama, tetapi juga soal-soal pentadbiran negara dan sistem politik. Sultan Mansur Syah amat berminat akan pengajian tasauf dan menjadikannya sebagai matapelajaran yang utama dipelajari di istana Melaka. Seperti yang telah disentuh di atas baginda sering berguru dengan Maulana Abu Bakar. Sementara Sultan Mahmud Syah dan puteranya Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Johan dan Kadhi Yusof. Malah pembesar-pembesar semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah diperintah mempelajari agama Islam di bawah pimpinan Maulana Sadar Johan.

Di samping menjadi pusat pendidikan Islam, istana juga dijadikan tempat menterjemah dan menyimpan kitab-kitab mengenai Islam. *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* telah dibaca oleh orang-orang Melaka semenjak abad ke-15. Mengikut *Sejarah Melayu*, pada malam semasa Portugis menyerang Melaka, seorang pembesar telah memohon kepada Sultan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* untuk dibacakan kepada hulubalang-hulubalang Melaka bagi menaikkan semangat mereka berperang dengan Portugis pada esok hari. Tetapi sultan telah memberi *Hikayat Amir Hamzah*, kemudian di atas permintaan pembesar lain pembesar itu telah memohon sekali lagi *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan akhirnya baginda telah memberinya.¹² Sementara *Hikayat Iskandar Zulkarnain* juga telah dipercayai dibaca oleh orang Melaka pada abad yang sama. Malah tradisi dan adat-istiadat raja Melayu yang bermula dari Melaka telah mendakwa keturunan dari Iskandar Zulkarnain, iaitu watak protagonis dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*.¹³ *Sejarah Melayu* sendiri merupakan tulisan yang dihasilkan pada zaman kerajaan Melaka atau sekurang-kurangnya satu catatan dari zaman Melaka. *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* juga merupakan hasil peninggalan

¹² W.C. Shellabear (ed), *op.cit.*, hal. 203.

¹³ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 30.



Wira-wira Melaka sedang khusuk mendengar *Hikayat Muhammad Hanafiah* dibacakan bagi mengukuhkan semangat mereka untuk menghadapi serangan Portugis

yang sangat berharga pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.¹⁴ Sejarah Melayu menyebut kitab *Darul Mazlum (Darul Manzum)* sebuah kitab tasauf karangan Maulana Abu Bakar dari Jeddah. Sultan telah memerintah supaya kitab itu diarak hingga ke balairong. Kemudian telah dibawa ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Selepas itu telah dibawa ke Melaka untuk dipelajari di istana.¹⁵ Dari sini jelaslah bahawa dalam zaman kesultanan Melaka, istana telah menjadi pusat pengajian dan dakwah yang begitu berkesan.

Masjid Sebagai Pusat Pengajian

Di samping istana, masjid, rumah dan madrasah (surau) telah juga memainkan peranan penting sebagai institusi pengajian ilmu

¹⁴ Abu Hassan Sham, "*Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka Sebagai Warisan Persuratan Melayu Lama*," dalam Abdul Latif Abu Bakar (ed): *Warisan Sastera Melaka*, Lembaga Bahasa Melayu Melaka, 1984, hal. 24.

¹⁵ W.C. Shellabear (ed), *op.cit.*, hal. 114-115.

pengetahuan Islam dan pusat penyebaran Islam.¹⁶ Tradisi pengajian di masjid telah dimulakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. sewaktu baginda berhijrah ke Madinah dan mendirikan masjid yang pertama di dalam Islam iaitu Masjid Quba'. Kemudian amalan ini telah diteruskan oleh khalifah-khalifah Islam selepas baginda. Peranan masjid yang sebenarnya mengikut tradisi bukan sahaja tempat perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan agama tetapi juga untuk kepentingan umum. Tradisi pengajian di masjid ini telah dibawa ke Alam Melayu apabila Islam tersebar di rantau ini. Ibnu Batutah yang berkunjung ke Pasai pada tahun 1345M telah mendapati orang-orang Islam menggunakan masjid bukan sahaja untuk tempat beribadah tetapi juga sebagai pusat pengajian ilmu agama.¹⁷ Masjid-masjid dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka telah juga digunakan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam. Mengikut *Sejarah Melayu*, Sultan Muhammad Syah (Megat Iskandar Syah) bagi memuliakan bulan Ramadhan terutamanya pada malam 27, di samping menunaikan sembahyang Tarawikh di masjid bersama rakyat,¹⁸ Sultan dan pembesar-pembesar juga sering datang ke masjid bukan sahaja untuk menunaikan sembahyang Jumaat, sembahyang Tarawikh dan sembahyang waktu tetapi juga mendengar syarahan-syarahan agama. Walau bagaimanapun, kebanyakan orang Islam yang menggunakan masjid untuk belajar ilmu pengetahuan Islam adalah terdiri daripada rakyat jelata.

Pendidikan Islam di kalangan kanak-kanak dimulakan di rumah masing-masing secara formal. Pendidikan yang lebih bercorak formal diteruskan di masjid atau surau di mana murid-murid diajar oleh guru-guru tertentu yang berkhidmat secara sukarela. Walau bagaimanapun ibubapa murid-murid sering memberi saguhati atau sedekah kepada guru-guru itu dalam bentuk barangan atau wang. Masjid merupakan institusi Islam yang pertama sebagai tempat mengajar ilmu pengetahuan Islam. Surau atau dipanggil juga madrasah adalah lebih kecil dari masjid. Surau tidak digunakan untuk sembahyang Jumaat, tetapi digunakan untuk sembahyang waktu dan belajar agama Islam. Masjid dan surau menjadi pusat pengajian kanak-

¹⁶ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 45.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ W.C. Shellaber (ed), *op.cit.*, hal. 60.

kanak. Pada siangnya untuk mempelajari bacaan Al-Quran termasuklah pelajaran ilmu tajwid. Di samping itu, kanak-kanak juga diajar ilmu qasidah. Sementara pada sebelah malam pula masjid menjadi pusat pengajian bagi orang-orang dewasa. Pengajian di masjid atau surau ini menggunakan kitab-kitab sebagai buku teks. Pengajian di masjid ini, walaupun bercorak lebih formal, tetapi sistemnya kurang teratur kerana bilangan pelajarnya tidak terhad, guru-gurunya berkhidmat secara sukarela. Pengajiannya berdasarkan kitab-kitab yang ditetapkan oleh guru-guru dan perkara-perkara yang diajar adalah seperti fiqah, usuluddin, tasauf, tafsir dan lain-lain di samping matapelajaran utama pengajian Al-Quran. Di dalam buku *Hikayat Abdullah*, ada menyebutkan bahawa dari zaman nenek moyang lagi perkara mengaji Al-Quran ini telah diamalkan di masjid-masjid.

PENGARUH ISLAM DALAM SISTEM PERUNDANGAN MELAKA



Sistem Perundangan Islam

Islam mempunyai sistem perundangan yang tersendiri yang lengkap dan komprehensif. Pada keseluruhannya objektif perundangan Islam ialah untuk menjaga kepentingan semua pihak sama ada pemerintah mahupun rakyat serta mencari keredhaan Allah. Di dalam Islam, semua orang adalah sama tidak kira raja atau rakyat. Yang membezakan mereka ialah *taqwa* kepada Allah. Asas sistem perundangan Islam ialah *keadilan* untuk semua orang, tidak mengira darjat, pangkat, kaum, orang Islam atau bukan Islam. Kekuatan perundangan Islam ialah keseimbangan jasmani dan rohani, iaitu segala apa yang kita lakukan adalah semata-mata untuk mencari kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

Perundangan Islam adalah berlandaskan dua sumber penting,¹ Sumber-sumber utama ialah meliputi *Al-Quran*, *Al-Sunnah*,² *Ijma'*³ dan

¹ Said Ramadan, *Undang-undang Islam : Skop dan Ekuiti* (terjemahan Abdul Halim Abdullah dan Jamilah Abdul Rauf), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal. 3.

² *Sunnah*, bermakna perkataan (apa yang dikatakan) dan perbuatan (apa yang dilakukan) oleh Nabi Muhammad s.a.w.

³ *Ijma'* bermakna persefahaman pendapat. Lihat Said Ramadan, *op cit.*, hal. 3.

Qias.⁴ Sumber kedua ialah sumber-sumber tambahan yang termasuk *Istihsan*,⁵ *Istislah*⁶ dan *Urf*.⁷ Dalam masa hayat Nabi Muhammad S.A.W., al-Quran dan al-Sunnah adalah merupakan sumber yang sah. Dalam zaman kerajaan-kerajaan Islam kemudiannya sumber lain seperti di atas telah digunakan di dalam mengubal sistem perundangan Islam mengikut keadaan masa dan tempat. Semua kerajaan yang diperintah oleh orang Islam semenjak dahulu hingga sekarang adalah mengamalkan perundangan Islam, dan ini termasuklah kerajaan-kerajaan yang diperintah oleh orang Islam di Alam Melayu ini. Apa yang membezakan ialah cara dan tahap pelaksanaannya. Kerajaan Melayu Melaka di dalam zaman kegemilangannya telah mengamalkan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun dalam sistem perundangan Melaka ini masih terdapat undang-undang tradisional dan Hindu-Buddha. Pelaksanaan undang-undang Islam di dalam sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka ini dapat dilihat di dalam *Hukum Kanun* dan *Undang-Undang Laut Melaka*.

Undang-Undang Adat Kesultanan Melayu Melaka

Undang-undang Adat Kesultanan Melayu Melaka terbahagi dua, iaitu *Undang-undang Darat* (Hukum Kanun Melaka) dan *Undang-Undang Laut*. Kedua-dua buah naskhah undang-undang ini adalah merupakan warisan hasil penulisan Melayu dan Islam yang berbentuk undang-undang yang amat berharga nilainya dari segi sejarah. Pada umumnya Undang-Undang Adat Kesultanan Melaka banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur adat tradisi tempatan dan budaya Hindu. Hanya pada peringkat akhirnya sahaja ia dipengaruhi oleh undang-undang Islam. Sebelum pemerintahan Sultan Muhammad Syah institusi undang-

⁴ *Qias*, bermakna penghakiman baru berlandaskan perbandingan dengan penghakiman yang sedia ada. Lihat Said Ramadan, *op.cit.*

⁵ *Istihsan*, bermakna penyimpangan dalam sesuatu perkara tertentu, daripada mengikut keputusan yang terdahulu, kepada mengikut kaedah yang lain berlandaskan alasan-alasan yang lebih sesuai. Lihat Said Ramadan, *op.cit.*

⁶ *Istislah*, bermakna keputusan yang baru untuk memenuhi keperluan ramai yang tidak sentuh secara khusus oleh al-Quran dan Sunnah. Lihat Said Ramadan, *op.cit.*

⁷ *Urf*, bermakna adat dan kebiasaan sesuatu masyarakat dalam bentuk ucapan dan tingkah laku, Said Ramadan, *op.cit.*

undang di Melaka hanyalah wujud dalam bentuk titah perintah bercorak lisan dan adat resam tentang larangan, hak-hak keistimewaan dan, tanggungjawab raja serta pembesar-pembesar negeri yang tidak bersangkut paut dengan hukum Islam. Fasal 44:11 dalam *Hukum Kanun Melaka* ada menyebut bahawa ia adalah undang-undang untuk:

"... Segala negeri, dari suatu negeri kepada suatu negeri, dari suatu dusun kepada suatu dusun, dari suatu teluk kepada suatu teluk, dari suatu sungai kepada suatu sungai sekelilingnya".

Pada umumnya penggubalan Undang-undang Adat tersebut adalah terikat kepada tiga matlamat utama seperti berikut : *

- i. Untuk menjaga hak dan kepentingan raja-raja dan keluarga raja
- ii. Untuk mengekalkan beberapa amalan tradisi dan beberapa aspek ajaran Islam
- iii. Menentukan bidang kuasa dan tanggungjawab pembesar, perlakuan dan keperibadian raja serta perlakuan orang kebanyakan

Hukum Kanun Melaka

Hukum Kanun Melaka juga dikenali sebagai *Undang-Undang Darat Melaka* atau *Risalat Hukum Kanun*. Undang-undang ini mempunyai 46 naskah salinan yang tersebut dengan pelbagai nama seperti: *Undang-undang Melaka*, *Undang-Undang Negeri* dan *Pelayaran*, *Surat Undang-Undang*, *Kitab Undang-Undang Raja Melaka*, *Undang-Undang Sultan Mahmud Syah*, *Kitab Hukum Kanun* dan *Surat Hukum Kanun*.⁹ Hukum Kanun Melaka ini telah mengalami tokok tambah dari masa ke semasa. Dari 19 fasal bertambah kepada 22 fasal dan akhirnya berjumlah sebanyak 44 fasal seperti yang ada sekarang.

* Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adnan, *Sejarah Islam: India-Nusantara-China*, Penerbit Elman, Kuala Lumpur, 1991, hal. 187.

⁹ *Ibid*, hal. 186.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 الحمد لله رب العالمين سلك فرج نجيب بكل السله ترفن
 قیامة مفیها فی هبات ، والم تکرک ، و نیا و ان یفأمت
 مؤر و ده الم تکرک اخیره متنا فرج کأم کحصرت بكل سواة
 فکر جان بقدر الو مکر وان رحمت الله اتس کک کک صیت
 وان یا ایتة فخر و ایتة محمد مصطفی صلی الله علیه و سلام
 کاد ان فر کبان سکل ما منی ایتة یا نق بر لا فر من حکم سوارغ
 سب انک مک کت هو صکره أمضت ککضرة الله فالی هو صکره
 مشفامة هجا کتة بی صلی الله علیه و سلام کاد ان فر کبان
 مشکة حادة وان ممنا امضت کک کتة فو من صر و سکلین عالم
 استغفر الله العظيم اما بعد اذ فری ککین و ربی ایتة متیتا
 دل یعد فر فری یقیم سلی سرب سلطان عبد الجلیل رحمت
 منه منیتکرم هیوة فری فر کبان انخ ، ابن سفای عبدا لله و الم
 کرمه جاقن منساکن سامن اسلام و ان سفای جاقن منساکن
 و ان اوزبیر بر کلا ان بر سفده موبکا سکلین من سفله
 و کت منیتکرم هیوة حکم ابن و الله اعلم بالصواب
 اذ فرن فصل یخ فر کما کتوی اولیم بر هو استکرم
 ملتاده سکل ریح ، فر نام بتدرا کد و ان کتکل
 شهیند و کل فر فلها نام راج سکل ریح سکلین ایتة اذ فرن
 کک کک

Halaman dalam Kitab Undang-undang Melaka, abad ke 15, mengenai hukum-hukum yang dibuat dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil.

Sumber : Arkib Negara Malaysia

Mengikuti Liaw Yock Fang dalam bukunya, *Undang-Undang Melaka, Hukum Kanun Melaka* ini tidak disusun seluruhnya dalam masa yang sama tetapi disusun dari masa ke semasa dengan mengambil masa yang lama. Berdasarkan fakta-fakta sejarah ia mula disusun dalam zaman Sultan Muhammad Syah dan disudahkan pada zaman anaknya Sultan Muzaffar Syah. Kemudian bahagian undang-undang Islam disusun dalam masa yang lebih kemudian, begitu juga bahagian Undang-undang Negeri dan Undang-undang Johor.¹⁰

Hukum Kanun Melaka ini bukan sahaja digunakan terhad di Melaka, tetapi juga tersebar luas ke negeri-negeri yang menjadi jajahan takluknya seperti Johor, Riau, Pahang dan lain-lain. Di samping itu naskah ini juga tersebar secara meluas ke negeri-negeri Melayu yang lain seperti Brunei, Pattani dan Aceh.¹¹ Mengikuti Liaw Yock Fang lagi, terdapat 46 naskah *Hukum Kanun Melaka* di seluruh dunia dan ini termasuklah dua naskah yang tidak lengkap. Naskah-naskah ini tidak semua sama nilainya, ada setengahnya merupakan salinan dari naskah yang lain. Secara kasarnya naskah-naskah itu bolehlah digolongkan ke dalam tujuh kumpulan:

- i. Undang-undang Melaka yang sebenar
- ii. Naskah versi Aceh
- iii. Naskah versi Pattani
- iv. Naskah versi Panjang
- v. Naskah versi Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Johor
- vi. Naskah versi Pendek
- vii. Naskah-naskah yang tidak lengkap¹²

Berdasarkan kepada banyaknya bilangan naskah dan versi yang tersebut yang setengahnya disimpan di beberapa buah negeri asing ini adalah menunjukkan bahawa naskah *Hukum Kanun Melaka* sangat popular dan tersebar luas di rantau Nusantara. *Hukum Kanun Melaka* digubal bukan sebagai hasil tulisan semata-mata, tetapi diamalkan dalam zaman Empayar Melayu Melaka. Ia kemudiannya telah diikuti

¹⁰ Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, The Hague, 1976, hal. 38.

¹¹ Abu Hassan Sham, "Hukum Kanun Melaka", dalam Abdul Latif Abu Bakar (ed): *Warisan Sastrera Melaka*, Lembaga Bahasa Melayu Melaka, 1984, hal. 25.

¹² Liaw Yock Fang, *op.cit.*, hal. 9.

oleh bekas jajahan takluknya seperti Johor, Riau, Pahang, Kedah dan lain-lain. Dalam masa yang lebih terkemudian, ia juga telah dijadikan sebagai panduan penting bagi Pattani, Aceh, Brunei dan lain-lain bagi melaksanakan undang-undang mereka dengan beberapa tokoh tambah.

Pengaruh *Hukum Kanun Melaka* di kalangan kerajaan-kerajaan Islam di rantau Nusantara ini bukan sahaja dalam zaman kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Melaka, dalam abad ke-15, tetapi juga ketika kerajaan-kerajaan Islam di rantau ini wujud dalam abad-abad ke-16, 17 dan 18. Pada zaman Kesultanan Aceh, terdapat juga undang-undang yang seumpama ini yang dikenali dengan nama *Adat Aceh*, *Adat Mahkota Alam*, *Kanun Mahkota Alam* ataupun *Kanun Al-Asyi*. Undang-undang ini dihasilkan dalam zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636M) dan banyak dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Melaka*. Kemudiannya di Aceh, lahir sebuah lagi *Undang-undang Melayu Lama* iaitu *Kanun Syara' Kerajaan Aceh* dalam zaman Sultan Alauddin Mansur Syah (1857-1870M). Undang-undang ini mempunyai unsur-unsur perundangan Islam yang lebih mendalam jika dibandingkan dengan *Hukum Kanun Melaka*.¹³

Dalam sejarah Kesultanan Brunei, pernah menghasilkan undang-undang yang seumpama ini yang dipanggil *Hukum Kanun Brunei* dalam zaman pemerintahan Sultan Hassan (1605-1619M). Undang-undang ini dikatakan banyak dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Melaka*.¹⁴ Dalam sejarah Kesultanan Sulu, undang-undang seumpama ini juga telah disusun dalam zaman Sultan Azimuddin (1735-1748M dan 1764-1774M). Dalam zaman Kesultanan Maguindanao pernah menghasilkan undang-undang yang lebih kurang sama, iaitu dalam zaman Sultan Amiruddin Hamza (1736-1755M). Undang-undang ini dipanggil *Lawaran* atau *Parualan* dan banyak dipengaruhi oleh pendapat mazhab Shafie.¹⁵ Banyak bahagian di dalam undang-undang zaman Kesultanan Sulu dan Maquindanao ini yang menyamai *Hukum Kanun Melaka*.

¹³ A. Hasjmy, *Iskandar Muda Maukuta Alam*, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, hal. 70.

¹⁴ Hashim Abdul Hamid, "Brunei Negara Melayu-Islam Beraja", Boriga, Jan-Mac 1988, hal. 7, Matassim Haji Jibah, *Catatan Hukum Kanun Brunei*, Bahana, Jilid 15, Bil. 23, Okt.-Dis. 1980, hal. 45-47.

¹⁵ Mastura, M.O., "The Rules of Maquindanao in Modern History" 1511-1903, Philippine Social Science Council, 1979, hal. 265-266, dan Majul, C.A., "The General Nature of Islamic Law and Its Application in The Philippine", hal. 381.

Zaman Kesultanan Perak, Pahang dan Riau juga ada mengeluarkan undang-undang masing-masing. *Hukum Kanun Perak* diperkenalkan dalam zaman Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1584) dan dikenali dengan nama *Undang-undang 99. Hukum Kanun Pahang* disusun dalam zaman Sultan Sulaiman, pemerintah Riau- Johor dari tahun 1722 hingga 1760M.¹⁶ Ketiga-tiga undang-undang itu dikatakan banyak dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Melaka*.

Di samping itu, Kesultanan Palembang dan Banjarmasin juga mempunyai undang-undang Islamnya sendiri. Di Palembang undang-undang ini dipanggil *Simbur Cahaya* (Sumber Cahaya) yang disusun dalam zaman Ratu Sinuhun (1639-1650M). Di Banjarmasin pula, Sultan Adam (1825-1857M) telah menghasilkan satu undang-undang yang dipanggil *Undang-Undang Sultan Adam* yang agak menyeluruh isi kandungannya. Dalam sejarah pemerintahan Islam di Kepulauan Jawa pernah terdapat beberapa undang-undang Islam dihasilkan dari pusat Islam di Cirebon iaitu *Pepakem Cirebon* (Pedoman Cirebon) dan *Surya Alam* di Jawa Tengah yang dipercayai dihasilkan pada awal Kesultanan Demak iaitu pada abad ke-16. Kesemua undang-undang itu dipengaruhi oleh *Hukum Kanun Melaka*.¹⁷

Pada keseluruhannya *Hukum Kanun Melaka* ini mengandungi undang-undang bagi menjaga hak-hak dan keistimewaan raja dan kaum kerabatnya. Raja berkuasa penuh dan bertanggungjawab melantik pembesar-pembesarnya seperti Bendahara, Temenggong, Penghulu Bendahari dan Laksamana. Undang-undang ini juga dipatuhi oleh rakyat dalam konteks hubungannya dengan raja seperti *titah*, *murka*, *berangkat*, *kurnia*, *patik*, *pacal*, dan lain-lain. Selain dari itu, *Undang-undang Kanun Melaka* ini juga mengandungi undang-undang yang berunsur Islam seperti *undang-undang jenayah*, *muamalah*, *undang-undang keluarga*, *undang-undang keterangan dan acara* dan sebagainya.

¹⁶ Abu Hassan Mohd. Adam, "Pengaruh Islam di dalam Undang-undang Melayu Lama", *Sejahtera*, jurnal PMIUM, Jil.6, 1972, hal. 47.

¹⁷ Rass, J.J. (ed), *Hikayat Banjar*, Martinus Nijhoff, Tha Hague, 1986, hal. 211 dan 629.

Undang-Undang Laut Melaka

Undang-undang Laut Melaka adalah merupakan suatu undang-undang mengenai pelayaran di laut zaman Empayar Melayu Melaka. Peraturan-peraturan pelayaran di laut ini digubal pada masa itu adalah bersesuaian dengan peranan Melaka sebagai sebuah Bandar pelabuhan kosmopolitan di rantau ini. Melaka pada abad ke-15 telah menjadi pusat perdagangan (*thallasocracy*) yang terpenting di Nusantara sesuai dengan kedudukannya di tengah-tengah perjalanan laut di antara Lautan Hindi dan Lautan China. Banyak kapal-kapal perdagangan dari negeri-negeri Arab, India, Parsi, China, Champa, Pulau Ryukyu (di Jepun) dan lain-lain singgah di pelabuhan Melaka. Di samping itu, wujudnya *Undang-Undang Laut Melaka* ini juga menunjukkan bahawa orang-orang Melayu pada masa itu pernah aktif menjalankan perniagaan melalui jalan laut, selain aktif di dalam pelayaran biasa. *Undang-Undang Laut Melaka* ini bukan sahaja digunakan di Melaka dan jajahan takluknya, tetapi juga di beberapa buah negeri di Nusantara. Mengikuti Raffles di dalam artikelnya berjudul *The Maritime Code Of The Malays*, JSBRAS, July 1879 bahawa undang-undang ini digunakan oleh penduduk di Kepulauan Celebes terutama di wilayah Bugis Makasar.¹⁸ *Undang-undang Laut Melaka* edisi R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, JMBRAS, 29, iii, 1956 pula adalah disusun semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah dan Bendaharanya iaitu Bendahara Seri Maharaja.¹⁹

Undang-undang Laut Melaka ini mengandungi 44 fasal yang pada keseluruhannya menggariskan pembahagian tugas pegawai-pegawai kapal, menentukan peraturan penggunaan perairan dan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan di laut. Pegawai-pegawai kapal yang dimaksudkan ialah *nakhoda*, *jurumudi*, *jurubatu*, *tukang*, *malim*, dan *muda-muda*. *Nakhoda* adalah pegawai yang tertinggi sekali di dalam sesebuah kapal, jung atau balok, dan ia mempunyai kuasa penuh di kapalnya sama seperti kuasa seorang raja. Di dalam ada tempat khas yang hanya *nakhoda* sahaja dapat duduk iaitu di *peterang lawang*. *Jurumudi* adalah orang yang kedua pentingnya di dalam sesebuah kapal. Tugas utamanya ialah mengemudi kapal, jung atau

¹⁸ Abu Hassan Sham, *op.cit.*, hal. 37.

¹⁹ *Ibid.*

balok. Ia seolah-olah Bendahara di darat. Tugas *jurubatu* pula ialah menjaga sauh dan bahagian hadapan perahu. Selain dari itu ia juga bertanggungjawab menjaga keamanan di dalam perahu itu. Sementara *tukang* pula secara literalnya bermakna *workman*. Ia dibahagikan beberapa jenis mengikut tugasnya dan ketua segala tukang dipanggil *tukang agung* (*chief petty officer*). Selain dari itu terdapat juga tukang petak, tukang kiri, tukang kanan dan lain-lain. Di samping itu terdapat juga *malim* yang tugasnya sebagai hakim di dalam sesebuah kapal itu. Tugas *muda-muda* pula ialah menjaga senjata menjadi tentera dan mempertahankan kapal. Peringkat kakitangan kapal yang paling bawah sekali ialah *anak-anak kapal* yang bertugas sebagai pekerja biasa. Di dalam kapal terdapat juga penumpang yang membawa barang-barang untuk diperniagakan.

Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini Undang-Undang Adat Kesultanan Melayu Melaka, iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang laut Melaka* mempunyai banyak ciri-ciri adat tempatan dan amalan budaya Hindu-Buddha. Hanya dalam bab-bab akhir sahaja di dalam *Hukum Kanun Melaka* mengandungi hukum-hukum Islam. Di dalam *Undang-Undang Laut Melaka* pula terdapat beberapa fasal yang mempunyai beberapa ciri yang bersesuaian dengan Islam.

Pengaruh Islam Di Dalam Sistem Perundangan Melaka

Sebagaimana yang dinyatakan ke atas, Undang-Undang Adat Kesultanan Melayu Melaka mengandungi ciri-ciri undang-undang Islam, di samping ciri-ciri adat tempatan dan Hindu-Buddha. Pengaruh Islam di dalam Hukum Kanun Melaka meliputi undang-undang jenayah, muamalah, keluarga dan keterangan dan acara.

a) Undang-Undang Jenayah

Undang-Undang Jenayah yang termaktub di dalam Hukum Kanun Melaka ialah : Hukuman Qisas, Hudud, Ta'zir dan Diat²⁰

²⁰ Haji Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hal. 193.

i) *Hukum Qisas*

Dalam *Hukum Kanun Melaka* fasal 5.1 ada menyebutkan bahawa kesalahan membunuh orang hendaklah dikenakan hukuman bunuh juga. Hukuman bunuh kepada pembunuh adalah wajar supaya waris mangsa tidak lagi menuntut bela dan menegah dari berlakunya pembunuhan secara sewenang-wenangnya. Hukuman ini adalah selaras dengan firman Allah dalam Surah al-Maidah (5:45) mengenai kesalahan perkelahian, seperti tampar-menampar, mencederakan anggota, Undang-Undang Melaka menetapkan bahawa kesalahan yang berkenaan hendaklah dibalas dengan hukuman yang setimpal. Hukuman ini berdasarkan firman Allah di dalam surah yang sama seperti di atas.

ii) *Hukum Hudud*

Dalam *Hukum Kanun Melaka* terdapat hukum hudud iaitu hukuman yang berhubung dengan Zina, Qadhaf, Mencuri, Murtad, Minum Arak dan meninggalkan sembahyang. Hukum bagi kesalahan zina ini terdapat juga di dalam *Undang-Undang Laut Melaka*. Menurut *Hukum Kanun Melaka* Fasal 40:2 bagi kesalahan zina yang dilakukan oleh golongan hamba hendaklah dikenakan hukuman sebat 50 kali iaitu separuh dari hukuman yang dikenakan ke atas orang yang merdeka. Hukuman ini adalah selaras dengan firman Allah di dalam Surah al-Nur (24:2)

Kesalahan Qadhaf iaitu menuduh perempuan yang salih berzina. *Hukum Kanun Melaka* mengenakan hukuman sebat 80 kali ke atas orang yang melakukan kesalahan itu. Hukuman ini terdapat dalam fasal 12:3 dan sejajar dengan firman Allah dalam Surah An-Nur (24:4). Mengenai kesalahan *murtad* pula *Hukum Kanun Melaka* fasal 36:1 menetapkan hukuman bunuh bagi orang-orang Islam yang keluar dari agamanya, dan ini selaras dengan ayat al-Quran dalam Surah al-Anfal (8:39). *Hukum Kanun Melaka* juga mempunyai peruntukan bagi kesalahan *mencuri*, iaitu terdapat dalam fasal 7:2 dan 11:1 yang menetapkan potong tangan ke atas pencuri-pencuri. Hukuman tersebut dikenakan ke atas seseorang jika harta yang dicurinya itu cukup kadarnya dan tiada suatu sebab yang menghalang seseorang dari dikenakan hukuman tersebut. Hukuman ini adalah selaras dengan

kandungan al-Quran dalam Surau al-Ma'idah (5:38). Bagi kesalahan minum arak pula, Hukum Kanun Melaka fasal 42:1 mengenakan hukuman 40 kali sebat atas hamba yang melakukannya. Hukuman tersebut adalah berpandukan Hadith Rasulullah S.A.W. dan amalan para sahabatnya.

iii) Hukum Diat (Denda)

Dalam Hukum Kanun Melaka terdapat peruntukan mengenai kesalahan yang boleh dikenakan hukuman diat (denda), seperti kesalahan membunuh dengan sengaja dan tidak sengaja, kerosakan harta benda dan binatang. Dalam kes kesalahan membunuh dengan sengaja jika dimaafkan oleh waris si mati pembunuh dikenakan diat. Hukuman diat dikenakan ke atas seorang merdeka yang membunuh hamba, diperuntukan dalam fasal 17 Hukum Kanun Melaka, di mana kadar diatnya ialah setengah dari denda yang dikenakan ke atas orang merdeka yang membunuh orang merdeka. Hukuman ini adalah berasaskan pendapat mazhab Shafie.

Dalam kes membunuh tidak sengaja pula, Hukum Kanun Melaka mengenakan hukuman belanja seluruh urusan kematian mangsa tersebut ke atas pembunuh mengikut kadar belanja pengurusan jenazah mengikut persetujuan waris si mati. Hukuman ini tidak jauh bezanya dengan undang-undang Islam kerana tiap-tiap kesalahan membunuh yang berlaku secara tidak sengaja tidaklah dikenakan qisas atau bunuh balas tetapi hendaklah dikenakan diat. Ini tersebut di dalam al-Quran surah al-Nisa' (4:92).

Mengenai dengan kesalahan mencederakan anggota seseorang dengan tidak sengaja kanun telah menetapkan hukuman supaya orang yang mencederakan itu, mengubati orang yang dcederakan. Begitu juga dengan kesalahan merosakkan harta benda seperti membunuh binatang kepunyaan orang, hendaklah dikenakan hukuman diat. Hukuman seumpama ini pernah dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab yang menenakan hukuman denda ke atas orang yang mencederakan kuda.

iv) Hukuman Ta'zir

Dalam Hukum Kanun Melaka, terdapat juga peruntukan mengenai beberapa jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman Ta'zir (dera).

Di dalam Islam, jenis-jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman Ta'zir (dera) termasuklah beberapa kesalahan yang boleh digugurkan hukuman *hudud*, seperti kesalahan mencuri, bercumbu-cumbuan, menuduh hamba berzina dan kesalahan melakukan fitnah. Barang-barang yang dicuri sekiranya tidak sampai *nisab* (kadar) yang ditetapkan, seperti mencuri sedikit pisang, ayam, sirih dan sebagainya, si pencuri yang berkenaan hanya akan dikenakan hukuman ta'zir. *Hukum Kanun Melaka* menetapkan si pencuri akan dikenakan hukuman denda sepuluh emas dan digantung barang yang dicuri di lehernya kemudian diarak sekeliling Bandar, jika barang-barang yang dicuri itu tiada lagi ia dikenakan membayar harganya.

Menurut mazhab Shafie sekiranya barang-barang yang dicuri itu tidak cukup nisab, ia tidak boleh dikenakan hukuman *hudud* sebaliknya memadai dikenakan *ta'zir* sahaja. Bagi kadar nisab, barang yang boleh dikenakan hukuman potong tangan ke atas pencuri, sekurang-kurangnya 1/4 (suku) dinar di samping syarat-syarat yang lain. Kalau tidak hendaklah dikenakan hukuman *ta'zir* dan barang-barang tersebut dipulangkan kembali kepada tuannya dan hendaklah diganti sekiranya barang-barang tersebut sudah hilang atau rosak.

Bagi kesalahan melakukan hubungan sejenis sesama perempuan dan bercumbu-cumbu antara lelaki dengan perempuan tanpa melakukan persetubuhan, hukumannya mengikut Hukum Kanun Melaka ialah disebut dua puluh kali. Hukuman bagi kesalahan seperti ini adalah selaras dengan pendapat mazhab Shafie. Begitu juga dengan kesalahan bercumbu-cumbu hendaklah dikenakan hukuman *ta'zir* dalam *Hukum Kanun Melaka*, kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada perzinaan.

Bagi kesalahan-kesalahan yang lain seperti melakukan fitnah, menuduh zina ke atas kafir *zimmi* atau hamba, berjudi, menjadi saksi palsu dan sebagainya adalah merupakan amalan mungkar yang bukan sahaja boleh menjatuhkan maruah seseorang bahkan membahayakan keluarga dan kehidupan masyarakat. *Hukum Kanun Melaka* telah mengenakan hukuman *ta'zir* ke atas kesemua kesalahan seperti di atas. Dalam zaman Khalifah Umar al-Khattab hukuman *ta'zir* adalah dikenakan ke atas saksi palsu.

b) *Undang-undang Muamalah*

Hukum Kanun Melaka juga memperuntukan *Undang-Undang Muamalah* iaitu undang-undang yang berkaitan dengan jual beli, riba, pinjam-meminjam dan sebagainya. Dalam fasal 30 undang-undang yang berkenaan ada menyebut tentang haramnya mengamalkan riba, tidak sah perniagaan bagi orang gila, kanak-kanak yang belum baligh, orang yang mabuk kerana arak atau tuak serta sah berwakil di dalam perkara jual beli. Perkara-perkara yang disebutkan ini adalah selaras dengan pendapat mazhab Shafie. Dalam *Hukum Kanun Melaka* mensyaratkan bahawa barang-barang yang sah dijual ialah barang-barang yang suci dan yang bermanfaat dan bukannya dimiliki oleh orang lain. Ini adalah selaras dengan pendapat mazhab Shafie yang menyatakan halal di sisi syarak, mempunyai milik yang sempurna dan bermanfaat.

Hukum Kanun Melaka juga membenarkan perwakilan di dalam jual beli, umpamanya seorang bapa atau datuk boleh mewakilkan anak cucunya menjual harta atau menjalankan perniagaan kedua-dua anak atau cucu itu. Selain dari kontrak jual beli, *Undang-undang Melaka* juga mengharuskan pinjam-meminjam seperti yang terdapat di dalam fasal 15:4. Dalam fasal yang tersebut ada menyatakan, jika seseorang itu meminjam seekor kerbau, sekiranya kerbau tersebut mati bukan kerana teraniaya seperti ditangkap oleh harimau, jika disimpan di dalam kandang denganya 1/2 (setengah) harga dan jika jauh dari kandang denda sepenuhnya.

c) *Undang-Undang Keluarga*

Hukum Kanun Melaka ada juga memperuntukkan perkara-perkara mengenai perkahwinan, penceraian, dan hal-hal yang berhubung kait dengan wali, akad, khiyar dan talak. Undang-undang tersebut menyatakan bahawa bapa dan datuk merupakan wali *mujbir*. Mereka mempunyai kuasa penuh untuk mengahwinkan anak atau cucu perempuan yang masih dara walaupun tanpa kerelaan hatinya. Meminta keizinan daripada mereka, hukumnya adalah sunnat, dan ini adalah selaras dengan pendapat mazhab Shafie. Bagi perempuan-perempuan janda pula, *Undang-Undang Melaka* telah menetapkan supaya walinya mendapat keizinan terlebih dahulu sebelum

mengahwinkannya. Hukuman tersebut terdapat di dalam fasal 25 *Hukum Kanun Negara* dan ini adalah selaras dengan firman Allah di dalam Surah al-Baqarah (2:232).

Selain dari yang tersebut di atas, terdapat juga di dalam *Hukum Kanun Melaka* perkara-perkara yang menerangkan mengenai rukun nikah seperti sighth, ijab, qabul dan saksi. Penjelasan sighth, ijab, qabul dan saksi telah dibuat dengan teliti berdasarkan hukum munakahat (nikah kahwin) mazhab Shafie. Mengenai saksi nikah, *Hukum Kanun Melaka* fasal 26 menerangkan bahawa di dalam sesuatu perkahwinan itu hendaklah dihadiri oleh empat orang, iaitu dua orang yang akan berakad dan dua orang saksi. Hukuman ini adalah selaras dengan hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan Siti Aishah yang mengatakan bahawa tidak sah nikah kecuali dengan adanya wali dan dua orang saksi yang adil.

Hukum Kanun Melaka fasal 28 ada memperuntukkan mengenai talak yang terbahagi kepada dua iaitu talak *bain* dan talak *raji*'. Kedua-dua jenis talak ini adalah merupakan undang-undang Islam. Dalam perkara talak dan perkara lafaz talak sama ada sarif atau kinayah dengan menerusi surat cerai dan sebagainya, begitu juga mengenai rujuk juga dijelaskan di dalam *Hukum Kanun Melaka*. Peraturan ini kebanyakannya adalah berdasarkan fatwa dari mazhab Shafie.

d) Undang-Undang Keterangan dan Acara

Dalam Undang-Undang Melaka terdapat juga peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang keterangan dan acara seperti Sulh atau Tuntutan Harta, penjamin, Kesaksian, Sumpah, Iqar dan Adab-adab al-Qadi. *Hukum Kanun Melaka* fasal 32 menyatakan bahawa harus melakukan sulh atau penyelesaian tuntutan harta yang bukannya mengenai perkara yang mungkar dan kepada orang yang tertentu sahaja seperti di dalam perkara jual beli, hibah, hutang-piutang, pinjam-meminjam dan upah-mengupah. Dalam perkara hutang-piutang diharuskan seseorang yang memberi hutang menuntut hutang yang diberikan kepada seseorang dengan syarat ia mengetahui kadarnya. Perkara ini adalah selaras dengan firma Allah dalam Surah al-Nisa' (4:128).

Dalam *Hukum Kanun Melaka* fasal 37 ada memperuntukkan mengenai saksi. Peruntukan ini menerangkan bahawa seseorang saksi hendaklah mempunyai syarat-syarat seperti Islam, baligh, berakal, adil dan tidak melakukan dosa-dosa besar dan kecil. Saksi bagi kesalahan zina pula hendaklah terdiri daripada empat orang lelaki, kesalahan minum arak dua orang lelaki, bagi perkara wasiat dan melihat anak bulan Ramadhan seorang saksi lelaki. Saksi-saksi yang tersebut hendaklah mempunyai syarat-syarat seperti yang tersebut di atas. Kewajipan menggunakan saksi ini adalah selaras dengan firman Allah dalam Surah al-Baqarah (2:282).

Dalam *Undang-Undang Kanun Melaka* juga ada menggariskan perkara-perkara yang berhubung dengan Acara Perbicaraan. Sebarang perbicaraan hendaklah dilakukan di hadapan seorang hakim, mengandungi acara dakwa-mendakwa dan sumpah. Perbicaraan itu hendaklah diadakan di masjid dan disaksikan oleh sidang Jumaat. Undang-Undang Melaka mewajibkan pihak yang menuntut atau pendakwa memberi keterangannya dan pihak yang dituduh atau didakwa hendaklah bersumpah. Sebagai contoh, sekiranya perbicaraan itu bagi menuntut emas, pihak yang menuntut hendaklah menyatakan jenis, mutu dan timbangannya, dan hendaklah juga mengemukakan saksi. Sekiranya pihak yang dituntut ingkar, hendaklah ia bersumpah, dan jika ia bersumpah batallah tuntutan tersebut. Undang-undang ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Dawwud yang menyatakan bahawa pihak yang mendakwa hendaklah memberi keterangan dan pihak yang ingkar diminta bersumpah. Dalam *Undang-Undang Melaka* ada juga menyebut semasa menjatuhkan hukuman hendaklah tidak di dalam keadaan terlalu kenyang, mengantuk atau lapar. Seseorang hakim juga mestilah mempunyai sifat-sifat baik dan tidak boleh menerima hadiah. Kesemua sifat-sifat ini adalah selaras dengan kehendak-kehendak Islam.

Satu lagi perkara penting di dalam *Undang-Undang Melaka* ialah mengenai syarat-syarat utama bagi seseorang calon untuk dilantik menjadi Sultan. Mengikut *Hukum Kanun Melaka* fasal 1:3 seseorang yang boleh dilantik menjadi raja mestilah seorang yang adil, bijaksana, pengampun, pemurah, perkasa dan melakukan hukuman dengan kekuasaannya. Dalam *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa sifat-sifat yang disebut ini adalah menepati sebahagian daripada kehendak-kehendak Islam. Al-Mawardi umpamanya telah menetapkan beberapa

syarat untuk seseorang itu dilantik menjadi khalifah, di antaranya Islam, lelaki, adil, berilmu, sihat tubuh badan, cerdas fikiran, mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tinggi dan memementingkan rakyat lebih daripada kepentingan diri sendiri.

Begitulah secara ringkas penjelasan mengenai unsur-unsur pengaruh perundangan Islam yang terdapat di dalam Undang-Undang Melaka. Di dalam *Undang-Undang Laut Melaka* pula pengaruh Islam yang ketara sekali ialah mengenai peranan *maalim* (*captain*) dan hukuman bagi kesalahan zina. Dalam fasal 9 Undang-undang tersebut menyatakan seorang *maalim* di dalam sebuah kapal dianalogikan sebagai imam dan anak kapal pula sebagai makmum. Dalam fasal 2 pula ada memperuntukan sekiranya terdapat perbuatan zina di atas kapal dan pasangan yang melakukannya pernah berkahwin, pasangan itu hendaklah dihukum bunuh. Jika pasangan itu belum berkahwin, ia hendaklah dikenakan sebat sebanyak 100 kali. Hukuman ini adalah selaras dengan hukuman Islam.

Kesimpulannya, dapatlah ditegaskan di sini bahawa terdapat banyak peruntukan-peruntukan yang berdasarkan hukum-hukum Islam di dalam Undang-Undang Adat Kesultanan Melayu Melaka, iaitu di dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Kedua-dua undang-undang ini, sebagaimana yang telah disentuh di atas tadi, telah digunakan bukan sahaja di Melaka tetapi juga di seluruh jajahan takluknya. Kemudian undang-undang ini diimplementasikan oleh kerajaan-kerajaan Islam yang lain di Nusantara dalam zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka dengan diubahsuai mengikut keadaan setempat. Dalam abad-abad kemudiannya, kerajaan-kerajaan Islam di rantau ini telah menjadikan undang-undang ini sebagai sumber utama di dalam menggubal undang-undang bercorak Islam masing-masing. Undang-undang ini yang berunsurkan Islam telah diganti dengan undang-undang Barat setelah mereka itu datang menjajah bermula dalam abad ke-16, kecuali undang-undang yang berkaitan dengan kekeluargaan terus menggunakan undang-undang Islam.

FASAL-FASAL YANG BERUNSURKAN UNDANG-UNDANG ISLAM
DALAM UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA DAN
HUKUM KANUN MELAKA

Undang-Undang Laut Melaka

Fasal 2 : Hukuman bunuh dan rotan ke atas orang *muhsan* dan *ghair muhsan* yang berzina.

Hukum Kanun Melaka

- Fasal 5:1,3 : Hukuman *qisas*, bunuh dibalas bunuh.
- Fasal 7:2 : Hukuman potong tangan pada kesalahan mencuri.
- Fasal 8:2,3 : Hukuman *qisas*, bunuh dibalas bunuh.
- Fasal 11:1 : a. Hukuman potong tangan pada kesalahan mencuri.
b. Hukuman *ta'zir*, mengikut budi bicara hakim pada kesalahan mencuri beramai-ramai.
- Fasal 12:2 : Hukuman rejam sampai mati ke atas lelaki dan wanita *muhsan* yang berzina. Jika penzina adalah *ghair muhsan* disebut sebanyak 80 kali.
- Fasal 12:3 : Hukuman rotan sebanyak 80 kali pada orang yang menuduh orang lain berzina tanpa saksi.
- Fasal 14:1 : Aturcara tuduh - menuduh. Dikehendaki bersumpah dengan memegang *mimbar* masjid.
- Fasal 14:2 : Hukuman *kadhf*, bersumpah dan bertaubat di hadapan hakim kerana kesalahan mengambil isteri orang.
- Fasal 15:7 : Aturcara pinjam - meminjam harta berdasarkan hukum 'iyyan.

- Fasal 16:1,2 : a. Hukuman memfitnah orang berdasarkan *taksir fuduli*.
b. Hukuman bunuh kerana berzina.
c. Syarat-syarat *fuduli*.
- Fasal 18:4 : Hukuman *qisas* pada kesalahan membunuh.
- Fasal 25:1 : Hukum berwali. Hal-hal yang berhubung dengan syarat-syarat berwali *aqrab*, wali *mujbir*, *qaul azhar*, *safratul'l-qasr*.
- Fasal 25:2 : Syarat dan aturcara ijab dan qabul dengan melafazkan kata "*Qabiltu tazwijaha*".
- Fasal 26 : Syarat menjadi saksi yang sah dalam aturcara ijab dan qabul.
- Fasal 27 : Hukum *khiyyar* atau hak pembatalan perkahwinan. Syarat yang membolehkan *faskh*.
- Fasal 28:1 : Hukum talak iaitu talak *raji'i* dan *talak bain*. Syarat-syarat *beriddah*.
- Fasal 30 : Hukum dan aturcara berniaga. Syarat sah berjual beli dan barangan yang sah serta haram diperniagakan. Haram mengambil *riba'*.
- Fasal 32:2 : Hukum *sah sulh* atau tuntutan menuntut harta. Syarat-syarat berhubung dengan *sulh*. Syarat pendakwa dan yang terdakwa atau *mudda'l* dengan *mudda'i alaihi*.
- Fasal 32:3 : Syarat sah menjadi penjamin.
- Fasal 34:1 : Hukum dan syarat-syarat amanat (amanah).
- Fasal 35 : Hukum *ikrar*. Batasan di antara hak Allah dan hak manusia.
- Fasal 36:1 : Hukum orang *murtad*, sama ada dikehendaki bertaubat atau dibunuh.

- Fasal 36:2 : Hukuman bunuh ke atas orang Islam yang enggan bersembahyang.
- Fasal 37:1 : a. Hukum menjadi saksi.
b. Syarat sah menjadi saksi.
- Fasal 37:2 : a. Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan berzina.
b. Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan *hadd*. Kes-kes berhubung dengan *bikr* dan *thayyib* di kalangan wanita.
- Fasal 38:1,2,3 : Aturcara dakwa mendakwa dan sumpah bersumpah di dalam masjid, di hadapan sidang jumaah dan di atas *mimbar*.
- Fasal 38:4 : Aturcara tuntutan menuntut di hadapan hakim. Syarat-syarat hakim menjatuhkan hukuman.
- Fasal 39 : a. Hukum *qisas* pada kesalahn membunuh.
b. Hukum orang Islam membunuh orang bukan Islam.
c. Hukum orang bukan Islam (Yahudi, Nasrani, Majusi) membunuh sesama bukan Islam.
- Fasal 40:1 : Hukuman rejam dan sebat kerana kesalahan berzina. Hukuman mengikut *hadd* ke atas penzina yang *ghair-muhsan*.
- Fasal 40:2 : Hukuman pada kesalahan *liwat* (hubungan sejenis) dan hubungan dengan binatang (*bestiality*) digolongkan sebagai berzina. Hukuman boleh juga berdasarkan *ta'zir hakim*.
- Fasal 43:5 : *hukum qisas* bersabit dengan kes rogol.

PEMBAHARUAN YANG DIBAWA OLEH ISLAM DI MELAKA DAN WILAYAH-WILAYAH LAIN DI NUSANTARA

Perubahan Agama

Sebagaimana yang telah dijelaskan di peringkat awal, sebelum kedatangan Islam ke Nusantara atau Alam Melayu, penduduk-penduduk di rantau ini kebanyakannya menganut agama Hindu-Buddha. Tidak kurang pula yang masih lagi menganut fahaman animisme.¹ Ini membuktikan bahawa kerajaan-kerajaan di rantau ini pada zaman itu adalah merupakan kerajaan Hindu-Buddha. Kerajaan Melayu Melaka yang ditubuhkan oleh Parameswara pada tahun 1400M pada peringkat permulaannya adalah juga merupakan kerajaan Hindu-Buddha. Sebagai seorang putera raja Sailendra dari Palembang yang telah berkahwin dengan seorang puteri Majapahit, beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pemerintahan cara Hindu-Buddha. Parameswara telah memerintah Melaka pada peringkat permulaan dengan menggunakan sistem pemerintahan Hindu-Buddha.²

¹ Hall, D.G.E., *A History of South - East Asia*, Mac Millan, London, 1966, hal. 12.

² Winstedt, R.O., *A History of Malaya*, Luzacand Company, London, 1934, hal. 38.

Kedatangan agama Islam ke negeri Melaka dan lain-lain wilayah di rantau ini telah banyak membawa perubahan besar kepada sistem hidup masyarakat Nusantara ini. Namun begitu, terdapat juga ahli-ahli sejarah yang menulis bahawa kedatangan Islam ke Nusantara ini tidak banyak membawa kesan atau perubahan terhadap cara hidup masyarakat di rantau ini. J.C. Van Leur yang memberi pendapat ini telah menegaskan sistem Hindu-Buddha masih kuat diamalkan di semua peringkat, sama ada golongan istana mahu pun rakyat biasa walaupun mereka telah memeluk Islam. Pendapat ini telah disangkal oleh Prof. Dr. Syed Mohammad Naquib al-Attas yang menjelaskan bahawa kebangkitan Islam di Tanah Arab, telah mewujudkan "Zaman Baru" di Asia, Afrika dan Eropah dan begitu juga dengan kedatangannya ke Nusantara telah memulakan satu "Zaman Baru" di rantau ini. Pendapat beliau ini lebih konkrit dan berasas, kerana kalau diteliti dari beberapa aspek adalah jelas bahawa kedatangan Islam ke rantau ini merupakan satu bentuk kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*).¹ Dengan lain perkataan walaupun kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa banyak kesan atau perubahan terhadap cara hidup masyarakat di rantau ini, tetapi masih terdapat unsur-unsur tradisi atau fahaman-fahaman yang bercanggah dengan Islam terus diamalkan oleh mereka.

Pembaharuan yang dibawa oleh Islam di Melaka dan wilayah-wilayah lain di Nusantara ini meliputi semua aspek kehidupan masyarakat di rantau ini. Ini adalah meliputi aspek agama itu sendiri, politik dan pentadbiran, sosial, ilmu pengetahuan, ekonomi, kesenian, bahasa dan kesusasteraan.

Pembaharuan atau pengaruh besar yang dibawa oleh Islam ke Alam Melayu ini ialah perubahan pegangan agama penduduk-penduduk rantau ini dari agama Hindu-Buddha dan animisme kepada agama Islam. Penganut-penganut agama Hindu-Buddha percaya kepada tuhan berhala dan pelbagai tuhan, sementara animisme adalah merupakan kepercayaan kepada semangat.² Agama Islam pula adalah percaya kepada keesaan Tuhan, iaitu Allah. Pada asasnya *aqidah* Islam

¹ Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1991, hal. 121-122.

² Ismail Hamid, *Peradapan Melayu dan Islam*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hal. 6.

telah berjaya menggantikan kepercayaan Hindu-Buddha dan animisme. Penganut-penganut Islam telah mengamalkan Rukun Islam dan Rukun Iman dalam kehidupan harian mereka. Unsur-unsur Islam juga telah mempengaruhi pemikiran mereka ke taraf yang lebih rasional seperti kepercayaan kepada untung nasib telah diubah kepada konsep *qada* dan *qadar*, sesuai dengan kehendak Islam. Kepercayaan aqidah ini telah mengubah cara mereka berfikir dan telah menjadi asas kepada penyatuan mereka secara keseluruhan.

Pengaruh dalam Bidang Politik dan Pentadbiran

Kedatangan Islam ke Melaka dan lain-lain wilayah di rantau ini telah banyak mengubah sistem politik dan pentadbiran kerajaan yang berkenaan. Unsur-unsur Islam yang berkenaan telah menjadi bahagian yang penting dalam sistem politik dan pentadbiran kerajaan Islam di Nusantara hinggalah ke hari ini. Di antara perubahan penting yang dimaksudkan itu ialah pertukaran sistem dan konsep raja dalam agama Hindu-Buddha kepada sistem dan konsep Sultan dalam Islam, walaupun tidak sepenuhnya. Raja-raja di dalam Kesultanan Melayu (Islam) Melaka dan lain-lain kerajaan Islam di rantau ini termasuklah di Aceh, Brunei, Jawa, Sulu, Pattani, Filipina dan sebagainya telah digelar Sultan. Sultan dalam sistem kerajaan Islam itu adalah ketua negara yang mutlak yang menjalankan undang-undang, pentadbiran, menegakkan keadilan dan melindungi hak-hak rakyat. Sultan juga menjadi ketua agama dan adat-istiadat Melayu atau tempatan. Sultan tidak dianggap manusia suci seperti pada zaman Hindu dahulu. Walau bagaimanapun Sultan masih dianggap berdaulat dan mempunyai status lebih tinggi daripada undang-undang sehinggalah tidak boleh dihukum.³

Agama Islam telah dijadikan agama negara atau agama rasmi di Empayar Melayu (Islam) Melaka dan kerajaan-kerajaan Melayu atau kerajaan lain yang menerima Islam di rantau ini. Islam telah mendapat segala keistimewaan di dalam pentadbiran atau penyebarannya, dan juga pelaksanaan sebahagian dari hukum hakam undang-undang keluarga Islam, undang-undang muamalah dan sebahagian dari

³ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 125.

undang-undang jenayah Islam telah dilaksanakan di dalam kerajaan Islam yang tersebut.⁶ Pengaruh Islam di dalam sistem perundangan kerajaan Islam di Nusantara ini amatlah besar. *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* seperti yang telah dihuraikan di dalam bab yang terdahulu mempunyai banyak unsur-unsur perundangan Islam. *Undang-undang Melaka* mengandungi undang-undang keluarga, jenayah, muamalah, keterangan dan cara, syarat-syarat menjadi raja serta tanggungjawab mereka dan pembesar-pembesar negara terhadap kerajaan. Sementara *Undang-undang Laut* pula mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah perdagangan serta bidang kuasa nakhoda dan lain-lain pengawal kapal.⁷ Unsur-unsur Islam dalam *Undang-undang Melaka* ini kemudiannya telah menjadi asas dan rujukan penggubalan undang-undang Islam di dalam kerajaan Islam dalam zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka atau dalam abad-abad kemudiannya.

Pengaruh dalam Sosial

Kedatangan Islam telah banyak mengubah sistem sosial masyarakat Melayu walaupun tidak secara total. Mengenai perkara ini Wertheim berpendapat bahawa kedatangan Islam ini telah menjadikan golongan bawahan mulai berasa diri mereka berharga seperti golongan lain.⁸ Nilai-nilai *persamaan taraf*, *persaudaraan* dan *perpaduan Islam sejagat* ialah pembaharuan yang telah diterapkan ke dalam cara hidup masyarakat di Melaka dan seluruh Alam Melayu. Oleh itu tidak ada lagi sistem kasta, perhambaan, kezaliman dan penindasan di antara mereka. Walau bagaimanapun masih terdapat golongan bangsawan dan rakyat biasa yang dianggap tidak setaraf, seperti kasta-kasta Hindu. Komunikasi antara kelompok manusia dapat berjalan dengan sempurna, ia dapat dijalin menerusi sifat hormat-menghormati, bergotong-royong, bantu-membantu dan

⁶ *Ibid.*, hal. 192.

⁷ Muhammad Yusoff Hashim, "Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke-15/16", *Islam di Malaysia*, penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, 1987, hal. 4.

⁸ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 125-126.



Berbagai-bagai Naskah Sejarah Melayu mengenai Kesultanan Melayu Melaka 1400-1511. Naskah Cod. Or.1703.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الحمد لله الذي لا اله الا هو
 وكان في الاول ولا شيء
 معه سبل فوج فحين
 نكل يخ تباد توهم هاب
 اي دان اداله اي قد ازال
 تباد كسوة جوارق من شئت
 وهو الايدي السر مدي
 ربيده ثم خلق الخلايق

ولا حاجة له دان اياله
 توهم يخ ايدي لالك كنياس
 اداي دان تباد كسات جوارق
 قون كمد ينش كل تجد يكي
 سطل مخلوق دان تباد
 حجات بكيث ولما ارادا
 طهار ربوة بيته
 فخلق النور حبه ومن ذلك
 النور خلق الاء نباء ورب

bekerjasama di antara satu sama lain. Dalam Islam unsur-unsur tersebut amatlah ditekankan. Ia merupakan sebahagian dari amal salih yang termasuk dalam konsep *Jihad Fi'Sabilillah*.

Perubahan sosial juga berlaku dengan adanya perubahan mental yang diketengahkan oleh Islam dalam masyarakat di Nusantara. Beberapa aspek pemikiran baru telah wujud di dalam masyarakat di rantau ini. Ajaran-ajaran Islam mengandungi unsur-unsur rasionalisme, di mana Islam menekankan konsep sama taraf dan keadilan sesama manusia. Semua manusia adalah berasal daripada Adam A.S. dan Adam A.S. adalah dijadikan dari tanah. Oleh itu Tuhan Yang Maha Berkuasa ialah Allah, Dialah yang menjadikan segala makhluk, kemudiannya memati dan menghidupkan mereka semula, kepadaNya sahaja yang wajib disembah. Berpandukan kepada konsep rasionalisme inilah masyarakat Nusantara dengan sendirinya menolak kepercayaan Hindu dan fahaman animisme.

Keadilan sosial adalah merupakan sistem hidup di dalam Islam. Setiap golongan manusia sama ada Islam atau bukan Islam mempunyai hak yang saksama. Begitu juga halnya di dalam keluarga yang berkenaan. Mereka begitu faham hak anak, isteri, hak suami, bapa dan ibu, hak orang miskin, fakir dan sebagainya. Mereka juga menghormati hak jiran dan tanggungjawab mereka bantu-membantu, hormat-menghormati dan bekerjasama di antara satu sama lain. Di samping itu nilai-nilai akhlak di dalam Islam adalah merupakan asas di dalam pembinaan seseorang individu, keluarga, masyarakat di Nusantara telah banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai akhlak Islam. Misalnya, dalam masalah hubungan anak dengan ibu bapa, suami isteri, golongan tua dan muda, guru dengan murid dan sebagainya adalah sentiasa dipengaruhi oleh nilai-nilai akhlak Islam itu. Baik buruknya tingkahlaku seseorang itu juga diukur dari kacamata Islam.

Pengaruh dalam Ekonomi

Kedatangan Islam ke Melaka khususnya dan Alam Melayu umumnya telah banyak mengubah sistem ekonomi, kerajaan dan masyarakat di rantau ini. Sebagaimana yang telah diuraikan di dalam bab-bab yang terdahulu, dalam zaman Keagungan Kesultanan Melayu (Islam) Melaka, Melaka telah menjadi pusat kegiatan ekonomi perdagangan

yang terkenal bukan sahaja di dalam wilayah jajahan takluknya tetapi juga di seluruh Alam Melayu dan negara-negara lain seperti China, Arab, India, Parsi dan lain-lain. Salah satu faktor utama yang telah membawa keagungan ini ialah kerana kehadiran pedagang-pedagang Islam yang berkenaan bukan sahaja telah memainkan peranan menyebarkan ajaran Islam kepada penduduk tempatan, tetapi juga telah memperkukuhkan lagi kekuatan ekonomi kerajaan-kerajaan Islam yang berkenaan.

Agama Islam telah mendorong perkembangan ekonomi di kalangan orang-orang Melayu dan penduduk-penduduk tempatan di Melaka dan lain-lain wilayah di rantau ini. Ini kerana ajaran Islam memang sangat menggalakkan penganut-penganutnya supaya berusaha mencari kemajuan ekonomi ini. Mencari rezeki adalah dianggap sebagai salah satu aspek amal salih yang akan mendapat balasan yang baik di dunia apalagi di akhirat. Ajaran Islam menggalakkan supaya penganut-penganut berniaga, bertani dan sebagainya. Nabi Muhammad pernah bersabda *sembilan dari sepuluh rezeki datangnya dari perniagaan*. Allah berfirman bahawa Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.⁹ Ajaran Islam ini telah mewujudkan masyarakat perniagaan di bandar-bandar di rantau ini.

Di samping itu, pula kedatangan Islam telah memperkenalkan masyarakat Melayu dengan sistem *zakat* dan *riba*. Zakat adalah kewajipan berdasarkan syariat.¹⁰ Zakat adalah salah satu rukun Islam. Orang-orang Islam diwajibkan membayar zakat bagi menggalakkan manusia mencapai tingkat kemajuan ekonomi yang tinggi. Ia juga sebagai satu cara bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik. Hal ini telah mewujudkan hubungan yang baik dan sifat persaudaraan yang erat antara individu dengan individu Islam yang lain. Dalam pada itu Islam adalah mengharamkan *riba* kerana sistem *riba* boleh mewujudkan penindasan dan jurang perbezaan di antara golongan berada dan tidak berada. Ajaran Islam sentiasa menggalakkan penganut-penganutnya supaya bekerja kuat untuk keluar dari kancuh kemiskinan.

⁹ Al-Quran (al-Baqarah:275)-lihat Drs. H. Abu Ahmadi Anshori Umar Sitanggal, Sistem Ekonomi Islam: Prinsip-Prinsip dan Tujuan-tujuannya, Alharamain Pte. Ltd., Singapore, 1981, hal. 12.

¹⁰ *Ibid.*, hal. 110.

Pengaruh dalam Bidang Ilmu Pengetahuan

Pengaruh Islam di kalangan masyarakat di Nusantara wujud begitu kukuh adalah berpunca dari kejayaan Islam menyebarkan ilmu pengetahuan. Dalam Zaman Keagungan Kesultanan Melayu (Islam) Melaka, Melaka merupakan pusat ilmu pengetahuan Islam di Nusantara. Hal ini telah pun dihuraikan dalam bab enam. Sultan-sultan dan pembesar-pembesar Melaka pada masa itu sangat mengambil berat tentang ilmu pengetahuan, khususnya ilmu pengetahuan Islam. Ini adalah selaras dengan kehendak ajaran Islam itu sendiri yang meminta penganut-penganutnya supaya menuntut ilmu pengetahuan. Mereka sangat menghormati dan memberi layanan yang baik kepada golongan ulama dan sentiasa menggalakkan orang ramai, sultan-sultan Melaka sendiri berguru kepada ulama-ulama itu. Contohnya dalam buku *Sejarah Melayu* ada menyebutkan bahawa Sultan Mansur Syah berguru dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud Syah berguru pula dengan Kadhi Yusuf.¹¹

Islam juga telah menimbulkan semangat berlumba-lumba untuk mencari ilmu pengetahuan, melahirkan satu sistem pelajaran dan pendidikan yang akhirnya membawa satu zaman baru dalam sejarah tamadun Melayu. Perkara ini tidak berlaku pada zaman Hindu dahulu. Pelajaran dan pendidikan yang dibawa oleh Islam telah berjaya mengubah cara berfikir mereka kepada yang lebih positif dan rasional. Ini sekaligus telah mempercepatkan kemajuan mereka di dalam berbagai bidang kehidupan. Kemudian, satu sistem pelajaran dan pendidikan agama teratur telah dapat diwujudkan. Pelajaran dan pendidikan agama dimulakan di masjid, surau dan rumah sehingga akhirnya telah melahirkan sistem madrasah (sekolah agama) yang lebih praktikal, di samping sistem pengajian cara pondok. Sistem pelajaran tersebut telah menjadi asas yang amat penting bagi masyarakat Melayu untuk mendapatkan pelajaran dan pendidikan Islam yang lebih tinggi di Timur Tengah. Dari asas ini juga telah melahirkan satu sistem pelajaran agama yang diselaraskan dengan pelajaran akademik yang wujud pada hari ini dari peringkat rendah hinggalah ke universiti.

¹¹ W.C. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1978, hal. 240.

Kejatuhan Kesultanan Melayu (Islam) Melaka pada tahun 1511, telah mewujudkan Aceh bukan sahaja sebagai kuasa politik dan pusat perdagangan yang kuat tetapi juga menjadi pusat pengajian Islam yang dinamis di rantau ini. Dengan lain perkataan, Aceh telah melanjut dan memperkembangkan lagi kemajuan kebudayaan Islam yang telah dibina di Melaka. Kemajuan pelajaran dan pendidikan di Aceh juga adalah merupakan kesinambungan kemajuan yang telah dimulakan oleh Kerajaan Perlak dan Pasai. Dalam zaman keagungan Kerajaan Islam Aceh, institusi dan instruktur pengajian Islam di sana disebut begitu tersusun rapi, dan mempunyai peringkat pengajian rendah, menengah dan tinggi. Peringkat rendah terkenal dengan panggilan "meunasah" (madrasah), yang hampir sama dengan sistem "kuttab" di Timur Tengah. Matapelajaran di meunasah itu ialah : menulis, membaca huruf-huruf Arab, mengaji al-Quran, latihan ibadat, akhlak, sejarah Islam, rukun Islam dan nasyid pada malam Jumaat.

Apabila tamat pengajian di meunasah, pelajar-pelajar yang berjaya bolehlah meneruskan pelajaran mereka di peringkat menengah yang dikenali dengan panggilan "Rangkang". Matapelajarannya terdiri dari Bahasa Arab, Ilmu Tauhid, Ilmu Fiqah, Ilmu Tasawuf, Sejarah Islam dan pelajaran-pelajaran umum seperti Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Bahasa Melayu, Sejarah dan lain-lain. Selepas tamat peringkat menengah, pelajar-pelajar boleh melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi yang dikenali sebagai "Balee". Kumpulan-kumpulan dari beberapa buah rangkang dan balee digabungkan dijadikan sebagai pusat pendidikan tinggi yang lebih lengkap yang dinamakan "dayah".

Mengikut beberapa sumber sejarah institusi-institusi agama Islam yang dikenali dengan nama dayah ini telah wujud sejak zaman kerajaan Perlak lagi. Kerajaan Perlak yang dibangunkan pada sekitar tahun 840M, begitu mengambil berat tentang perkembangan ilmu pengetahuan. Pusat pendidikan yang pertama seumpama ini ialah *Dayah Cot Kala* yang didirikan oleh Tengku Chik Muhammad pada akhir abad yang ke-10M. Kemudian berikutnya lahirlah beberapa dayah yang lain seperti Dayah Seureuh, Blong Peria, Simpang Kanan, Batu Kanang, Lambirah dan lain-lain. Di antara siswa-siswanya ialah Hamzah Fansuri dan Abd. al-Rauf Singkil.¹²

¹² Abdullah Ishak, *op.cit.*, hal. 132.

Selain dari institusi-institusi pendidikan seperti Rangkap dan Dayah, seperti juga di Melaka, istana, masjid, surau dan rumah juga dijadikan sebagai pusat pendidikan. Peranan masjid sebagai pusat pendidikan memang telah wujud di Timur Tengah sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W lagi. Dalam zaman keemasan kerajaan-kerajaan Islam, masjid sememangnya menjadi tempat pengajian Islam seperti Jami' al-Mansur di Baghdad. Di Aceh, masjid-masjid yang berfungsi sebagai pusat pengajian tinggi ialah Masjid Jami' Bayt al-Rahman yang dibina oleh Sultan Alaidin Mahmud Shah I (1292M), Masjid Bayt al-Rahim yang dibina oleh Sultan Iskandar Muda (1607M) dan lain-lain.

Pengaruh ilmu pengetahuan khususnya ilmu pengetahuan Islam tersebar luas di semua wilayah yang ditadbir oleh kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara ini. Dalam konteks ini, Melaka telah memainkan peranan penting menyebarkan ilmu pengetahuan. Kemudiannya diikuti oleh Aceh yang begitu terkenal bukan sahaja dari aspek pusat-pusat pendidikan yang telah diwujudkan tetapi juga ulama-ulama yang lahir dari kerajaan Islam Aceh. Kekuatan Aceh sebagai pusat ilmu pengetahuan telah dibina dari tapak yang wujud dalam zaman keemasan Kerajaan Islam Pasai. Dari Melaka dan Aceh inilah pengaruh ilmu pengetahuan Islam terus tersebar ke negara-negara Islam yang lain di Nusantara.

Pengaruh dalam Bahasa dan Kesusasteraan

Kedatangan Islam ke Nusantara juga telah berjaya memperkukuh dan memperkayakan lagi bahasa dan kesusasteraan Melayu. Sebelum itu dikatakan terdapat antara 150 hingga 200 bahasa yang sering dipertuturkan oleh penduduk tempatan sebagai alat komunikasi mereka dalam kelompok-kelompok yang kecil. Dari bilangan tersebut, cuma dua bahasa sahaja yang kuat berpengaruh, iaitu bahasa Jawa Kuno dengan bahasa Melayu Kuno.¹¹ Kedatangan Hindu ke Nusantara sebelum ini telah membawa bersama bahasa Sanskrit yang sedikit sebanyak telah mempengaruhi kedua-dua bahasa tersebut, tetapi tidaklah mencapai ke tahap yang berkembang maju, kerana bahasa Sanskrit itu kebanyakan digunakan golongan atasan Hindu.

¹¹ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal. 162.

Bahasa Jawa Kuno mempunyai bilangan pengguna yang lebih ramai jika dibandingkan dengan bahasa Melayu Kuno ataupun bahasa-bahasa lain di rantau ini. Mereka majoritinya tertumpu di Pulau Jawa. Bahasa Melayu Kuno walaupun pada asalnya hanya digunakan oleh penduduk-penduduk Malayu di Sumatera tetapi ia mempunyai kekuatan yang tersendiri. Bahasa Melayu Kuno adalah bersifat "Lingua Franca" di Nusantara ini. Dari segi linguistik, umpama semua bahasa di Nusantara ini khususnya adalah tergolong sebagai bahasa "Oligo-Sintesis" di mana kebanyakan perbendaharaan katanya berpunca dari akar kata atau kata dasar Bahasa Melayu Kuno. Bahasa ini juga adalah "fleksible" dan sederhana, mudah menerima perubahan dan perkembangan baru sejajar dengan kehendak semasa. Penduduk-penduduk di Nusantara ini ataupun orang-orang asing mudah mempelajarinya dan seterusnya menggunakannya. Di samping itu Bahasa Melayu Kuno ini juga mempunyai banyak persamaan sifat ketatabahasaan dengan Bahasa Arab. Ciri-ciri seperti ini tidak terdapat dalam Bahasa Jawa Kuno. Ini sebabnya mengapa Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa Nusantara.

Bahasa Melayu telah pun digunakan sebagai bahasa komunikasi di Nusantara sejak dalam zaman Hindu lagi. Ia menggunakan sistem tulisan yang tersendiri, iaitu tulisan Palava. Ini dapat dibuktikan menerusi tulisan-tulisan yang terdapat pada prasasti-prasasti Kedudukan Bukit (638M), Talang Tuwo (684M), Karong Brahi (686M) dan Kota Kapor (686M).¹⁴ Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu telah banyak membawa pengaruh kepada bahasa dan kesusasteraan Melayu di rantau ini. Huruf Abjad Arab yang mewujudkan tulisan Jawi telah memajukan lagi perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Tulisan Jawi ini telah digunakan begitu meluas di dalam kerajaan-kerajaan Melayu (Islam), seperti Samudera-Pasai, Melaka, Aceh, Brunei, Pattani dan Filipina. Dalam zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka, tulisan Jawi ini telah digunakan di dalam surat menyurat di antara kerajaan-kerajaan, rakyat dan pedagang-pedagang termasuklah pedagang asing. Tulisan Jawi ini juga digunakan di dalam penulisan-penulisan ilmu pengetahuan Islam dan juga karya-karya yang dihasilkan dalam zaman Hindu. Secara kasarnya sastera tulisan ini dapat dikategorikan ke dalam tiga kelompok:

¹⁴ Abdullah Ishak, *op. cit.*, hal. 129.

- i. Tulisan yang berbentuk ilmu pengetahuan agama, seperti Tafsir, Hadis, Fiqah Tasawuf dan sebagainya.
- ii. Tulisan yang berbentuk hikayat (*belles letters*) seperti Hikayat Nabi Muhammad S.A.W., Hikayat Para Sahabat, Hikayat Pahlawan-pahlawan Islam dan lain-lain.
- iii. Tulisan-tulisan yang berbentuk sejarah, undang-undang, Cerita-cerita Berbingkai, Cerita-cerita Panji, cerita-cerita yang berdasarkan epik Ramayana dan Mahabhrata, sastera rakyat dan lain-lain.

Di samping pengaruh tulisan Jawi, banyak perkataan Arab telah diasimilasikan ke dalam Bahasa Melayu. Dalam masa yang sama juga perkataan-perkataan Parsi, India dan China banyak yang digunakan dalam bahasa Melayu. Pengaruh-pengaruh ini telah memperkukuhkan lagi bahasa dan kesusasteraan Melayu. Dengan ini bahasa Melayu telah muncul sebagai bahasa perdagangan dan ilmu pengetahuan di Alam Melayu. M.G Emeis telah membuat kesimpulan bahawa kesusasteraan Melayu mulai berkembang setelah kedatangan Islam pada abad ke-15. Sebelum tarikh tersebut, mereka berpendapat bahawa kesusasteraan Melayu berkembang dalam bentuk sastera lisan, metos, peribahasa dan lain-lain.¹⁵

Kesusasteraan Melayu yang bertulis dipercayai sudah berkembang dengan meluas sejak abad yang ke-15 lagi iaitu pada zaman keagungan Empayar Melayu (Islam) Melaka. *Sejarah Melayu* melaporkan bagaimana *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Ali Hanafiah* telah dibaca di istana Melaka.¹⁶ Melaka pada masa itu menjadi pusat ilmu pengetahuan di Nusantara. Banyak buku-buku yang ditulis di dalam Bahasa Melayu disimpan di istana Melaka. Pada abad yang ke-16 pula di Aceh kesusasteraan Melayu telah berkembang lebih pesat lagi. Tokoh-tokoh pengarang dan ulama-ulama telah muncul di sana, seumpama Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari, Abdul Rauf Singkel, Shamsuddin al-Sumatrani dan lain-lain.

¹⁵ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 161.

¹⁶ W.C. Shellabear (ed), *op.cit.*, hal. 161.

Hamzah Fansuri yang hidup dalam abad ke-16 dikatakan oleh Prof. Dr. Syed Mohamad Naquib al-Attas sebagai seorang penyair Melayu. Beliau adalah seorang ahli sufi yang banyak dipengaruhi oleh puisi dari Arab dan Parsi.¹⁷ Dari puisi yang dicipta oleh Hamzah, maka bentuk puisi Melayu bercorak keislaman mulai berkembang untuk menyampaikan ajaran tasawuf. Di antara karya-karya beliau yang bercorak puisi ialah *Syair Burung Pungguk*, *Syair Dagang*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Burung Pinggai* dan *Syair Perahu*. Sementara, di antara karya-karya yang berbentuk prosa pula ialah *Syarab al-Asyikin* (Minuman Segala Orang Cintakan Tuhan) dan *Asrar al-Arifin* (Rahsia Orang Yang Bijaksana).

Pengaruh dalam Kesenian

Perkembangan Islam ke Alam Melayu juga telah membawa bersama kesenian yang mempunyai unsur-unsur Islam. Kesenian ini merupakan salah satu ciri kebudayaan Melayu tradisional. Pengaruh kesenian yang berunsurkan Islam ini merangkumi semua aspek kesenian seperti seni bina, muzik, suara, ukir, hias dan lain-lain.¹⁸

Pengaruh Islam dalam senibina Melayu dapat dilihat dalam bentuk-bentuk bangunan masjid seperti kubah, mimbar, mihrab, menara azan, relung dan lain-lain. Pengaruh ini terdapat bukan sahaja di bangunan-bangunan masjid tetapi juga pada bangunan awam seperti Stesen Keretapi Tanah Melayu dan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Bangunan-bangunan awam tersebut mencerminkan unsur-unsur seni bina Islam dengan mempunyai kubah, menara dan bentuk-bentuk relung pada ruang hadapan atau di belakangnya. Walau bagaimanapun kebanyakan bangunan-bangunan masjid di Melaka dipengaruhi oleh seni bina China yang berbentuk pagoda. Adalah dipercayai bahawa pengaruh ini dibawa oleh Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po beserta orang-orangnya semasa mereka datang ke Melaka dalam abad ke-15. Tukang-tukang China yang datang bersama mereka telah menyebarkan pengaruh seni bina ini ke

¹⁷ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hal. 47.

¹⁸ Ismail Hamid, *op.cit.*, hal. 164.

Melaka.¹⁹ Reka bentuk masjid di Melaka yang ada sekarang ini adalah berasaskan reka bentuk masjid di negeri China.

Unsur-unsur seni bina Islam yang popular yang sering digunakan pada rumah-rumah persendirian ialah bentuk relung, terutamanya pada ruang hadapan rumah, di samping ukiran daun-daun, atau bunga-bunga yang bercorak stailistik, atau serupa bentuknya yang berulang-ulang. Di samping bentuk relung, terdapat juga reka bentuk bangunan Islam yang disebut moorish, iaitu sejenis reka bentuk bangunan Islam ala Sepanyol yang kini banyak ditiru di rumah-rumah persendirian di Malaysia dan rantau ini.

Selain dari bentuk bangunan terdapat juga corak hiasan pada bangunan itu yang dibuat untuk memperlihatkan ciri keislamannya. Umpamanya, pada bahagian-bahagian bangunan itu diukir dengan bentuk kesenian Islam yang disebut *arabesque*, iaitu sejenis ukiran yang bercorak bunga-bunga, daun-daunan atau pola-pola geometri. Di samping itu, terdapat juga ukiran yang berbentuk *kaligrafi* yang mengandungi ayat-ayat al-Quran, atau nama Allah atau Nabi Muhammad.

Seni *kaligrafi* atau seni khat telah berkembang dengan pesat dalam masyarakat Islam khususnya di Alam Melayu. Seni khat banyak diukir pada masjid-masjid di Alam Melayu yang membawa fungsi mengingat dan mengajar umat Islam. Satu lagi fungsinya ialah sebagai hiasan untuk mengindahkan lagi bangunan masjid atau lain-lain yang berkenaan. Seni khat juga banyak diukirkan pada mimbar masjid, batu-batu nisan, kayu-kayu untuk hiasan sekolah dan rumah, papan-papan kenyataan, lambang-lambang negeri, slogan-slogan, kain-kain hiasan dan berbagai-bagai lagi. Sesungguhnya seni khat dan agama mempunyai kaitan yang rapat.

Kedatangan Islam juga telah membawa bersama seni suara dan seni muzik. Banyak seni suara dan seni muzik Melayu telah dipengaruhi oleh seni Arab dan Parsi yang berunsurkan Islam. Dalam seni suara misalnya *marhaban* dan *qasidah*, sejenis seni suara Arab telah diubahsuai, dan telah dijadikan sebagai satu bentuk lagu Melayu tradisional. *Marhaban* dan *qasidah* ialah sejenis nyanyian yang mengandungi perutusan ajaran Islam atau puji-pujian kepada Nabi

¹⁹ Jayaudin Jamaudin dan Rauziatul Adibah Adnan, *Sejarah Islam : India, Nusantara dan China*, Penerbitan Elman, Kuala Lumpur, 1991, hal. 197.

Muhammad yang dilagukan di dalam Bahasa Arab yang kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Marhaban dan qasidah ini selalunya dipersembahkan dalam upacara-upacara agama dan lain-lain.

Di samping itu *nasyid* adalah juga sejenis seni lagu yang berasal daripada bahasa Arab yang dinyanyikan dengan muzik atau tanpa muzik. *Nazam* juga merupakan sejenis seni lagu yang popular di negeri Melaka dan Terengganu. *Nazam* berasal dari zikir yang dilagukan dalam bahasa Melayu yang disebut juga sebagai *Naban*. *Nazam* ini biasanya dilagukan tanpa muzik dan menceritakan tentang riwayat Nabi Muhamad, nabi-nabi, para sahabat dan lain-lain. Seni lagu lain yang dipengaruhi oleh tamadun Islam ialah seperti *Endoi* atau *Dondang Siti Fatimah* yang terkenal di Hulu Dungun. Seni kata lagu yang dinyanyikan bernama *Nazam 25 Rasul*. Jenis seni lagu yang lain ialah seperti *Dikir Nabi Allah di Negeri Sembilan*, *Dikir Pahang*, *Dikir Maulud Dikir Rebana* dan lain-lain.

Satu lagi jenis seni lagu yang disertai muzik ialah *ghazal* yang berasal dari nama sejenis puisi Arab yang bercorak percintaan. Kemudian diperkembangkan dalam tamadun Arab sebagai sejenis seni lagu yang disertai dengan muzik. Seni jenis ini kemudiannya telah mempengaruhi dunia seni Melayu dan telah diubahsuai sehingga menjadi sejenis lagu Melayu yang terkenal di Johor dan sebahagian negeri Melaka.

Sejenis lagi seni lagu yang berasal dari arab ialah *hadrah* yang dikatakan berasal dari nama sejenis dikir. Kemudian telah diubahsuai dan dimasukkan tarian dan lakonan. Senikata Arab jelas terdapat di dalam persembahan *hadrah* di Perak, Selangor dan Melaka. Sementara *hadrah* di Perlis mempunyai corak yang tersendiri. *Dabus* seperti permainan yang mempunyai persamaan dengan *hadrah*, dikatakan dipengaruhi oleh drama kaum Syiah yang memperingati kewafatan Hasan dan Husain. Sementara *Rodat* dipercayai berasal dari Jawa, tetapi mengandungi unsur-unsur keislaman seperti seni kata dalam bahasa Arab dan dilagukan dalam bentuk zikir disertai dengan alat muzik seperti rebana.

Kesenian yang berunsur keislaman terus berkembang di Alam Melayu selaras dengan perkembangan tamadun Islam. Sesungguhnya seni dan agama adalah mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Kesenian yang diilhamkan dari jiwa keislaman telah wujud

dan berkembang dengan baiknya. Keadaan ini jelas dapat dilihat pada unsur-unsur seni yang lahir dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam. Banyak pengaruh keislaman wujud di dalam kesenian di rantau ini.

KEDUDUKAN ISLAM DI MALAYSIA DALAM ABAD KE-20 DAN AWAL KE-21

KERAJAAN-KERAJAAN ISLAM
DI NUSANTARA SELEPAS MELAKA

Walaupun Empayar Melayu (Islam) Melaka telah jatuh ke tangan penjajah Barat Portugis pada tahun 1511M, tetapi ini tidaklah bermakna kerajaan Melayu (Islam) telah malap sama sekali di Nusantara. Malah kerajaan-kerajaan Melayu (Islam) terus bersemarak di rantau ini, di antaranya ialah Kesultanan Johor-Riau (1511-1912M), Kesultanan Aceh (1504-1675M), Kesultanan Patani (Pattani) (1358-1902M), Kesultanan Brunei (1521-1909M), kerajaan-kerajaan Islam di Jawa, Filipina dan lain-lain.

Kesultanan Johor-Riau atau dikenali juga dengan panggilan Empayar Johor-Riau adalah merupakan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan ini telah diasaskan oleh Sultan Mahmud Syah dan puteranya Raja Ahmad yang berundur ke Johor setelah ditewaskan oleh Portugis pada tahun 1511M. Sultan Johor-Riau pertama yang berpengkalan di Kuala Johor ialah Sultan Alaudin Riayat Syah II (1529-1550M) iaitu putera Sultan Mahmud Syah dengan Tun Fatimah.¹ Empayar Johor Riau berusia kira-kira 400 tahun dan telah

¹ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, hlm. 142.

diperintah oleh 15 orang sultan yang terkenal. Dalam zaman keagungan Empayar Johor-Riau meliputi daerah-daerah Johor, Sungai Ujung, Kelang, Perak, Pahang, Terengganu, Riau, Lingga, Jambi, Inderagiri, Kampar, Siak dan Rokan.² Johor-Riau pada zaman itu merupakan pusat perdagangan di rantau ini dan pusat perkembangan Islam di Alam Melayu. Nama-nama seperti Raja Ali Haji dan Tun Seri Lanang adalah antara tokoh terkenal di dalam sejarah Johor Riau. Raja Ali Haji bukan sahaja seorang raja tetapi juga pengarang dan penyair yang terkenal. Buku karangannya yang terkenal ialah *Tuhfat al-Nafis* (Hadiah Yang Bernilai). Tun Seri Lanang atau nama sebenarnya Tun Muhammad bin Tun Ahmad ialah Bendahara Johor yang terkenal dengan karyanya *Sulalatus - Salatin* (Sejarah Melayu).

Kesultanan Aceh adalah merupakan sebuah empayar Melayu-Islam di Sumatera Utara yang disegani di Alam Melayu dalam abad ke-16 dan ke-17. Sebelum Kesultanan Aceh wujud di Sumatera Utara, kerajaan Islam Samudera-Pasai telah muncul semenjak tahun 1270M lagi. Pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka, Aceh terbahagi kepada beberapa buah kerajaan kecil seperti Pasai, Samudera, Aru, Lamuri, Pedir dan lain-lain. Semasa Aceh di bawah pemerintahan Sultan Ali Muhayat Syah (1507-1530) baginda telah berjaya menyatukan Aceh sebagai empayar. Empayar Aceh berusia kira-kira 170 tahun dan telah diperintah oleh 10 orang sultan yang terkenal. Dalam zaman keagungan Empayar Aceh, meliputi Sumatera Utara, Sumatera Tengah dan beberapa negeri di Tanah Melayu seperti Kedah, Perak dan Pahang. Aceh pada zaman itu menjadi saingan dengan Johor-Riau. Aceh juga telah menjadi pusat perdagangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu selain dari Johor Riau. Di antara tokoh-tokoh penyair yang termasyur pada zaman kegemilangan Aceh ialah Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Syeikh Nuruddin al-Ramiri, Syekh Abdul Rauf dan lain-lain.³

² Wilayah Empayar Johor-Riau boleh dilihat di dalam peta buku Dr. Ismail Hamid, *Ibid.* hlm. 148.


³ Fadhullah Jamil, "Kerajaan Aceh Darussalam dan Hubungannya Dengan Tanah Melayu, dalam A. Hasymy (penyusun) dalam Sejarah Masuk Dan Perkembangan Islam di Indonesia, Banda Aceh, 1978, hlm. 231-254. Sila lihat buku *Malaysia Kita*, Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur, 1991, hlm. 203. Sila lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah, *Asia Tenggara Tradisional : Politik dan Kebudayaan*, Teks Publishing, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 86.



Empayar Johor-Riau



Empayar Aceh




Empayar Brunei dalam Zaman Pemerintahan Sultan Bolkiah (T.M. 1485-1524)

Kesultanan Brunei juga merupakan sebuah empayar Melayu (Islam) yang terkenal di Alam Melayu dalam abad ke-15 hingga ke-17. Mengikut ahli-ahli sejarah, raja Brunei yang pertama memeluk agama Islam ialah Awang Alak Batatar. Baginda dikatakan diislamkan di Johor pada tahun 1476 setelah berkahwin dengan puteri Johor. Ada ahli sejarah berpendapat, memandangkan kesultanan Johor pada masa itu belum lagi wujud, negeri yang dimaksudkan dengan Johor itu ialah Melaka. Kesultanan Brunei telah diperintah oleh beberapa orang raja yang terkenal. Semasa zaman Keagungan Kesultanan Brunei, Sultan Bolkliah seorang raja yang ulung pernah mengembara ke Melaka dan Jawa. Baginda telah menakluki seluruh kawasan persisiran Pulau Borneo dan seluruh kepulauan yang dikenali dengan nama Filipina. Walau bagaimanapun, kawasan yang lama menjadi jajahan takluknya ialah Borneo Utara (Sabah dan Sarawak sekarang), Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tulu-Tuli, Banjar, Bolongar, Kepulauan Sulu, Balabac, Bangi, Balambangan, Mantanani dan Pulau Palawan. Brunei juga adalah menjadi pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang terkenal selepas Melaka. Kesultanan Brunei telah menyerahkan kekuasaannya kepada British pada tahun 1906M.⁴

Kerajaan-Kerajaan Islam di Filipina telah wujud mulai abad ke-13 dan berakhir dalam abad ke-20. Banyak ahli-ahli sejarah menegaskan, sejarah kerajaan di Filipina di mulai dengan kerajaan Islam. Walaupun pernah dibuktikan wujudnya pengaruh Hindu-Buddha di kepulauan Filipina, tetapi terhad, dan tidak pernah tertubuh kerajaan Hindu-Buddha di Filipina seperti dilain-lain tempat di Alam Melayu ini. Tiga kesultanan yang terkenal di dalam sejarah ialah di Kepulauan Sulu, wilayah Manguindanoa di Pulau Mindanao dan di Manila di Pulau Luzon. Kedatangan Islam ke Sulu dikatakan bermula pada abad ke-13. Tokoh yang sangat berjasa dalam menegakkan kesultanan Sulu ialah Syarif Abu Bakar, seorang Arab yang dikatakan keturunan Nabi Muhammad s.a.w. yang tiba di Sulu pada tahun 1450M. Sebelum datang ke Sulu, beliau pernah berkunjung dan berdakwah di Palembang, Aceh, Melaka, Jawa dan Brunei. Di Sulu beliau telah

⁴ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Bandar Seri Begawan, 1992, hlm. xxx.



Kawasan Pengaruh Islam di Filipina

berkahwin dengan puteri datu (ketua) masyarakat tempatan dan telah mendirikan *Kesultanan Sulu*.³

Perkembangan Islam di Manguindanoa di Pulau Mindanao bermula pada tahun 1460M hasil dari kegiatan dakwah dua orang tokoh Islam iaitu Syarif Awliyah dan Syarif Maraja. Walaupun begitu, sejarah *Kesultanan Monguindanoa* hanya bermula pada tahun 1515M setelah kedatangan Syarif Muhammad Kebungsuwan seorang tokoh dari negeri Johor. Kemudian beliau telah berkahwin dengan seorang puteri datu (ketua) masyarakat Cotabota. Walaupun pada mulanya kedatangan beliau ditentang oleh penduduk-penduduk tempatan, tetapi di atas kebijaksanaannya beliau akhirnya diterima oleh datu-datu atau ketua-ketua masyarakat di Minguindanoa. Minguindanoa dan seluruh Mindanao telah berkembang pesat di dalam bidang perdagangan dan penyebaran Islam di bawah Kesultanan Islam. Satu lagi kerajaan Islam di Filipina ialah *Kesultanan Manila* di Pulau Luzon yang wujud sejak awal tahun 1500M. Raja-rajanya adalah keturunan daripada keluarga diraja Brunei. Di antara raja tersebut ialah Matanda, Sultan Kerajaan Islam yang terakhir di Manila ialah Raja Raja Muda Sulaiman ibni Sultan Sharief Ali (1432-1485M) iaitu sepupu Raja Matanda. Baginda telah dibantu oleh Brunei apabila diserang oleh Sepanyol. Apabila Kesultanan Brunei lemah, Kesultanan Manila tidak dapat bertahan lagi dengan kekuatan tentera Sepanyol. Akhirnya Kesultanan Manila telah dapat dihapuskan dan Sepanyol telah menguasai seluruh Pulau Luzon.


Kerajaan-Kerajaan Islam di Jawa pula telah mula wujud sejak abad yang ke-16 lagi. Menurut rekod China, sejak tahun 1416M, sudah terdapat orang-orang Islam di Pulau Jawa. Menurut catatan Portugis pada tahun 1498M, terdapat beberapa daerah dipersisiran pantai utara Jawa yang penduduknya telah memeluk agama Islam. Pulau Jawa mempunyai hubungan yang rapat dengan Kesultanan Melaka. Ramai orang-orang Jawa yang datang ke Melaka. Ada di antaranya berniaga, dan tidak kurang pula yang diupah menjadi tentera oleh Sultan Melaka. Sultan Melaka sendiri pernah berkahwin dengan puteri raja Majapahit. Melalui cara inilah orang-orang Jawa telah memeluk agama Islam. Berdasarkan fakta inilah, R.A. Kern mendakwa bahawa Jawa telah diislamkan oleh Melaka.

³ Manjul, C.A. *Muslims in the Philippines*, Quezon, 1993, hlm. 344.

Di dalam abad ke-16 hingga ke-18 banyak terdapat kerajaan-kerajaan Islam di Jawa. Di arena antarabangsa yang terkenal ialah *Kerajaan Demak* (1475-1550M), *Kerajaan Panjangan* (1568-1586M), *Kerajaan Mataram* (1580-1755M) dan *Kerajaan Banten* (1552-1596M). Perkembangan Islam di Jawa kalau dilihat secara kasar terdapat unsur-unsur penaklukan, tetapi kebanyakannya adalah melalui dakwah secara aman. Banyak tokoh-tokoh dan pahlawan-pahlawan Islam yang bertanggungjawab mengembangkan Islam di Jawa. Di antaranya ialah sembilan orang pahlawan yang dikenali dengan nama *Wali Songo* (Wali Sembilan). Mereka ialah Malik Ibrahim, Maulana Ishak, Syekh Shubakir, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Giri, Sunan Darajat, Sunan Bayat dan Sunan Muria. Wali Songo dan juga pendakwah-pendakwah lain telah mengatur dakwah di Tanah Jawa dengan bijaksana dan berkesan. Mereka telah bekerja keras untuk menghadapi masyarakat Jawa yang kuat memegang kepercayaan animisme, Hinduisme dan Budhisme sejak berabad-abad lamanya. Masyarakat Jawa juga pada masa itu berpegang teguh dengan sistem pemerintahan feodalisme. Pendakwah-pendakwah Islam di Jawa seperti Wali Songo telah menjalankan kegiatan secara berperingkat-peringkat mengikut pendekatan yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. semasa baginda di Mekah dan Madinah yang lampau. Dengan cara ini Islam telah berkembang dengan pesatnya dan berjaya menguasai seluruh Pulau Jawa termasuklah daerah pedalaman dalam abad ke-18.⁶

Satu lagi kerajaan Islam yang terkenal wujud selepas Melaka ialah **Kesultanan Islam Patani** (Pattani). Kerajaan Patani telah wujud di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu dalam abad yang ke-10 lagi iaitu selepas lenyapnya kerajaan Melayu lama Langkasuka. Mengikut rekod China iaitu catatan *Sejarah Dinasti Sung* penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Melayu di kawasan persisiran yang menghadap Laut China Selatan telah menganut agama Islam semenjak tahun 970M. Sementara itu catatan mengenai *Sejarah Negeri Kelantan* juga menyebut bahawa pada tahun 1150M sudah terdapat penganut-penganut Islam di Patani. *Hikayat Patani* pula menyebut raja Patani yang mula-mula memeluk agama Islam ialah Sultan Ismail Shah iaitu kira-kira pada tahun 1457M.

⁶ Ridin Sofwan, H. Wasit dan H. Mundiri, *Islamisasi di Jawa*, Pustaka Pelajar, Yogyakarta, Indonesia, 1999, hlm. 11-14.



Wilayah Islam Patani

Patani adalah merupakan Kesultanan Islam yang terkenal dalam zaman Kesultanan Melaka dan selepas Melaka. Patani pernah di bawah naungan Melaka. Kesultanan Patani telah mencapai zaman keemasannya semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah. Patani juga pernah diperintah oleh beberapa orang Ratu (Raja Perempuan, iaitu Ratu Hijau, Ratu Biru, Ratu Ungu dan Ratu Kuning). Dalam zaman keagungannya Patani telah menjadi pusat perdagangan dan pengajian Islam yang terkenal di Alam Melayu. Sistem Pengajian Islam secara *pondok* yang termasyur di utara Semenanjung Tanah Melayu adalah berasal dari Patani. Banyak ulama-ulama Patani yang telah berdakwah di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Borneo, Jawa, Champa dan lain-lain. Di antara ulama-ulama itu ialah Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani, Wan Ahmad bin Mustafa al-Fatani, Haji Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan lain-lain. Mereka telah banyak mengarang kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu (Jawi) dan Arab dan telah digunakan di pusat-pusat pengajian Islam di rantau ini. Kesultanan Patani telah hapus pada tahun 1902M dan diambil oleh Siam setelah banyak peperangan berlaku di antara Patani dan Siam.⁷

Zaman Kegelapan Islam Di Alam Melayu

Pembentukan Zaman Moden di Eropah bermula di sekitar abad yang ke-15. Perkembangan ini telah mencapai kemuncaknya dalam abad yang ke-18 apabila meletusnya Zaman Renaissance yang merupakan asas kepada Zaman Moden. Zaman ini dimulakan dengan Zaman Revolusi Industri dan seterusnya Revolusi Perancis. Dengan ini bermulalah Zaman Moden di Eropah yang sebenarnya, setelah berabad-abad lamanya Eropah dicengkam oleh suasana kegelapan Zaman Pertengahan. Timbulnya Zaman Moden di Eropah mempunyai kaitan dengan pengaruh tamadun Islam yang disebarkan melalui Perang Salib, keagungan Kerajaan Islam di Sepanyol dan sebagainya. Henri Pirenne pernah berkata, Islam bukan sahaja memusnahkan perpaduan kebudayaan (Barat) di sekitar Laut Mediteranean bahkan


⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani (1785-1954)*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, 1999, hlm. 16-19.



Alfonso de Albuquerque
ketua armada Portugis yang
menakluki Melaka 1511M



Ketibaan soldadu-soldadu Portugis di Melaka pada tahun 1509



Pelabuhan Melaka dalam zaman pemerintahan Portugis dalam abad ke 16



Kota Santiago. Pintu gerbang tinggalan sebuah kota besar yang telah dibina oleh Portugis pada abad yang ke-16

juga memindahkan paksi kehidupan mereka jauh ke utara.⁹

Kebangkitan Zaman Moden di Eropah telah memulakan siri penjajahan Barat ke seluruh dunia, dan ini termasuklah ke rantau Asia Tenggara. Sebenarnya sejarah penjajahan orang-orang Barat di Asia Tenggara telah bermula sejak abad ke-16 lagi. Di Semenanjung Tanah Melayu, penjajahan Barat telah bermula dengan jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M. Kompeni Hindia Timur Belanda, atas pemerintahan kerajaan Belanda telah berjaya mengusir orang-orang Portugis dari Melaka pada tahun 1641M. Kompeni ini kemudiannya telah memperkukuhkan kedudukan ke seluruh kepulauan yang kini disebut Indonesia, dengan Betawi (kini Jakarta) sebagai pusatnya. Disebabkan oleh korupsi, penyelewengan dan pentadbiran yang buruk, kerajaan Belanda telah membubarkan kompeni ini dan seterusnya mengambil alih pemerintahan Belanda dirantau ini pada tahun 1641M.⁹ Persaingan kuasa di antara Belanda dan Inggeris telah membahagikan Belanda menguasai seluruh Kepulauan Indonesia dan Inggeris menguasai seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo Utara.¹⁰ Sementara Sepanyol telah memulakan penjajahannya di Filipina apabila ia berjaya mengalahkan Sultan Kerajaan Islam di Manila yang terakhir bernama Raja Sulaiman pada tahun 1570M. Kemudian Sepanyol terus-menerus memerangi kerajaan-kerajaan Islam yang lain sehingga berjaya menguasai Sulu, Maguindanao dan Bayan. Pada tahun 1876 Jolo pula jatuh ke tangan Sepanyol dan diikuti pula oleh Mindanao.¹¹


Dalam kajian tentang sebab-sebab penjajahan Barat di rantau Asia Tenggara, sering dikaitkan dengan dorongan peluasan kuasa politik, faktor-faktor ekonomi dan pengembangan agama Kristian. Sebab-sebab ini tidaklah boleh dinafikan, tetapi faktor yang sering dilupakan ialah salah laku raja-raja Islam itu sendiri yang bersubahat dan menjemput penjajah barat itu bekerjasama dengan mereka untuk memerangi lawan yang juga terdiri daripada orang-orang Islam sendiri demi untuk mengekalkan kekuasaan mereka yang terancam. Tanpa

⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Sejarah dan Pemikiran Islam*, Penerbitan Pena Sdn Bhd., Selangor, Cetakan Kedua, 1984, hal. 351

¹⁰ Hall, D.G.E., *Sejarah Asia Tenggara* (Edisi Terjemahan). Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hal. 325.

¹⁰ *Ibid.*, hal. 690.

¹¹ *Ibid.*, hal. 275.



Peninggalan-peninggalan dalam zaman pemerintahan Belanda

adanya sokongan raja-raja yang sanggup menggadaikan agama dan bangsa mereka, penjajah Barat itu tidak begitu mudah bertapak di rantau ini.¹² Sebagai contohnya, di Indonesia, bagaimana raja Mataram, Amangkurat II, untuk memenuhi wasiat ayahnya Amangkurat I, telah meminta bantuan Belanda bagi menentang pemberontakan Tronojaya. Amangkurat II telah berjaya mengalahkan Tronojaya dan sebagai ganjarannya beliau telah menyerahkan daerah Bogor, Krawang dan Priangan kepada Belanda. Demikian juga dengan tindakan Sultan Haji di Banten telah meminta bantuan Belanda untuk menentang ayahnya sendiri Sultan Agung Tirtayasa. Sultan Haji telah berjaya, dan ayahnya yang tewas telah melarikan diri ke pedalaman, dan kemudian Banten sendiri telah jatuh ke bawah naungan Belanda.

Di Semenanjung Tanah Melayu, sejarah telah menyaksikan bagaimana Raja Abdullah daripada Perak telah meminta bantuan daripada Sir Andrew Clarke di Singapura untuk memulihkan keamanan di negeri itu. Sebagai ganjarannya, pihak Inggeris telah diberikan hak untuk menaungi negeri Perak. Di Selangor, Sultan Abdul Samad telah meminta supaya Frank Swettenham dilantik sebagai penasihatnya. Di Negeri Sembilan, Datuk Kelana telah meminta bantuan Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk membantunya mengalahkan Datuk Bandar dan dengan kemenangannya, seorang Penolong Residen telah dilantik. Sementara di Pahang pula, Bendahara yang memerintah turut sanggup membuat perjanjian dengan Inggeris untuk mendapat perlindungan. Di Kedah, Sultan Abdullah telah memajakkan Pulau Pinang kepada Inggeris bagi mendapatkan perlindungan daripada ancaman Bugis dan Siam. Di Singapura pula, pada tahun 1824 Tengku Husain telah menjual pulau itu kepada Raffles dengan harga \$61,220.00.

Dengan penjajahan kuasa-kuasa Barat di Nusantara ini iaitu Portugis, Belanda, Inggeris dan Sepanyol, maka lenyaplah kekuasaan kerajaan-kerajaan Islam di rantau ini. Dengan bermulanya imperialisme Barat pada abad ke-19, muncullah apa yang dikatakan "Zaman Moden" di Asia Tenggara. Walaubagaimanapun zaman ini yang sebenarnya adalah merupakan zaman kegelapan Islam di Alam

¹² Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hal. 151.

Melayu ini. Penjajahan Barat yang tersebut bukan sahaja menguasai politik dan ekonomi rantau ini, tetapi mereka juga telah mengembangkan agama Kristian dan seterusnya menjajah alam pemikiran dan minda penduduk-penduduk di Nusantara ini. Di samping itu secara langsung atau tidak mereka juga telah menyekat perkembangan agama Islam. Kedatangan penjajah Barat itu juga telah memperkenalkan sistem pentadbiran "*secularism*", iaitu sistem pemerintahan dengan memisahkan di antara agama dan politik. Sebelum itu cara pemerintah Islam telah dilaksanakan oleh kebanyakan pemerintah-pemerintah Islam sebagai satu sistem iaitu agama dan politik adalah satu.¹³ Di Filipina, pemerintah Sepanyol pula telah melarang pemerintah-pemerintah Islam mengembangkan agama Islam. Malah dipaksa pula raja-raja dan orang-orang Islam supaya memeluk agama Kristian.¹⁴ Sementara itu pula, penjajah Barat telah memasukkan orang-orang asing untuk membantu mereka di dalam menjalankan kegiatan ekonomi. Orang-orang Islam menjalankan kegiatan ekonomi kampung dengan pulangan yang rendah. Di dalam bidang pendidikan pula mereka jauh tertinggal. Dalam pada itu pula fahaman agama Islam telah disempitkan. Agama kepada mereka hanya untuk alam akhirat semata-mata. Zaman ini adalah merupakan zaman kemunduran dan kegelapan bagi umat Islam di rantau Nusantara ini.

GERAKAN PEMBAHARUAN PEMIKIRAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

Gerakan pembaharuan pemikiran di kalangan masyarakat Melayu di rantau ini khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia telah berlaku pada akhir abad ke-19 dan menjelang abad ke-20.¹⁵ Gerakan ini juga yang dikenali sebagai "gerakan modenisasi" telah membawa wilayah-wilayah di rantau ini ke arah perjuangan kemerdekaan. Gerakan ini telah muncul di Alam Melayu adalah didorong oleh kesedaran tentang kemunduran orang-orang Melayu di

¹³ *Op.cit.*, hal. 357.

¹⁴ Ismail Hamid., *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal. 75.


¹⁵ *Ibid.*, hal. 171.



Pelabuhan Melaka dalam zaman pemerintahan Belanda abad ke 18

dalam semua bidang, khususnya bidang ekonomi dan pendidikan. Jika dibandingkan dengan kaum-kaum pendatang pula hidup di dalam keadaan mewah hasil daripada kejayaan mereka mengeksploitasi segala hasil bumi di negara ini. Dengan kekayaan yang dimiliki oleh kaum pendatang itu, taraf hidup mereka meningkat begitu tinggi sehinggalah mereka berjaya mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk pendidikan anak-anak kaum mereka, sedangkan orang-orang Melayu dan Islam terus tinggal di dalam kemiskinan dan kemunduran di dalam bidang pendidikan moden.

Gerakan pembaharuan pemikiran di kalangan orang-orang Melayu dan Islam muncul di rantau ini terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia, adalah hasil dari wujudnya sistem pendidikan Islam di negara-negara yang berkenaan. Sistem pendidikan Islam ini telah melahirkan segolongan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah (Asia Barat). Semasa menuntut di universiti-universiti Islam di Timur Tengah, seperti di Universiti Al-Azhar, pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia itu telah terpengaruh dengan arus pembaharuan pemikiran Islam ataupun "gerakan permodenan" yang dipelopori oleh tokoh-tokoh gerakan Islam yang terkenal seperti Wahabi pada abad ke-19 di Saudi Arabia, dan oleh



Penjajahan Barat di Asia Selatan dan Asia Tenggara

tokoh-tokoh Islam yang tidak asing seperti Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897M) dan muridnya Muhammad Abduh (1849-1906M) dan Rasyid Rida di Mesir.¹⁶

Jamaluddin al-Afghani telah memelopori perjuangan pembaharuan pemikiran umat Islam. Beliau telah menganjurkan usaha-usaha penyatuan pemikiran umat Islam digembeling, dan usaha-usaha ini adalah merupakan sebagai batu asas yang kukuh di dalam menyatupadukan umat Islam supaya membebaskan negara mereka daripada penjajahan Barat. Sementara itu Muhammad Abduh pula telah menganjurkan satu reformasi terhadap sistem pendidikan umat Islam secara menyesuaikan dengan penemuan-penemuan baru yang telah berkembang di dunia Barat. Di samping itu pula gerakan Wahabi di Saudi Arabia bertujuan menghapuskan ajaran Islam yang bercampur baur dengan amalan bidaah, sesat dan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah.¹⁷

Gerakan permodenan yang juga dikenali sebagai gerakan Islah yang berkembang di kalangan golongan terpelajar di pusat-pusat pengajian tinggi di Timur Tengah telah mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia yang menuntut di sana. Pemimpin-pemimpin pelajar Melayu yang pulang ke tanahair dan sebagai pemimpin Islam di Tanah Melayu ialah seperti Shekh Tahir Jalalludin al-Azhari, Syed Shekh al-Hadi, Haji Abbas Mohd. Taha dan lain-lain. Golongan reformasi ini telah menekankan tentang kepentingan kemajuan orang-orang Melayu dan Islam dengan membuktikan bahawa ajaran Islam tidak bertentangan dengan ilmu sains dan teknologi Barat. Mereka telah mengeluarkan fatwa yang menentang fahaman kolot yang disebarkan oleh kaum tua yang mendakwa bahawa ilmu sains itu bertentangan dengan akidah Islam. Fahaman Islam yang dipelopori golongan agama daripada kaum tua ini berpendapat bahawa dunia ini untuk orang kafir, dan orang-orang Islam telah disediakan akhirat. Fahaman yang salah ini tanpa disedari telah melemahkan masyarakat Islam sendiri dan membantu orang-orang bukan Islam untuk terus menguasai masyarakat Islam.¹⁸

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*, 172.

Keadaan ini telah menimbulkan apa yang disebut *golongan muda* dan *golongan tua*. Dalam masyarakat Melayu perbezaan pendapat antara golongan muda dan tua ini telah berlaku berkisar dalam konsep qadak dan qadar, konsep ijthad, keterikatan kepada mazhab Syafie, amalan bidaah dan khurafat dan lain-lain. Golongan tua menekankan tentang perlunya masyarakat Melayu menyerahkan nasib kepada takdir. Mereka juga tidak membenarkan diadakan ijthad kerana dikatakan bahawa pintu ijthad telah ditutup. Fahaman yang sempit dan jumud seperti ini telah ditentang oleh golongan muda dengan mendasarkan alasan-alasan dari al-Quran dan al-Sunnah. Golongan muda ini telah menegaskan bahawa pintu ijthad sentiasa terbuka. Mereka juga menekankan bahawa umat Islam hendaklah berusaha dan bekerja keras untuk membela nasib mereka.

Bagi menyebarkan pemikiran baru ini, tokoh-tokoh reformasi telah mengusahakan penerbitan buku, majalah, suratkhobar dan pelbagai bacaan umum untuk memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu. Pada tahun 1906, tokoh-tokoh reformasi di bawah pimpinan Shekh Tahir Jalalluddin telah menerbitkan majalah *al-Imam* di Singapura. Melalui majalah ini, pemikiran baru yang meniupkan semangat pembaharuan dalam masyarakat Melayu telah disalurkan. Di samping itu, Haji Abbas bin Muhammad Taha telah menerbitkan majalah *Neraca* dan *Tunas Melayu*. Sementara itu Syed Shekh al-Hadi telah menerbitkan majalah *al-Ikhwan* pada tahun 1926.¹⁹ Penerbitan-penerbitan yang berkenaan telah menyuarakan pemikiran yang bernas untuk memajukan taraf hidup orang-orang Melayu, dan seterusnya mengkritik fahaman kaum tua dan pembesar-pembesar Melayu yang tidak mengambil berat terhadap nasib bangsa Melayu. Melalui tokoh-tokoh ini juga sekolah agama telah ditubuhkan di banyak tempat seperti di Pulau Pinang, Singapura, Melaka, Johor, Perak dan lain-lain. Melalui pendidikan di sekolah-sekolah agama jugalah semangat pembaharuan dari segi sikap dan pemikiran telah ditiupkan untuk memberi kesedaran kepada generasi muda bagi membangunkan masyarakat Melayu.

Syed Shekh al-Hadi yang berasal dari Melaka juga telah berjuang untuk menyedarkan masyarakat Melayu tentang betapa pentingnya wanita Islam diberi kebebasan untuk menuntut ilmu dan berganding

¹⁹ *Ibid.*, 173.

bahu dengan kaum lelaki untuk membangun kaum masyarakat mereka. Fahaman yang kuat dalam masyarakat Melayu pada masa itu juga menegaskan bahawa kaum wanita hanya sesuai duduk di rumah mestilah diubah. Untuk tujuan ini, Syed Shekh al-Hadi telah menerbitkan buku-buku seperti *Kitab Alam Perempuan* yang membuat teguran terhadap masyarakat Islam yang menyekat kebebasan kaum wanita untuk menuntut ilmu dan melibatkan diri di dalam kegiatan masyarakat. Beliau juga telah menulis sebuah novel berjudul *Hikayat Faridah Hanum* yang mengutarakan tentang kebebasan wanita dalam masyarakat melalui watak utamanya, Faridah Hanum.²⁰

Gerakan pembaharuan pemikiran dalam masyarakat Melayu yang dipelopori oleh Shekh Tahir Jalaluddin dan lain-lain itu telah banyak meninggalkan kesan bukan sahaja dalam pendidikan, sikap dan ekonomi tetapi juga kesedaran dalam politik. Hasil dari kesedaran politik itu, lahirlah berbagai pertubuhan Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan.

Gerakan 'Modenisasi' Di Indonesia

Shekh Tahir Jalaluddin mempunyai ramai rakan seperjuangan di Indonesia dan salah seorang daripada mereka ialah Shekh Muhammad Jamil Jambek yang mendapat didikan di Mekah. Sekembalinya dari Mekah beliau telah bergerak dalam kegiatan dakwah Islam di Indonesia melalui pertubuhan-pertubuhan seperti *Muhammadiyah* dan *Thawalib* di Sumatera.²¹ Seorang lagi tokoh gerakan pembaharuan ialah Haji Abdul Karim Amrullah (HAMKA). Beliau bergerak cergas di dalam kegiatan dakwah dan telah banyak membuat kritikan membina terhadap pendukung-pendukung adat dan tradisi lama di Minangkabau. Kemudian dalam tahun 1917 beliau telah pergi ke Tanah Jawa dan mengadakan hubungan dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan *Muhammadiyah* dan *Sarekat Islam* di sana. Kemudian beliau telah membuka cawangan *Muhammadiyah* di Minangkabau. Haji Karim menjalankan gerakan pembaharuan dengan

²⁰ *Ibid.*, 173.

²¹ Ismail Hamid, *Peradapan Melayu dan Islam.*, Penerbit Fajar Bbakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hal. 86.



Kapal Portugis Flor de la Mar yang menempatkan Muzium Maritim

gigihnya di Sumatera dan mencetuskan gerakan yang disebut Thawalib. Pada mulanya gerakan ini bergiat di dalam bidang pendidikan, dan akhirnya telah melahirkan sebuah parti politik Islam yang diberi nama, "Persatuan Muslimin Indonesia".²²

Sebuah pertubuhan yang dinamakan "Budi Otomo" telah ditubuhkan pada tahun 1908 di Pulau Jawa. Pertubuhan ini telah berjuang untuk memajukan pelajaran, ekonomi dan kebudayaan penduduk-penduduk di pulau itu. Perjuang pertubuhan ini juga adalah lebih mirip kepada perjuangan Islam dengan pemimpinnya seperti Haji Mujitaba. Tetapi walau bagaimanapun pertubuhan-pertubuhan yang memainkan peranan yang penting untuk melahirkan kesedaran Islam ialah 'Muhammadiyah' dan 'Sarekat Islam'. Muhammadiyah telah ditubuhkan di Jogjakarta pada tahun 1912 oleh Kiyai Haji Ahmad Dahlan. Muhammadiyah sebuah badan bukan politik yang telah banyak memberi kesedaran kepada rakyat Indonesia.

²² Ibid.

Pertubuhan ini telah berjaya membuka cawangan di seluruh Indonesia. Walaupun Muhammadiyah bukan sebuah badan politik, tetapi pertubuhan ini telah banyak memberi kerjasama yang kuat dengan Sarekat Islam untuk membebaskan Indonesia daripada penjajahan Belanda.

Perjuangan Muhammadiyah tertumpu kepada mengwujudkan pembaharuan fahaman dan pemikiran di kalangan masyarakat Islam di Indonesia. Kegiatannya disalurkan melalui saluran pendidikan dan tabligh. Muhammadiyah menentang fahaman bidaah dan khurafat dan membuat kritikan yang kuat terhadap pendukung-pendukung adat. Di samping itu, pertubuhan ini juga menggalakkan daya pemikiran baru di kalangan umat Islam dengan menekankan kepentingan Ijtihad. Pemimpin Muhammadiyah menganjurkan umat Islam di Alam Melayu supaya menolak fahaman 'taklid' yang terikat dengan mazhab Syafie dalam menentukan hukum Islam baru, kerana Imam Syafie sendiri tidak pernah bertujuan untuk mencipta satu mazhab yang baru, tetapi hanya sekadar memberi pendapat dan ijtihadnya yang tersendiri. Kelahiran mazhab itu adalah hasil daripada ciptaan anak-anak muridnya. Fahaman fanatik terhadap mazhab Syafie, iaitu dengan merujuk semua ajaran Islam kepada tafsiran anak-anak murid Imam Syafie sahaja telah melahirkan fahaman jumud, serta boleh menutup pintu ijtihad di kalangan umat Islam. Gerakan Muhammadiyah yang menentang fahaman taqlid ini telah berjaya menyebarkan pengaruhnya hingga ke Tanah Melayu dengan membawa ajaran yang sama.²⁵ Walau bagaimanapun pendekatan yang dibawa oleh Muhammadiyah ini bukanlah semuanya boleh kita diikuti, kerana banyak pendapatnya yang boleh kita pertikaikan. Di Tanah Melayu, orang Melayu terus mengamalkan ajaran mazhab Syafie hinggalah sekarang.

Dari segi pendekatan kegiatan Muhammadiyah ini timbullah apa yang disebut golongan tua dan muda. Golongan tua yang konservatif ingin mengekalkan tradisi lama yang diwarisi dan menentang fahaman baru yang dibawa oleh golongan muda seperti di atas. Golongan tua ini juga lebih kompromi dengan kepercayaan tradisi masyarakat Melayu lama yang dianggap oleh golongan muda sebagai khurafat dan bidaah. Ulama-ulama tua yang masih sayang kepada tradisi lama telah menubuhkan Persatuan 'Taswir al-Afkar' di Surabaya pada tahun 1918

²⁵ *Ibid.*, hal. 86-87.

yang kemudian telah berkembang dan menjadi pertubuhan terkenal 'Nahdatul Ulama' pada tahun 1926.²⁴ Walaupun kedua-dua pertubuhan ini dalam banyak perkara bertentangan di antara satu sama lain, tetapi adalah tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua pertubuhan ini telah memainkan peranan penting di dalam membangunkan umat Islam di Indonesia. Gerakan Islam di Indonesia terus berjalan dalam zaman pemerintahan Jepun. Pertubuhan Nahdatul Ulama telah menjadi parti Islam. Kemudian sebuah lagi parti Islam bernama **Parti Islam Indonesia** telah ditubuhkan. Akhirnya sebuah lagi parti Islam yang kuat bernama **Masyumi** telah diwujudkan. Parti-parti Islam telah bergerak aktif yang berjaya mencetuskan revolusi Indonesia bersama-sama parti-parti lain sehinggalah Indonesia telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1947.²⁵

Gerakan Islam Menentang Penjajahan Di Tanah Melayu

Gerakan pembaharuan pemikiran dalam masyarakat Melayu di Tanah Melayu terus menerus berjalan. Hasil dari sistem pendidikan agama yang bercorak progresif ini lahirlah satu golongan masyarakat Melayu yang berpengetahuan tinggi dan penuh kesedaran untuk membangunkan bangsa mereka. Mereka telah menjadi kumpulan reformasi sosial dan agama di permulaan abad ke-20. Pada peringkat awal mereka telah menubuhkan berbagai-bagai pertubuhan sosial yang bertujuan untuk menjalankan kegiatan kebajikan untuk orang-orang Islam. Di antara pertubuhan itu ialah *Persekutuan Indera Kayangan* di Alor Setar pada tahun 1919, *Persekutuan Guru-Guru Melayu* dan *Persekutuan Guru-Guru Islam* yang ditubuhkan dalam 1920.²⁶ Rata-rata pertubuhan-pertubuhan Melayu dan Islam di Tanah Melayu bergerak di dalam bidang pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan sosial. Sungguhpun terdapat beberapa pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan Melayu dan Islam seperti *Persekutuan Islam Singapura*, tetapi tidak terdapat sebuah pun dari persatuan-persatuan tersebut yang menjalankan kegiatan politik.

²⁴ *Ibid.*, hal. 87.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, *op.cit.*, hal. 175.


Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa gerakan kebangkitan Islam di Alam Melayu telah dicetuskan oleh sekumpulan pelajar-pelajar Melayu yang radikal yang menuntut di Mesir. Selain daripada beberapa orang tokoh yang telah disentuh tersebut terdapat juga beberapa tokoh yang telah berjaya menerbitkan dua buah majalah yang diberi nama *Seruan Azhar* dan *Pilihan Timur*. Majalah-majalah tersebut telah membawa seruan pembaharuan pemikiran dalam agama dan juga penentang terhadap kuasa penjajah. Beberapa orang pelajar seperti Othman Abdullah apabila kembali ke Tanah Melayu telah memainkan peranan yang penting dalam penubuhan *Kesatuan Melayu Muda*.²⁷ Persatuan yang dirancang oleh Ibrahim Haji Yaacob pada tahun 1938 ini merupakan sebuah badan politik pertama yang bergerak di Tanah Melayu. Pada tahun 1946 pula Dato' Onn bin Jaafar telah berjaya mengadakan *Kongres Melayu* yang ulung yang dihadiri oleh 40 buah pertubuhan orang Melayu yang mengambil tindakan bersama membantah gagasan *Malayan Union* yang dirancang oleh penjajah Inggeris. Kongres Melayu ini juga telah membuat ketetapan menubuhkan parti UMNO. Akhirnya pemerintah Inggeris telah memutuskan memansuhkan *Malayan Union*, dan menggantikannya dengan *Perskutuan Tanah Melayu* pada tahun 1948.²⁸

Pertubuhan UMNO telah berjaya menyatukan orang-orang Melayu dari segenap peringkat dan berjuang untuk menuntut kemerdekaan. UMNO yang juga dianggotai oleh golongan terpelajar dari aliran agama telah berjuang untuk memajukan orang-orang Melayu dan agama Islam di Tanah Melayu. Dalam memperjuangkan Islam ini, UMNO telah menganjurkan persidangan alim ulama pada tahun 1950 di Johor Bahru. Hasil dari persidangan ini, sebuah pertubuhan Islam telah ditubuhkan dan diberi nama *Persatuan Ulama SeMalaya*. Pada tahun 1951 persatuan ini telah mengadakan mesyuaratnya di Kepala Batas, Pulau Pinang yang disertai juga oleh beberapa orang pemimpin *Hizbul Muslimin* yang diketuai oleh Abu Bakar Bakir. Hasil dari mesyuarat Ulama SeMalaya ini nama persatuan di atas telah diubah menjadi *Parti Islam SeMalaya* (PAS).²⁹ Pada mulanya pertubuhan ini bergerak secara

²⁷ *Ibid.*, hal. 176.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj disambut oleh ribuan rakyat setibanya di kota bersejarah Melaka untuk mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 20 Februari 1956



Bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka

sukarela hinggalah pada tahun 1954 barulah berubah menjadi sebuah parti politik.

Pertubuhan UMNO terus berjuang untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan Inggeris. Hasil daripada perjuangan UMNO dan seterusnya PERIKATAN (gabungan parti UMNO, MCA, dan MIC) di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kerajaan Inggeris telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Sebuah Suruhanjaya Diraja yang dipengerusikan oleh Lord Reid telah dibentuk bagi menggubal Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Salah satu perjuangan UMNO yang membanggakan umat Islam di Tanah Melayu ialah memaklumkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di dalam Fasal 3, "*Islam adalah agama bagi Persekutuan, akan tetapi agama-agama lain boleh juga diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana juga bahagian di dalam Persekutuan*".³⁰ Fasal ini terus dikekalkan apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963.

MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM

Agama Islam telah diberi kedudukan yang istimewa sebagai agama rasmi negara seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Satu lagi keistimewaan mengenai kedudukan agama Islam di dalam Perlembagaan Malaysia ialah bahawa Yang Di Pertuan Agung adalah sebagai Ketua Agama Islam Negara.³¹ Raja-Raja Melayu pula adalah sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja seperti negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Yang DiPertuan Agong adalah sebagai Ketua Agama Islam, disamping menjadi Ketua Agama bagi negerinya sendiri. Disamping peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut, terdapat juga peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Negeri-Negeri yang berkaitan dengan kedudukan agama Islam ini. Peruntukan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini

³⁰ *Ibid.*

³¹ Perlembagaan Persekutuan, *International Law Book Services*, Kuala Lumpur, 2003, Fasal 3 (2), hlm. 2.





Masjid Negara di Kuala Lumpur siap dibina pada tahun 1965

tidaklah menjadi penghalang kepada agama-agama lain untuk diamalkan oleh penganut-penganutnya dengan aman dan damai di mana-mana bahagian di dalam Malaysia.³² Ini adalah selaras dengan firman Allah : *Tidak ada paksaan di dalam menganut agama sesungguhnya telah jelas petunjuk itu daripada kesesatan.*³³

Mengikut kebanyakan pakar undang-undang, peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia dan Negeri-Negeri mengenai kedudukan agama Islam adalah memberi ruang yang luas bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri bagi meninggikan lagi syiar Islam di negara ini dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai Negara Islam yang sebenarnya sebagaimana yang telahpun diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri Pertama pada tahun 1961 dan diulangi semula oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia yang keempat di Parlimen pada tahun 2001.

Mengikut Sheikh Muhammad Abu Zuhrah seorang ulama Islam Mesir yang terkenal :

"Negara Islam (Darul Islam) ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintah Islam, dalam mana kekuatan dan pertahanannya berada di tangan umat Islam. Negara seperti ini wajib dipertahankan oleh setiap muslim"

Tan Sri Hashim Yeop A. Sani bekas Hakim Besar Malaya pernah menegaskan:

"Malaysia secara sah bolehlah mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam....."

Perlembagaan Malaysia yang sebenarnya mempunyai asas Islam yang kukuh. Perkataan "*secular*" tidak termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Berlainan dengan perlembagaan setengah-setengah negara seperti Perlembagaan Turki yang secara jelas menyatakan ia negara "*secular*" sebagaimana yang termaktub di dalam Perkara 2 Perlembagaan negara itu yang menegaskan :

³² *Ibid.*, Fasal (II) 11 (1), (2) dan (3).

³³ Al-Quran, Al-Baqarah : 256.

"The Republic of Turkey is a democratic, secular and"

Mengikuti buku *Constitutional Law in Malaysia and Singapore* Perlembagaan Malaysia sebenarnya bersifat "confessional constitution" dan bukannya "secular constitution", kerana di dalam perlembagaan "secular" negara mengambil pendirian berkecuali di dalam soal "agama". tetapi Perlembagaan Malaysia telah memberi kedudukan yang istimewa kepada agama Islam. Perkara ini melayakkan negara Malaysia diisytiharkan sebagai negara Islam.³⁴

Selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 dan Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri telah banyak melaksanakan tindakan-tindakan bagi merealisasikan matlamat di atas selaras dengan Islam sebagai *Ad-Din* atau cara hidup yang menyeluruh. Diantaranya ialah mengemaskinikan pentadbiran hal ehwal Islam di negeri-negeri, pembinaan Masjid Negara dan masjid-masjid lain, mengadakan musabqah membaca Al-Quran, pendidikan Islam diperingkat sekolah rendah dan menengah, penubuhan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi Islam, memperkukuhkan lagi pentadbiran dan perundangan Islam diseluruh negara, penubuhan institusi-institusi ekonomi Islam, menganjurkan gerakan dakwah Islamiah dan kegiatan Islam diperingkat antarabangsa.

Pentadbiran Hal-Ehwal Islam Di Negeri -Negeri

Sebagaimana disebutkan di atas tadi bahawa sultan dan raja-raja bagi negeri-negeri Melayu merupakan ketua agama bagi negeri-negeri mereka. Bagi negeri-negeri yang tidak beraja Yang Di Pertuan Agong adalah menjadi ketua agama, disamping menjadi ketua agama negerinya. Pentadbiran dan pengurusan hal-ehwal Islam di negeri-negeri adalah dikuatkuasakan melalui Undang-Undang Negeri yang

³⁴ Wan Zahidi bin Wan Teh, "Malaysia Sebuah Negara Islam", kertaskerja Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Pusat Islam, Kuala Lumpur 2000, hlm. 2-3. Sila lihat juga Abdul Samat Musa, "Prinsip-Prinsip Islam Dalam Perlembagaan Malaysia", dalam Abdul Monir Yaacob dan Roslil Abd. Majid, *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*, IKIM, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 42-43.

dikenali dengan nama Enakmen atau Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (*Administration of Muslim Law Enactment*). Undang-undang ini berkuasa meminda, mengemaskini, mengumpul dan menyatukan beberapa undang-undang yang berkuatkuasa selama ini berkaitan dengan undang-undang Islam dan disamping itu membuat peruntukan-peruntukan baru bagi memperkemas pentadbiran hal-ehwal Islam dan Mahkamah Syariah di negeri-negeri.³⁵

Tiap-tiap enakmen memperuntukan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) untuk menasihati Sultan, atau Yang Di Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang ketua agamanya Yang Di Pertuan Agong. Majlis adalah merupakan sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa untuk memiliki dan memindah milik harta, untuk membuat kontrak dan mentadbir harta pusaka. Majlis mempunyai mohornya tersendiri dan boleh mendakwa serta boleh pula didakwa atas nama dirinya. Majlis adalah mewakili dan bertindak atas kuasa Sultan dan yang demikian adalah pihak berkuasa yang utama (*chief authority*) di dalam negeri mengenai semua perkara yang berkaitan agama Islam. Sebagai pihak berkuasa utama dalam hal-ehwal agama Islam Majlis adalah bertanggungjawab mengeluarkan fatwa-fatwa. Fatwa-fatwa itu jika diwartakan adalah menjadi rasmi dan mestilah dipatuhi oleh semua orang-orang Islam di negeri itu.³⁶

Walaupun Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dari segi undang-undang adalah pihak berkuasa negeri utama dalam urusan pentadbiran hal-ehwal agama Islam, tetapi kebanyakan MAIN hanya memainkan peranannya di dalam menggubal dasar-dasar, menyusun projek-projek dan program pembangunan Islam. Sementara pelaksanaan projek-projek dan program-program dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), kerana MAIN tidak mempunyai pegawai dan kakitangan sendiri. JAIN adalah sebuah Jabatan Kerajaan Negeri yang lengkap dengan pegawai dan kakitangannya dan khas untuk melaksanakan dasar-dasar yang digubal oleh MAIN. Walau bagaimanapun MAIN di Kelantan, Sabah dan Sarawak benar-benar berfungsi sebagai badan berkanun yang lengkap mempunyai pegawai dan kakitangannya sendiri, dan seterusnya

³⁵ Haji Yaakub Lazim, *Pentadbiran Hal-Ehwal Islam di Malaysia-Satu Tinjauan*, Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1994. hlm. 3-4.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 4 - 5.

menjalankan kerja-kerja seperti yang dijalankan oleh JAIN di negeri-negeri lain.³⁷

Bidang kuasa pihak berkuasa negeri mengenai pentadbiran hal-ehwal agama Islam adalah meliputi :

- 1) Undang-undang kekeluargaan seperti nikah-kahwin, cerai dan nafkah.
- 2) Menguruskan pusaka, wasiat dan pemberian.
- 3) Menguruskan zakat fitrah.
- 4) Menguruskan Baitulmal.
- 5) Hukuman ke atas kesalahan yang menyentuh kesucian agama dan lain-lain.³⁸

Pihak berkuasa negeri adalah bertanggungjawab menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam seperti yang dibenarkan di dalam Enakmen atau Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang berkenaan.

Pentadbiran Hal-Ehwal Islam Di Peringkat Persekutuan

Bagi menyelaras dan meninggikan lagi kualiti pentadbiran hal-ehwal Islam di seluruh negara, Kerajaan Persekutuan menerusi Majlis Raja-Raja telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 1968. Secara khususnya fungsi utama MKI ialah bagi membincang, menimbang dan mengurus apa-apa perkara yang dirujuk kepada MKI oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli Majlis dengan tujuan hendak memberi nasihat atau apa-apa syor. MKI ini juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pendidikan agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, mensejajarkan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran.³⁹

³⁷ Ibid., hlm. 10 - 11.

³⁸ Dr. Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, op.cit., hlm. 178.

³⁹ Haji Yaakub Lazim, op.cit., hlm. 15.

Peraturan 15, Majlis Kebangsaan Hal - Ehwal Islam Malaysia (MKI) memperuntukan bahawa kerja-kerja pentadbiran MKI adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan Persekutuan melalui MKI, untuk tujuan ini telah menubuhkan satu bahagian khas di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dinamakan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) pada tahun 1969. Bahagian ini telah ditukar nama kepada Bahagian Hal Ehwal Islam pada tahun 1985 dan kemudian dikenali dengan nama Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) mulai 1995 hinggalah sekarang.⁴⁰ JAKIM adalah menjadi urusetia kepada MKI dan juga bertanggungjawab menjalankan pentadbiran hal-ehwal agama Islam diperingkat pusat. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan hingga kini Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri-Negeri dan badan-badan bukan kerajaan telah banyak melaksanakan projek-projek dan program-program bagi merealisasikan kehendak-kehendak Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Di bawah ini diuraikan secara ringkas projek-projek dan program-program dimaksudkan.

Pembinaan Masjid Negara dan Masjid-Masjid Lain

Idea untuk mendirikan sebuah Masjid Negara ini telah dicetuskan sendiri oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Rekabentuk masjid ini telah dicipta oleh Datuk Baharuddin Abu Kasim seorang arkitek muda yang terkenal. Masjid ini telah siap dibina pada 27 Ogos 1965 dengan perbelanjaan RM 10 juta, didirikan di atas tanah seluas 12 hektar dan boleh menampung 10 ribu orang jemaah. Pembinaan masjid ini adalah sebagai lambang Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Masjid ini telah dianggap sebagai sebuah masjid yang terbesar, terindah dan termoden di Asia Tenggara pada waktu itu.⁴¹

Selain dari menjadi tempat ibadat yang terpenting di Ibu Negara Malaysia, Masjid Negara juga berfungsi sebagai pusat kegiatan dakwah Islamiah. Kegiatan-kegiatan keagamaan yang sering dianjurkan ialah seperti mengadakan forum, kuliah keilmuan, pengajian al-Quran,

⁴⁰ Ibid., hlm. 19.

⁴¹ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, op.cit., hlm. 180.

Kelas-Kelas Fardhu 'Ain dan lain-lain. Masjid Negara juga mengadakan penerbitannya sendiri yang bernama *Suara Masjid Negara*. Di samping itu Masjid Negara juga mempunyai Perpustakaan Islam sendiri untuk menjadi tempat bacaan dan rujukan bukan sahaja kepada pegawai-pegawai masjid tetapi juga untuk masyarakat Islam yang berminat untuk mengkaji secara mendalam tentang Islam.⁴²

Disamping Masjid Negara, Kerajaan Negeri dengan bantuan Kerajaan Pusat telah mendirikan Masjid Negeri dan daerah masing-masing. Setiap kampung atau qariah juga mempunyai masjid sendiri. Selain dari itu terdapat juga surau-surau di merata-rata tempat di negara ini. Pada hari ini boleh dikatakan di setiap bangunan kerajaan, swasta, kilang-kilang stesen minyak, kompleks membeli-belah, tempat-tempat rehat di lebuhraya, hotel-hotel dan lain-lain mempunyai surau-surau sendiri. Surau-surau di tempat-tempat swasta ini didirikan dengan perbelanjaan pihak-pihak swasta itu sendiri.⁴³

Satu lagi masjid yang menjadi kebanggaan negara ialah pembinaan Masjid Putrajaya. Idea untuk mendirikan sebuah masjid di Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Persekutuan dan Bandar Baru Putrajaya ini adalah dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat. Masjid ini adalah di antara masjid yang terindah dan termoden di dunia pada masa ini. Langkah-langkah pihak kerajaan, badan-badan sukarela, pihak-pihak swasta mendirikan masjid-masjid dan surau-surau ini adalah untuk mengikut jejak Nabi Muhammad s.a.w. yang telah mendirikan *Masjid Quba'*, yang dibina sebaik sahaja baginda berhijrah ke Madinah pada tahun 622M dan yang merupakan masjid di dalam sejarah Islam.⁴⁴

Musabaqah Membaca Al-Quran.

Salah satu program terpenting dan terawal dilaksanakan Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri ialah mengadakan pertandingan

⁴² *Ibid*.

⁴³ Sebenarnya perkembangan infrastruktur Islam ini dapat kita lihat merata-rata tempat di Malaysia.

⁴⁴ Mohd. Jamil Mukmin, *Sejarah Perkembangan Islam*, *op.cit.*, hlm.



Pusat Islam di Kuala Lumpur

membaca al-Quran diperingkat negeri dan kebangsaan yang diadakan bermula pada tahun 1960. Tujuan program ini ialah untuk menarik perhatian orang-orang Islam tentang isi kandungan al-Quran disamping untuk meningkatkan lagi kualiti bacaan al-Quran dikalangan umat Islam di negara ini. Pada tahun 1961, pertandingan ini telah diperluaskan ke peringkat antarabangsa, dan seterusnya telah dijadikan acara tahunan. Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk menguruskan program ini. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama yang mencetuskan idea program ini semasa berucap di dalam upacara pertandingan ini sering menegaskan *bahawa Malaysia menganjurkan program ini tiap-tiap tahun adalah semata-mata untuk memenuhi tanggungjawab sebagai sebuah negara Islam, dan bagi memberi kesedaran kepada umat Islam tentang pentingnya menghayati al-Quran.*⁴⁵

⁴⁵ Abdul Aziz Malim, "Sejarah 20 Tahun Musabaqah dan Perkembangan Islam di Malaysia", dalam *Majalah Ulangtahun ke 20 Musabaqah al-Quran*, Utusan Printcorp Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.



Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur

Semenjak musabaqah membaca al-Quran ini diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah banyak memberi kesan yang positif kepada umat Islam di negara ini khususnya. Lanjutan dari program ini, banyak pertandingan musabaqah di peringkat institusi-institusi dan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan telah diadakan. Ini termasuklah di peringkat agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi, tentera, polis, pihak-pihak swasta dan badan-badan sukarela di seluruh negara. Begitu juga banyak negara-negara Islam lain mengikut jejak Malaysia mengadakan musabaqah ini. Musabaqah membaca al-Quran ini bukan sahaja telah berjaya menggalakkan umat Islam di negara ini menghayati al-Quran, tetapi juga telah berjaya mengeratkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam.⁴⁶

⁴⁶ Haji Abdul Rahman Ya'kub, "Pertandingan Membaca al-quran Menimbulkan Semangat baru", dalam *Dewan Masyarakat*, Jilid vi, Bil. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Januari 1968, hlm. 38.

Pendidikan Islam Diperingkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Selepas merdeka, kerajaan pusat dan kerajaan negeri-negeri telah mengambil perhatian berat tentang keadaan sekolah-sekolah agama rakyat yang didirikan dengan perbelanjaan masyarakat Islam sebelum merdeka lagi. Sekolah-sekolah tersebut yang berbentuk tradisional, iaitu madrasah-madrasah, pondok-pondok dan lain-lain menghadapi serba kekurangan dari segi sistem pengajian, infastruktur sekolah, kewangan, tenaga pengajar dan lain-lain. Setelah merdeka kerajaan pusat melalui Jabatan Perdana Menteri BAHEIS (JAKIM sekarang) dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah berusaha memajukan sekolah-sekolah agama rakyat yang berkenaan dengan memberi bantuan kewangan bagi membina bangunan-bangunan baru, membaikpulih bangunan-bangunan yang ada, dan sebagainya. Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri juga memberi bantuan yang sama kepada sekolah-sekolah tersebut. Usaha-usaha untuk mengemaskinikan sistem pengajian dan tenaga pengajar juga dilakukan.⁴⁷

Di samping itu juga, kerajaan pusat melalui Kementerian Pelajaran (Pendidikan sekarang) telah menubuhkan Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian itu. Sukatan pelajaran di semua sekolah kerajaan dan swasta telah disusun semula bagi mewajibkan matapelajaran agama Islam diajar di sekolah-sekolah yang berkenaan, sekiranya terdapat tidak kurang daripada 15 orang murid beragama Islam. Peraturan ini dikenakan di semua sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan, sekolah-sekolah mubaligh Kristian dan sekolah-sekolah swasta. Kementerian Pelajaran juga telah menambah dan, melatih guru-guru agama yang sedia ada dengan memberi skim gaji yang sama seperti guru-guru biasa. Di samping itu sebuah *Maktab Perguruan Islam* telah ditubuhkan pada tahun 1990 di Bangi, Selangor. Melalui langkah-langkah ini kedudukan

⁴⁷ Dr. Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, *op.cit.*, hlm.181-182



Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur yang bercirikan senibina Islam


pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah telah dapat dimajukan secara berperingkat-peringkat.⁴⁸

Di samping itu, pihak Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) di setiap buah negeri. Sekolah jenis ini merupakan satu model pelaksanaan pendidikan Islam yang merangkumi pendidikan duniawi dan ukhrawi, iaitu mengajar pelajaran agama, sains, matematik, perakaunan, sejarah, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan lain-lain.⁴⁹

Dalam pada itu satu perkembangan yang amat menggalakkan di dalam sistem pendidikan di negara ini ialah pengwujudan Falsafah Pendidikan Negara yang telah dilaksanakan pada tahun 1989. Falsafah Pendidikan ini adalah menghala ke Wawasan 2020 dan berasaskan sistem pendidikan Islam sejagat. Ia menerangkan :

⁴⁸ Abdullah Jusuh, *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 27-28.

⁴⁹ Ismail Ab. Rahman, "masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia", dalam ismail Ab. Rahman (penyunting), *Pendidikan Islam di Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1993, hlm. 199-200.



Masjid Putra Jaya



Kompleks Pejabat Perdana Menteri di Putra Jaya yang bercirikan senibina Islam

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mengujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.³⁰

Penubuhan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi Islam.

Satu lagi kemajuan yang menggalakkan selepas Malaysia merdeka ialah penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi Islam. Pusat pengajian tinggi Islam yang pertama yang ditubuhkan ialah *Kolej Islam Malaya*, di Kelang, Selangor. Sebenarnya Kolej ini pada awalnya ditubuhkan dan dibiayai oleh masyarakat Islam dengan bantuan kerajaan. Kolej ini ditubuhkan pada tahun 1955, bertempat di Istana Lama Sultan Selangor di Kelang dengan pelajarnya pada tahun pertama 55 orang sahaja. Kemasukan pelajar baru telah meningkat dari tahun ke tahun. Pihak Universiti al-Azhar telah mengakui Sijil Tertinggi Kolej Islam untuk membolehkan para penuntutnya menyambung pelajarannya ke universiti tersebut.³¹

Pada tahun 1966 kerajaan pusat telah membina bangunan baru bagi Kolej tersebut di Petaling Jaya dengan perbelanjaan berjumlah RM 2 juta. Pada tahun 1967 kerajaan pusat telah memindahkan Kolej tersebut daripada Kelang ke Petaling Jaya dan seterusnya meletakkan sepenuhnya pentadbiran Kolej itu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sementara bangunan lama di Kelang dijadikan sekolah menengah yang menjadi cabang kepada Kolej Islam yang berkenaan.³²

³⁰ Mohd. Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan : Pendidikan di Malaysia*, Nuri enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 168.

³¹ Abdullah Jusuh, *op.cit.*, hlm.23.

³² *Ibid.*, 24.

Di samping itu, pada tahun 1959, sebuah Jabatan Pengajian Islam juga telah ditubuhkan di Universiti Malaya (UM). Mulai tahun 1980, UM telah mengambil alih Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan dan digabungkan dengan Jabatan Pengajian Islam kemudian dinamakan Akademi Pengajian Islam, UM. Dalam pada itu apabila Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan pada tahun 1970 sebuah Fakulti Islam telah ditubuhkan di universiti itu. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah mewajibkan supaya kursus Tamadun Islam diajar di universiti-universiti awam di negara ini.³³

Satu lagi perkembangan yang memberangsangkan di dalam sejarah pengajian tinggi Islam di negara ini ialah tertubuhnya *Universiti Islam Antarabangsa (UIA)*. Idea penubuhan UIA ini telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa lawatan beliau ke U.A.E. pada bulan Januari 1982. Kemudian Kementerian Pendidikan telah menyediakan memorandum penubuhannya pada bulan Ogos 1982. Setelah dipersetujui oleh Kabinet universiti tersebut telah ditubuhkan dengan rasminya pada 20 Mei 1983 dengan nama *Universiti Islam Antarabangsa (International Islamic University)* bertempat di bangunan Kolej Islam Malaysia, Petaling Jaya. Kemudian Kampus universiti ini telah berpindah ke kompleks kampus tetapnya di Gombak, Selangor pada tahun 1990. Objektif dan falsafah penubuhan universiti ini ialah untuk menghidupkan kembali konsep pendidikan Islam yang berdasarkan tuntutan al-Quran dan al-Hadith yang memaktubkan bahawa ilmu pengetahuan itu adalah sebagai ibadah. Ilmu pengetahuan Islam yang dimaksudkan di sini adalah meliputi ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi seperti pengajian al-Quran dan al-Hadith, Usuluddin, Undang-Undang, Sains, Komunikasi dan Teknologi (ICT), Perubatan, Kejuruteraan, Ekonomi dan lain-lain.³⁴

Selain dari pusat-pusat pengajian tinggi di peringkat universiti di atas, boleh dikatakan hampir semua kerajaan negeri-negeri telah menubuhkan Kolej-Kolej Islamnya sendiri. Di antara Kolej Islam negeri yang terkenal ialah *Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)* di Kuala Terengganu. KUSZA telah ditubuhkan pada bulan Januari 1980 dengan menumpang di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal

³³ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, op.cit., 182.

³⁴ Sila lihat *International Islamic University Prospectus, 2000/2001*.



Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Abidin. Pada bulan April 1981 KUSZA telah berpindah ke kampus tetapnya di Gong Badak, Kuala Terengganu yang mempunyai keluasan 144 hektar (350 ekar). Objektif utama penubuhan KUSZA ialah untuk menampung pelajar-pelajar lulusan sekolah agama di negeri Terengganu khususnya bagi melanjutkan pelajaran mereka diperingkat kolej. KUSZA juga diwujudkan bertujuan untuk melaksanakan sistem pendidikan Islam yang merangkumi duniawi dan ukhrawi sebagai yang dituntut oleh Islam. KUSZA menawarkan kursus peringkat diploma di dalam bidang syariah, usuluddin, kewangan, pemasaran, perakaunan, perdagangan antarabangsa, teknologi industri dan lain-lain.³⁹

Perkembangan Institusi-Institusi Ekonomi Islam

Di dalam Islam bidang ekonomi (iktisad) adalah merupakan aspek yang penting. Banyak ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang memberi

³⁹ Mohd Salleh Lebar, *op.cit.*, 149-152.

penegasan di dalam perkara ini. Di antara ayat-ayat al-Quran tersebut ialah :

"Hai orang-orang yang beriman, makanlah (kamu) di antara rezeki yang baik-baik (halal) yang Kami berikan kepadamu, dan bersyukurlah kepada Allah jika benar-benar hanya kepada-NYA kamu menyembah."⁵⁶

"Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba."⁵⁷

"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalan di segala penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezeki NYA. Dan hanya kepada NYAlah. Kamu (kembali setelah) dibangkitkan."⁵⁸

Ajaran Islam sangat menggalakkan penganut-penganutnya supaya berniaga, menternak, bertani dan mencari rezeki di bumi dan di laut. Nabi Muhamad S.A.W. pernah bersabda: *"Sembilan dari sepuluh rezeki datangnya dari perniagaan."* Ajaran Islam ini telah mengwujudkan masyarakat perniagaan di bandar-bandar. Di dalam sejarah kerajaan-kerajaan Islam semenjak zaman Nabi Muhammad SA.W. pada abad ketujuh hinggalah kini mempunyai sistem ekonominya yang teratur. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memperkenalkan sistem *zakat* dan *riba*. Islam mewajibkan *zakat* dan mengharamkan *riba*. Membayar *zakat* adalah wajib mengikut *syariat*. *Zakat* ialah salah satu dari rukun Islam. Orang-orang Islam diwajibkan membayar *zakat* bagi menggalakkan mereka mencapai tahap kemajuan ekonomi yang tinggi. Ia juga sebagai satu cara untuk membantu golongan yang tidak bernasib baik. Sistem *riba* diharamkan, kerana ia boleh mengwujudkan penindasan dan juga perbezaan di antara golongan berada dan tidak berada. Ajaran Islam sentiasa menggalakkan umatnya berdikari,

⁵⁶ Al-Quran : Surah al-Baqarah 2 : 172

⁵⁷ Ibid : al-Baqarah : 275.

⁵⁸ Ibid : al-Mulk : 15. Perbahasan mengenai Sistem Ekonomi Islam ini dapat diteliti dari Yusof Qardhawi, *Norma dan Etika Ekonomi Islam*, Gema Insani Press, Jakarta, 1997, hlm. 31-38. Juga lihat penulis yang sama *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1998, hlm 3-12.

bekerja kuat mencari rezeki yang halal dan keluar dari belunggu kemiskinan.⁵⁹

Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang zakat yang tersendiri semenjak dalam zaman penjajah British lagi yang digubal oleh Majlis Perundangan Negeri masing-masing. Undang-undang zakat di setiap negeri selalunya terkandung di dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri dan perkara-perkara yang lazim tercatat di dalam fasal pentadbiran zakat termasuklah sistem kutipan dan asnaf zakat, hukum kesalahan tidak membayar atau membayar zakat melalui saluran tidak rasmi dan lain-lain. Kebebasan setiap negeri membuat undang-undang zakatnya yang tersendiri telah mengakibatkan wujudnya perbezaan dalam pelbagai aspek pentadbiran dan cara penguatkuasaan undang - undang zakat. Keadaan ini telah menyebabkan ketidakberkesanan undang - undang tersebut dan juga mengurangkan keyakinan umat Islam terhadap sistem pentadbiran zakat ini.⁶⁰

Selepas merdeka Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa langkah yang konkrit bagi menseragamkan sistem pentadbiran zakat di seluruh negara secara beransur-ansur. Ini adalah penting bagi mewujudkan sistem pentadbiran zakat yang cekap dan berkesan, dan dengan ini akan dapat memberi keyakinan kepada umat Islam di negara ini untuk membayar zakat kepada kerajaan. Beberapa kajian telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat dengan mewujudkan sistem pentadbiran zakat yang seragam, dan cadangan-cadangan yang konkrit telah disampaikan kepada kerajaan negeri-negeri. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memulakan usaha untuk memberi nafas baru kepada kaedah pentadbiran zakat ini dengan menubuhkan *Pusat Pungutan Zakat (PPZ)* pada tahun 1991 dengan menggunakan sistem yang mudah termasuklah menggunakan sistem teknologi maklumat. Hasilnya amatlah berkesan kerana langkah ini telah diikuti oleh beberapa negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun usaha-usaha yang lebih gigih perlu

⁵⁹ H.Abu Ahmad Anshari Umar Sitanggal, *Sistem Ekonomi Islam : Prinsip-Prinsip dan Tujuan-Tujuannya, Alharamain Pte.Lte.*, Singapore, 1981, hlm. 12.

⁶⁰ Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 644-649.



Tabung Haji di Kuala Lumpur

diteruskan supaya sistem pentadbiran zakat ini dapat diseragam dan dikemaskinikan lagi.⁶¹

Salah satu kegiatan umat Islam yang juga merupakan salah satu rukun Islam yang kelima ialah menunaikan Fardhu Haji. Umat Islam di Malaysia menyimpan wang untuk tujuan ini di bank-bank yang terdedah dengan riba atau di rumah yang kurang selamat. Berikutan dari keadaan ini Prof. Ungku Aziz seorang ahli ekonomi Malaysia yang terkenal telah mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan institut kewangan untuk menyimpan wang bakal-bakal haji. Oleh itu pada tahun 1969 kerajaan telah menubuhkan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang terletak dibawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Tabung Haji ini mempunyai dua objektif yang penting. Pertama, ialah untuk menguruskan keperluan orang-orang Islam yang ingin menunaikan fardhu haji. Kedua, ialah untuk membolehkan umat

⁶¹ Nor Mohamed Ibrahim, *Teori, Amalan dan Posppek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996, hlm.133.



Pusat Zakat di Kuala Lumpur



Bank Islam Malaysia di Kuala Lumpur



PERKIM di Kuala Lumpur

Islam berjimat dan menguruskan penyimpanan wang dengan selamat dan seterusnya membuat pelaburan mengikut syariah.⁶²

Sambutan umat Islam di Malaysia ini kepada Tabung Haji amatlah menggalakkan. Peranan Tabung Haji telah meningkat dengan pesatnya dari masa ke semasa. Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya telah melibatkan aktiviti pelaburan di dalam berbagai sektor yang dibenarkan oleh syariah, seperti perusahaan, perladangan, harta-benda, pembangunan, kewangan, saham korporat dan lain-lain. Jumlah aset Tabung Haji pada tahun 2000 adalah

lebih dari RM 2 bilion. Dengan hasil pelaburan ini, Tabung Haji telah dapat menguruskan ahli-ahlinya menunaikan fardhu haji dengan baik, dan seterusnya berjaya memberi kadar pulangan memuaskan kepada ahli-ahlinya.⁶³

Di samping Tabung Haji, Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan *Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia* (YADIEM) yang dibawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1976. YADIEM ditubuhkan untuk mengumpulkan sebanyak mungkin pemberian sumbangan amal jariah dan sedekah dari semua

⁶² *Ibid.*, hlm. 114-116.

⁶³ *Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Laporan Tahunan 2000*, hlm.3.

sumber dan melaburnya mengikut syariah dengan tujuan untuk meninggikan lagi pencapaian ekonomi umat Islam di negara ini. Pendapatan dari pelaburan tersebut akan digunakan untuk membangunkan ekonomi umat Islam, melaksanakan aktiviti amal jariah, menjalankan kerja-kerja kebajikan dan lain-lain.

Salah satu perkara yang menjadi perbincangan masyarakat Islam di dunia termasuklah di Malaysia ialah masalah *riba*. Bagi mengatasinya, Kerajaan Persekutuan melalui Bank Negara telah menubuhkan *Bank Islam Malaysia Berhad* pada tahun 1983. Bank ini telah menjalankan aktiviti-aktivitinya berlandaskan syariah. Dengan penubuhan Bank Islam ini, rakyat Malaysia, termasuklah yang bukan Islam mempunyai dua pilihan, iaitu Bank Islam dan Bank Konvensional. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan bukan sahaja daripada kalangan umat Islam di negara ini tetapi juga daripada kalangan orang-orang bukan Islam. Banyak cawangan BIMB telah ditubuhkan di bandar-bandar besar dan kecil di seluruh negara.⁶⁴

Lantaran perkembangan BIMB yang menggalakkan ini pihak kerajaan telah mewujudkan satu skim yang dinamakan *Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)* pada tahun 1993. Skim ini bertujuan bagi membolehkan institusi-institusi kewangan konvensional menawarkan produk-produk dan kemudahan-kemudahan kewangan mengikut syariah. Berikutan perkembangan ini boleh dikatakan hampir semua institusi kewangan konvensional di negara ini telah menawarkan SPTF.⁶⁵ Kemudian pada tahun 1999 kerajaan telah menubuhkan *Bank Muamalat* di bawah Akta yang berasingan dengan BIMB. Bank Muamalat ini mengambilalih urusniaga SPTF yang selama ini dijalankan oleh Bank Bumiputra Commerce Berhad. Bank ini juga telah berkembang dengan baik dan menubuhkan cawangannya di seluruh negara. Di samping itu *Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)* telah pun menawarkan kemudahan kewangan mengikut syariah pada tahun 1993.

Bank Negara Malaysia juga telah memperkenalkan *pasaran wang antara bank secara Islam (Islamic interbank money market)* pada tahun 1994. aspek-aspek yang melibatkan pasaran wang ini ialah :

⁶⁴ Nor Mohamed Yakcob, *op. cit.*, hlm.52-53.

⁶⁵ *Ibid.*, 55-57.



Bank Rakyat Malaysia di Kuala Lumpur
(bank mengikut syariah yang juga mengurus pajak gadai Islam)



Takaful Nasional di Kuala Lumpur

- i. Urusniaga dalam alat-alat kewangan Islam antara bank;
- ii. Pelaburan antara bank secara bank; dan
- iii. Sistem penjelasan cek antara bank secara Islam.

Pasaran wang antara bank secara Islam yang diperkenalkan ini adalah yang terawal seumpama ini di dunia.⁶⁶

Penubuhan sistem perbankan konvensional dan perbankan secara Islam belum lagi dapat menampung keperluan keseluruhan masyarakat Islam terutama sekali di desa. Keperluan kredit kecilan dan jangka pendek bagi orang-orang Melayu berpendapatan rendah biasanya ditampung dengan berbagai cara kredit, dan di antaranya ialah *pajak gadai*. Institusi pajak gadai konvensional ini adalah bertentangan dengan Islam kerana bukan sahaja mengenakan riba, tetapi bagi memenuhi keperluan yang mendesak bagi mereka yang

⁶⁶ *Ibid.*, 58.

tidak mempunyai alternatif lain. Oleh hal yang demikian kerajaan telah memperkenalkan *sistem pajak gadai mengikut syariah* atau lebih dikenali dengan nama *ar-Rahn*. Bank Rakyat telah ditugaskan untuk menjalankan urusniaga skim *ar-Rahn* pada tahun 1993. Di samping Bank Rakyat, Permodalan Kelantan Berhad telah juga mengendalikan skim ini. Pada keseluruhannya skim *ar-Rahn* ini telah berkembang dengan pesat, kerana telah mendapat sambutan yang memuaskan bukan sahaja dari masyarakat Islam tetapi juga bukan Islam.⁶⁷

Satu lagi sistem ekonomi bertentangan dengan Islam ialah pada *insurans konvensional*. Oleh hal yang demikian kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan sistem insurans mengikut syariah yang dikenali dengan nama *Takaful*. Di atas permintaan kerajaan Bank Islam Malaysia telah menubuhkan *Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STM)*, dan telah memulakan operasinya pada tahun 1985. Penubuhan STM ini adalah bertujuan untuk menyediakan perlindungan dari malapetaka dan bencana, khasnya kepada masyarakat Islam dengan menggunakan mekanisme yang selaras dengan syariah. Dalam tempoh lebih dari 15 tahun semenjak penubuhannya, STM telah menyediakan pelbagai jenis insuran secara syariah termasuk pelan takaful keluarga yang memberikan perlindungan dalam bentuk bantuan kewangan sekiranya berlaku kemalangan atau kematian.⁶⁸

Sambutan takaful STM dikalangan umat Islam dan bukan Islam amatlah menggalakkan. Oleh itu, kerajaan telah membenarkan penubuhan satu lagi syarikat takaful iaitu dengan penubuhan anak syarikat *Malaysian National Insurance (MNI)* yang dinamakan *MNI-Takaful Sdn. Bhd. (MNIT)* yang mula beroperasi pada tahun 1993. Penubuhan satu lagi syarikat takaful ini adalah untuk menampung permintaan orang ramai, dan juga untuk mengwujudkan persaingan yang sihat dalam semangat kerjasama di kalangan kedua-dua syarikat takaful ini, dan diharapkan dapat membantu usaha kerajaan merencanakan industri insuran di negara ini.⁶⁹

⁶⁷ Aziz Nawati, "Sistem Gadaian ar-Rahn", Aidit Ghazali dan Sarimah Radzi (editor), *Bangsa Melayu dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau*, Institut Perkembangan Minda (INMIND), Kuala Lumpur, 1997, hlm. 119-127.

⁶⁸ Nur Muhamed Yacobi, *op.cit.*, hlm. 116

⁶⁹ *Ibid.*, hlm. 117.

Apabila sistem ekonomi Islam dibincangkan dari perspektif Wawasan 2020, ini bermakna kita membincangkan mengenai masa hadapan Islam dan umatnya di Malaysia dalam tempoh satu generasi akan datang. Ini adalah satu persoalan strategi yang penting dan merupakan intipati kepada kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada masa akan datang. Jika kita ingin terus meletakkan Islam sebagai tunggak kuasa yang berpengaruh dalam ertikata melahirkan masyarakat yang *rabbani*, kita perlulah terus merancang dan melaksanakan rangka kerja yang sistematik, inovatif dan berkesan. Kita penuh berkeyakinan, dengan komitmen yang berterusan daripada semua pihak, sama ada pihak yang berkuasa, institusi-institusi kewangan, pegawai-pegawai yang bertugas dalam sistem kewangan Islam dan umat Islam di Malaysia amnya, kita dapat terus memperkembangkan sistem kewangan Islam di Malaysia sehingga dapat mencapai lebih dari 60 peratus dari aktiviti-aktiviti sistem kewangan pada keseluruhannya di negara ini menjelang tahun 2020.

Menguatkan Sistem Perundangan Dan Pentadbiran Islam

Perundangan dan pentadbiran adalah merupakan soal pokok di dalam pembinaan sesebuah negara Islam, di dalam al-Quran dan al-Hadith terdapat banyak ayat-ayat yang menyentuh secara langsung tentang perkara ini. Salah satu ayat al-Quran adalah seperti yang maksudnya di bawah ini :

"Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab al-Quran dengan membawa kebenaran untuk mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka hukumlah di antara mereka itu dengan apa yang diturunkan oleh Allah kepadamu dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dengan menyeleweng dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan suatu Syariah dan jalan agama yang wajib diikuti oleh masing-masing. Dan kalau Allah menghendaki nescaya Allah jadikan kamu satu umat yang bersatu, tetapi ia hendak menguji kamu dalam menjalankan apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu

berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Allah akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya."⁷⁰

Dari Amr ibn Al-As diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda maskudnya:

*"Apabila seorang hakim membuat keputusan selepas ia telah berusaha sebaik-baiknya untuk membuat keputusan yang betul, ia akan diberi dua pahala; dan apabila ia membuat keputusan selepas berusaha sebaik-baiknya akan tetapi keputusan itu salah, ia akan mendapat satu pahala."*⁷¹

Sebagaimana yang dihuraikan di permulaan di atas bahawa perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan pentadbiran hal-ehwal agama Islam Malaysia ini adalah di bawah kerajaan negeri-negeri. Undang-undang Islam yang berkaitan dengan masalah-masalah perkahwinan, penceraian, kegiatan keagamaan dan masalah warisan telah diwujudkan semenjak zaman penjajahan British lagi. Setelah merdeka kerajaan persekutuan dan negeri-negeri telah mendapati banyak kelemahan di dalam sistem undang-undang dan pentadbiran hal-ehwal agama Islam di negara ini. *Pertama*, terdapat perbezaan atau ketidakseragaman sistem perundangan dan pentadbiran Islam di antara negeri-negeri. *Kedua*, kedudukan Mahkamah Syariah lebih rendah dari Mahkamah Sivil, dan sesetengah kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah boleh dibatalkan oleh Mahkamah Sivil. *Ketiga*, kedudukan institusi Mufti, Mahkamah Syariah dan pentadbiran agama Islam di bawah satu institusi pentadbiran, iaitu Majlis Agama Islam Negeri. Kadi mempunyai bidangkuasa sebagai ketua pentadbir dan Hakim Mahkamah. *Keempat*, Bidangkuasa Mahkamah Syariah begitu terhad.⁷²

Bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut Kerajaan Persekutuan dengan disokong oleh kerajaan negeri-negeri telah mengatur beberapa langkah yang tertentu. Diantaranya yang

⁷⁰ Al-Quran : Surah Al-Maidah, 5:48.

⁷¹ Al-Hadith : Sunan Abu Daud, Kitab Al-Aqdiyyah.

⁷² Ahmad Muhamed Ibrahim, *op.cit.*, hlm. 42-43.

terpenting ialah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Teknikal Undang-Undang yang sekretariatnya di Bahagian Hal-Ehwal Agama Islam (BAHEIS) (sekarang JAKIM) di Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan-tujuan seperti berikut. *Pertama*, mengkaji dan mengenalpasti undang-undang mengenai pentadbiran hal-ehwal Islam di seluruh negara bagi tujuan penyelarasan atau penyeragaman. *Kedua*, menyediakan undang-undang atau peraturan-peraturan serta prosedur-prosedur yang belum ada dan diperlukan untuk diterima pakai. Langkah ini lebih mudah dari meminda undang-undang atau peraturan yang sedia ada, terutama sekali yang menyentuh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri. Pihak Jawatankuasa juga turut mengkaji Undang-Undang Sivil tertentu supaya ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.⁷³

Lanjutan daripada tindakan-tindakan ini pada tahun 1984, Akta Mahkamah Syariah Bidanguasa Jenayah (Pindaan) 1984 telah diluluskan oleh Parlimen. Pindaan ini telah memberikan kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat iaitu penjara sehingga tiga tahun, atau denda sehingga RM 5,000 atau sebat enam rotan atau kedua-duanya sekali. Akta ini ialah pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah Bidanguasa Jenayah 1965 yang memperuntukkan apa-apa kesalahan hanya boleh dihukum penjara untuk satu tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM 1,000 atau kedua-duanya sekali.⁷⁴

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan sistem perundangan Islam terus dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 1988, kerajaan telah membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta 704) Perkara 121. Dalam Perkara 121 (1) ditetapkan dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidanguasa dan tarafnya, iaitu : (a) Satu di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Tanah Melayu dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur, dan (b) Satu di negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Borneo dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftaran di mana-mana tempat di negeri-negeri Sabah dan

⁷³ Mohamed Saedon A. Othman, *Institut Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 259-260.

⁷⁴ *Ibid.*, hlm. 242.

Sarawak sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Persekutuan, dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Mahkamah-Mahkamah Bawah hendaklah mempunyai apa-apa bidangkuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah Undang-Undang Persekutuan. Dalam Perkara 121 (1A) pula dinyatakan bahawa mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa Mahkamah Syariah. Berdasarkan pindaan ini percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dapat dielakkan. Ini bermakna Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa yang berasingan. Pindaan Perlembagaan ini juga telah menaikkan taraf Mahkamah Syariah sehingga tidak dipandang lebih rendah berbanding Mahkamah Sivil.⁷⁵ Beberapa perkembangan lain yang menggalakkan yang berkaitan dengan sistem perundangan Islam di negara ini juga telah berlaku di dalam tahun 1980an. Di antaranya ialah kerajaan setiap negeri telah menerima cadangan daripada kerajaan pusat untuk melaksanakan enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang baru yang memisahkan kuasa Majlis Islam, Institusi Mufti dan Mahkamah Syariah. Disamping itu, struktur Mahkamah Syariah telah disusun semula menjadi tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Setiap rayuan boleh dibuat dari Mahkamah Rendah Syariah. Serentak dengan perubahan ini taraf dan profesionalisme hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah telah dipertingkatkan lagi. Mereka telah diberi kursus-kursus undang-undang dan pentadbiran Islam yang diadakan dari masa ke semasa termasuklah kursus diploma undang-undang dan kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).⁷⁶

Satu lagi perkembangan yang memberangsangkan yang berkaitan dengan perkhidmatan awam negara ialah pelaksanaan Dasar Penerangan Nilai-Nilai Islam di dalam Pentadbiran Awam Malaysia

⁷⁵ Sila lihat *Perlembagaan Persekutuan*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 2003, Bahagian 9, Perkara 121, hlm. 165-166. Perkara ini juga boleh dilihat di dalam buku Ahmad Mohamed Ibrahim, *op.cit.*, hlm. 42-43.

⁷⁶ Sharifah Zaleha Syed Hassan & Seven Crederron, *Managing Marital Disrytes in Malaysia : Islamic Mediators and Conflict Resolusion in the Syariah Court*, Curzan Press Ltd. & Nordic Institute at Asian Studies : Surrey, 1997, hlm. 36. Juga sila lihat buku Ahmad Mohamed Ibrahim, *op.cit.*, hlm. 137 - 138.

yang dimulakan pada tahun 1985. Dasar ini adalah bagi menegakkan nilai-nilai Islam yang bersifat universal atau sejagat, iaitu nilai-nilai yang boleh diterima oleh semua penganut agama. Objektif-objektif dasar tersebut adalah seperti berikut. *Pertama*, menanam semangat cintakan nilai-nilai sesuai dalam Islam. *Kedua*, menyukai dan menggalakkan kebaikan dan membenci serta mencegah keburukan. *Ketiga*, membentuk sikap yang berguna kepada negara. *Keempat*, menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. *Kelima*, menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. *Kenam*, melatih diri dengan disiplin. Dan *ketujuh*, menjalankan amanah dengan dedikasi.⁷⁷

Pentadbiran awam dijadikan landasan pertama dalam usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam universal dalam keseluruhan cara hidup masyarakat di Malaysia. Ini adalah kerana pentadbiran awam dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan segala dasar dan projek-projek pembangunan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dari membangunkan negara. Perkhidmatan awam secara kolektif melaksanakan tugas sebagai *Khalifah Allah* untuk memakmurkan dunia dan mencari keredhaan Allah. Justeru itu, setiap anggota perkhidmatan awam mestilah melaksanakan tugas tersebut selaras dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Allah sebagai pentadbir mutlak seluruh alam ini.⁷⁸

Usaha untuk membangunkan negara perlu dilihat sebagai satu amanah kerana tugas ini melibatkan pengurusan sumber manusia, masa, harta dan wang negara serta orang ramai. Pentadbir-pentadbir yang melengah-lengahkan kerja akan membazirkan masa dan wang rakyat. Demikian juga pentadbir-pentadbir yang tidak cekap atau tidak bertanggungjawab terhadap tugas-tugas yang diamanahkan, atau anggota-anggota perkhidmatan awam yang tidak akur kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Allah dalam menunaikan tanggungjawab ini, misalnya melakukan penyelewengan, menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan, bersikap sambil lewa, tidak bersungguh-sungguh, tidak memelihara alam sekitar dan

⁷⁷ Citra Karya : *Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur, 1994, hlm. 19-20.

⁷⁸ *Ibid.*, hlm. 107.

lain-lain kerja yang bersifat negatif bukan sahaja akan menjejaskan pencapaian pembangunan negara, malah akan membawa bencana kepada mereka dan Allah akan membalas dengan azab di akhirat kelak.

Walaupun dasar ini menonjolkan nilai-nilai Islam, tetapi pengamalannya tidak terhad kepada orang-orang Islam, malah juga sesuai bagi semua penganut agama kerana ia bersifat nilai-nilai murni yang universal atau sejagat. Nilai-nilai murni yang menjadi fokus dasar ini ialah *sebelas* nilai, iaitu : *amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisplin, berkerjasama, berbudi mulia dan bersyukur*.

Di dalam melaksanakan undang-undang Islam atau urusan negara ini kita seharusnya mengikut jejak langkah Khalifah Umar bin Abdul Aziz (717-720M). Khalifah Bani Umaiyah yang kelapan yang memerintah negara mengikut Al-Quran dan As Sunnah yang pernah menasihatkan puteranya Abdul Malik demikian apabila ia (Abdul Malik) bertanya kepada ayahandanya (Khalifah Umar Abdul Aziz) mengapa beliau melaksanakan pemerintahan secara berperingkat-peringkat dan tidak sekaligus :

"Wahai anakku engkau tidak perlu terburu-buru seperti itu, kerana Allah mencela khamr di dalam Al-Quran sebanyak dua kali, dan ketiga kalinya baru mengharamkannya. Aku khawatir jika harus membebaskan kebenaran kepada manusia dan menyeru mereka sekaligus, tapi justeru kemudian mereka meninggalkannya sekaligus dan yang demikian itu adalah bencana !!!"⁷⁹

Penglibatan Malaysia Dalam Dunia Islam

- Semenjak mencapai kemerdekaan hinggalah ke hari ini, Malaysia telah banyak memainkan peranan penting diperingkat antarabangsa melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB), ASEAN, Organisation of Islamic Conference (OIC) dan lain-lain. Malaysia juga adalah merupakan negara Islam yang sangat dihormati oleh negara-negara Islam yang lain

⁷⁹ Yusuf Al-Qardhawy, *Pedoman Bernegara : Dalam Perspektif Islam*, Pustaka Al-Kautsar, Jakarta, 1999, hlm. 295.

kerana peranannya memperjuangkan kepentingan umat Islam diperingkat antarabangsa. Malaysia telah menghantar perwakilannya menghadiri kongres-kongres dan persidangan-persidangan Islam di peringkat antarabangsa. Di samping itu Malaysia juga telah banyak mengadakan persidangan Islam di peringkat antarabangsa. Kemuncak dari kegiatan-kegiatan di peringkat antarabangsa ini, Malaysia telah mendapat satu penghormatan yang besar apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dilantik sebagai Setiausaha Agung yang pertama *Pertubuhan Islam Sedunia* yang sekarang ini dikenali sebagai OIC (*Organisation of the Islamic Conference*) yang ditubuhkan pada 25 September 1969 di Rabat Morocco sebagai menyahut seruan Al Marhum Raja Faysal ibn Abdul Aziz Raja Saudi Arabia untuk menyatupadukan dunia Islam. Disamping Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Pertama, Tun Abdul Razak Hussain Perdana Menteri Kedua dan Tun Husain Onn Perdana Menteri Ketiga juga memainkan peranan penting memperjuangkan kepentingan Islam diperingkat antarabangsa.⁸⁰

Tun Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia semasa menjadi Perdana Menteri adalah pemimpin negara Islam dan Dunia Ketiga yang unggul dan sangat dihormati oleh pemimpin-pemimpin dunia secara keseluruhan kerana peranannya yang begitu besar di dalam memperjuangkan kepentingan Dunia Ketiga dan Dunia Islam. Ramai pemimpin Islam yang telah mengiktiraf bahawa Malaysia adalah merupakan model negara Islam yang berjaya di kalangan 57 negara yang menganggotai pertubuhan OIC.⁸¹ Kerajaan Malaysia menganjurkan Persidangan Kemuncak Negara-Negara Islam (OIC) ke 10 pada 11-18 Oktober 2003 di Putrajaya. Ia telah mengkagumkan bukan sahaja anggota-anggota OIC tetapi juga negara-negara lain di seluruh dunia. Tun Dr Mahathir Mohamad pada ketika itu adalah pemimpin negara Islam dan Dunia Ketiga banyak menyuarakan kepentingan negara-negara tersebut melalui persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa sama ada yang dianjurkan oleh PBB, OIC

⁸⁰ Dasuku Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 567.

⁸¹ Surin Pitsuwan, "Imperialism, Globalisation and the Muslim World", dalam *Himpunan Kertas Kerja : Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002, hln. 9.

ataupun forum-forum lain. Melalui cara ini, beliau akan dapat memantapkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan seterusnya merealisasikan Wawasan 2020.

Di antara isu-isu penting yang menyentuh kepentingan Dunia Islam yang berpenduduk 1.3 billion orang yang beliau sering perjuangkan ialah : *Pertama*, masalah penderitaan rakyat Iraq akibat sekatan ekonomi yang berpanjangan oleh PBB (anjuran Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya) selepas Perang Teluk pada tahun 1991. *Kedua*, kekejaman penganas Serb yang mahu menghapuskan orang-orang Islam Bosnia dan ethnik Bosnia itu sendiri dari bumi Eropah pada tahun 1992. *Ketiga*, masalah penderitaan rakyat Somalia akibat perang saudara dan permainan kuasa-kuasa besar, Amerika Syarikat dan Rusia pada tahun 1990. *Keempat*, masalah keganasan dan kezaliman Israel terhadap orang-orang Palestin yang berjuang untuk mendapatkan sebuah negara Palestin di bumi mereka sendiri. *Kelima*, menghapuskan tuduhan-tuduhan Barat yang menyamakan Islam dengan keganasan berikutan peristiwa pengeboman bangunan World Trade Centre (WTC) di New York dan bangunan Pentagon di Washington pada 11 September 2001. Akibat dari peristiwa ini Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan apa yang disebut sebagai "memerangi keganasan" di seluruh dunia dengan menakluki Afghanistan dan Iraq yang dianggap sebagai pusat (paksi) rangkaian penganas Al-Qaidah, yang membawa kesan beribu-ibu rakyat Afghanistan dan Iraq yang tidak berdosa terkorban. Amerika Syarikat dan sekutunya menuduh bahawa keganasan itu dan lain-lain keganasan diseluruh dunia dilakukan oleh orang-orang Islam, dan menyamakan Islam dengan keganasan. Malaysia dengan lantang telah menyuarakan melalui forum-forum antarabangsa bahawa Islam tidak boleh disamakan dengan keganasan, kerana ajaran Islam adalah menentang keganasan dan menganjurkan keamanan serta kesejahteraan. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyarankan agar masyarakat antarabangsa melalui PBB umpamanya mengubal takrif apakah itu "keganasan". Ketegasan beliau ini telah mendapat reaksi yang positif daripada pemimpin-pemimpin dunia. OIC telah memilih beliau menjadi jurucakap OIC dalam menyuarakan isu Palestin dan keganasan di peringkat antarabangsa. Perdana Menteri British, Tony Blair, Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Pope John Poul II, Ketua Gereja Katolik di Vitican City dan lain-lain telah

menjemput beliau mengadakan rundingan dengan mereka. Dalam pertemuan itu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berpeluang menerangkan kepada mereka tentang "Islam dan keganasan" dan seterusnya bagaimanakah caranya yang berkesan untuk menyelesaikan perang Israel-Palestin yang tidak berkesudahan itu. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sekarang yang mempunyai ketokohan kepimpinan yang tinggi dan pengalaman yang begitu luas di dalam bidang pentadbiran, politik dan antarabangsa yang kini menjadi Ketua OIC sudah pasti akan dapat membawa OIC ke mercu kegemilangan.

Kegiatan – Kegiatan Dakwah di Malaysia

Istilah *dakwah* berasal dari perkataan Arab *da'a* yang bererti *menyeru*. Dalam konteks ini dakwah bermakna, seorang Muslim berkewajipan menyeru manusia kepada jalan Allah, dan seterusnya mengajak orang yang sudah beragama Islam meningkatkan lagi keimanan mereka. Allah berfirman :

*"Dan hendaklah ada di antara kamu sekalian satu umat yang menyeru (manusia) kepada kebaikan, dan menyeru dengan amalan ma'aruf (kebaikan), dan melarang dari amalan mungkar (kejahatan) dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."*⁸²

Di samping itu Rasulullah s.a.w. bersabda :

*"Sampaikan oleh kamu dariku walaupun hanya satu ayat, dan barang siapa telah berdusta terhadapku dengan sengaja, maka bererti ia menempah tempat di neraka."*⁸³

Perkembangan dakwah di Malaysia, samalah seperti di tempat-tempat lain di dunia ini, telah berlaku semenjak kedatangan Islam lagi. Pada umumnya kegiatan-kegiatan dakwah di Malaysia adalah dilakukan melalui berbagai-bagai cara seperti berikut:

⁸² Al-Quran, surah al-Maidah: 401.

⁸³ Al-Hadith, riwayat al-Bukhari.

- 1) Melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan juga Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri.
- 2) Melalui Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain seperti Kementerian-kementerian Penerangan, Pendidikan, Belia dan Sukan dan lain-lain.
- 3) Melalui institusi-institusi kerajaan yang lain seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan lain-lain.
- 4) Kegiatan-kegiatan dakwah yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela.
- 5) Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh individu-individu atau yang kini dikenali dengan nama pendakwah bebas, seperti Ustaz Uthman El-Muhammady.

Kerajaan persekutuan melalui JAKIM dan juga kerajaan-kerajaan negeri melalui Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri telah banyak menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah di seluruh negara. JAKIM dan Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri adalah merupakan badan induk kerajaan negeri dan persekutuan yang menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah ini. JAKIM mempunyai Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) yang berperanan untuk melatih pendakwah-pendakwah dan juga menjalankan latihan dakwah yang berbentuk kursus dan ceramah untuk pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai badan sukarela dan lain-lain. Sementara itu Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri pula mempunyai unit atau bahagian dakwah yang menjalankan dakwah ini untuk orang-orang Islam dan bukan Islam. JAKIM dan Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri juga menjadi urusetia acara-acara sambutan keagamaan yang dijalankan sepanjang masa seperti: Musabaqah al-Quran, Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Sambutan Ramadhan, mengadakan seminar-seminar dan lain-lain.

Di samping itu, jabatan-jabatan kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Pendidikan, Pertahanan dan lain-lain juga menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah. Kementerian Penerangan yang menguasai

media massa khususnya radio dan televisyen dapat menyampaikan seluas-luasnya kepada rakyat program-program dakwah seperti ceramah, forum agama, bacaan Al-Quran, pembacaan khutbah Jumaat, nasyid-nasyid dan lain-lain. Kementerian Pendidikan juga telah banyak mengatur program dakwah untuk sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi seperti mengadakan program-program musabaqah al-Quran, seminar-seminar, kursus-kursus, ceramah dan lain-lain. Begitu juga Kementerian Pertahanan, Belia dan Sukan dan lain-lain juga menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah ini.

Sementara itu, kerajaan juga mempunyai berbagai-bagai institusi yang juga mengatur program-program dakwah ini. Sebagai contoh *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)* yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1992 adalah bertujuan untuk menerangkan kepada rakyat tentang kekeliruan dikalangan orang-orang Islam dan bukan Islam tentang Islam. IKIM telah banyak menjalankan program-program yang bercorak seminar, penyelidikan dan penerbitan untuk mencapai objektif ini. Program-program IKIM ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Satu lagi contoh institusi yang juga menjalankan kegiatan yang bercorak dakwah ini ialah *Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)*. IKSEP ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 1994 adalah bertujuan untuk membantu kerajaan memperkukuhkan lagi semangat patriotisme di kalangan rakyat negara ini terutamanya sekali golongan muda. Kegiatan IKSEP adalah tertumpu kepada membuat penyelidikan, konvensyen, latihan dan seminar. Program penting yang berkaitan dengan perjuangan Islam ialah mulai tahun 2000 telah menganjurkan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (KDMDI) yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk mengwujudkan kesatuan dan perpaduan diantara negara-negara Islam dan juga umat Melayu dan Islam di seluruh dunia.²⁴

²⁴ Untuk keterangan lanjut mengenai IKIM sila lihat *Ensiklopedia Malaysian*, Jilid 6, 1-Kelihatan, Edisi 1966, Anzagain Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 118-119. Untuk IKSEP sila lihat brocer-brocer mengenai IKSEP yang diterbitkan tiap-tiap tahun seperti *Program-Program IKSEP Tahun 2002*.

Satu lagi institusi penting yang memainkan peranan penting di dalam gerakan dakwah di mana-mana di dunia ini ialah badan-badan sukarela yang berlandaskan Islam (NGO). Di Malaysia terdapat banyak badan dakwah (yang bercorak *Non-Confrontation dan non-partisan*). Di antaranya ialah:

- 1) Persatuan Ulama Malaysia (PUM)
- 2) Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
- 3) Jamiyah Dakwah Islamiah Selangor
- 4) Persekutuan Seruan Islam Malaysia
- 5) Jamaah Tabligh
- 6) Darul Arqam
- 7) Al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia
- 8) Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
- 9) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- 10) Jemaah Islam Malaysia (JIM)
- 11) Akademi Sains Islam Malaysia (ASAS)
- 12) Pertubuhan Islam Sabah Bersatu (USIA)
- 13) Angkatan Nahdatul Islam Bersatu Sarawak (BINA)
- 14) Gabungan Penulis-Penulis Islam Malaysia (GAPIM)
- 15) Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT)
- 16) Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia
- 17) Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia
- 18) Sister in Islam (SIS)
- 19) Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- 20) Majlis Syura Dakwah Islamiah Malaysia

Di antara pertubuhan-pertubuhan dakwah di atas banyak yang aktif, dan banyak juga yang kurang aktif. Di bawah ini diuraikan lima buah badan Islam sebagai contoh *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)* yang ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama pada tahun 1960 adalah di antara badan dakwah yang aktif di negara ini. PERKIM ditubuhkan adalah untuk berdakwah kepada orang-orang bukan Islam supaya menganut agama Islam dan seterusnya untuk berdakwah kepada orang-orang Islam sendiri. PERKIM mempunyai bangunan sendiri di Kuala Lumpur dan di sesetengah negeri, mempunyai pusat latihan dakwah sendiri, bahagian penerbitan buku-buku

agama, klinik-klinik perubatan dan lain-lain. PERKIM juga telah berjaya menarik orang-orang bukan Islam memasuki Islam. Sehingga tahun 2000 lebih daripada 100,000 orang bukan Islam daripada berbagai bangsa termasuklah orang-orang Barat telah memeluk Islam melalui PERKIM.⁸⁵

Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) adalah merupakan badan Pelajar Islam yang berjaya. PKPIM juga adalah merupakan badan induk bagi pelajar-pelajar Islam di Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 1961 di Asrama Kedua, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. PKPIM dianggotai oleh 11 buah badan gabungan yang terdiri daripada persatuan-persatuan pelajar Islam di pusat-pusat pengajian tinggi dan persatuan pelajar Islam negeri-negeri. Objektif PKPIM ialah untuk menjadi badan yang mewakili pelajar-pelajar Islam Malaysia di dalam melaksanakan cita-cita Islamiah yang berlandaskan Islam sebagai Ad-Din; berusaha meninggi dan menyuburkan budaya ilmu dan mutu akademik pelajar Islam; merapatkan tali persaudaraan ukhuwah Islamiah di kalangan pelajar-pelajar Islam dalam dan luar negara; serta mengadakan perhubungan dengan badan-badan lain yang sesuai. Aktiviti-aktiviti PKPIM adalah tertumpu kepada : *Pertama*, program-program asas, iaitu program usrah dan muzakarah untuk pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PKPIM. *Kedua*, program-program kaderisasi, iaitu siri latihan kepimpinan di peringkat sekolah, maktab dan universiti. *Ketiga*, program-program umum, iaitu program-program seperti Projek Bakti Masyarakat, lawatan, seminar, forum, ceramah dan perbincangan berkumpulan.⁸⁶

Satu lagi badan dakwah yang terkenal di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa ialah *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)*. ABIM telah ditubuhkan oleh PKPIM pada tahun 1972, pada mulanya

⁸⁵ Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, *op.cit.*, hlm. 186, dan juga, "Dakwah kepada Non-Muslim : Masalah dan Cabarannya" oleh Ibrahim Che Noh dalam Sidi Gazalba dan Zainab Islam (penyuntong), *Dakwah Islamiah Malaysia* : Masa Kini, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hlm. 87-91.

⁸⁶ Untuk keterangan lanjut mengenai PKPIM sila lihat Muhammad Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 40, dan juga Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among Student*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, Selangor, 1987, hlm. 16.

bertujuan untuk menjadi wadah kepada bekas ahli-ahli PKPIM menyambung perjuangan mereka setelah menamatkan pengajian tinggi. Kemudian objektif perjuangan ABIM telah diluaskan skopnya, iaitu perjuangan yang berlandaskan Islam sebagai *Ad-Din*. Perlembagaan ABIM menerangkan dengan jelasnya objektif dan tujuan ABIM di antaranya ialah: *Pertama*, menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah selaras dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasul. *Kedua*, menjalankan dakwah Islamiah dengan syarat mendapat kebenaran dari Jabatan Agama Islam Negeri. *Ketiga*, menggembeling tenaga belia Islam seluruhnya untuk sama-sama berkerjasama memberi bantuan dan sokongan untuk meningkatkan taraf hidup di semua lapangan termasuk sosial, pendidikan, kebudayaan, falsafah dan teknologi. *Keempat*, mewakili belia-belia Islam di persidangan dalam dan luar negeri. *Kelima*, menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang berlandaskan al-Quran dan As-Sunnah. Kegiatan-kegiatan ABIM adalah tertumpu kepada mengadakan usrah dan muzakarah, mengadakan seminar dan konvensyen, memperjuangkan kepentingan umat Islam di seluruh dunia, menubuhkan *Islamic Outreach - ABIM (IOA)* yang bertujuan untuk membantu saudara-saudara baru dan orang-orang bukan Islam memahami Islam, mengadakan penerbitan buku-buku dan lain-lain.⁸⁷

Di samping itu, *Jemaah Islam Malaysia (JIM)*, yang ditubuhkan pada tahun 1989 juga merupakan badan dakwah yang aktif di negara ini. Penubuhan JIM adalah juga sebagai kesinambungan daripada penglibatan pelajar-pelajar Islam Malaysia yang belajar di luar negara dan aktif di dalam pertubuhan-pertubuhan pelajar Islam seperti *Malaysia Islamic Study Group (MISG)* dan *Islamic Representation Council (IRC)* di *United Kingdom*, *Muslim Students Association of America (MSA)*, Persatuan pelajar-pelajar di Timur Tengah dan lain-lain. Dasar perjuangan JIM adalah juga untuk memperjuangkan Islam sebagai *Ad-Din*. Corak kegiatannya adalah seperti badan-badan lain umpamanya mengadakan usrah, seminar, ceramah, menganjurkan

⁸⁷ Untuk keterangan lanjut mengenai ABIM ini sila lihat *Buku 25 Tahun Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)*, Penerbitan ABIM, Ibu Pejabat ABIM, Petaling Jaya, Selangor, 1996.


program-program khidmat kebajikan, menerbitkan buku-buku dan lain-lain.⁸⁸

Kerajaan Persekutuan melalui BAHEIS (sekarang JAKIM) juga telah menubuhkan sebuah yayasan dakwah yang diberi nama *Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM)* pada tahun 1973. Tugas utama YADIM ialah untuk menyelaraskan berbagai pertubuhan sukarela Islam di Malaysia. Walaupun YADIM diletakkan di bawah JAKIM tetapi ia mempunyai kuasa otonomi sendiri. YADIM menjalankan kerja-kerja menyelaraskan kegiatan-kegiatan badan-badan dakwah Islam ini dengan menjadi urusetia kepada *Majlis Syura Dakwah Islamiah Malaysia* yang ditubuhkan dengan inisiatif JAKIM pada tahun 1979. Di antara kegiatan YADIM ialah memberi kerjasama kepada badan-badan dakwah, mengadakan muzakarah, seminar, penerbitan dan lain-lain.⁸⁹ Sambutan rakyat Malaysia dan luar negara terhadap kegiatan-kegiatan badan-badan dakwah yang disebutkan di atas tadi amatlah memuaskan. Badan-badan sukarela Islam ini juga telah banyak memberi sumbangan di dalam mengisi agenda Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

⁸⁸ Untuk keterangan lanjut mengenai JIM sila lihat, "Politik dalam Gerakan Islam di Malaysia", Syed Azman Syed Muhammad dalam Abdul Ghafar Don, Barhanuddin Abdullah dan Zulkiple Abdul Ghani, dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2000, hlm. 185-186.

⁸⁹ Sila lihat Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, *op.cit.*, hlm. 186.

KEMAJUAN ISLAM DI MELAKA HARI INI ¹



Kedudukan agama Islam di negeri Melaka seperti juga di negeri-negeri lain di Malaysia telah dapat dimartabatkan ke taraf yang sewajarnya setelah negara ini mencapai kemerdekaan. Majlis dan Jabatan Agama Islam Melaka yang merupakan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab secara langsung di dalam pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Melaka telah pun dikemaskini dan dipertingkatkan lagi. Sistem pentadbiran dan perundangan Islam, pendidikan Islam, dakwah, pentadbiran zakat, pentadbiran masjid dan surau dan sistem ekonomi Islam telah disusun semula dan diperbaiki. Pemimpin-pemimpin negeri Melaka telah banyak menjalankan usaha-usaha untuk meninggikan lagi syiar Islam di negeri ini. Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka sekarang mempunyai wawasan supaya zaman kegemilangan Islam pada masa yang lampau di negeri Melaka dapat dikembalikan. Selain dari pelaksanaan rancangan-rancangan agama Islam seperti yang tersebut di atas beliau juga telah mencetuskan gagasan baru iaitu mengadakan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam dengan Melaka sebagai sekretariatnya. Negeri Melaka juga mempunyai Pelan Induk Pembangunan Islam yang diselaraskan dan dipantau pelaksanaannya oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM).


¹ Bab "Kemajuan Islam di Melaka Hari Ini" adalah mengandungi penulisan secara ringkas mengenai perkembangan Islam di Melaka semenjak Malaysia merdeka hinggalah ke tarikh bab ini ditulis iaitu bulan Oktober 2003.

Pentadbiran dan Perundangan Islam di Melaka

Pada zaman British, pentadbiran dan undang-undang British telah mengambilalih sebahagian besar pentadbiran dan undang-undang di negeri-negeri di Tanah Melayu dan juga Sabah dan Sarawak. Akta Undang-Undang Sivil yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1937 telah memberi kedudukan istimewa kepada Undang-Undang British (*Common Law*) dan memperkecilkan peranan undang-undang Islam dan institusi kehakimannya. Pihak British dengan jelas telah menolak syariat sebagai asas undang-undang negeri-negeri. Semua pentadbiran dan undang-undang Islam telah diletakkan di bawah satu pentadbiran iaitu di bawah Majlis Hal-Ehwal Agama Islam dengan Raja-Raja Melayu sebagai Ketuanya. Ini termasuklah pentadbiran am, kewangan, pendidikan, zakat, haji, pejabat mufti, mahkamah syariah dan lain-lain.²

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan agama Islam menjadi agama rasmi negara, kedudukan pentadbiran dan undang-undang Islam telah dikemaskinikan secara berperingkat-peringkat. Berbagai-bagai usaha telah dibuat untuk meningkatkan lagi sistem pentadbiran dan perundangan Islam di negara ini. Kerajaan Negeri Melaka telah menubuhkan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) pada tahun 1960 untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri ini. Berlanjutan dengan ini pihak Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen telah meluluskan Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah (Pindaan) 1984 yang memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk menyusun dan meningkatkan struktur Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat serta mengadakan penyelarasan mengenai perkara ini diseluruh negara. Struktur mahkamah tersebut ialah Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Pindaan ini juga memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat, selain dari denda, termasuklah penjara tiga tahun dan sebat enam kali. Selain itu, pindaan ini juga telah menjadikan Mahkamah Syariah bebas dari gangguan Mahkamah Sivil dan kawalan Majlis Agama Islam, dan

² Hooker, M.B., *Islam in South East Asia*, E. J. Brill, Laiden, 1983, hlm. 172.



Peta Negeri Melaka



Masjid Al-Azim, Melaka siap dibina pada tahun 1990



Kompleks Seri Negeri Melaka yang bercirikan senibina Melayu Melaka



Masjid Peringgit masjid tertua di Melaka siap
dibina pada tahun 1720M



Masjid Tengkerah siap dibina pada tahun 1728M



Masjid Kampung Hulu yang siap dibina pada tahun 1728M



Masjid Kampung Keling yang siap dibina pada tahun 1748M

Mahkamah Syariah tidak lagi dipandang rendah berbanding dengan Mahkamah Sivil.³

Sesuai dengan keputusan kerajaan untuk meningkatkan sistem pentadbiran dan perundangan Islam tersebut, Kerajaan Negeri Melaka seperti juga kerajaan negeri-negeri lain telah membuat beberapa perubahan, pada tahun 1984, struktur Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah disusun semula agar lebih berkesan dan berwibawa. Sehubungan dengan itu pada tahun 1986, dari segi struktur organisasi MAIM telah dipisahkan dari Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), sehinggalah MAIM menjadi sebuah badan yang bebas dan tidak terletak di bawah kawalan mana-mana pihak. MAIM bertanggungjawab dalam membuat dasar dan memberi nasihat kepada Yang DiPertuan Agong dalam perkara hal ehwal agama Islam kerana baginda adalah Ketua Agama bagi negeri Melaka. MAIM juga bertanggungjawab dalam hal-hal seperti wakaf dan nazar, zakat dan fitrah, pungutan khairat, pemegang amanah semua masjid dan perkara mengenai pemelukan agama Islam.⁴

Manakala JAIM pula, semenjak penubuhannya sehinggalah kini telah memainkan peranan penting dalam menentukan perjalanan pentadbiran hal ehwal agama Islam dan hukum Syarak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Matlamat utama JAIM ialah untuk memastikan syariat Islam dapat diamalkan dengan sempurna oleh seluruh umat Islam dan seterusnya agama Islam dihormati oleh semua rakyat di negeri ini. Pada tahun 1986 itu juga pentadbiran JAIM telah diperkemaskinikan lagi selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kemajuan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Malaysia untuk memperbaiki lagi taraf perjawatan dan peranan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Dengan penyusunan semula itu MAIM, JAIM, Mahkamah Syariah dan Pejabat Muftri telah berasingan di antara satu sama lain. Dari segi undang-undang Ketua Menteri Melaka adalah menjadi Yang Di Pertua MAIM, sementara organisasi JAIM adalah diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri. Oleh hal yang demikian di bawah struktur ini, segala dasar yang diputuskan oleh MAIM dan kemudian akan dilaksanakan

³ Mahmud Saedon A. Othman, *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 242.

⁴ *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak* (Negeri Melaka) 1991, Seksyen 38, 49, 52-62 dan 74.

oleh JAIM perlu terlebih dahulu dimaklumkan kepada Jabatan Ketua Menteri. Dengan kaedah ini, perjalanan pentadbiran hal ehwal agama Islam negeri Melaka akan lebih terselaras dan berkesan lagi.⁵

Di samping itu, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1994 telah memberi kuasa kepada MAIM untuk menubuhkan syarikat di bawahnya bagi menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan yang selaras dengan hukum syarak. Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam Enakmen tersebut, MAIM telah menubuhkan syarikat perniagaannya yang diberi nama *MAIM Holdings Berhad (MHB)* pada tahun 1995. Syarikat ini telah menjalankan kegiatannya seperti di dalam bidang pembinaan, pembekalan, makanan, pемembaraan (*travel*) dan lain-lain.⁶

Di pihak lain pula JAIM mempunyai lapan bahagian pentadbiran, iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Pendidikan, Dakwah, Undang-Undang Syariah, Penyelidikan, Pendakwaan, Penguatkuasaan dan Masjid Al-Azim. Dalam pada itu di bawah JAIM terdapat pula Pejabat Agama Islam Daerah-Daerah, iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin yang memainkan peranan membantu JAIM menjalankan pentadbiran hal ehwal agama Islam di peringkat daerah masing-masing.⁷

Sistem Pendidikan Islam di Melaka

Sistem pendidikan Islam di negeri Melaka seperti juga di negeri-negeri lain di Malaysia ditadbir oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan dan Pelajaran Jabatan Agama Islam Melaka dan pihak Swasta. Bagi memenuhi permintaan umat Islam yang semakin meningkat di negara ini Kementerian Pendidikan telah memperkukuhkan lagi sistem pendidikan agama Islam di *Sekolah-Sekolah Rendah*. Sementara itu di peringkat sekolah menengah pula Kementerian Pendidikan telah mewujudkan *Sekolah Kebangsaan*

⁵ Fauziah Abdullah, *Islam Di Melaka : Satu Penilaian Semula Dari Sudut Pembangunan Pentadbiran Hal Ehwal agama Islam*, Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, hlm. 58.

⁶ Sila lihat *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka)* Bil. 1 Tahun 1994 (pindaan tahun 1994), Seksyen 27.

⁷ Sila lihat kertaskerja "Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)", 2001, hlm. 14.

(Agama), iaitu sekolah yang menggabungkan pembelajaran mata pelajaran-mata pelajaran akademik dan agama. Di Melaka terdapat dua buah sekolah jenis ini iaitu *Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sultan Muhammad* dan *Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sharifah Rodziah*.⁸

Di samping itu Kerajaan Negeri Melaka di bawah Bahagian Pendidikan dan Pelajaran Jabatan Agama Islam Melaka telah mentadbir sekolah-sekolah dari peringkat tadika hinggalah ke sekolah menengah. Mengikut statistik JAIM pada tahun 2002 JAIM menguruskan 25 buah tadika, 150 buah Sekolah Rendah Agama (petang), enam buah Sekolah Rendah Arab, enam buah Sekolah Menengah Agama dan sebuah Maahad Tahfiz al-Quran. Konsep sekolah-sekolah agama di bawah JAIM ini untuk melaksanakan disiplin ilmu yang bersepadu (Naqli dan Aqli) yang berpaksikan wahyu dengan tujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mensyukuri nikmat-nikmat yang dianugerah Allah, beriman, berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.⁹ Di antara nama sekolah-sekolah tersebut yang terkenal ialah *Sekolah Rendah Arab Penu*, *Sekolah Rendah Arab Merlimau*, *Sekolah Menengah Agama Al-Ahmadi di Sungai Undang*, *Sekolah Menengah Agama Darul Falah di Kuala Sungai Baru* dan *Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Chenderah Jasin*.¹⁰

Perkembangan yang amat menarik dalam sistem pendidikan Islam di negeri Melaka ialah langkah Kerajaan Negeri Melaka menubuhkan Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM). KTIM yang pada asalnya dikenali dengan nama Kolej Islam Melaka (KIM) telah diasaskan pada tahun 1994 di bawah Enakmen Kolej Islam Melaka yang diluluskan oleh Dewan Undangan negeri Melaka. Pada tahun 2001, Kolej Islam Melaka telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dinamakan Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM). Kampus utama KTIM terletak di Kuala Sungai Baru dalam daerah Alor Gajah, sementara kampus cawangannya terletak di pantai Tanjung Kling dalam daerah Melaka Tengah. Pada masa ini KTIM adalah bertaraf swasta, milik penuh

⁸ Sila lihat kertaskerja "Pendidikan Islam di Melaka", JAIM, 2001, hlm. 17.

⁹ Sila lihat kertaskerja "Taklimat Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)" tahun 2003/1+24H, hlm. 17.

¹⁰ Kertaskerja "Pendidikan Islam di Melaka", JAIM, hlm. 23.



Kulliyah Al Dirasat Al Islamiyah Wal Arabiyah, Chenderah Jasin Melaka

Kerajaan Negeri Melaka dan mempunyai kompleks bangunannya yang baru di kampus utamanya di Kuala Sungai Baru yang bertaraf tinggi dan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang moden dan terkini.¹¹

Tujuan utama penubuhan KTIM ialah untuk memenuhi keperluan umat Islam khususnya di Melaka bagi mendapatkan pendidikan bersepadu, duniawi dan ukhrawi, iaitu pendidikan yang menggabungkan unsur-unsur keimanan, akademik, professional, sains dan teknologi bagi melahirkan golongan pelajar yang memiliki ciri-ciri taqwa dan mensyukuri nikmat Allah s.w.t. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1994 KTIM telah berjaya mengujudkan 11 program Diploma di bawah empat fakulti, iaitu Fakulti Pengajian Islam, Pengurusan Perniagaan, Kejururawatan dan Pengurusan Hospitaliti. Awal 2004 akan tertubuh Fakulti Sains dan Teknologi, telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KTIM di samping mengadakan kerjasama dengan universiti tempatan, juga mengadakan kerjasama dengan universiti luar negara seperti Universiti

¹¹ Risalah "Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM)", 2002.



Sekolah Rendah Agama Jaim Darul Hikmah Kampung Kandang Melaka

St. Martin, Lancaster, United Kingdom, Brunei Darulsalam dan beberapa universiti yang terkenal di Indonesia. Pada masa ini KTIM mempunyai kira-kira 1,863 pelajar dengan 65 orang tenaga penganjur yang berkelayakan dan berpengalaman. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh KTIM adalah berkualiti, diiktiraf oleh kerajaan dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) Kementerian Pendidikan Malaysia yang mampu memenuhi keperluan masyarakat dan negara dalam era teknologi maklumat serta globalisasi masa kini. KTIM juga mempunyai perancangan untuk menaikkan tarafnya sebagai Kolej Universiti Teknologi Islam Melaka (KUTKM) dalam tempoh lima tahun.¹²

Kegiatan-Kegiatan Dakwah Di Melaka

Pada keseluruhannya kegiatan-kegiatan dakwah di Negeri Melaka berjalan dengan pesatnya. Bahagian Dakwah di Jabatan Agama Islam di

¹² Temubual dengan Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusoff Hashim, Presiden Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM) pada 28 Oktober 2003.



Kompleks kampus utama Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM)
di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, Melaka

Negeri Melaka adalah merupakan agensi Kerajaan Negeri Melaka yang bertanggungjawab di dalam menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah. Di samping itu agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti JAKIM juga membantu di dalam kegiatan-kegiatan ini. Badan-badan dakwah (badan-badan sukarela Islam) juga memainkan peranan penting di dalam aktiviti-aktiviti dakwah ini. Tujuan utama Bahagian Dakwah di JAIM ditubuhkan ialah untuk memberi kesedaran dan kefahaman Islam sebenarnya sebagai *Ad-Din* serta mengeratkan lagi persaudaraan di kalangan umat Islam. Melalui kegiatan-kegiatan dakwah ini adalah diharapkan akan lahir masyarakat Islam yang bersatu padu, berilmu, progresif dan berketrampilan serta mampu menghadapi perkembangan dunia yang penuh mencabar.

Bahagian Dakwah JAIM ini telah banyak menyusun dan menjalankan aktiviti-aktiviti mingguan, bulanan dan tahunannya. Di antara program dakwah terpenting yang sering diadakan ialah : Majlis Tilawah al-Quran, Majlis Menghafaz al-Quran, Sambutan Hari Kebesaran Islam (seperti Maal Hijrah dan Maulidur Rasul), Kuliah Pengajian Agama, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Ceramah Agama, Sivik Ramadhan, Kursus Perkadiran Dakwah dan Kepimpinan Islam.



Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)

Kursus Pembangunan Pelajar, Remaja dan Pekerja Industri, Seminar Penghayatan dan Kesedaran Islam, Program Dakwah untuk Saudara-Saudara Baru dan Non-Muslim, Bacaan Yassin dan Muzakarah Ilmu Bersama Pemimpin dan Program Keluarga Bahagia-Rumahku Syurgaku (Baiti Jannati).¹³

Kegiatan-kegiatan dakwah seperti yang diuraikan di atas diselenggarakan oleh *Jawatankuasa Pembangunan Dakwah Negeri Melaka* yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Menteri Melaka dan diurusetikan oleh Bahagian Dakwah JAIM. Bidang tugas Jawatankuasa ini ialah merangka dan memantau pelaksanaan semua aktiviti Dakwah Islam di Negeri Melaka seperti yang diterangkan di atas. Pembiayaan program-program dakwah ini diperolehi daripada peruntukan kerajaan negeri, Baitul Mal dan lain-lain. Bagi membolehkan orang ramai terlibat dengan program ini dan seterusnya untuk mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t. kerajaan negeri telah menubuhkan **Tabung Amanah Dakwah Negeri Melaka** pada 5 Mei

¹³ Sila lihat kertaskerja "Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Bahagian Dakwah," JAIM, 2001, hlm. 14-16.

2000. Sambutan orang ramai bagi menghulurkan sumbangan ikhlas kepada Tabung ini adalah menggalakkan. Tabung ini berfungsi bukan sahaja bagi membiayai program-program dakwah di atas, tetapi juga membantu institusi-institusi agama seperti masjid, madrasah, sekolah agama, Rumah Anak Yatim dan lain-lain.¹⁴

Masjid-Masjid dan Madrasah-Madrasah

Masjid dan madrasah (surau) adalah merupakan institusi agama yang terpenting di dalam Islam. Perkara pertama yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. setelah berhijrah ke Kota Madinah pada tahun 622M ialah membina *Masjid Quba'* dan ini adalah masjid pertama dalam sejarah Islam. Peranan masjid di dalam Islam amatlah besar, bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga adalah tempat pendidikan dan musyawarah.¹⁵

Masjid pertama yang dibina di Melaka ialah pada tahun 1414 oleh Parameswara, pemerintah Melaka yang pertama setelah baginda memeluk agama Islam dan bergelar Megat Iskandar Syah. Dalam zaman keagungan Empayar Melayu (Islam) Melaka (1400-1511) banyak masjid yang indah dan besar telah dibina, terutamanya di kota Melaka. Dalam zaman pemerintahan Portugis (1511-1641M) banyak masjid di kota Melaka telah dimusnahkan oleh Portugis dan batu-bata dari binaan masjid itu telah dijadikan sebahagian dari bahan binaan kota Santiago (yang sering disebut kota "A Famosa"). Perbuatan Portugis memusnahkan masjid-masjid ini ialah sebagai lanjutan gerakan pemusnahan umat Islam di Sepanyol setelah mereka dikalahkan pada tahun 1492M. Dalam zaman Belanda (1644-1795M) kebebasan beragama lebih terbuka daripada Portugis. Pada masa itu banyak masjid-masjid telah dibina dan sebahagiannya masih terdapat hingga sekarang. Kebebasan beragama lebih terbuka lagi dalam zaman British (1795-1957), dan dalam masa ini hingga zaman merdeka lebih banyak lagi masjid-masjid telah dibina di Melaka dan di seluruh Malaysia.¹⁶

¹⁴ *Ibid.*, 4

¹⁵ Mohd. Jamil Mukmin, *Sejarah Perkembangan Islam*, op.cit., hlm. 45.

¹⁶ Sila lihat kertaskerja "Pendidikan Islam di Melaka," op.cit., hlm. 1-5.



Universiti Multimedia (MMU), Melaka

Mengikut statistik JAIM pada tahun 2002 negeri Melaka mempunyai 826 masjid dan madrasah (surau), iaitu 174 masjid dan 652 madrasah (surau). Masjid-masjid dan madrasah-madrasah itu diletak di bawah pentadbiran Bahagian Dakwah JAIM. Setiap masjid dan surau mempunyai satu Jawatankuasa Masjid yang bertanggungjawab di dalam menyelaraskan pengurusannya mengikut Qariah masing-masing. Di samping itu, masjid juga mempunyai pegawai-pegawai syaraknya sendiri yang bertugas sepenuh masa. Mereka terdiri daripada seorang Imam (I), Imam (II), Khatib, Bilal, Noja, pengurus jenazah wanita dan mungkim (Siak). Pada keseluruhannya terdapat sejumlah 820 pegawai-pegawai syarak di seluruh negeri Melaka. Di samping itu, terdapat pula seramai 117 guru takmir masjid di negeri ini. Mereka berperanan mengajar perkara asas agama seperti Fardhu 'Ain, membaca Al-Quran dan lain-lain kepada penduduk-penduduk Qariah yang berkaitan.¹⁷

Di negeri Melaka, terdapat banyak masjid yang mempunyai rekabentuk yang indah dan unik, dan diantaranya ialah Masjid

¹⁷ Sila lihat kertas "Taklimat Jabatan Agama Islam Melaka," op.cit., hlm. 13.



Kolej Yayasan Melaka



Universiti Teknologi Mara (UiTM), Melaka

Al-Azim dan Masjid-Masjid Bersejarah (Masjid-Masjid lama). Masjid Al-Azim yang ada sekarang ini adalah merupakan Masjid Negeri iaitu fasa (I) Kompleks Al-Azim. Masjid ini mula dibina pada tahun 1984 dan telah siap serta digunakan pada tahun 1990. Masjid ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap dan moden. Rekabentuk Masjid Al-Azim ini mengambil kira aspek seni bina Islam sejagat dan masjid lama Melaka. Ruang Masjid Al-Azim ini meliputi dewan solat yang boleh memuatkan kira-kira 11,700 jemaah dalam satu-satu masa, bilik mesyuarat, bangunan perpustakaan, auditorium, dataran Al-Azim, sebuah kafetaria dan sebagainya. Kompleks al-azim fasa (II) adalah dikenali sebagai "Kota Al-Azim" yang di dalam perancangannya merupakan kompleks bangunan yang berkonsepkan estetika seni bina Islam yang diadun bersama dengan seni bina tradisional Melaka dan moden. Kota Al-Azim ini akan menempatkan bangunan pejabat, pasaraya (pusat membeli-belah), hotel, pusat perubatan dan lain-lain yang akan dibina secara bersepadu dan diuruskan mengikut syariah.¹⁸

Di samping Masjid Al-Azim, negeri Melaka juga terkenal kerana mempunyai Masjid-Masjid Bersejarah (Masjid-Masjid Lama) dan di antaranya ialah Masjid Peringgit, Tengker, Kampung Hulu, Kampung Keling dan Serkam. Masjid-Masjid Bersejarah ini telah direnovasi dan dipagar oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara (JMA) dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Masjid Peringgit merupakan masjid tertua sekali. Didirikan dalam zaman Melaka ketika dikuasai oleh Portugis. Apabila Portugis mula menguasai Melaka orang-orang Melayu telah berpindah dari Bandar Melaka ke kampung Peringgit dan kemudiannya telah mendirikan Masjid Peringgit pada tahun 1720M. Kemudiannya apabila Melaka jatuh ke tangan Belanda sebahagian daripada mereka telah berpindah semula ke Bandar Melaka. Masjid Peringgit telah banyak kali diperbaiki, diantaranya ialah pada tahun 1954 dan 2002.¹⁹

Masjid Tengker adalah masjid kedua yang disenaraikan sebagai masjid bersejarah dan tertua di negeri Melaka dalam zaman Belanda pada tahun 1728M. Berhampiran dengan bangunan masjid ini terdapat makam Sultan Husin Shah, Sultan Johor yang menyerahkan Singapura

¹⁸ Kertaskerja "Masjid-Masjid di Negeri Melaka," JAIM, 2001, hlm. 1.

¹⁹ Ibid., hlm. 5-6

kepada Syarikat India Timur Inggeris pada tahun 1819M. Rekabentuk masjid ini mempunyai beberapa persamaan dengan Majlis Kampung Laut di Kelantan dan Masjid Demak di Tanah Jawa, Indonesia. Masjid ini telah beberapa kali diperbaiki iaitu pada tahun 1890, 1910 dan 2000. **Masjid Kampung Hulu** pula dibina pada tahun 1728M iaitu dalam zaman pemerintahan Belanda oleh Datuk Shamsuddin di atas tanah yang diwakafkannya. Dalam kawasan masjid ini terdapat makam Sayyid Abdullah Al-Hadad seorang ulama yang dianggap sebagai "Waliullah" dalam zaman Munsyi Abdullah. Masjid ini telah diperbarui beberapa kali termasuklah oleh Wazir Al-Sheikh Omar bin Hussain Al-Attas dan oleh kerajaan.²⁰

Tidak jauh dari Masjid Kampung Hulu terdapat **Masjid Kampung Keling** yang dibina pada tahun 1748M. Masjid ini telah diubahsuai beberapa kali oleh orang ramai dan kerajaan, namun struktur bangunan asalnya tetap dijaga. Satu lagi masjid yang bersejarah ialah **Masjid Serkam** yang terletak di Kampung Serkam dalam daerah Jasin. Masjid ini dibina pada tahun 1853 oleh orang ramai. Rekabentuk masjid ini adalah indah dan unik, seperti mempunyai mimbar yang halus ukirannya yang berusia 140 tahun, ukiran tulisan pintu masuk ke masjid yang indah, dan juga mempunyai menara masjid yang unik dan agak berbeza dengan menara masjid-masjid lama di Melaka.²¹

Perkembangan Institusi-Institusi Ekonomi Islam

Institusi-institusi ekonomi Islam telah berkembang dengan pesatnya di negeri Melaka sama seperti di negeri-negeri lain di Malaysia. Institusi pengurusan zakat yang merupakan institusi terpenting dan terkandung di dalam Rukun Islam telah banyak dikemaskini dan diselaraskan. Pengurusan zakat di negeri Melaka pada mulanya diletakkan dibawah pengurusan Baitulmal yang berpusat di bangunan lama MAIM di Jalan Pasar Baru, Melaka. Pada tahun 1993 pengurusan zakat ini diletakkan di bawah satu institusi baru yang dinamakan Kaunter Zakat Berkomputer (KZB) dengan mempunyai lima (5) cawangan di Graha Maju, Jasin, Masjid Tanah, Alor Gajah dan Merlimau. Pada tahun 1996

²⁰ *Ibid.*, hlm. 6-7.

²¹ *Ibid.*, hlm. 6.

nama KZB telah ditukar kepada Pusat Zakat Melaka (PZM) untuk memberi imej yang baru dan bagi menjalankan pengurusan zakat secara professional dan sistematik dengan menggunakan sistem perkomputeran. Pusat pentadbiran PZM juga telah dipindahkan ke tempat yang lebih selesa iaitu di Bangunan Yayasan Melaka.²²

Objektif utama PZM ialah untuk mendorong dan menggerakkan masyarakat Islam di negeri Melaka supaya menunaikan tanggungjawab dan penyempurnaan kewajipan berzakat. PZM juga bertujuan untuk membangun dan memajukan ekonomi asnaf-asnaf zakat melalui program-program yang berdaya maju dan melalui konsep sendiri. Dengan adanya sistem pengurusan zakat yang professional dan cekap ini telah mempertingkatkan lagi kutipan zakat, memberi keyakinan kepada pembayar zakat, dan seterusnya mengagihkan secara baik kutipan zakat itu kepada golongan yang berhak. Prestasi kutipan zakat melalui PZM amatlah memberansangkan. Ini dapat ditunjukkan melalui statistik kutipan zakat di mana pada tahun 1990 berjumlah RM 1.5 juta telah meningkat kepada RM 12 juta pada tahun 2001. Sementara pengagihan zakat mengikut lapan asnaf telah dapat dilakukan dengan sempurna. Pada tahun 1990 sejumlah RM 736, 369 telah diagihkan dan jumlah ini telah meningkat kepada RM 7.7 juta dalam tahun 2001. Sistem pengagihan zakat ini yang dilaksanakan oleh MAIM sekarang lebih menekankan kepada pemberian berbentuk projek-projek yang dapat membangunkan ekonomi dan sahsiah diri penerima selain daripada pengagihan dalam bentuk bantuan makanan, persekolahan, Hari Raya dan sebagainya.²³

Sambutan umat Islam di Malaysia terhadap **Tabung Haji** yang ditubuhkan pada tahun 1969 begitu menggalakkan turut dirasai oleh umat Islam di Melaka. Pada umumnya penubuhan Tabung Haji ialah untuk menguruskan keperluan umat Islam menunaikan fardhu haji, salah satu dari Rukun Islam, dan untuk membantu memperkukuhkan ekonomi umat Islam mengikut syariah. Di Melaka terdapat enam cawangan Tabung Haji iaitu dua di bandaraya Melaka, tiap-tiap satu di pekan Masjid Tanah, Jasin, Alor Gajah dan Merlimau. Pada keseluruhannya sambutan orang-orang Islam di Melaka terhadap Tabung Haji ini adalah amat baik.

²² Kertaskerja "Pusat Zakat Melaka (PZM)," hlm. 2-3.

²³ *Ibid.*, hlm. 4-8.



TYT Yang Dipertua Negeri melaka Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj dan Ketua Menteri Melaka Y.A.B Datuk Seri Hj. Mohd Ali Mohd Rustam di Perarakan Sambutan Maulidur Rasul

Di samping itu **Bank Islam** yang ditubuhkan negara ini pada tahun 1983 juga telah berkembang dengan pesat di negeri Melaka dengan mempunyai lima cawangan, dua di bandaraya Melaka dan sebuah di bandar Alor Gajah, Jasin dan Masjid Tanah. Bank Islam telah menjalankan aktiviti-aktivitinya mengikut syariah. Dengan penubuhan bank ini rakyat Melaka termasuk yang bukan Islam mempunyai dua pilihan, iaitu Bank Islam dan Bank Konvensional. Bank Islam ini telah menawarkan pelbagai jenis produk mengikut syariah yang setanding dengan bank konvensional.²⁴ Lantaran kejayaan Bank Islam ini, pihak kerajaan telah menubuhkan *Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)* pada tahun 1993 yang bertujuan bagi membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan produk-produk dan kemudahan kewangan mengikut syariah. Pada masa ini hampir semua institusi kewangan konvensional di Melaka menawarkan SPTF. Kemudian pada tahun 1999 kerajaan telah menubuhkan satu lagi bank yang berlandaskan syariah yang dinamakan **Bank Muamalat**. Bank ini mengambilalih urusniaga SPTF yang selama ini dijalankan oleh Bank Bumiputera Commerce Berhad. Di Melaka terdapat sebuah cawangan Bank Muamalat iaitu di Jalan Semabok, Melaka. Di samping itu **Bank Rakyat** telahpun menawarkan kemudahan kewangan mengikut syariah pada tahun 1993. Di Melaka terdapat tiga cawangan Bank Rakyat iaitu di bandaraya Melaka, Masjid Tanah dan Jasin.

Satu lagi sistem kewangan Islam yang bertujuan untuk memenuhi kredit kecil dan jangka pendek bagi orang-orang Melayu yang berpendapatan rendah yang dinamakan **ar-Rahn** telah ditubuhkan. Institusi ini yang sebenarnya ialah pajak gadai secara Islam, sebagai alternatif kepada institusi pajak gadai konvensional yang sememangnya bertentangan dengan syariah bukan sahaja kerana mengenakan riba, tetapi kerana menindas mereka-mereka yang terdesak untuk mendapatkan pinjaman. Skim ini telah dikendalikan oleh Bank Rakyat dan telah mendapat sambutan yang memuaskan di seluruh negara bukan sahaja daripada orang-orang Islam tetapi juga orang-orang bukan Islam. Di Melaka skim ar-Rahn ini telah dikendali

²⁴ Nor Mohamed Yakcob, *Teori Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., Kuala Lumpur., 1996, hlm. 52-53.

oleh Bank Rakyat cawangan bandaraya Melaka dan telah mendapat sambutan yang memberansangkan daripada orang ramai.²⁶

Satu lagi sistem kewangan Islam yang sedang berkembang dengan pesatnya di negara ini ialah insurans yang diuruskan secara Islam yang dinamakan **Takaful**. Bagi mengendalikan sistem insurans mengikut syariah ini kerajaan telah menubuhkan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STM) dan telah memulakan operasinya dalam tahun 1985. Penubuhan STM ini adalah bertujuan untuk menyediakan perlindungan daripada malapetaka dan bencana, khasnya kepada masyarakat Islam dengan menggunakan mekanisme yang selaras dengan syariah. Semenjak ditubuhkan Takaful telah menawarkan pelbagai jenis produk insurans secara syariah yang setanding dengan insurans konvensional. Di Melaka terdapat empat cawangan Takaful, dua di bandaraya Melaka, dan tiap-tiap satu di pekan Jasin dan Masjid Tanah. Pada keseluruhannya, sambutan terhadap Takaful ini daripada orang ramai termasuklah orang-orang bukan Islam adalah menggalakkan.²⁷

Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam

Idea bagi mengadakan Konvesnyen Dunia Melayu Dunia Islam (KDMDI) ini adalah dicetuskan oleh Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd Rustam setelah beliau menjadi Ketua Menteri Melaka pada tahun 1999. KDMDI ini yang pertama telah diadakan pada Oktober 2000 di Melaka. Tujuan utama gagasan ini diadakan ialah untuk menyatupadukan masyarakat Melayu dan Islam di seluruh Dunia yang dianggarkan berjumlah 300 juta orang. Ini adalah meliputi masyarakat Melayu Islam di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Filipina, Thailand, Singapura, Cambodia, Sri Lanka, Madagascar, Afrika Selatan, Australia, England, Amerika Syarikat dan lain-lain. Di samping itu KDMDI ini adalah juga memberi ruang kepada pemimpin-pemimpin dunia Melayu dunia Islam membincangkan kepentingan bersama meliputi semua bidang hidup seperti agama, ekonomi, pendidikan, seni-budaya, sains dan teknologi. Gagasan ini juga adalah untuk mengembalikan kegemilangan Empayar Melayu Melaka dalam abad ke 15 dan awal ke 16 yang terkenal sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam di

²⁶ *Ibid.*, hlm. 55-57.

²⁷ Nur Mohamed Yakcob, *op.cit.*, hlm. 116.



Muzium Islam Melaka



Rumah Melayu Melaka mengikut rekabentuk tradisional

Timur dan Barat. KDMDI ini adalah juga sebagai pemangkin kepada hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai negeri maju pada tahun 2010.²⁸

Setakat ini Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya menganjurkan empat konvensyen di Melaka iaitu pada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003. Di samping itu, lima lokakarya (bengkel) telah juga diadakan iaitu di Palembang, Sumatera Selatan pada tahun 2001 dan di Medan, Sumatera Utara pada tahun 2002, sementara pada tahun 2003 tiga lokakarya telah diadakan iaitu di Kemoja, Sri Lanka dan Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Semasa konvensyen dan lokakarya ini diadakan berbagai deklarasi dan resolusi telah digubal. Berikutan dengan ini satu *Pelan Induk Pelaksanaan Program-Program DMDI* telah berjaya diwujudkan.

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia sekarang (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) telah merasmikan Konvensyen Kedua pada tahun 2001, sementara Tun Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia Keempat telah merasmikan konvensyen ketiga pada tahun 2002.

Pada peringkat awal iaitu dalam tahun 2000 KDMDI ini telah dikendalikan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Melaka. Kemudian berikutan dari resolusi KDMDI ketiga pada 3-5 Oktober 2002 Kerajaan Negeri Melaka telah menubuhkan satu agensi yang berasingan yang dinamakan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (SDMDI) pada 1 Mac 2003 yang beribupejabat di No. 28, Bukit Peringgit, 75400 Melaka dengan tujuan supaya program-program DMDI ini dapat dilaksanakan dengan lebih fokus dan berkesan lagi. SDMDI telah menubuhkan lapan biro bagi melaksanakan Pelan Tindakan Program-Program DMDI ini. Biro-Biro tersebut ialah Biro Ekonomi, Pelancongan, Pendidikan, Sosio-Budaya, Dakwah, Belia, Wanita dan Teknologi Maklumat (ICT).²⁹

Setakat hari ini banyak program-program telah dilaksanakan dan di antara yang terpenting ialah:³⁰

²⁸ Laporan Tahunan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (SDMDI), Ibu Pejabat DMDI, Melaka, 2003, hlm. 3-4.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 10-20.

³⁰ Ucapan Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka di Majlis Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke 4 pada 6 Oktober 2003 di Melaka International Trade Center (MITC).

1. Menubuhkan Sekretariat Khas dan berpusat di Melaka yang melaksana dan memantau segala projek yang dirancang ketika penganjuran konvensyen dan lokakarya Dunia Melayu Dunia Islam. Di samping itu Sekretariat di peringkat propinsi-propinsi dan negara-negara lain juga dalam proses penubuhan.
2. Kerajaan Negeri Melaka telah mengadakan promosi perdagangan dan juga pelancongan di Riau, Sumatera Barat, Sumatera Selatan, Sumatera Utara, Jambi, Aceh, Lampung, Bangka Belitung dan Bangka Hulu.
3. Menggalakkan lagi perhubungan perdagangan dan juga pelancongan yang sedia ada antara Melaka dan juga probinsi-probinsi di Sumatera.
4. Mengadakan Pesta Gendang Nusantara yang diadakan pada tiap-tiap tahun pada bulan April sempena sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah.
5. Di samping itu pihak belia atau pemuda juga telah mengadakan pertemuan-pertemuan, kursus Teknologi Maklumat, Kembara Rumpun Melayu ke Singapura, Riau dan Sumatera Utara berkayak merentasi Selat Melaka dari Tanjung Pantai Puteri Melaka ke Dumai Sumatera.
6. Pihak kumpulan wanita telah menganjurkan Seminar Wanita, mengadakan hubungan perdagangan, lawatan sambil belajar ke Singapura, Kemboja, Sri Lanka, Bangkok, Bukit Tinggi dan Medan.
7. Penubuhan Institut Teknologi Dunia Melayu Dunia Islam kampus Kemboja. Kampus ini telah memulakan kursus pertamanya iaitu kursus kelas agama fardhu ain dan keusahawanan pada September 2003. Kampus Cawangan Institut Teknologi ini akan ditubuhkan di seluruh dunia Melayu dunia Islam yang memerlukannya. Selain dari kursus-kursus bercorak keagamaan dan keusahawanan, kursus-kursus ekonomi, pendidikan, teknologi maklumat dan Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab turut diadakan.



Lembaga Tabung Hajj, Melaka



Bank Rakyat Melaka
(diuruskan secara syariah dan mensyariatkan Pajak Gada Islam)



Bank Muamalat Negeri Melaka

8. Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam juga telah memulakan proses skim pinjaman 'micro-credit' kepada pemuda-pemudi Kemboja untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan di Kemboja. Skim pinjaman ini dibiayai oleh *World Youth Foundation (WYF)*.
9. Mengadakan kerjasama di antara syarikat-syarikat Sri Lanka dengan syarikat-syarikat di Melaka dalam berbagai bidang perdagangan, industri dan ICT. Sebagai permulaan, sebuah syarikat ICT dari Sri Lanka telah mengadakan kerjasama dengan syarikat di Melaka dalam membangunkan beberapa produk untuk Kerajaan Negeri Melaka.
10. Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam akan menghantar pelajar untuk mengikuti kursus perubatan di Universiti Srivijaya. Selepas ini lebih ramai lagi penuntut Melaka akan dihantar untuk mengikuti kursus perubatan dan lain-lain subjek di Indonesia.
11. Pada bulan Mei 2003, penerbangan pertama Berjaya Air telah dibuat menghubungkan Melaka dengan Padang di Sumatera Barat.

Pada bulan Jun 2003, Syarikat Penerbangan Riau Air telah memulakan penerbangan dari Melaka ke Pekan Baru, Riau. Ini adalah tambahan kepada Penerbangan Merpati Air yang memberikan perkhidmatan Melaka-Pekan Baru, Riau. Dengan adanya penerbangan yang kerap terus dari Melaka, maka akan lebih cergaslah aktiviti perdagangan dan pelancongan di antara Melaka dan Sumatera khususnya dan di antara Malaysia dan Indonesia amnya.

12. Mesyuarat kerjasama segitiga pertumbuhan ekonomi di antara Indonesia-Malaysia-Singapura (IMSGT) yang diadakan pada 29 Jun 2003 di Melaka telah bersetuju menjadikan Melaka sebagai sekretariat kerjasama tersebut. Kawasan IMSGT meliputi negeri-negeri di Selatan Semenanjung Malaysia, Propinsi-Propinsi di Sumatera dan Kalimantan serta Singapura. Sekretariat ini berperanan mengadakan kerjasama ekonomi wilayah dalam berbagai-bagai aspek.

Kesimpulannya

Pada keseluruhannya perkembangan kemajuan Islam di Melaka semenjak negara mencapai kemerdekaan hinggalah masa kini telah berjalan begitu pesat dan cemerlang. Ini kerana negeri Melaka seperti yang dihuraikan di atas mempunyai Pelan Induk Pembangunan Islam jangka panjang yang komprehensif selaras dengan kehendak-kehendak Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Pelan induk ini adalah bersepadu merangkumi semua aspek hidup duniawi dan ukhrawi sebagaimana yang dituntut oleh Islam, iaitu aspek-aspek fardhu 'ain, pendidikan, ekonomi, sosio-budaya, teknologi maklumat, sains dan teknologi. Negeri Melaka pada masa ini di bawah kepimpinan Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam telah memberi keutamaan yang tertinggi di dalam pembangunan Islam. Sementara itu pemimpin-pemimpin yang lain seperti wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin badan-badan sukarela Islam dan rakyat negeri ini juga mempunyai komitmen yang tinggi di dalam merealisasikan perancangan-perancangan pembangunan yang tersebut. Insya-Allah dengan usaha-usaha yang gigih dan murni ini matlamat untuk mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai pusat tamadun Islam mengikut pendekatan terkini bukan sahaja di Malaysia tetapi juga diperingkat dunia akan tercapai.



Masjid Al-Alamy, MITC, Ayer Keroh, Melaka
siap dibina pada tahun 2003



Pusat Perdagangan Antarabangsa, Melaka (MITC)
siap dibina pada tahun 2003



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia
merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke-2
pada 18 Oktober 2001 di Melaka

BIBLIOGRAFI PILIHAN

BUKU-BUKU

- Ahmad Amin, *Islam Sepanjang Zaman*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
- _____, *Fajar Islam*, Bulan Bintang, Jakarta, 1968.
- Arnold, T.W., *The Reading Of Islam*, Sh.M. Asyraf, Lahore, 1975.
- Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*, AL-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, Petaling Jaya, 1990.
- _____, *Islam di India Nusantara dan China*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989.
- _____, *Sejarah Pemikiran Islam*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., (Cetakan Kedua) Damansara Utama, Selangor, 1984.
- Auni Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1991.
- Abdullah Jusuh, *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
- Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaysia*, Malaysian Sociological Research Institute, Kuala Lumpur, 1965.
- _____, *The Position of Islam in the Constitution of Malaysia, Its Development 1957-1977*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978.
- Ahmad Shalaby, *Sejarah dan Kebudayaan Islam (1) dan (2)*, Pustaka Nasional, Kuala Lumpur, 1970 dan 1975.
- _____, *Dasar-dasar Pemerintahan Islam*, Pustaka Nasional, Kuala Lumpur, 1975.
- A. Hasyimy, *Sejarah Masuk dan Perkembangan Islam di Indonesia*, Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh (Cetakan Kedua), 1981.
- _____, *Iskandar Musa Mahkota Alam*, Bulan Bintang, Jakarta, 1975.
- _____, *Peranan Islam Dalam Perang Aceh*, Bulan Bintang, Jakarta, 1976.
- Al-Atas, Syed Muhammad Naquib, *Preliminary Statement on the*

- General Theory of Islamisation of the Malaya and Indonesia Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969.
- _____. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.
- Barian Harrison, *Asia Tenggara Suatu Sejarah Rengkas* (terjemahan), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.
- Buyong Adil, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
- _____. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
- Broomhall, Manshall, *Islam in China*, Paragon Books, New York, 1966.
- Banghara, A., *Patani Dahulu dan Sekarang*, Patani, 1975.
- Chand, Tara, A. *Short History of Indian People*, London; Macmillan, 1953.
- Crawford, J., *History of Indian Archipelago*, Edinburg, 1820.
- Cady, J.F., *Southeast Asia, Its Historical Development*, Mc Graw-Hill, New Delhi, 1976.
- De Josselin De Jong, P.E. *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
- Ezzati, A., *An Introduction to the History of the Spread of Islam*, Luda Press, London, 1978.
- Fatimi, S.Q., *Islam Comes to Malaysia*, MSRI, Singapore, 1963.
- Gibb H.A.R. dan Kramens, H.H. (eds), *Shorter Encyclopaedia of Islam*, FJ, Brill, Leiden, 1953.
- Haji Dasuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.
- Hall, D.E.G., *History of South East Asia*, Macmillan, London, 1964.
- HAMKA, *Sejarah Umat Islam* (Jilid-I-IV) N.V. Nusantara, Bukit Tinggi, Djakarta, 1961.
- Hitti, P.K., *History of Arab*, 6th edition, Macmillan, London, 1956.
- Ismail Hamid, *Peradapan Melayu dan Islam*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1985.
- _____. *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, Heinmann (Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1986.
- Ismail Jakub, *Sejarah Islam Indonesia*, Penerbit Widjaya, Jakarta, 1972.
- Ibnu Battutah, *Travels in Asia and Africa 1325-54* (terjemahan H.A.R. Gibb), Routledge and Kegan Paul, London, 1929.
- Ismail Ambia dan Ismail Hussein, *Bendahara-Bendahara Melaka dan*

- Hulubalang-Hulubalang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.
- Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, The Haque, 1973.
- Majul, C.A., *Muslims in the Philippines*, Quezon, 1973.
- M.A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam*, Oxford University Press, London, 1979.
- Mohd. Salleh Abbas, *Prinsip-Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
- Muhammad Yusof Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
- _____, *Persejarah Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.
- Muhammad Uthman El-Muhammady, *Memahami Islam*, Pustaka Aman, 1978.
- M. Said, *Atjeh Sepanjang Abad*, Medan 1961.
- Ricard, D.S., *Islam and the Trade of Asia*, Pennsylvania, 1970.
- Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, Fajar Bakti, 1978.
- S.F. Mahmud, *A Short History of Islam*, Luzac and Company, London, 1934.
- Zainal Ariffin Abbas, *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad (Jilid 1-3)*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1968.

ARTIKEL DAN LAPURAN

- Abu Hassan Mohd. Adam, *Pengaruh Islam di Dalam Undang-Undang Melayu Lama*, Sejarah, Jurnal Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya Jil. 6, 1972.
- _____, *Adakah Hukum Kanun Melaka Mempengaruhi Undang-Undang Melayu Lama*, Dewan Bahasa, April, 1973.
- Abu Hassan Sham, *Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka Sebagai Warisan Persuratan Melayu Lama*, 1984.
- Ismail Hamid, *Sumbangan Islam Terhadap Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Persuratan Melayu*, Dewan Bahasa, Julai, 1984.
- Yahaya Abu Bakar, *Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya*, Dokumentasi Seminar Sejarah Melaka, Penerbitan Kerajaan Melaka, 1983.

———. *Melaka Sebagai Pusat Islam abad ke-15*, Sari, Jurnal, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Jil. 1, No. 1, Januari 1983.

Laporan Pelan Induk Majlis Agama Islam Melaka 1993 dan 2002.

Laporan-laporan daripada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), 2002